

Bil. 23

**Rabu
2 Mei 2001**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1): <ul style="list-style-type: none">• Banjir Kilat di Kuala Lumpur – <i>Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i>	(Halaman 13)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3): <ul style="list-style-type: none">• Banjir Kilat di Kuala Lumpur – <i>Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun</i>	(Halaman 75)
USUL: <ul style="list-style-type: none">– Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)	(Halaman 14)
<ul style="list-style-type: none">– Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 58)

Mac 2001

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- " Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- " Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- " Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- " Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- " Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)

- Yang Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)

Yang Berhormat Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)

- Yang Berhormat Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)

- Yang Berhormat Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- " Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- " Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- " Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- " Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- " Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- " Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- " Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- " Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- " Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- " Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- " Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- " Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- " Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- " Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- " Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- " Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- " Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- " Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- " Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- " Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- " Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- " Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- " Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- " Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia.
- " Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Rabu, 2 Mei 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan angkatan tentera sejajar dengan perkembangan dunia globalisasi serta penggunaan ICT di dalam peperangan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah sentiasa diberi perhatian yang berterusan oleh Kementerian Pertahanan.

Seiring dengan usaha tersebut, kementerian ini telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk memodenkan angkatan kita sejajar dengan era globalisasi dan perkembangan penggunaan ICT dalam peperangan.

Langkah ini diambil untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan di ATM kepada tahap yang tinggi bagi menghadapi sebarang ancaman dan cabaran. Salah satu langkah yang sedang diusahakan ialah menjadikan kementerian dan ATM sebagai, dengan izin, learning organisation untuk meningkatkan tahap ilmu pengetahuan dan profesionalisme secara total kepada warga tentera seimbang dengan ledakan teknologi ICT masa kini.

Untuk itu, Kementerian Pertahanan sedang menuju kepada k-Kementah atau knowledge based Kementah untuk mencapai wawasan ini, program latihan dan latihan semula yang berterusan akan disusun untuk menjamin tenaga kerja yang celek dalam penggunaan ICT.

Pusat-pusat latihan ketenteraan bagi ATM akan diperlengkapkan dengan peralatan kemudahan ICT untuk meningkatkan tahap pembelajaran warga tentera. Untuk jangka panjang, kementerian ini sedang menyediakan satu pelan induk ICT bagi ARM. Pelan ini akan menentukan arah tuju pembangunan dan penggunaan ICT bagi keseluruhan kementerian dan ATM.

Bagi menghadapi ancaman peperangan cyber, kementerian telah memohon kepada agensi pusat untuk menubuhkan satu cawangan peperangan cyber di markas angkatan tentera. Cawangan ini akan bertanggungjawab dalam pembangunan, pengawasan dan penggunaan maklumat untuk menghadapi ancaman peperangan cyber dalam aspek pertahanan negara. ATM juga sedang merancang untuk menubuhkan satu pusat latihan peperangan elektronik bagi menyediakan, dengan izin, state of the art training kepada warga ATM supaya dapat menghasilkan pakar peperangan elektronik yang berkemahiran tinggi.

Saya berharap dengan usaha-usaha yang disebutkan di atas, ATM dapat bersedia dan melengkapkan keupayaan untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam era globalisasi dan penggunaan ICT di dalam peperangan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih dan syabas kepada Kementerian Pertahanan dari segi apa yang telah dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini, oleh Dato' Timbalan Menteri bahawa penekanan kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan dalam komponen ICT.

Saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua, dalam pembelian aset kepada anggota tentera kita, kita difahamkan banyak tinggi komponen ICT dalam aset-aset yang diperolehi, tetapi ada keluhan sedikit atau kebimbangan dari segi perolehan aset-

aset ini komponen ICT itu tinggi di minta tahap yang dispesifikasikan, namun demikian kadang-kadang dari segi komponen tempatan, peranan industri ICT tempatan dalam aset-aset yang diperolehi oleh tentera ini, kadang-kadang tidak memberikan satu kaedah tempatan masa industri ICT tempatan dapat mengambil penyertaan, yang kedua juga kadang-kadang kurang sokongan, dukungan dari segi pembekal-pembekal alat-alat aset-aset tentera ini di mana mereka tidak begitu senang kalau kerajaan dalam spesifikasi mereka meminta supaya local component ICT ini dipertingkatkan.

Kebimbangan ini kita lahirkan kerana kadang-kadang kita dengar dari segi penyelenggaraan tidak dapat penyertaan tempatan. Yang kedua, dari segi isu-isu upgrades juga tidak ada kurang penekanan kepada penggunaan ICT. Minta pandangan Dato' Timbalan Menteri dalam perkara ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Rompin, mengenai dengan local participation, dengan izin, tentang melengkapkan prasarana software dalam penyediaan peralatan-peralatan ini. Walaupun demikian, pihak kementerian mengenal pasti tentang loophole, dengan izin, tentang perkara ini, maka kita mengadakan beberapa perbincangan dengan industri tempatan, bagaimana untuk membangkitkan agar pengusaha tempatan yang terlibat dalam bidang ini akan dapat mempertingkatkan keperluan yang begitu tinggi daripada untuk mempertahankan negara agar kementerian ini dapat dilengkapi dengan peralatan-peralatan bukan hanya dilengkapi dengan peralatan yang kita amat perlukan supaya kita tidak dapat bergantung kepada pengeluar daripada import dan di samping itu dapat kita mengurangkan perbelanjaan negara dan juga foreign exchange, dengan izin, maka kita berharap sangat agar ada pertumbuhan industri tempatan dalam bidang teknologi yang terkini.

Dalam pada itu, kita sering menekankan kepada industri tempatan dan kita menggalakkan agar bukan hanya pertumbuhan industri tempatan bahkan juga exhibition, dengan izin, pameran dan di peringkat antarabangsa penglibatan supaya didedahkan pengusaha-pengusaha tempatan ini dapat mempertingkatkan kebolehan dan kemahiran mereka setanding dengan syarikat-syarikat di peringkat antarabangsa.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Timbalan Menteri Pertahanan atas pengesahan tadi. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah diperhatikan bahawa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mulai memperolehi peralatan-peralatan yang canggih terutama sekali Tentera Laut dan Tentera Udara. Peralatan tersebut sudah tentu memerlukan juruteknik dan jurutera yang berkemahiran tinggi serta pengendali-pengendali sistem atau system operator, dengan izin, dan juga berkemahiran tinggi.

Mereka ini sudah tentu akan ditawarkan dengan gaji dan elaun yang lumayan oleh pihak swasta. Dengan penghijrahan mereka ke swasta dari tentera, sudah tentu akan merugikan angkatan tentera dan akan melemahkan kemampuan pertahanan negara dalam pengendalian peralatan-peralatan yang canggih dan berteknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, adakah Kementerian Pertahanan mengambil kira akan keadaan ini dan telah memberi atau merancang memberi mereka yang tertentu ini dengan gaji dan elaun yang setanding dengan rakan sejawat mereka di syarikat-syarikat swasta. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Wangsa Maju. Memang saya akui perkara ini berlaku di hampir keseluruhan perkhidmatan khususnya di peringkat Tentera Laut dan juga Tentera Udara di mana tarikan pihak swasta tentang bukan hanya dari segi sudut kemungkinan keselesaan bahkan juga dari segi ganjaran dan gaji dan elaun. Tarikan daripada luar ini amat competitive, dengan izin, kalau berbanding dengan apa yang kita sediakan. Maka dengan itu, kita sering melatih bukan hanya seorang sahaja, dua, tiga, lima bukan rancangan dengan itu, kita menghantar anggota kita ke luar negara, ke Eropah, ke Germany, ke United Kingdom, ke Amerika Syarikat dengan melatih bilangan yang besar dan kelak bila mana pelaburan ini kita perolehi man skill, dengan izin, yang ada kita perolehi daripada anggota yang kita telah latih, mereka ini akan diikat dengan beberapa perjanjian, contohnya ada kontrak dengan pihak kementerian di mana atas biasiswa, dan di samping itu juga kementerian sentiasa membuat pendekatan agar dapat mempertingkatkan keselesaan dan juga elaun-elaun sehingga pada hari ini telah banyak pun perhatian yang diberikan oleh pihak kerajaan, walaupun demikian kita tidak

selesa dengan apa yang kita perolehi pada hari ini dan kita akan berusaha sedaya yang boleh agar tempat perkhidmatan seperti mempertahankan negara ini bukan hanya atas dasar untuk ingin kita mempertahankan negara kita, nasionalisme kita bahkan sedikit sebanyak akan ada tempat orang bergantung kelak anak-anak dan generasi anak-anak mereka dapat mendapatkan penghidupan yang agak selesa.

Kita faham dengan apa Yang Berhormat sebutkan tadi dan pihak kementerian telah pun mengambil beberapa langkah setahun yang lalu, kita telah mengadakan satu perbincangan yang begitu mendalam bagaimana untuk kita bukan hanya untuk mempertingkatkan bilangan untuk masuk ke pasukan kita, bahkan juga bagaimana untuk mempertahankan yang sedia ada dalam kekal untuk berkhidmat dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.

2. Tuan Hassan bin Mohamed [Besut] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) apakah kerajaan serius untuk membina Lebuhraya Pantai Timur; dan
- (b) bilakah ianya akan siap dan bagaimanakah projek ini mahu dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang serius untuk membina Lebuhraya Pantai Timur. Kerja-kerja fasa 1 bagi projek ini iaitu bermula dari Karak ke sempadan Pahang/Terengganu sepanjang 169 kilometer sedang dalam pelbagai peringkat perlaksanaan. Kontraktor bagi melaksanakan fasa 1 telah dilantik oleh kerajaan iaitu MTD Capital Berhad.

Bagi fasa 2 iaitu daripada sempadan Pahang/Terengganu ke Cendering, Kuala Terengganu, pelaksanaannya masih dalam pertimbangan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tarikh milik tapak bagi projek fasa 1 Lebuhraya Pantai Timur ialah 15 Ogos 2000 dan dijangka siap pada 14 Ogos 2003 iaitu dengan tempoh pembinaan selama tiga tahun. Projek fasa 1 ini dilaksanakan mengikut pakej supaya projek dapat dilaksanakan serentak dan dapat siap dalam tempoh yang ditetapkan.

[Soalan No. 3 – Puan Hajah Sukinam Domo [Batang Sadong] tidak hadir]

4. Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju] minta Menteri Pertahanan menyatakan konsep dan dasar pertahanan negara dalam menghadapi kemungkinan ancaman yang lebih canggih, tambahan pula teknologi dan kemampuan daya gerak pantas dan kuasa tembakan menjadi penentu kejayaan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pertahanan negara kini sedang dikaji semula, ianya bertujuan untuk menggubal satu Dasar Pertahanan Negara yang lebih menyeluruh agar dapat memberi panduan dan arah tuju dalam perancangan pembangunan keupayaan ketenteraan berdasarkan konsep berdikari yang mana disokong oleh konsep keselamatan negara yang menyeluruh atau comprehensive security, dengan izin.

Untuk jangka masa pendek, Dasar Pertahanan Negara akan memberi tumpuan kepada pertahanan keutuhan wilayah khususnya dari ancaman jenayah-jenayah merentasi sempadan atau transnational crimes, dengan izin, seperti ancaman kumpulan Abu Sayyaf, pelanunan dan perompakan laut.

Manakala bagi jangka masa panjang, DPN perlu memberi tumpuan terhadap peningkatan keupayaan cegah terentang ATM selain menghadapi sebarang kemungkinan ancaman yang lebih canggih di masa hadapan. Memang diakui bahawa teknologi dan kemampuan daya gerak pantas dan kuasa tembakan merupakan keperluan yang mesti ada bagi memastikan kejayaan dalam sesuatu konflik moden. Tetapi peralatan sahaja tidak akan membawa kemenangan, strategi dan doktrin yang sesuai, komitmen setiap rakyat negara ini untuk mempertahankan negara sehingga

titisan darah yang terakhir dan kemahiran dalam ilmu peperangan adalah lebih penting dalam menentukan kemenangan.

Justeru itu, dalam keadaan kesiapsiaga unsur-unsur tersebut telah diambil kira dan akan terus diberi penekanan yang sewajarnya. Ini juga secara langsung melibatkan aspek-aspek peningkatan dari segi kualiti dan kuantiti.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara maju difahamkan bahawa mereka telah mengamalkan konsep pertahanan menyeluruh iaitu (HANRUH), di mana setiap syarikat yang ada hubungan dan yang diperlu oleh angkatan tentera telah dikenal pasti dan diwartakan sebagai syarikat strategik, yang mana di antara dasar-dasar yang termaktub adalah ianya tidak boleh dimiliki oleh rakyat negara asing. Misalnya MAS, syarikat penerbangan Malaysia yang boleh dianggap sebagai suatu daripada syarikat-syarikat yang strategik dan mampu memberi dukungan padu kepada Tentera Udara pada masa-masa perang.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Pertahanan telah membuat kajian sepenuhnya dan dengan mendalam akan perkara ini dan telah menasihatkan kerajaan supaya perkara tersebut dijadikan suatu dasar negara. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Wangsa Maju. Memang saya akui tentang apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi, maklumlah beliau ini bekas tentera jadi sedikit sebanyak maklumat beliau tahu dan kita anggap industri yang Yang Berhormat sebutkan adalah sebahagian daripada industri yang kita kenal pasti agak strategik dan penting untuk pertahanan negara. Sedaya yang mampu kita akan mempertahankan supaya jangan dimiliki oleh mana-mana pihak. Kerana bila berlaku sesuatu perkara, dalam keadaan bukan hanya pertimbangan persempadanan yang begitu luas, bahkan keupayaan kita untuk menampung keperluan daripada pengangkutan dan pelbagai sudah pasti perkara itu amat penting sekali.

Ada beberapa industri yang kita telah kenal pasti sebagai untuk strategic industry bagi mempertahankan negara dan tidak perlulah saya sebutkan, memadai bahawa kita telah dan sedang mengenal pasti beberapa industri yang penting bagi mempertahankan negara ini.

Tuan Hassan bin Mohamed: Saya ingin bertanya berkenaan dengan kedudukan Kem TUDM Gong Kedak di Besut, Terengganu yang mana diura-urakan perpindahan Kem Sungai Besi ke Gong Kedak tetapi selepas kejatuhan Kelantan kepada PAS, maka usaha itu telah terbengkalai. Jadi, saya minta penjelasan daripada kementerian.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Besut. Pihak kementerian memang, bukan hanya di Terengganu bahkan di beberapa tempat, kita mempunyai rancangan-rancangan di dalam jangka masa panjang termasuk dalam Rancangan Malaysia Kelapan – mengenal pasti tentang keperluan-keperluan untuk mengadakan pusat-pusat pangkalan. Bukan hanya pangkalan tentera udara, pangkalan tentera darat dan pangkalan tentera laut agar dapat memastikan ada konsep forward based, dengan izin, iaitu pendekatan untuk menempatkan satu pasukan yang boleh seakan-akan a former deterrent supaya bila kehadiran pangkalan itu ataupun tempat-tempat itu di beberapa negeri yang kita telah kenal pasti, maka ia akan dapat mengelakkan ancaman-ancaman ataupun tindakan-tindakan yang boleh mengancam pertahanan negara.

Maka dengan itu, bukan hanya di beberapa negeri kita mengenal pasti dan ada sebahagian daripada rancangan-rancangan ini kita tunda ataupun kita tidak laksanakan, bukan atas dasar oleh kerana ianya kawasan-kawasan yang ditakluki oleh mana-mana kerajaan – bukan atas dasar itu. Yang penting kepada kita ialah the form of aggression daripada mana sektor, dengan izin, contohnya daripada Southern, Northern dan juga daripada Pantai Timur negara kita. Bila tekanan itu mendesak maka tumpuan dalam keadaan kewangan yang amat terbatas, kita harus mengenal pasti keutamaan-keutamaan, mana yang kita hendak dahulukan untuk pembangunan negara kita agar sistem pertahanan negara kita akan dapat kita tingkatkan.

5. **Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah hasil kajian Jawatankuasa Strategik Pasaran Modal mengenai penghapusan sekatan pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, semua cadangan yang melibatkan KWSP yang terkandung di dalam Pelan Induk Pasaran Modal, bukanlah penghapusan sekatan pelaburan oleh KWSP. Ianya lebih merupakan cadangan pelonggaran kepada alokasi aset bagi membolehkan portfolio pelaburan KWSP dipelbagaikan secara lebih luas. Selain itu, pengurusan pelaburan secara dalaman oleh KWSP disaran diserahkan kepada pengurus-pengurus pelaburan luaran bagi meluaskan persaingan sektor pengurusan pelaburan swasta.

Seksyen 26(2) Akta KWSP telah pun mendefinisikan jenis-jenis pelaburan yang boleh diceburi oleh KWSP dan memperuntukkan bahawa KWSP boleh melabur dalam apa-apa bentuk pelaburan di dalam dan di luar negara dengan kebenaran bertulis oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Terima kasih.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan selamat kembali ke tanah air kepada Tun. Cuma, untuk makluman Tun, sewaktu Tun berada di luar negeri baru-baru ini berlaku satu tuduhan jahat terhadap saya dan kita minta penjelasan dan Timbalan Speaker telah meminta kita rujuk kepada *Hansard* tetapi sampai hari ini belum ada sebarang penjelasan terhadap tuduhan jahat daripada Yang Berhormat bagi Tambun.

Soalan tambahan saya Tun, adakah dengan penghapusan sekatan tersebut, KWSP akan dengan sewenang-wenang boleh melabur dalam mana-mana dana pelaburan dan saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri menjelaskan dan menyenaraikan senarai-senarai syarikat pelaburan yang akan diutamakan oleh KWSP dan adakah KWSP mengambil kira persoalan halal haram sesebuah syarikat sebelum sesuatu pelaburan dibuat kerana seperti mana kita sedia maklum, duit pelaburan ini juga adalah juga milik pelabur-pelabur Muslim yang prihatin terhadap wang pelaburan mereka. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Yan. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, saya ingin menegaskan bahawa KWSP tidak pernah menggunakan wang caruman pencarum-pencarum untuk tujuan pelaburan secara sewenang-wenang kerana adalah menjadi dasar KWSP untuk sentiasa mengutamakan keselamatan dan jaminan wang pencarum supaya mereka mendapat satu pulangan yang setimpal dan memuaskan di hari-hari persaraan mereka.

Kerana itulah maka, mengikut Akta KWSP, untuk pelaburan yang berisiko tinggi, kita hanya menghadkan sebanyak 25% sahaja dan 75% yang lain adalah pelaburan dalam bentuk berisiko rendah. Itu sahaja menunjukkan bahawa KWSP amat prihatin dan sentiasa mengambil kira tentang keselamatan wang para pencarum kita.

Cadangan Pelan Induk Pasaran Modal ini ialah untuk, pertama, supaya halangan-halangan yang terlalu mengongkong, peraturan-peraturan yang terlalu mengongkong kerana kita terlalu berhati-hati dan terlalu konservatif ini dilonggarkan. Bukan penghapusan sekatan secara total tetapi kita *liberalisekan*. Kita longgarkan sedikit daripada kongkongan dan sifat konservatif yang diamalkan oleh EPF ini. Jadi, Yang Berhormat harus faham bahawa bukan untuk menghapuskan secara total halangan-halangan atau peraturan yang ada tetapi untuk melonggarkan atau me *liberalizes* sedikit. Saya harap Yang Berhormat faham ya tentang perkara ini.

Mengikut kajian oleh The Organization for Economic Corporation and Development (OECD), kajian badan ini menunjukkan bahawa pelaburan yang kita serahkan kepada, diistilahkan kepada prudent person iaitu badan pelabur yang prudent, yang bertanggungjawab, yang telus, yang ada pengalaman dan yang accountable, dengan izin, maka pelaburan seperti ini akan mendapat pulangan yang besar.

Juga kajian daripada European Commission 1999 juga mendapati bahawa pulangan untuk pelaburan mengikut kaedah prudent person ini adalah lebih tinggi sehingga 5.9 kali ganda daripada kaedah pelaburan konvensional seperti yang ada sekarang ini.

Jadi, kerana itulah maka Pelan Induk Pasaran Modal ini mencadangkan supaya sekatan-sekatan yang ada, yang terlalu mengongkong dalam konteks

pelaburan KWSP dilonggarkan sedikit dan kita mengikuti kaedah, yang saya katakan prudent person tadi supaya pulangan kepada para pencarum lebih lumayan dan lebih baik dan dapat mereka nikmati semasa hari persaraan mereka. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tun, soalan tambahan. Isu pelaburan KWSP memang banyak diperbincangkan oleh beberapa pihak, baik di Dewan yang mulia ini ataupun pertubuhan-pertubuhan NGO termasuk MTUC khususnya.

Jadi, baru-baru ini MTUC mengadakan piket, kalau tidak salah saya mengemukakan pandangan dan cadangan mereka ini. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan sedikit tentang piket oleh MTUC baru-baru ini dan apakah kesannya. Adakah kerajaan menimbangkan pandangan mereka ataupun cadangan mereka untuk kepentingan semua. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kluang dan seperti Yang Berhormat cakapkan tadi bahawa memang benar ada ura-ura daripada MTUC untuk berpiket kerana tidak berpuas hati dengan beberapa isu yang berkaitan dengan KWSP dan pihak kerajaan sentiasa menghormati hak mana-mana persatuan untuk berpiket dan untuk mengemukakan sebarang bantahan asalkan ianya dalam lingkungan undang-undang negara kita.

Kita sentiasa menghormati hak mereka tetapi saya rasa kalau hendak berpiket pun kita ingin menasihatkan supaya biarlah tentang isu-isu yang besar, isu-isu pokok yang mungkin tidak dapat dikompromikan antara dua pihak ini tetapi kerajaan kita merupakan kerajaan yang fleksibel, kerajaan yang prihatin dan sentiasa memberi ruang untuk perundingan.

Jadi kerana itu saya rasa tidak ada sebab untuk kita berpiket dan masalah-masalah yang ditimbulkan seperti potongan 2% daripada 11% potongan bagi pekerja, kerajaan telah memberikan satu ruang kompromi iaitu kalau tidak setuju kita boleh beri pilihan, buat pilihan bagi mereka yang tidak bersetuju dipotong 2% daripada 11% kepada 9% mereka boleh kekal kepada tahap 11%.

Jadi, ini satu bentuk kompromi, satu bentuk tolak ansur yang begitu baik dan Skim Anuiti, dahulu selalu diheboh-hebohkan, sekarang ini kerajaan kata ada pilihan. Bagi mereka yang suka masuk menyertainya, okay teruskan. Bagi yang tidak mahu menyertainya jangan menyertainya.

Jadi, kerajaan ialah satu kerajaan yang fleksibel, kerajaan yang bertolak ansur, mendengar semua pandangan dan kritik dan saya rasa tidak ada sebab untuk kita menunjukkan perasaan secara drastik, secara piket dan sebagainya kerana dunia akan melihat, dunia akan berkata, "Lihat, Malaysia, belum lagi habis isu demonstrasi jalanan, belum lagi selesai dengan isu demonstrasi jalanan, sekarang ini sudah mula berpiket pula".

Ini akan menggambarkan seolah-olah Malaysia, semua rakyat Malaysia menentang kerajaan padahal yang menentang itu adalah segolongan kecil sahaja. Padahal yang tidak puas hati itu hanyalah segolongan kecil, cukup kecil untuk diberikan sebarang pertimbangan. Terlalu kecil...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, Cukuplah.

Tuan Hashim bin Ismail: Jadi, saya rasa Yang Berhormat Tun, marilah kita tunjukkan bahawa negara Malaysia ini adalah aman, makmur supaya dapat kita menarik keyakinan para pelabur kerana kalau ekonomi terjejas, maka negara kita akan terjejas. [Tepuk] Kalau ekonomi kita malap ataupun murung ataupun lembap terus, maka rakyat yang akan menderita dan akan menerima akibatnya dan saya rasa kita mahu rakyat di Malaysia ini sentiasa hidup makmur, sejahtera dan aman bahagia. [Tepuk] Terima kasih.

6. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Pertanian menyatakan, apakah penyakit lembu gila dan akibatnya kepada manusia dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menjaga agar penyakit lembu gila ini tidak merebak ke negara kita lebih-lebih lagi wabak penyakit ini telah berjangkit di negara jiran kita.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, penyakit lembu gila atau nama saintifiknya *Bovine Spongiform Encephalopathy* (BSE) adalah sejenis penyakit khusus pada lembu, dengan gejala-gejala gangguan saraf seperti tidak dapat mengawal pergerakan anggota, takut pada cahaya dan terlalu mudah terkejut. Penyakit ini disebabkan oleh sejenis protein dikenal dengan prion. Prion ini berada pada saraf dan boleh berpindah ke lembu lain melalui makanan yang tercemar.

Manusia boleh mendapat penyakit ini jika seseorang itu memakan daging lembu atau hasil daging lembu yang berasal daripada lembu-lembu yang menghidap penyakit BSE. Pada manusia penyakit ini dinamakan sebagai, dengan izin, variant ..., hendak sebut ini pun susah..., variant Creutzfeldt-Jacob Disease di mana ianya menyebabkan serangan pada sistem saraf otak.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) melarang pengimportan daging dari UK;
- (ii) melarang import meat and bone meals, dengan izin, dari Eropah;
- (iii) melarang import haiwan hidup, daging dan produk daging dari Eropah;
- (iv) melarang pengimportan lembu, daging lembu dan produk daging lembu dari Thailand sebagai tindakan berjaga-jaga.

Tuan Hassan bin Mohamed: Terima kasih Tun. Mutakhir ini maklumat yang saya terima ialah mengenai kematian lembu, kerbau di kawasan Terengganu dan Kelantan, kemungkinan penyakit lembu gila ataupun kuku dan mulut.

Jadi, saya mahu minta penjelasan daripada kementerian, apakah kementerian berhasrat untuk membantu penternak-pentemak yang kematian lembu, kerbau ini sebagaimana yang telah dibantu kepada pentemak babi di Negeri Sembilan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka perelaskan tentang dasarnya. Apabila kita mengarahkan babi yang dijangkiti virus Nipah (Japanese Encephalitis), maka para penternak babi yang berkenaan akan diberi pampasan. Begitu juga kalau lembu di kawasan Besut dijangkiti penyakit yang akan menjadi satu wabak dan boleh memberi kesan kepada manusia dan kerajaan, kita mengambil langkah mengarahkan ternakan itu disembelihkah....

Tuan Yang di-Pertua: Dihapuskan...

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: ...apa hendak kata, di.....

Tuan Yang di-Pertua: Dihapuskan, Yang Berhormat. [Ketawa]

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Dihapuskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Depa suka ISA lah Tun. Dimusnahkan, maka para penternak yang berkenaan akan diberi pampasan.

Tuan Saupi bin Daud: Ya, terima kasih Tun. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pertanian berhubung dengan penyakit-penyakit haiwan ini terutama sekali kalau umpamanya penyakit lembu gila ini. Apabila kementerian mendapati penyakit ini mungkin merebak atau dibawa masuk, tindakan yang diambil oleh pihak kementerian ialah memusnahkan binatang berkenaan iaitu dengan cara yang paling cepat sekali ialah menembak binatang-binatang berkenaan.

Saya masih ingat pada suatu masa dahulu, penyakit kuku dan mulut telah melanda terutama sekali temakan lembu di seluruh negara kita tetapi tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan ialah menembak haiwan-haiwan berkenaan tetapi ada di kalangan peneroka ataupun penternak yang sempat membawa lari lembu-lembu dia atau sembunyikan lembu-lembu mereka yang dianggap terkena penyakit dengan cara memberi ubat-ubat tradisional sama ada rumput-rampaikah, makanan....

Seorang Ahli: Halal, halal...[Ketawa]

Tuan Saupi bin Daud: Herbakah atau apa tetapi kalau kita lihat akhirnya binatang-binatang ini dapat selepas daripada itu...

Tuan Bung Moktar bin Radin: Soalannnnn.....

Tuan Saupi bin Daud: ...nantilah dahulu...[Ketawa]..binatang-binatang tersebut dapat selepas penyakit merebak, binatang-binatang tersebut dapat hidup dengan sihat dan dapat membiak. Jadi, kalau kita lihat, ini kelebihan kepada penternak, lebih baik daripada pihak kementerian sendiri di dalam menangani isu ini.

Jadi, saya mintalah supaya, adakah tidak ada cara lain selain daripada menembak binatang-binatang ataupun temakan yang terlibat dengan penyakit ini. Minta beri penjelasan sedikit.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penyakit ini merebak lebih banyak kerana tindakan seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi lah. [Ketawa] Sebab, pada masa ada wabak ini pergerakan temakan, kita kena kawal. Kalau kita benarkan dari Tanah Merah bawa pergi ke Rantau Panjang, jadi bawa pergi ke Terengganu semua, penyakit ini akan merebak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kalau kita tengok penyakit kuku dan mulut yang sedang dihadapi oleh penternak di Eropah khususnya di UK, tidak ada jalan lain yang diambil oleh pihak berkuasa di sana. Jalan yang diambil selain daripada beri ubat suntikan dan sebagainya ialah melalui pemusnahan temakan. Jadi, di Malaysia kita mengambil tindakan, bagi ubat, mengawal dan sebagainya tetapi oleh kerana langkah-langkah yang kita ambil itu masih juga tidak berkesan maka tidak ada pilihan lain, kita terpaksa memusnahkan temakan-temakan yang berkenaan.

7. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sama ada benar atau tidak Sarawak mencatat jumlah rakyat yang paling ramai di negara ini yang masih belum mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan. Mengapa perkara ini boleh terjadi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya, berdasarkan perbandingan antara negeri-negeri di Semenanjung, memang benar Sarawak mencatatkan bilangan orang-orang yang tidak mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan yang teramai.

Keadaan ini wujud kerana sebab-sebab berikut:

- (i) kedudukan penempatan orang-orang tersebut jauh di kawasan pedalaman dan mereka sukar dihubungi melalui jalan darat;
- (ii) kurang kesedaran ibu bapa terutama sekali mengenai pentingnya mendaftar sijil kelahiran anak-anak mereka dan memiliki juga kad pengenalan;
- (iii) dokumen-dokumen seperti sijil kelahiran dan kad pengenalan kurang digunakan dalam kehidupan seharian; dan
- (iv) pejabat pendaftaran yang jauh daripada kawasan penempatan terutama sekali di pedalaman dan untuk berbuat demikian memerlukan kos yang tinggi terutama kos pengangkutan bagi rakyat yang berkenaan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada jawapan yang diberi tadi itu adakah pihak kementerian sedar bahawa soal pentingnya kad pengenalan ini ataupun sijil kelahiran ini kepada masyarakat luar bandar memang sentiasa penting. Sering kali kita katakan seolah-olah mereka tidak mementingkan, memang mereka mengetahui ini penting tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, ialah soal kemampuan mereka kerana jauh dari bandar dan hendak turun untuk membuat pendaftaran, maka mereka tidak ada kemampuan untuk melakukan itu ataupun membayar yuran-yuran tertentu.

Maka berdasarkan kepada perkara ini, adakah pihak kementerian bertujuan untuk mencari jalan penyelesaian yang lebih berkesan, misalnya sebahagian daripada

mereka apabila tidak ada sijil kelahiran hendak buat I.C. pun tidak boleh dan sering kali dua tiga orang anak dalam keluarga itu terlibat dalam kes yang sama. Ini menggunakan wang yang banyak dan pihak kementerian telah lama mengatakan lawatan khusus task force ataupun khusus dilakukan untuk menyelesaikannya tetapi masalah ini masih banyak dan berleluasa. Bolehkah pihak kementerian barangkali melakukan satu tempoh tahun 2001 ini untuk menyelesaikan semua kes keluarga yang tidak mempunyai sijil kelahiran untuk mendapatkan I.C. dan dokumen-dokumen yang tepat. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini kerajaan bukan sahaja merancang tetapi kerajaan sedang membuat sekarang. Umpamanya lawatan ke kawasan-kawasan pedalaman dan memanggil ataupun memberitahu rakyat untuk datang bagi membuat pendaftaran ataupun daripada daftar lewat ataupun daftar kelahiran yang baru serta membuat kad pengenalan. Kita menggunakan beberapa kemudahan yang ada pada kerajaan dan kita juga menggunakan para pemimpin kaum dan pegawai-pegawai untuk menjalankan usaha-usaha bagi mengatasi masalah ini.

Di Sabah pada keseluruhannya kita telah jalankan dan sekarang ini sedang berjalan di Sarawak tetapi yang menimbulkan juga masalah kepada kita apabila kita memerlukan perkara-perkara yang penting yang mesti ibu bapa ataupun ketua kaum yang ada di situ sebagai saksi ke atas kelahiran anak berkenaan ataupun mengetahui perkara-perkara yang berkaitan, bersangkutan dengan dasar-dasar atas pendaftaran kelahiran ini dan keperluan yang mesti ada untuk membuat kad pengenalan.

Kita tidak mengatakan bahawa kita tidak mendapat kerjasama keseluruhan daripada rakyat tetapi apabila ketika kita datang rakyat tidak ada dan kita tidak boleh menghadirkan diri dengan pegawai-pegawai dan kuasa yang ada pada mereka di setiap kampung, oleh sebab kawasan-kawasan pedalaman ini menjadi masalah kepada mereka dan kepada kita.

Dalam perkara lain bahawa cadangan daripada Yang Berhormat untuk mengadakan satu tahap, satu masa tertentu untuk menyelesaikan masalah ini. Mungkin kita boleh mengadakan satu masa yang tertentu, kalau rakyat di Sabah ataupun di Sarawak tidak melahirkan anak lagi. Ini kita boleh [*Ketawa*] kita gabungkan kedua-dua ini tetapi kita tidak boleh menentukan bahawa rakyat kita berhenti daripada melahirkan anak, maka sudah tentu kerja yang berterusan ini akan berlaku. Minta maaf, Yang Berhormat, saya tidak dapat memberi jangka masa yang akhir untuk menjalankan masalah ini tetapi saya sangat meminta bahawa wakil-wakil rakyat dan ketua kaum dan semua rakyat di kawasan mereka yang bersangkutan untuk memberi kerjasama kepada kita.

Kalau pada ketika ini kita mengadakan lawatan selama dua hari dan kita mungkin memanjangkan lagi lawatan kita tetapi usaha kita untuk memanjangkan lawatan di suatu tempat mesti ada respons yang sebaliknya daripada rakyat berkenaan. Jangan pegawai kita datang, duduk hari yang kedua orang sudah tidak ada sedangkan kita merancang untuk tiga hari dan hari esok tidak ada.

Jadi, kehadiran mereka di kawasan yang berkenaan tidak mendapat kerjasama daripada rakyat. Ini yang kita sedang hadapi kesusahan ini tetapi saya yakin kalau semua kakitangan kerajaan, pegawai-pegawai, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri dan Parlimen menghebahkan cerita ini waktu kita berada di kawasan yang berkenaan.

Saya sangat suka bila bercakap dengan Yang Berhormat bagi Bintulu ini dia memberi pengakuan kepada saya kalau kita boleh kelola di kawasan dia, dia boleh menyediakan kemudahan-kemudahan yang ada termasuk pengangkutan dan tempat tinggal. Saya ingat ini satu rangsangan yang amat baik yang menjadi contoh dan boleh dilakukan oleh kakitangan yang lain dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Terima kasih.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin merakamkan terima kasih kepada kementerian dan juga Jabatan Pendaftaran Negara kerana telah ke kawasan saya untuk memastikan rakyat di Kinabatangan telah dan akan mendaftar diri untuk menjadi warganegara Malaysia. Sebetulnya mereka ini orang tempatan, kita sudah merdeka lebih 40 tahun, mereka tidak ada dokumen identiti diri.

Walau bagaimanapun, setelah pendaftaran ini sehingga hari ini hanya 30% yang menerima sijil ataupun kad pengenalan. Jadi, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada jabatan ini kerana mereka mencadangkan agar guru-guru, pegawai-pegawai pendidikan, pegawai-pegawai pertanian menjadi ejen Jabatan Pendaftaran untuk memastikan masyarakat di luar bandar ada identiti masing-masing. Kalau perkara ini dapat dilaksanakan saya berkeyakinan masalah ini akan dapat diselesaikan kerana mana ada logiknya negara kita sudah merdeka lebih 40 tahun, kemudian negara menuju Wawasan 2020 masih ada orang kita yang tidak ada kad pengenalan. [Tepuk] [Sorak]

Jadi, pada saya sudah tiba masanya kementerian dan juga kerajaan untuk menambah sedikit peruntukan mengadakan lawatan-lawatan di seluruh kawasan luar bandar untuk memastikan anak bangsa kita ada identiti diri mereka. Soalnya kita harus ada *time frame*, kalau boleh tahun 2003 ini siapa yang tidak mendaftar lagi bererti dia tidak akan dibantu lagi, dia kena berusaha sendiri. Masalah yang kita hadapi ialah yang sudah lahir sejak 15, 20, 30 tahun yang lalu yang lahir baru ini tidak ada masalahnya kerana sekarang pun

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat panjang sangat itu.

Tuan Bung Moktar bin Radin:perhubungan sudah baik jadi tidak masalahnya. Jadi, saya berterima kasihlah kepada kementerian dan kerajaan, pembangkang ini memanglah dia sudah tidak relevan, dia ambil isu semua kesilapan-kesilapan, kelemahan-kelemahan kerajaan tetapi yang sebetulnya

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Bung Moktar bin Radin:berhubung dengan pendaftaran ini kerajaan telah melakukan yang terbaik.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah itu.

Tuan Bung Moktar bin Radin:ya.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Bung Moktar bin Radin:contohnya di kawasan saya

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah. Tidak ada apa yang hendak dijawab Yang Berhormat. [Ketawa] Dia beri ucapan Yang Berhormat ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya pun bangkit untuk hendak beritahu tidak ada apa saya hendak jawab. [Ketawa] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

8. **Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan nelayan kecil pesisir pantai terjejas dengan teruk pendapatan mereka kerana kurangnya jumlah ikan, adakah kementerian bercadang untuk menambah tukun tiruan dengan penyediaan makanan dan mengadakan program bagi memastikan anak-anak ikan tidak dieksport ke luar negara.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sentiasa memandang serius mengenai nasib nelayan tempatan khususnya nelayan kecil pesisiran pantai. Salah satu agenda kementerian dalam membantu nelayan ini adalah dengan menguruskan sumber perikanan negara secara mapan di samping memastikan sumber bekalan tersebut dapat dinikmati oleh semua pihak.

Di dalam mengurus dan meningkatkan sumber pendapatan nelayan termasuklah nelayan pantai Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan telah melaksanakan Program Tukun Tiruan yang meliputi projek tukun tiruan tayar, bot, konkrit dan tukun tiruan rekreasi.

Jabatan Perikanan juga telah membina unjam rekreasi yang mana unjam ini kemudiannya akan diurus dan diselenggarakan sendiri oleh kumpulan ekonomi nelayan di sesebuah perkampungan nelayan yang telah dipilih oleh Jabatan Perikanan. Di peringkat sekarang Jabatan Perikanan masih lagi meneruskan projek Tukun Tiruan dan pada tahun 2000 sebanyak RM150,000 telah diperuntukkan kepada Jabatan Perikanan Negeri Terengganu untuk pelaksanaan projek Tukun Tiruan di negeri tersebut.

Di Terengganu juga terdapat 12 tapak tukun tayar, enam tapak tukun tiruan bot dan dua tapak tukun tiruan rekreasi. Kementerian Pertanian menerusi Jabatan Perikanan akan meneruskan lagi projek tukun tiruan ini di seluruh negara kerana ianya ternyata berupaya menyediakan tempat pembiakan ikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan benih ikan tidak diseludup ke luar negara, Kementerian Pertanian menerusi Jabatan Perikanan telah meningkatkan rondaan bagi membanteras kegiatan tersebut. Berdasarkan kepada Akta Perikanan 1985 adalah menjadi suatu kesalahan sekiranya mana-mana pihak membawa keluar dari negara ini udang harimau yang bersaiz melebihi 178 mm ataupun 7 inci; kerang yang bersaiz kurang daripada 31.8 mm ataupun satu perempat inci; ikan kerapu yang bersaiz kurang daripada 150 mm ataupun 26 inci tanpa permit yang sah dari kerajaan. Larangan ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa bekalan benih udang harimau, ikan kerapu dan juga kerang adalah mencukupi dan mampu menampung permintaan industri akuakultur tempatan.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kita dapati bahawa nelayan-nelayan kecil sejak daripada merdeka terutama di kawasan pesisir pantai tidak terbela, ini kerana kita dapati bahawa contoh projek seperti lesen laut dalam dan juga projek ikan dalam sangkar seperti yang dibuat di Langkawi umpamanya, diberikan kepada golongan korporat tertentu yang kemudiannya di'siambaba'kan diberi kepada pihak Thailand dan akhirnya nelayan tempatan tidak memperolehi apa-apa keuntungan pun.

Persoalannya ialah Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan tidak bercadang untuk umpamanya – terima kasih kerana telah menyediakan tukun tiruan tetapi makanannya tidak didapati di situ. Jadi, apakah kerajaan bercadang untuk mendapatkan sumbangan daripada mereka yang memperolehi keuntungan besar daripada laut umpamanya Petronas ataupun syarikat-syarikat perkapalan menyumbangkan sedikit keuntungan mereka untuk menyediakan makanan kepada ikan-ikan di kawasan tukun-tukun tiruan di pesisir pantai, itu yang pertama.

Yang keduanya ialah soal budaya masyarakat nelayan. Apakah pihak kerajaan bercadang untuk menjalankan satu dasar yang tegas berhubung bagaimana untuk 'merubahkan' budaya nelayan yang dikaitkan dengan gejala sosial yang cukup berat terutamanya masalah dadah, masalah AIDS dan seumpamanya. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya ingin menyatakan bahawa tidak benarlah jikalau Yang Berhormat mengatakan kerajaan tidak membantu golongan nelayan tradisional ini. Sebenarnya pelbagai program telah pun dibuat untuk membantu meningkatkan taraf sosioekonomi melalui Jabatan Perikanan dan LKIM.

Tuduhan yang mengatakan bahawa projek di Langkawi di mana kerajaan memberi bantuan kepada pihak swasta itu juga tuduhan yang tidak benar. Sebenarnya Kementerian Pertanian sekarang ini dalam rangka usaha untuk menarik lebih ramai penglibatan pihak swasta dalam sektor pertanian, dalam subsektor perikanan.

Kalau Yang Berhormat buat tuduhan macam itu ia bercanggah dengan rancangan kerajaan yang akan tidak menggalakkan pihak swasta terlibat dalam sektor perikanan ini. Tuduhan kata kita yang 'Siam' tadi, [Disampuk] [Ketawa] 'Siambaba' itu pun tidak betul, itu semua tidak betul. Ini istilah baru 'Siambaba' ini pun tidak betul.

Jadi, untuk hendak ubah budaya nelayan pantai ini bukan satu perkara yang senang. Ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini yang kawasan Yang Berhormat mempunyai masyarakat nelayan. Jadi, Yang Berhormat sedia maklum bukan satu perkara yang mudah.

Walau bagaimanapun, kita sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf sosioekonomi melalui LKIM supaya ditingkatkan taraf tahap pendidikannya dan bukan sahaja bergantung pendapatan kepada tangkapan di laut tetapi melalui projek-projek tukun tiruan, ternakan kerang dan sebagainya yang boleh memberi pendapatan tambahan kepada nelayan-nelayan pantai.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat sedia maklum masalah nelayan-nelayan kecil yang terlibat dengan kekurangan pendapatan disebabkan pembangunan yang berhampiran dengan kawasan nelayan yang tersebut.

Saya hendak tanya kementerian disebabkan pembangunan itu air sungai dan juga yang hampir dengan tepi laut yang mana dahulu nelayan dapat pendapatan yang banyak, sekarang kurang kerana masalah pembangunan termasuk industri dan juga perumahan. Boleh tidak kementerian mengenakan syarat kepada pemaju ini jika berlaku sedemikian, maknanya biasa kalau nelayan itu boleh dapat satu hari RM100 atau RM200 tiba-tiba bila ada pembangunan, sudah tinggal RM10 atau RM20 disebabkan pencemaran kerana pembangunan yang tersebut.

Boleh tidak sebelum berlaku sedemikian, sebelum pembangunan dibangunkan kementerian syaratkan mesti ganti rugi kepada nelayan sekiranya berlaku demikian. Ini banyak berlaku termasuk di kawasan saya. Terima kasih, sila jawab Yang Berhormat.
[Ketawa]

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mengingatkan para nelayan kita sekarang kita tidak boleh terlalu bergantung kepada pendapatan di kawasan tangkapan tradisional, kita perlu mengubah cara dengan sanggup menjadi nelayan di laut dalam. Tetapi di sini nelayan kita kadang-kadang dia tidak hendak pergi lama-lama ke laut, dia hendak balik hari, dia tidak hendak pergi seminggukah atau dua minggu, kalau pergi lama-lama baru boleh dapat tangkapan yang banyak.

Jadi, nelayan pantai kita suka tangkap di kawasan perairan yang kawasan 5 kilometer sahaja. Dari segi sumber pun kita akui, kekurangan dan kekurangan ini ekoran daripada aktiviti penangkapan ikan dan juga akibat daripada yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, oleh kerana pencemaran dan sebagainya. Jadi, kita akan mengkajilah, cadangan Yang Berhormat ini satu cadangan yang baik, kita akan kaji.

9. **Tuan Haji Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan pengumuman kerajaan untuk membantu golongan peniaga kecil sering kali difokuskan melalui media massa, namun terdapat banyak halangan serta peraturan yang mematikan semangat golongan peniaga kecil tersebut dan apakah jaminan agar usaha-usaha dapat dimanfaatkan kepada golongan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha untuk membantu masyarakat termasuk golongan peniaga-peniaga kecil. Bagi tujuan ini, Kementerian Pembangunan Usahawan diwujudkan untuk membantu golongan usahawan dalam pelbagai peringkat termasuk peniaga kecil, terutamanya kaum bumiputera. Maklumat mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan akan dihebahkan kepada masyarakat umum dan golongan sasaran melalui media massa untuk masyarakat peniaga mengambil peluang sepenuhnya dalam membangun dan memajukan perniagaan mereka seperti kemudahan pembiayaan dan peluang-peluang latihan.

Dakwaan yang menyatakan bahawa peraturan sedia ada menjadi penghalang kepada pelaksanaan program-program adalah tidak benar. Kementerian Pembangunan Usahawan ingin memaklumkan bahawa peraturan diwujudkan oleh kerajaan adalah sebagai satu kaedah kawalan untuk menjamin kepentingan semua pihak. Manakala kriteria yang ditetapkan adalah untuk memastikan bahawa perniagaan yang dijalankan benar-benar berdaya maju dan berpotensi.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan sentiasa mengkaji peraturan-peraturan yang ada dan membuat pindaan atau pengubahsuaian jika perlu untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan serta prestasi kerja seperti memendekkan tempoh pemprosesan permohonan, memudahkan borang dan sebagainya. Tindakan ini dibuat dengan mengambil kira pandangan pihak-pihak yang berkaitan. Terima kasih.

Tuan Haji Mohamed Sayuti bin Said: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen, mengenai dengan masalah peningkatan usahawan khususnya bumiputera terutama di luar bandar. Apa yang berlaku hari ini

dan saya mengucapkan terima kasih di atas langkah-langkah kerajaan melipatgandakan usaha untuk meningkatkan penglibatan peniaga-peniaga kecil terutama bumiputera yang ingin bersaing dengan yang bukan bumiputera. Namun apa yang berlaku hari ini dan rungutan yang diterima ialah usaha yang dibuat oleh kerajaan ini untuk meningkatkan prestasi kaum bumiputera mengenai dengan masalah usahawan ini, permohonannya ataupun syarat-syaratnya terlalu ketat dan memakan masa hingga bertahun lamanya.

Justeru, apa yang telah dipersoalkan dan telah dijawab oleh pihak kementerian supaya perkara ini dapat disegerakan dengan tidak memakan masa yang begitu lama untuk usahawan-usahawan bumiputera ini dapat meningkatkan lagi modal pusingan, manakala usaha-usaha dapat dijalankan. Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang menyatakan bahawa permohonan pinjaman yang dikelolakan di bawah kementerian ini mengambil masa bertahun-tahun untuk memberikan kelulusan adalah dakwaan yang tidak benar. Sebenarnya kalau sekiranya ada usahawan-usahawan memohon pinjaman di bawah agensi kementerian ataupun di bawah kementerian itu sendiri, permohonan mereka sekiranya lengkap dan teratur, biasanya permohonan itu boleh diberi pertimbangan atau diberi kelulusan dalam tempoh yang singkat, dalam tempoh sebulan atau dua bulan sahaja. Dan, tidak pernah ada permohonan yang diberi kelulusan sehingga bertahun-tahun. Jadi, itu penjelasannya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 10 hingga 36 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Banjir Kilat di Kuala Lumpur

11.05 pagi.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan hormatnya saya Ahli Dewan Rakyat kawasan Bukit Bintang, Fong Kui Lun ingin memberi notis di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2) untuk mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu banjir kilat yang melanda pusat bandar dan kawasan mudah banjir Kuala Lumpur pada 26 April 2001 selepas hujan turun selama 3 jam.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tertentu kerana banjir kilat kerap melanda Kuala Lumpur walaupun projek tebatan banjir telah dilaksanakan. Banjir kilat terburuk pernah berlaku pada 30 April 2000 yang memusnahkan banyak harta-benda.

Perkara ini berkepentingan orang ramai kerana banjir kilat akan sentiasa mengancam Kuala Lumpur kerana sistem saluran dan perparitan kurang memuaskan. Kejadian pada 26 April 2001 menyebabkan 2 kematian dan ribuan kenderaan terkandas dan ditenggelami air dan merugikan pemilik kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berkehendak disegerakan kerana peruntukan pencegahan banjir Dewan Bandaraya hanya menyediakan RM56 juta sahaja, tidak mencukupi mencegah banjir. Musim hujan sekarang akan menyebabkan banjir lagi dan pihak berkuasa wajib bertindak segera mencegahnya. Kuala Lumpur wajar bebas dari banjir kerana ia melumpuhkan urusan rakyat dan memalukan negara di mata pelancong asing. Kerajaan wajar menambah peruntukan untuk projek tebatan banjir Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Bukit Bintang pada 27 April 2000 jam 3.15 petang. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, dan perkara ini juga perlu disegerakan. *[Tepuk]* Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini dibahaskan. *[Tepuk]*

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), usul ini hendaklah ditempokkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang.

Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan lepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian. *[Tepuk]*

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (2001-2005)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas usul dibuat oleh Perdana Menteri yang ditangguhkan atas masalah:

"Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pemulihan ekonomi dan pencapaian matlamat sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh;

merestui usaha kerajaan bagi melaksanakan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga;

meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan hasrat Dasar Wawasan Negara seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 12 Tahun 2001;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu dengan semangat dan iltizam baru bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk membina sebuah negara yang progresif dan berdaya tahan." *[26 April 2001]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan mempunyai dua hari untuk kementerian-kementerian menjawab iaitu pada hari ini dan esok, dan kita akan mempunyai 23 kementerian menjawab. Dengan demikian, saya berharaplah kepada kementerian-kementerian menjimatkan masa sedikit untuk menjawab jawapan masing-masing. Dan, jika sekiranya pada hari ini, kita tidak boleh menghabiskan sebanyak 12 kementerian, saya memberi notis ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan menyambungkan mesyuarat sehingga ke malam. Saya meminta Kementerian Dalam Negeri menjawab.

11.09 pagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat saranan dan teguran berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat bagi Pendang dan Pokok Sena telah membangkitkan isu berhubung dengan penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dibuat oleh pihak polis baru-baru ini. Seperti mana yang telah dimaklumkan terdahulu oleh pihak kerajaan, tangkapan ini dan penahanan yang dibuat oleh pihak Polis Diraja Malaysia di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dilaporkan kerana terdapat maklumat-maklumat mengenai penglibatan mereka dalam kegiatan yang boleh memudaratkan keselamatan negara. Tangkapan dan penahanan dibuat atas Akta Keselamatan Dalam Negeri ini adalah merupakan satu prosedur biasa bagi tujuan siasatan yang lebih lanjut.

Perlu ditegaskan di sini bahawa tangkapan dan penahanan yang dilakukan bukan bermotif politik tetapi merupakan satu tindakan segera yang perlu diambil bagi memastikan ketenteraman negara kita ini terpelihara. Tindakan-tindakan yang diambil adalah merupakan tindakan-tindakan mencegah sebelum sesuatu kejadian menjadi lebih serius dan boleh memudaratkan keselamatan negara. Dan, tindakan di bawah akta ini dapat menghindarkan dari terjadinya satu kejadian yang melibatkan keadaan negara ini menjadi huru-hara dan timbul kacau-bilau. Ianya adalah satu mekanisme yang berkesan bagi mengawal dan menyekat kegiatan-kegiatan yang mengancam kestabilan negara.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya bagi habis ini dahulu.

Yang Berhormat bagi Pematang Pauh membangkitkan tentang kenyataan Ketua Polis Negara pada 6 April, di mana beliau ada menyebut bahawa lebih ramai orang yang akan ditangkap oleh pihak polis menjelang pilihan raya 2004. Yang Berhormat bagi Pematang Pauh membuat andaian dengan kenyataan tersebut, seolah-olah pihak polis menggunakan undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan sewenang-wenangnya.

Andaian tersebut adalah tidak benar sama sekali. Pihak Polis Diraja Malaysia sentiasa bertindak secara berhati-hati di dalam setiap tindakan yang dibuatnya terutama mengenai kes yang berhubung dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Tindakan akan dibuat setelah terdapat maklumat-maklumat dan bukti-bukti yang kukuh akan kegiatan atau tindakan yang difikirkan boleh memudaratkan keselamatan dan ketenteraman negara.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih, Dato' Timbalan Menteri. Tadi Dato' ada menyebut bahawa penangkapan ini kerana ada alasan-alasan keselamatan yang disebut oleh pihak polis, tetapi dalam penghujahan saya tempoh hari, saya telah menyebut bahawa tidak ada alasan keselamatan berasaskan kepada satu petunjuk kes pada tahun 1987.

Dan, pada waktu itu, pada waktu perbahasan yang saya sebut, Yang Berhormat Menteri Pertahanan pun ada di dalam Dewan ini, dan beliau hanya tersenyum apabila saya menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Pertahanan sebagai saksi pada hari ini untuk apa yang saya perkatakan. Kes 1987 iaitu Operasi Lalang yang melibatkan saya, Kuala Kedah, Kepong dan beberapa orang lagi, ramai pada waktu itu dalam Operasi Lalang. Krisis ketegangan politik pada waktu itu ialah krisis antara UMNO dan MCA, Yang Berhormat Menteri Pertahanan dengan Setiausaha Agung MCA, Lee Kim Sai pada waktu itu - ketegangan kaum - sehingga membawa kepada ada satu cadangan daripada UMNO untuk mengadakan himpunan sejuta umat Melayu di Kuala Lumpur. Dan, pada waktu itu, termasuklah Menteri Pertahanan, melakukan satu proses mobilisasi rakyat, orang-orang Melayu untuk keluar ke Kuala Lumpur dengan menghasut orang-orang Melayu - di kalangan pemimpin UMNO ini menghasut orang Melayu untuk bawa senjata-senjata bagi menimbulkan huru-hara untuk membawa mancis bagi membakar rumah orang Cina, membawa keris bagi membasahkan darah orang Cina di Kuala Lumpur dan sebagainya.

Tetapi, apabila pihak polis bertindak bijak untuk menghalang perhimpunan tersebut tiba-tiba yang ditahan di bawah ISA ialah di kalangan pemimpin parti pembangkang dan aktivis NGO pada waktu itu. Sedangkan dua orang ini, dua orang penting yang terlibat dalam ketegangan ini, Menteri Pertahanan, Setiausaha Agung MCA, diberi cuti selama 2 bulan.

Saya mengatakan bahawa inilah dia satu *indicator* – petunjuk yang menunjukkan bahawa ISA digunakan bukan digunakan berasaskan kepada alasan keselamatan. Alasan keselamatan hanya digunakan bagi menghalal tindakan untuk menyekat musuh-musuh politik di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional, termasuklah apa yang sedang berlaku sekarang ini, iaitu seramai 10 orang dan mungkin akan ada lagi selepas daripada ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sebab itu saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' tadi bahawa apabila Yang Berhormat menyebut bahawa pihak kerajaan, pihak polis mengatakan bahawa ada alasan-alasan keselamatan, pihak polis gagal untuk mengemukakan penghujahan yang sebenarnya, bukti yang menunjukkan apa yang mereka perolehi. Apabila ditanya kepada Tan Sri Norian Mai, selaku Ketua Polis Negara, mana bukti? Ditanya oleh pihak akhbar, dia kata, "*kadang-kadang kata-kata itu lebih berbisa daripada senjata*". Ini menunjukkan bahawa Ketua Polis Negara tidak ada bukti....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang sangat, sudahlah tu, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak ada satu bukti yang jelas yang menunjukkan bahawa mereka ini mengancam keselamatan negara

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:tetapi saya percaya mungkin mereka ini mengancam keselamatan politik pemimpin UMNO termasuklah Perdana Menteri sendiri.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Apa yang telah Yang Berhormat bangkitkan ialah atas hujah perkara-perkara yang lalu. Pertanyaan yang paling akhir, Yang Berhormat meminta supaya Ketua Polis Negara menerangkan apakah contoh-contoh ataupun kejadian-kejadian yang berlaku yang boleh membangkitkan huru-hara negara. Kalau perkara itu tidak berlaku, tidaklah boleh dibagi contoh. Ini satu yang paling nyata.

Dan, tindakan yang diambil ialah untuk menyekat perkara ini berlaku. Oleh sebab itu, contoh itu tidak ada. Dan, apa yang dibuat oleh polis ialah menahan untuk menyiasat atas apakah pandangan pihak polis dan apakah dalam pandangan pihak polis ini yang didengar atau yang disiasat dibuat sebelum ditemubual dengan subjek-subjek yang berkenaan. Ini perkara yang menjadi kebiasaan yang telah saya katakan bahawa polis membuat penyiasatan dan akhirnya akan mempersembahkan kepada kuasa yang lebih tertinggi untuk mengambil tindakan dan seterusnya.

Kalau Yang Berhormat bangkitkan bahawa perkara-perkara yang lalu, saya hanya menjawab perkara yang ada sekarang. Dan, kalau Yang Berhormat hendak mengatakan tidak ada contoh seperti juga dalam pepatah Melayu ada mengatakan, "*Jauhari sahaja yang mengenal manikam*." Ini pepatah yang amat susah kita nilai, bagai siapakah yang jauhari ini, yang tahu manikam, manikam itu bagaimana. Dalam penilaian kita manikam itu yang apa, ya? Itu jawapan atas apa yang telah dibangkitkan.

[Beberapa orang ahli berdiri]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ramai yang berdiri Yang Berhormat. Minta penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya bagi Ketua Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, Pendang.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin mendapat penjelasan kerana penangkapan yang terbaru bermula pada 10 April, dan sehingga hari ini sudah lebih daripada 3 minggu. Kebiasaan yang berlaku, tangkapan di bawah ISA ini selepas penyiasatan 2 minggu kaum keluarga yang terdekat, seperti isteri, anak-anak atau ibu bapa tahanan dibenarkan untuk melawat tahanan. Begitu

juga dengan peguam mereka ataupun doktor untuk memastikan keadaan kesihatan mereka dalam tahap yang baik.

Tetapi, saya ingin mendapat penjelasan, kenapa setelah lebih dari 3 minggu rayuan demi rayuan dibuat oleh keluarga terdekat dengan mangsa keganasan ISA ini iaitu isteri dan ibu bapa mereka untuk menemui mangsa tahanan ini tidak dibenarkan. Bukan sahaja keluarga, bahkan pihak Suhakam sendiri pun tidak dibenarkan untuk melihat mereka, untuk melawat mereka bagi memastikan keadaan kesihatan mereka terjamin.

Kenyataan Ketua Polis Negara sukar untuk dipercayai pada waktu ini kerana pengalaman telah mengajar rakyat Malaysia ini, kenyataan bekas Ketua Polis Negara ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim ditangkap pada 20 September, di mana dia menyatakan keadaan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada waktu itu sihat walafiat tetapi apabila Datuk Seri Anwar dihadapkan ke mahkamah, yang dilihat, yang dibuktikan ialah kesakitan beliau dengan mata yang lebam dan telah menerima satu pukulan daripada pakar pukul yang profesional, yang berlesen, yang diakui oleh para doktor satu pukulan maut, yang boleh menyebabkan kematian.

Jadi, inilah sebabnya para keluarga begitu risau tentang keadaan suami mereka dan ayah-ayah mereka kerana setelah 3 minggu mereka masih belum boleh dibenarkan untuk melawat keluarga mereka yang ditahan itu. Jadi, apakah satu masa penyiasatan yang begitu panjang, sedangkan pihak polis, pihak kerajaan menyatakan, mereka mempunyai anggota polis yang profesional, yang begitu ramai untuk membuat penyiasatan.

Apakah begitu rumit untuk menjalankan penyiasatan, sehingga memakan masa lebih daripada 3 minggu? Ingin saya mendapat penjelasan. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pendang, saya akan sambung, ia ada kaitan dengan jawapan kepada apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat sendiri.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga meminta penjelasan tentang permohonan SUHAKAM untuk bertemu dengan tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Untuk tujuan ini, pihak Polis Diraja Malaysia telah memberi jawapan kepada SUHAKAM yang memberitahu pihaknya akan mengatur satu pertemuan di antara SUHAKAM dengan tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri setelah siasatan selesai dijalankan.

Demikian juga pihak Polis Diraja Malaysia boleh mengizinkan ahli keluarga yang terdekat iaitu isteri dan anak-anak berjumpa dengan orang-orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri setelah selesai siasatan pihak polis melakukannya. Ini bagi menjawab kedua-dua yang berkenaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada empat orang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Berhubung dengan dakwaan Yang Berhormat bagi Pokok Sena *[Disampuk]* mengenai tiga orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang mengalami kecederaan semasa dalam tahanan adalah dijelaskan bahawa dakwaan tersebut adalah tidak benar.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, ramai ini.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kesemua tahanan nanti Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, nanti dulu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Pasal jawapan terhadap...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya silakan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:soalan yang dibangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti sekejap ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bahawa dakwaan tersebut adalah tidak benar. Kesemua tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri berada dalam keadaan sihat.

Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju dan membangkitkan bahawa peranan pasukan keselamatan dan pembangunan amat penting. Ini jelas amat benar sekali kerana keselamatan negara ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Mengetuk mikrofon]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah ketuk, saya nampak.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: ...dan ketenteraman awam merupakan syarat asas...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan tidak?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Nanti, saya habiskan dahulu paragraph ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia minta habiskan. Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dalam Peraturan Mesyuarat selagi orang itu bercakap dan berdiri ...

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Prasyarat yang penting untuk ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ...selepas itu dia tidak benarkan. Itu peraturannya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: ...kejayaan rancangan pembangunan negara apabila keselamatan negara terancam atau apabila kestabilan negara tergugat, tidak ada rancangan pembangunan yang dapat dilaksanakan. Rakyat juga tidak dapat mencapai matlamat kemakmuran negara sekiranya negara ini dalam keadaan kacau-bilau. Ya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak bagi yang mana?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Oh, saya kena bagi dialah, dia tidak dapat lagi. Dari Kuala Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dari Kuala Terengganu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Soalan yang saya bangun itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, Kuala Terengganu, ya. Tidak usah tawar-menawarlah Yang Berhormat. Ya, Kuala Terengganu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kita bagi habis.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Dato....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri pandang sana sahaja, tidak pandang sini. *[Ketawa]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada, sabar, ikut yang dia bagi dahulu lah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya amat kecewa dengan jawapan Timbalan Menteri berkenaan ISA sendiri kerana bagi saya, Dato' Timbalan Menteri amat tidak konsisten dengan isu ISA ini sendiri. Kalaulah semasa di dalam Semangat 46 dahulu, Dato' dan rakan-rakan dalam Semangat 46...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus yang lain Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:mengecam ISA dan menganggap ianya adalah undang-undang yang draconian dan kejam serta menyekat kebebasan yang berlaku di negara kita. Malahan menganggap Perdana Menteri sendiri sebagai seorang diktator apabila menggunakan ISA kepada apa yang disebut sebagai Parti Pembangkang.

Apa Yang Berhormat berlaku sekarang ini adalah penggunaan ISA ini sekali lagi digunakan terhadap pembangkang dengan justifikasi-justifikasi yang tidak meyakinkan rakyat terhadap penggunaan ISA ini sendiri dan saya yakin hati kecil Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tidak setuju dengan ISA kerana saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sanggup menjadi kembiri politik untuk mempertahankan seorang diktator yang ada di negara kita dengan menggunakan ISA kerana kedudukan politiknya dan juga masa hadapan politik dia serta kroni-kroni dia berada di hujung tanduk.

Persoalannya sekarang, kita bercakap soal untuk mengembalikan kestabilan, kita hendak mengembalikan keyakinan masyarakat, bukan sahaja dalam negara tetapi luar negara terhadap apa yang ada di negara kita tetapi dengan penggunaan ISA ini, sekali lagi menunjukkan dan memberikan suatu yang boleh dikatakan sebagai justifikasi kepada kedudukan yang ada di negara kita sendiri bahawa kita sedang menghadapi krisis keyakinan yang berat khususnya Perdana Menteri sendiri sedang menghadapi krisis keyakinan yang berat dan yang lebih penting lagi adalah dari sudut sokongan dan dukungan orang-orang Melayu terhadap Perdana Menteri sendiri begitu luntur dan terhadap UMNO sendiri begitu luntur. *[Disampuk]*

Inilah sikap desperado politik...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu bukan soal jawab, itu bahas.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: dan saya harap...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalnya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya, saya harap Timbalan Menteri yang dahulu begitu lantang menentang ISA, jangan menjadi kembiri politik di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu sepatutnya mempersoalkan apa yang saya perkatalkan, bukan hendak menuduh saya, ya. Saya pun tidak tahu adakah Yang Berhormat juga satu kembiri yang baru datang sebab dahulu Yang Berhormat tidak berkecimpung dalam politik. Adakah sebab Yang Berhormat terlibat dengan perkara-perkara tertentu, Yang Berhormat dipanggil untuk menyertai ini.

Kalaulah Dr. Mahathir ini menggunakan kuasa politik untuk menangkap orang-orang yang menentang kerajaan dan beliau, saya adalah di antara satu yang sepatutnya ditahan di bawah ISA tetapi saya tidak menjadi jalang untuk memperkatakan perkara-perkara seperti ini *[Tepuk]* sewaktu saya di luar kerajaan. Saya tidak melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan undang-undang. Saya tidak melanggar peraturan. Sebab itu saya tidak ditahan.

Orang yang ditahan ialah orang yang melanggar undang-undang. Saya walaupun di luar kerajaan, saya tidak melanggar undang-undang. Sepatutnya saya sudah ditahan dan insya-Allah kalau Yang Berhormat juga melanggar peraturan dan undang-undang, kerajaan tidak teragak-agak untuk menahan perkara-perkara seperti ini.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tetapi kita menangkap orang-orang yang terbabit di atas tangkapan polis ini bukan kerana mereka parti pembangkang, kerana mereka melanggar peraturan dan hari ini *[Disampuk]* hanya 10 orang sahaja yang sudah ditangkap di bawah perkara-perkara yang di bawah kuasa ISA, tangkapan yang dibuat oleh pihak polis.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dua orang berdiri.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat mestilah berhati-hati dalam melemparkan cakapan-cakapan kepada orang lain. Jangan Yang Berhormat hendak tunjuk bahawa Yang Berhormat adalah yang paling baik dan yang paling bersih. Saya takut nanti "kokok berderai-derai, ekor bergelumang tahi".

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, empat orang berdiri Yang Berhormat. Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak rakyat *[Disampuk]* yang cinta kepada keamanan, mengucapkan tahniah kepada pihak polis *[Tepuk]* atas tindakan menahan 10 orang dan mungkin lebih di bawah ISA. Selama ini kita memberikan kepercayaan kepada polis untuk menentukan keselamatan dan keamanan negara dan pihak polis tidak pernah gagal dan ini memberikan satu keyakinan kepada rakyat.

Soal keselamatan ini ialah soal yang besar dan soal pokok dalam negara. Kita tidak mahu jadi macam Indonesia. Kita tidak mahu jadi macam Filipina, sehingga rakyat mengambil undang-undang di tangan mereka. Jadi, kalau rakyat sudah mengambil tindakan atau undang-undang di tangan mereka, undang-undang sudah tidak berharga lagi di negara ini. Akhirnya, tidak ada satu kuasa pun yang boleh mengawal keselamatan.

Saya berharap suara-suara parti pembangkang ini diketepikan kerana mereka ada agenda politik, bukan agenda keselamatan hendak melindungi rakyat. Jadi, kalau boleh tangkap, tangkap lagi. *[Disampuk]* Kita korbankan 100 orang tidak apa untuk menjaga 22 juta orang. *[Tepuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sila, sila, sila tangkap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, ini soal keselamatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soal yang amat penting. Kita tidak mahu berlaku pembunuhan dan kematian di kalangan rakyat yang tidak berdosa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Disampuk]* Ini alasan bukan alasan politik. *[Disampuk]* Ini alasan keselamatan. Soal pembangkang dia cuba hendak

alihkan ini kepada soal politik. Jadi, saya berharap kerajaan bertindak tegas dalam hal keselamatan ini dan menyokong penuh apa sahaja tindakan pihak polis, kerajaan bagi melindungi rakyat yang ramai untuk kesejahteraan dan keamanan mereka.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kerajaan tetap berdiri mengikut peraturan dan undang-undang yang ada dan siapa-siapa yang terlibat dan menentang peraturan dan undang-undang ini, kerajaan akan mengambil tindakan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang lagi berdiri Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:dalam undang-undang dengan apa yang ada di tangan kuasa kerajaan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jeli, Jeli.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. ISA adalah satu isu yang sentiasa diperdebatkan dan mengikut kajian yang dibuat, negara-negara di Asia Tenggara yang masih mengekalkan ISA, pertama Malaysia, kedua Singapura. Orang lain sudah tidak kekal ISA.

Kita dapati bahawa Ketua Polis Negara telah membuat pertuduhan bahawa mereka yang terlibat dan ditangkap di bawah ISA ini ialah mereka yang membuat bom tangan, molotov cocktail dan rocket launcher. Pertuduhan sudah dibuat, apakah kerajaan masih tidak percaya dengan undang-undang yang cerah dan sudah terbuka ini sehingga terpaksa menggunakan undang-undang gelap? Apakah kerajaan tidak berani bersemuka dengan undang-undang yang kerajaan juga buat?

Kalau kerajaan tidak yakin dengan undang-undang yang dia buat, bermakna kerajaan belum layak untuk menjadi kerajaan. *[Disampuk]* Belum layak. Dia buat kerajaan, dia tidak percaya kepada undang-undang yang dibuat. Sekarang ini apakah kerajaan tidak percaya, apakah kerajaan merasakan undang-undang yang terbuka dan sudah cerah ini, kerajaan belum yakin lagi bahawa undang-undang yang cerah itu dapat mengatasi semua masalah negara. Kalau rasa tidak mampu, baik letak jawatan, bagi pada kami tadbir, senang. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ini hendak tubuh kerajaan, bukan ada orang merajuk ya ataupun boleh minta-minta macam itu, tidak ada. Kerajaan ini kerajaan rakyat. Dalam kerajaan beri mandat kepada kita, dia bukan sahaja setuju dengan kita, dia setuju dengan undang-undang yang ada. Mana orang yang tidak bersetuju dengan rakyat dan undang-undang yang ada, itu kena tunggulah pada tarikh kita membicarakannya seperti kata Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dahulu, "Kita tengok dalam pilihan raya nanti, kita akan serah balik kepada rakyat". Itu yang baik dan kita serahkan kepada rakyat dan kali ini rakyat sudah buat keputusan. Kali ini kami. Tunggulah hari hangpa pula. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, ini ramai lagi yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Nanti, saya hendak jawab ini ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia hendak jawab dahulu Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Nanti saya bagi. Saya ingat ISA ini sudah banyak kali kita jawab, tidak habis-habis lagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Soalan yang...

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...Pokok Sena bangkit ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya bagi kepada Kota Melaka dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini berkenaan dengan isu lawatan oleh keluarga mangsa, orang yang kena tahan. Saya ingin mendapatkan satu penjelasan, mengapakah kali ini nampaknya polis amalkan satu polisi yang baru iaitu dalam tahun 1987, majoriti orang yang kena tahan, keluarga dibenarkan melawat awal. Dalam kes saya, keluarga boleh melawat saya dalam satu minggu. Kes Lim Guan Eng, dekat 10 hari. Kalau Yang Berhormat bagi Pokok Sena tidak lebih 14 hari.

Saya percaya kalau saya buat satu survey antara ahli-ahli Parlimen DAP yang kena tahan, saya rasa tidak ada orang dibenarkan selepas 2 minggu tetapi kali ini nampaknya polis kata kena tunggu sehingga penyiasatan habis. Pengalaman saya ialah dalam soal siasat polis, mereka sentiasa memerlukan 25 hari, kemudian papers akan dihantar kepada Menteri Dalam Negeri. Jadi, adakah ini bermakna bahawa kali ini kemungkinan keluarga mangsa-mangsa ISA cuma dibenarkan lawat selepas 35 hari.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya pun tidak dapat menjawab berapa hari dibenarkan tetapi saya sudah menjawab bahawa keluarganya akan dibenar dan SUHAKAM juga akan dibenar berjumpa dengan pihak yang berkenaan. Saya sudah jawab tadi ya. Jadi, insya-Allah kalau ianya tidak berlaku, Yang Berhormat boleh maklum kepada saya, kalau dalam jangka Yang Berhormat kata tidak sesuai.

Saya telah jawab bahawa SUHAKAM dan keluarga tahanan akan dibenarkan berjumpa dengan tahanan-tahanan tangkapan ISA ini dalam masa yang ditentukan oleh pihak polis.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ramai lagi yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi yang mana? Ataupun tidak bagi? Itu terpulang kepada Menterilah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tunggu dahululah. Kalau tidak saya jawab ini sahaja. Ini tidak habis ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak jawab dahulu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya jawab dahulu ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia jawab dahulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, pasal ISA ini. Yang Berhormat, pasal ISA. Saya yang bangkit pasal ISA itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak, terpulang kepada Menteri lah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Patut berilah peluang.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bukan sahaja bangkit, tangkapan sudah duduk dalam. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ha, itu yang patut bagi peluang. Patut bagi peluang lebih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya banyak kali lah bagi Yang Berhormat bagi Pokok Sena sahaja. Nanti Yang Berhormat yang lain gaduh pula.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sat lagi bagi kat depa pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ha tengok semua bangun. Sebab itu saya bercakap dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia hendak bercakap dahulu Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sehubungan dengan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak cakap dahulu Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: ...kerajaan sentiasa mengambil berat untuk memastikan Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia disediakan peruntukan mencukupi di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Bagi Kementerian Dalam Negeri, peruntukan sebanyak RM135,400,000 disediakan dan Polis Diraja Malaysia peruntukan sebanyak RM790,700,000 disediakan.

Berhubung dengan peruntukan untuk perumahan bagi anggota Polis Diraja Malaysia, kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM809,000,000. Kerajaan membuat sasaran ini untuk membina 3,000 unit rumah untuk Polis Diraja Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini selain daripada 4,780 unit yang sedang dalam pelaksanaan dan pada masa ini kerajaan telah siap membina 53,000 unit perumahan khas untuk Polis Diraja Malaysia.

Berhubung dengan cadangan supaya kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Nanti dahulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: pasal sudah pergi jauh dah itu.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat, memang tidak boleh sabar sudahkah? *[Ketawa]* Nantilah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pasal sudah pergi jauh dah ini, pasal perumahan sudah ini, ini pasal ISA ini. Perumahan ini, saya tidak bersetuju dengan Datuk sebut, pasal saya hendakkan banyak lagi.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Insya-Allah lah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Banyak lagi peruntukan.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Hendak banyak lagi macam mana, sampai hendak baca pun tidak boleh, dok berdiri tidak berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena, dia hendak teruskan Yang Berhormat, tidak usah berbincang dengan dia. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Nanti Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat dahulu nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sudah ubah topiklah atau ISA lagi?

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Oklah Yang Berhormat. Ya?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Ok, terima kasih.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Pertamanya, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai pertamanya, pertuduhan-pertuduhan yang telah dibuat terhadap mangsa-mangsa tangkapan ISA ini melalui media-media, di mana mereka dikatakan membuat perancangan untuk mengebom, hendak membeli senjata dan sebagainya tetapi, apabila diminta supaya bukti-bukti ini diberikan di mahkamah semasa peguam-peguam mereka ini membuat habeas corpus, mengapa polis tidak berupaya mengemukakan bukti-bukti tersebut dan juga selalu dikatakan bahawa ISA ini diterima rakyat. Mengapa tidak kerajaan buat referendum, tanya seluruh rakyat sama ada diterimakah tidak ISA ini? Apa yang nyatanya ialah seluruh rakyat memang menentang ISA ini. Jadi, saya minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, lebih kurang sama dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi. Saya beri contoh seperti orang kata, "hanya jauhah sahaja yang mengenal manikam". Itu persoalan yang pertama.

Persoalan yang kedua, kita meletakkan memorandum kepada rakyat seperti pada tahun 1989, kerajaan telah meletakkan memorandum kepada rakyat. Tadi, saya telah menjawab juga, kalau rakyat memberi persetujuan kepada mana-mana parti untuk menubuhkan kerajaan, sekali gus rakyat bersetuju dengan undang-undang yang ada. Kalau rakyat tidak bersetuju, sudah tentu ia tidak memilih kerajaan yang ada dan Kerajaan Barisan Nasional, adalah kerajaan yang pada musim lepas, bukan satu kerajaan baru. Ini saya menjawab kedua-dua soalan yang berkenaan. Saya rasa itu adalah satu soalan yang boleh memartabatkan kuasa rakyat bagi menentukan kuasa kerajaan yang ada pada hari ini.

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tanah Merah. Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Tidak apa, tidak apa, Tanah Merah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanah Merah, ya.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih. Saya teringat pada suatu ketika dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut bahawa dia cuba melarang di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO yang terlalu kaya daripada terlibat di dalam pertandingan UMNO di peringkat bahagian dan pimpinan tertinggi parti. Ekoran daripada itu, Yang Berhormat ada mengeluarkan *statement*, mengeluarkan kenyataan bahawa ramai juga pemimpin yang terlibat dengan politik wang ini akan ditangkap di bawah ISA kerana ini juga akan menggugat keselamatan negara. Adakah Yang Berhormat bercakap pada waktu itu untuk menarik perhatian ataupun untuk menyembunyikan fakta sebenar?

Ini kerana kita tahu apa yang dilaporkan oleh ramai pemimpin UMNO. Sebagaimana yang kita tahu, yang telah dilaporkan oleh Datuk Fauzi sebagai Ketua UMNO Bahagian Kuantan dan sehingga ke hari ini, belum selesai lagi penyiasatan. Saya yakin bahawa tindakan tidak akan diambil kepada pemimpin-pemimpin UMNO yang telah menggunakan wang untuk politik di dalam krisis politik wang ini, kerana pemilihan UMNO sudah berakhir pada 30 hari bulan yang lepas. Jadi, sejauh mana saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah ini adalah ucapan untuk politik ataupun untuk mengampukah, agenda peribadi atau untuk menyembunyikan fakta yang sebenar? Ini, saya minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tanah Merah atas persoalan ini. Ini juga ditimbulkan oleh penulis dalam akhbar *Utusan Malaysia*. Saya tidak ada agenda peribadi saya. Sebenarnya, jawapan yang saya beri juga saya beri penjelasan dalam akhbar *Utusan Malaysia* bersabit dengan politik wang yang saya maksudkan. Sama ada apa yang dilakukan dikatakan oleh siapa, dalam perkara apa, pada bila-bila masa, tindakan ISA hanya boleh diambil apabila sampai kepada tahap membahayakan, membangkitkan, menimbulkan kacau-bilau, 'pencernaan' dan huru-hara sehingga pertumpahan darah dalam negara ini, itu yang

sebenar. Kalau dalam UMNO, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana UMNO dibangkitkan, dalam UMNO, UMNO ada Panel tata Etika sendiri.

Mana-mana mereka yang menggunakan wang, salah guna kuasa di dalam pemilihan ini, akan diambil tindakan oleh Panel Tata Etika ini. Ada yang saya ketahui daripada kawan-kawan yang telah dihukum, ada yang terlepas daripada tuduhan yang berkenaan. Ini bukan satu gerak gempur ataupun satu ugutan tetapi satu penerangan yang dapat saya pandang sebagainya Timbalan Menteri Dalam Negeri, kepada tahap merbahaya. Tadi pun, saya jawab tahap merbahaya inilah yang kita takut berlaku, maka tindakan diambil untuk menyekat berlaku taraf yang merbahaya ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: Parit, Parit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ini ramai yang berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Bagan, Bagan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Datuk Timbalan Menteri. Akta ISA ini, disifatkan sebagai zalim, bukan sahaja penyokong-penyokong pembangkang yang menyifatkan dan membantah ISA ini, bahkan pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional pun demikian. Ada ramai pemimpin parti komponen Barisan Nasional khususnya di Pulau Pinang, mereka mengeluarkan kenyataan-kenyataan bahawa mereka ini membantah terhadap akta ISA ini. Jadi, janganlah seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, segala-gala, semua rakyat Malaysia ini, sokong kepada kerajaan menggunakan ISA. Jadi, Yang Berhormat, terdapat juga suara-suara, kalau bukan sepenuhnya, bukan 100%, sekurang-kurangnya pun ada setengah.

Kalau memungut suara atau referendum, mungkin akan lebih daripada itu. Jangan Yang Berhormat, silalah pakai dengan bijaksana memenuhi rayuan-rayuan dan segala-gala bantuan yang boleh diberi kepada keluarga mereka ini, keluarga mangsa ISA ini, kerana mereka ini semua manusia. Bapanya kena tangkap, suaminya kena tangkap, anaknya kena tangkap. Kepada mereka yang belum kena, mereka tidak tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat, persoalannya Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: ...suatu hari mereka kena, baru mereka boleh tahu perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Seperti yang dikatakan tadilah, saya pun tidak tahu sebab saya tidak kena tetapi, kerajaan membuat perhatian ini. Apa pun yang dikatakan oleh rakyat, telah pun disarankan oleh seorang menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa ISA ini akan dinilai semula. Kalau ianya dinilai semula, boleh mendapat sokongan daripada Yang Berhormat sehingga pilihan raya yang akan datang, saya yakin Yang Berhormat tidak akan menyokong juga. Kalau tidak mengikut selera Yang Berhormat, dalam pilihan raya yang akan datang pun, Yang Berhormat tidak menyokong juga. Maka Yang Berhormat tidak akan mengikut kehendak ramai. Kalau kita tidak mendapat sokongan rakyat, bermakna rakyat tidak menyokong kita, tidak suka dengan ISA. Kalau Yang Berhormat tidak mendapat sokongan rakyat, bermakna rakyat suka kepada kita, bermakna suka kepada undang-undang yang ada, itu sahaja.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan lagi? Saya ingat ISA ini sudah panjang dah Yang Berhormat. Terpulang kepada Yang Berhormatlah.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Saya ingat saya tidak bagilah, banyak sangatlah Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak habiskan ini sedikitlah.

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: Parit, Parit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia.....*[Disampuk]*

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Saya lihat dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Minta banyak sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak teruskan dahulu.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Tidak akan habislah...

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya polis, saya tidak bersabit dengan ISA.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Tidaklah, terpulang kepada menterih tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: pandangan sudah berulang-ulang.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Saya pun hendak tanya ISA ini.

Tuan Husam bin Haji Musa:saya tidak bersabit dengan isu ...

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Berhubung dengan cadangan supaya kerajaan menambahkan kelengkapan Polis Diraja Malaysia.....*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin:.....kerajaan memang telah memperoleh kelengkapan seperti bot-bot ronda, alat perhubungan radio, alat bantuan teknik dan persenjataan dengan.....*[Disampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Benda yang sama, Yang Berhormat?

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak .

Datuk Zainal Abidin bin Zin: 613,000..... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian bangun, Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: 67,000 di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Daripada jumlah sebanyak RM50 juta diperuntukkan.....*[Disampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Kubang Kerian.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: ...bagi Sistem teknologi maklumat.....*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Ini termasuklah pembelian peralatan dan kelengkapan komputer bagi mempertingkatkan perkhidmatan pasukan polis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, dia hendak habiskan dahulu.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Peruntukan ini telah ditambah RM80 juta di dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagikah tidak bagi? Cakap tidak bagi sudahlah.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Kerajaan sentiasa peka dan prihatin.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dah dia tidak bagi.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: dalam menjaga kebajikan pasukan keselamatan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dah dia tidak bagi, saya tidak ada kuasa.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa lagi, Yang Berhormat?

Datuk Zainal Abidin bin Zin: ...khususnya gaji dan elaun kepada anggota-anggota Polis Diraja Malaysia telah disediakan di dalam Anggaran Belanjawan Mengurus tahunan . Mulai Januari 2001, bayaran insentif kos Polis Diraja Malaysia sebanyak RM100 telah dibayar kepada anggota-anggota yang memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan. Elaun *ration* Pasukan Gerak Am (PGA)....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang lagi berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: ...yang dahulu tidak lagi dibayar atas kadar RM1.50 sen sehari kepada pegawai kanan polis.....*[Disampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, tiga orang berdiri, hendak bagikah tidak bagi, Yang Berhormat?

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Ini kepada pegawai rendah anggota polis....*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, dia tidak bagi.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Itu teks ucapan saya yang saya tidak bagi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Anggota polis rendah Malaysia telah dinaikkan kepada RM4.50 sen sehari.....[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Saya sudah beritahu.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: ..dan RM4.90 sen sehari di Sabah dan Sarawak tanpa mengira pangkat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Hassan bin Mohamed: [Bangun]

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Tidak bagi, tidak bagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Menyampuk]

Seorang Ahli: Tidak bagilah..

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Memang tidak jawab pun, ini baca. [Ketawa].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa. [Ketawa].

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Mengenai cadangan untuk memberikan latihan persediaan dalam bidang ICT kepada anggota-anggota polis yang hendak

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan macam itulah Pokok Sena. Itu terpulung kepada dia.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kita hendak faham macam mana? Kita tidak

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Pihak kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan cadangan tersebut.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:semasa menteri menjawab, kita boleh bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, itu terpulung kepada dialah. Hendak bagi Yang Berhormat?

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Terpulunglah. Itu peraturan macam itu. Bila saya menggulung, saya menggulunglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Bila dia bercakap, dia bercakaplah. Saya pun tidak tanya. Saya sudah bagi dia tanya banyak kali sudah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baru sekali hari ini.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Yalah, orang lain tanya lagi. Dewan ini bukan Yang Berhormat seorang. [Ketawa].

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya baru tanya sekali.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagilah, Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Ini bagi betis, hendak paha pula dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Duduklah, cukuplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Patut saya bagi, Kubang Kerian pun saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak tahulah.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Sekejap lagi, saya akan bagi dekat dia. Tunggu ini dua, tiga orang ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pasal, saya hendak sebut di sini, berkenaan dengan kenyataan pembohongan yang dilakukan....*[Disampuk]*

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Yalah..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudahlah Yang Berhormat. Janganlah Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Berkaitan dengan kenyataan pembohongan yang dilakukan oleh*[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena, dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Tidak apalah, kalau apa pun, Yang Berhormat sudah tanya banyak kali tadi, sudah. Nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini kenyataan pembohongan....*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Ini cadangan untuk memberikan latihan persediaan dalam bidang ICT...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: ...latihan persediaan dalam bidang ICT kepada anggota-anggota polis yang hendak bersara awal, pihak kerajaan

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah, duduklah, dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Pihak kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, pada masa ini, Polis Diraja Malaysia telah pun merancang dan sedang melaksanakan program latihan kepada seluruh anggota ini dalam bidang ICT secara berterusan. Program bidang ICT melibatkan semua peringkat anggota pelbagai pangkat dalam Polis Diraja Malaysia....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dua orang ini masih berdiri, Yang Berhormat. Kalau saya tidak suarakan, kata saya pula tidak benar.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Sekejap lagi, saya beritahu siapa saya hendak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bagi, dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Program ini melibatkan semua peringkat anggota berpangkat dalam Polis Diraja Malaysia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak tunggu, tidak apalah, terpulang kepada Yang Berhormat.

Datuk Zainal Abidin bin Zin:meluaskan skopnya mengikut keperluan masa. Melalui program latihan ini, semua anggota polis dijangka akan celik IT dan kemahiran dalam mengendalikan peralatan-peralatan komputer. Oleh itu, apabila mereka meninggalkan perkhidmatan, mereka telah pun mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam bidang tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat, dua orang ini?

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ini dan saya hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia akhir sekejap, selepas itu hendak bagi Kubang Kerian, ya?

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak akhir dahulu.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Eh, ini bukan Kubang Kerian ini, Kuala...?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian.

Datuk Zainal Abidin bin Zin: Haa, Kubang Kerian, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Salah satu daripada aspek keselamatan adalah gejala jenayah yang sedang meningkat. Saya merujuk kepada kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi Jelebu pada minggu lepas bahawa banyak kejadian jenayah yang besar termasuk pembunuhan, rogol, rompakan bersenjata tidak dapat diselesaikan oleh pasukan polis dan kadar ini sedang meningkat dan Dato Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberikan angka peningkatan daripada tahun ke tahun. Kerajaan kepada Jabatan Perdana Menteri akan menjemput pakar-pakar penyiasat daripada luar negara untuk datang membantu siasatan. Yang pertama, saya hendak tahu adakah mutu polis kita telah menurun dan adakah polis tidak bercadang untuk menghantar anggota polis dalam negara kita berkursus di luar negara bagi mendapatkan kepakaran penyiasatan sehingga kita tidak perlu membawa *James Bond* daripada oversea untuk datang menyiasat kes-kes jenayah kita.

Yang ketiga, saya hendak tahu adakah polis negeri telah membuat satu kajian adakah undang-undang kita tidak preventif dari segi menghalang rasa ingin melakukan jenayah di kalangan rakyat kerana ini juga adalah aspek keselamatan bukan sahaja demonstrasi jalanan boleh mengancam keselamatan bahkan kejadian jenayah yang melibatkan orang awam pada setiap masa adalah lebih dahsyat lagi, lebih menakutkan lagi dan ini perlu diberikan perhatian termasuk meningkatkan keupayaan polis.

Dan yang keempat saya hendak tahu, Perdana Menteri telah berucap memberitahu wartawan pada hari perasmian UIA bahawa beliau mendapat ancaman bunuh melalui Internet. Adakah polis telah mengesan siapakah yang telah menghantarkan mesej pembunuhan Perdana Menteri dalam Internet termasuk yang Dato' sebutkan tadi, polis mesti ada pakar mahir dalam ICT dan saya berharap polis dapat mengeluarkan kenyataan secepat mungkin sejauh mana siasatan itu telah berlaku ataupun kenyataan Perdana Menteri itu tidak berasas.

Yang akhir sekali, saya hendak tahu ialah adakah Kementerian Dalam Negeri sudah menubuhkan panel syariah. Kalau dalam ekonomi kita ada panel syariah untuk pelaburan syariah supaya mengkaji semua akta yang ada di bawah Keselamatan Dalam Negeri termasuklah ISA sama ada selaras dengan syariah ataupun tidak kerana kita tahu sebahagian daripada tahanan diseksa, ditelanjangkan dan ini tentu

bertentangan dengan syariah termasuk tahanan tanpa bicara. Jadi kalau kerajaan dapat memberikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Akhir sekali. Kalau kerajaan dapat memberikan keyakinan kepada rakyat bahawa semua akta ini adalah selaras dengan syariah Islam, insya-Allah kita akan benkan sokongan. Tetapi kalau bercanggah dengan Islam, kita telah melakukan satu dosa dan ini perlu ditinjau. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat. Perkara-perkara yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi, sebahagian besarnya dalam soalan lisan kita telah jawab. Walau bagaimanapun saya amat yakin bahawa walaupun polis telah mengkhususkan beberapa perkara dalam segi profesionalisme mereka tetapi tidaklah boleh dikatakan polis telah mengambil keseluruhan profesionalisme di dalam pengetahuan mereka ataupun dalam bidang praktikal mereka.. Oleh sebab itulah kita mengadakan latihan dalam negara dan menghantar pegawai-pegawai kita ke seberang laut untuk mengikuti taktik-taktik dan perkara-perkara yang berkaitan dalam soalan kerja-kerja mereka di dalam negara ini.

Dalam ketika kita ketiadaan kepakaran inilah maka kita pada ketika yang tertentu atas perkara-perkara yang tertentu, kita memanggil, kita menjemput penasihat dan kita mempelawa ahli-ahli profesional daripada negara-negara sahabat untuk membantu kita dalam perkara-perkara yang berkenaan. Begitu juga negara-negara sahabat meminta kepakaran kita, pegawai kita yang pakar dalam bidang yang berkenaan untuk membantu mereka. Ini persefahaman yang ada tentang keselamatan negara dan keselamatan dunia dalam perhubungan polis di rantau ini dan dunia keseluruhannya.

Dalam masalah undang-undang Syariah ini, saya tidak ada masa perkara ini dibangkitkan waktu membahaskan perkara ini, saya pohon izin kepada Yang Berhormat untuk saya rujukkan di manakah pegawai syariah yang dimainkan oleh Pegawai Poli Di- raja Malaysia bagi menentukan ianya tidak bercanggah sebab banyak perkara dan kesalahan yang berlaku sama ada oleh tangkapan atau pihak sendiri, kita rujukkan kepada pihak yang berwajib dalam menentukan perkara-perkara yang berkaitan dengan syariah yang berkenaan.

Oleh sebab itu saya mohon sama ada badan yang mengkaji tentang ini ataupun yang implementasi dalam perkara syariah ini sudah ditubuh atau tidak ditubuh tetapi dalam polis, memang ada guru-guru agama sama ada kebolehannya, saya tidak tahu sejauh mana kebolehannya tetapi kemampuannya diiktiraf bagi menyampaikan perkara-perkara yang berkaitan dalam agama ini ada dalam Polis Diraja Malaysia sendiri tetapi sama ada ianya sudah ada badan penghakiman ataupun kepakaran yang lain, saya mohon maaf tidak ada dapat menjawab secara keseluruhan perkara yang berkaitan.

Berkaitan dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang ugutan melalui Internet ini, kita sedang menghadapi masalah bagaimana hendak mencari siapakah yang mengeluarkan ini. Sebenarnya kita belum ada kepakaran yang berkenaan dan ini yang menjadi masalah apabila berita-berita yang dikeluarkan, semua rakyat mengatakan ini adalah berita yang benar tetapi dalam perkara lain mereka katakan ini perkara buatan yang menimbulkan masalah kita di dalam kerajaan dan masalah rakyat, adakah juga sama apa yang kita kata tidak benar maka rakyat kata benar, apa yang kita kata benar, rakyat kata tidak benar. Sekian Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak beri jalan lagi Yang Berhormat?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak ada, saya sudah habis jawab. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia sudah habis Yang Berhormat. Sudah habis Yang Berhormat?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh dia sudah habis Yang Berhormat, dia sudah habis [*Ketawa*] Itu hak dialah, dia kata habis, habislah, saya menerima sahajalah. Yang Berhormat, ini saya menjemput ...

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya tidak ada, saya tidak ada....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri sudah habis jawab. Sekarang saya jemput Kementerian Pengangkutan.

11.57 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Pengangkutan semasa mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan yang mulia ini. Saya juga menghargai pandangan dan teguran yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas perkara-perkara di bawah kawal selia Kementerian Pengangkutan adalah suatu yang amat dialu-alukan bagi kebaikan bersama semua pihak.

Sehubungan itu saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk membolehkan saya memberikan sedikit sebanyak penjelasan secara ringkas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa yang terhad ini berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan.

Yang Berhormat Tambun membangkitkan masalah bagasi yang lambat keluar di KLIA, Sepang. Ini menimbulkan keadaan yang kurang menyenangkan di kalangan pelancong asing yang memasuki negara ini. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tambun, kerajaan memang sedar masalah sistem pengendalian bagasi yang dihadapi di KLIA. Beberapa penerbangan yang mendarat di KLIA telah menghadapi masalah bagasi yang keluar terlalu lewat daripada masa yang ditetapkan. Antara sebab-sebab kelewatan ialah:

- (i) masalah operasi yang timbul apabila pasukan pekerja yang mengeluarkan bagasi dari pesawat dan mengangkut bagasi-bagasi berkenaan untuk diletakkan atas sistem pengendalian bagasi,
- (ii) masalah teknikal tertentu yang dihadapi oleh sistem bagasi berkenaan.

Atas kesedaran masalah kelewatan berkenaan, tindakan telah pun diambil oleh Malaysia Airport Berhad (MAB) dan syarikat-syarikat pengendalian bagasi iaitu Syarikat MAS, Syarikat KLAS untuk mengatasi masalah berkaitan.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Di samping itu kajian juga akan dijalankan ke arah meningkatkan kelajuan penggalakan sistem bagasi berkenaan untuk mengatasi masalah yang berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Kubang Kerian sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Malaysia Airport Berhad telah mengumumkan untuk *downsizing* NECC di Subang dan saya ingin tahu apakah anggaran yang terakhir dan tender telah dipanggil secara terhad ataupun *restricted tender* kepada projek ini dan sehubungan dengan projek ini, MAB telah membayar kepada firma RM45 juta kerana menamatkan perjanjian penggunaan Bangunan Malaysia Airport Berhad di Subang dan firma telah mendapat ganti rugi RM45 juta. Saya ingin tahu adakah langkah ini telah

diteliti secara halus atau diambil secara tergesa-gesa sehingga Malaysia Airport Berhad telah kerugian sebanyak RM45 juta dan bilakah projek ini akan dimulakan dan adakah kajian terakhir telah dilakukan untuk mengetahui sama ada projek ini masih viable ataupun kerajaan berhasrat untuk menanggungkan pembinaan NECC di Subang.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman bagi Kubang Kerian, MAB sebagai sebuah syarikat milik kerajaan dan juga sebuah syarikat di Saham KLSE. Maklumat detail kewangan boleh dapat sebagai shareholders. Untuk menjawab soalan mengenai NECC, MAB akan mengikut garis panduan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia di dalam melaksanakan tender dan pembelian kontrak termasuk kontrak pembinaan NECC. Pada masa ini, tender belum lagi ditawarkan kepada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jeli membangkitkan isu penarikan empat syarikat penerbangan premier seperti British Airways yang boleh menyebabkan pelancong berkualiti tidak datang lagi ke negara ini. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini. Tuan Yang di-Pertua, mengenai penarikan beberapa syarikat penerbangan antarabangsa dari KLIA, ingin saya memaklumkan bahawa kerajaan memang mengambil berat atas perkara ini. Namun demikian, ingin saya menjelaskan bahawa penarikan syarikat-syarikat yang berkaitan adalah berasaskan kepada sebab-sebab tertentu khasnya pertimbangan commercial syarikat masing-masing. Soalan-soalan adalah berkaitan dengan kegawatan ekonomi dan juga airlines, dengan izin, yang melibatkan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa itu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Walaupun demikian, ingin saya memaklumkan bahawa beberapa syarikat penerbangan antarabangsa sejak permulaan KLIA pada tahun 1998 telah memulakan penerbangan ke KLIA dan syarikat penerbangan sedia ada telah menamatkan penerbangan mereka ke KLIA. Syarikat-syarikat penerbangan baru yang telah memulakan penerbangan ke KLIA termasuk North West Airlines dari USA, Turkish Airline, Air Tour International dari UK, Irsenal Airlines dari Korea Selatan, Porla Air Cargo dari USA dan yang lain-lain dari Indonesia. Syarikat-syarikat penerbangan sedia ada yang menambahkan penerbangan ke KLIA termasuk Cathay Pacific Airways, Hong Kong yang menambahkan penerbangan dari 14 ke- 21 kali seminggu, Emirates Airlines Dubai dari 3 ke-4 kali seminggu, KLM Royal Dutch Airlines Netherlands dari 4 ke-7 kali seminggu dan Lauda Air Austria dari 4 ke-5 kali seminggu. Kerajaan bersama-sama Malaysia Airport Berhad serta MAS akan memberi tumpuan kepada tiga aspek penting dalam usaha menjadikan KLIA sebagai pintu masuk yang utama di rantau ini. Aspek-aspek berkaitan adalah seperti berikut:

Pertama, menentukan bahawa KLIA menyediakan perkhidmatan berasaskan kepada piawaian yang

Tuan Jimmy Lim Donald: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Aman.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan berhasrat hendak menghapuskan *landing fees* untuk semua syarikat penerbangan walaupun kita selepas itu rugi tetapi tourist industry kita dapat untung, taxi drivers kita dapat untung dan ekonomi di sektor-sektor hiliran juga dapat untung oleh kerana kalau begitu sedikit syarikat penerbangan yang mendarat di Kuala Lumpur, hanya Singapore dan Bangkok sahaja yang terus untung dan kita akan terus rugi. Apa pendapat kerajaan dalam perkara ini.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Untuk makluman Yang Berhormat bagi Sri Aman, pandangan Yang Berhormat akan dijawab selepas ini.

Saya akan sambung, Tuan Yang di-Pertua. Satu, menentukan bahawa KLIA menyediakan perkhidmatan berasaskan kepada piawaian yang setanding dengan lapangan-lapangan terbang antarabangsa yang terkemuka. Walaupun KLIA telah pun dapat menyampaikan tempat kedua dalam Passenger Survey for the World Best Airport yang dijalankan oleh Sky Track Research UK bagi tahun 2001, tempoh winter, usaha akan berterusan untuk menentukan KLIA mencapai perkhidmatan

cemerlang dalam semua perkhidmatan yang penting di lapangan terbang itu. Untuk tujuan itu satu piawai perkhidmatan akan ditetapkan untuk...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: .. menentukan perkhidmatan lapangan terbang adalah disediakan mengikut tahap yang ditetapkan.

Kedua, mengadakan rundingan-rundingan yang lebih kerap untuk memperolehi hak pendaratan baru atau tambahan supaya meningkatkan lagi hubungan (connectivity) serta kelab perkhidmatan atau frequency, dengan izin, di antara KLIA dengan destinasi-destinasi antarabangsa. Usaha akan juga berterusan menambahkan perkhidmatan penerbangan MAS ke lapangan terbang serantau atau regional gateway, dengan izin.

Ketiga, mengadakan aktiviti pengiklanan dan pemasaran secara agresif untuk menarik syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa asing untuk memulakan atau menambah penerbangan masing-masing ke KLIA. Aktiviti ini termasuk promosi yang akan dijalankan secara bersepadu di antara Lembaga Penggalakan Pelancongan MAB dan MAS. Perbincangan dengan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa juga akan diadakan untuk menarik mereka beroperasi di KLIA. Selain daripada itu, insentif pakej yang menarik akan diperkenalkan untuk menarik syarikat-syarikat penerbangan ke KLIA pada bulan Mei. MAB telah membuat tawaran kepada syarikat-syarikat penerbangan baru serta syarikat-syarikat penerbangan sedia ada untuk mengadakan penerbangan baru atau tambahan.....

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Bagi perkhidmatan-perkhidmatan sedemikian, charge pendaratan dan pemanggil tidak akan dikenakan untuk tempoh satu tahun. Ini akan menjawab soalan Yang Berhormat bagi Sri Aman. Sekiranya penerbangan-penerbangan itu mencapai kekurangan ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman bangun.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:load factors sebanyak 25%.....

Tuan Jimmy Lim Donald: Yang dimaksudkan oleh saya tadi, Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya satu tahun tetapi untuk semua syarikat penerbangan dan kalau dapat kita bagi selonggar-longgar yang boleh, jangan satu tahun, kalau perlu sepuluh tahun ataupun dua puluh tahun supaya syarikat-syarikat yang lain berkumpul di KLIA dan bukan sahaja mengingatkan Singapura ataupun Bangkok. Itu yang saya tanya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya selalu menyarankan supaya kita membenarkan atau menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan mengadakan refuelling stop di airport, seperti Kuching, dalam penerbangan tourist dari Europe ke Australia supaya pada masa refuelling stop ini tourist dapat keluar membeli-belah di Kuching dan menggalakkan tourism industry. Apakah tindakan kementerian tentang refuelling stop ini?

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat mengenai charge pendaratan untuk tempoh lebih panjang, kementerian akan mengkaji.

Mengenai pandangan Yang Berhormat mengenai menggalakkan pelancongan, kementerian akan berbincang dengan Kementerian Pelancongan supaya satu langkah yang lebih baik akan diambil.

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kuala Kedah. Tuan Yang di-Pertua, di KLIA itu tempat tingkat lima check in . Ini untuk menjimatkan belanja dan untuk menolong MAS supaya mendapat untung. Ada empat belas row untuk tempat check in tetapi yang dipakai kalau dalam negeri 'domestik' tidak sampai dua row, satu row ada dua belas

tempat check in, yang dipakai hanyalah check in tanpa bagasi - dua, standby - satu, bagasi lagi - tiga. Satu row pun tidak habis dalam negeri. Yang agak sibuk tempat shuttle flight ke Singapura.

Untuk menjimatkan belanja apa salahnya kita buka hanya empat row dan tutup sepuluh row lagi dan komputer semua dapat diijamatkan, berjuta-juta dapat diijamatkan. Kita buka empat row, bila penumpang bertambah kita tambahkan lagi pembukaan barisan yang lain untuk menjimatkan belanja. Boleh atau tidak pihak kementerian membuat kajian mengenai hal itu. Sebab saya nampak pada waktu tengah hari sunyi, budak-budak boleh berlari keseluruhan, tidak ada orang. Jadi kita buka empat row, sudah empat puluh lapan tempat check in. Maka sepuluh lagi kita boleh dapat menjimatkan berjuta ringgit setahun. Tetapi kalau hendak perhabis duit, boleh buatlah macam-macam.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Cadangan ini adalah baik. Kementerian akan mengkaji dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Namun demikian, ingin saya memaklumkan.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:.. *[membuat isyarat tangan suruh tunggu]*.....bahawa rancangan untuk menjadikan KLIA sebagai satu pintu masuk yang terkemuka adalah satu usaha jangka masa panjang. Objektifnya akan dapat dicapai setelah usaha yang berterusan di jalankan dalam beberapa tahun. Secara perbandingan KLIA ketika ini hanya mengendalikan operasi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:..... bagi 40 syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa berbanding dengan 59 atau 68 syarikat penerbangan yang dikendalikan oleh Changi Singapore dan Bangkok, masing-masing. Kerajaan yakin dengan usaha-usaha menjalankan secara bersepadu oleh semua pihak, bilangan syarikat penerbangan asing yang beroperasi ke KLIA akan bertambah pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat dua penjelasan. Kalau kita ingat di Airport Subang dahulu kita ada AirTel iaitu bila kita pulang daripada luar negara dan connecting flight kita adalah sebelah pagi besok, jadi kita perlukan bilik untuk menginap. Kalau kita datang ke Kuala Lumpur, teksi malam RM100 lebih, hendak pergi balik besok RM100 lebih, sama mahal dengan tambang Kota Bharu-Kuala Lumpur. Kita hendak duduk di Pan Pacific di KLIA RM400 lebih satu bilik. Hendak duduk atas pangkin dekat lapangan terbang, sakit tulang belakang. Jadi bolehkah MAB membina satu hotel yang tidak terlalu besar untuk kelas yang lebih murah, mungkin tiga bintang ataupun dua bintang setengah, budget hotel ya.

Yang kedua, saya hendak tahu bilakah kita dok bercakap hendak setanding dengan airport lain, hendak jadi Hub, dari segi Internet facilities sahaja, bilakah MAB akan memasang Internet Café ataupun Internet Corner di semua terminal dan di semua kelas? Semasa kita hendak menunggu kapal terbang, kadang-kadang kita sampai awal, kapal terbang 45 minit lagi, kita hendak akses kepada e-mail dan sebagainya. Bilakah new screen ini yang besar macam di Singapore Airport dapat dipasang di semua kelas. Jadi tidaklah kita rasa kita ini tertinggal. Kita sebelum naik kapal terbang kita sudah tahu apa yang berlaku di Philippine, kita sudah tahu Menteri Kewangan sudah bercuti dan sebagainya, jadi bila? Jangan dok cakap sahaja, benda itu kecil sahaja simple, mudah sahaja.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Mengenai cadangan untuk membina sebuah budget hotel, memang ini cadangan yang baiklah. Kita akan kaji supaya mereka yang tidak mampu boleh duduk di budget hotel.

Mengenai soalan yang kedua, di KLIA sudah terdapat kemudahan-kemudahan Internet, memang Yang Berhormat tidak sedar. Bukan sahaja di VIP lounge serta MAS lounge tetapi juga di Plaza lounge dan bangunan satelit yang dibuka untuk kegunaan

semua penumpang, tidak kira kelas penerbangan. Sungguhpun kemudahan Internet di KLIA tidak begitu menyeluruh, tetapi adalah memadai untuk menampung keperluan pengguna-pengguna pada ketika itu. KLIA bersedia untuk menambahkan apa-apa kemudahan yang perlu untuk keselesaan dan keperluan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batang Lupar meminta kerajaan mengambil tindakan untuk menggalakkan persinggahan kapal ke Pelabuhan Miri, dalam usaha mempertingkatkan lagi kemajuan pelabuhan tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar, Pelabuhan Miri dikendalikan oleh Lembaga Pelabuhan Miri yang terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Oleh yang demikian, tindakan yang menggalakkan persinggahan kapal ke Pelabuhan Miri dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi kemajuan pelabuhan tersebut terletak di bawah tanggungjawab Lembaga Pelabuhan Miri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong dan Bagan, yang mana satu?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat bagi Bagan.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, Bagan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong kemudian.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen, bertajuk Airport. Saya tidak dapat peluang untuk berucap dalam perbahasan dan saya ingin tahu kalau kementerian Yang Berhormat mengkaji sambutan Subang Airport, yang lama di Subang itu, ramai penumpang memang minat tempat itu bukan kerana kemewahan atau kecanggihan bangunannya tetapi adalah kerana jarak dari Subang Airport ke Ibu Kota Kuala Lumpur ini. Setiap kali apabila kami menelefon untuk menempah seat untuk penerbangan dari Subang Airport ke mana-mana dalam negeri, negara kita ini, selalunya dia kata, 'sorry, semua full', tidak ada satu kali ada dapat peluang. Jadi ini menunjukkan bahawa Subang Airport ini masih digemari, masih diminati oleh ramai penumpang.

Jadi, apa rancangan kementerian untuk mengekalkan lagi Subang Airport ini sebagai satu pusat atau satu lapangan terbang untuk penerbangan dalam negeri. Sekiranya pihak MAS dia tidak berminat untuk beroperasi dalam negeri kerana selalu dia kata rugi. Penerbangan dalam negeri rugi, rugi, rugi, tak ada untung. Apa kata kita biarkan penerbangan swasta seperti Lion Air, Pelangi Air atau Transmile Air. Mereka memang sudah ada, tetapi mengkerapkan lagi penerbangan kerana semua orang minat dengan Subang Airport. Jadi, apa rancangan berkenaan dengan Subang Airport ini?

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Bagan, KLIA adalah dibina untuk menampung keperluan penumpang jangka masa panjang. Bagi maksud ini, KLIA dilengkapi dengan ciri-ciri termoden seperti bangunan terminal satelit dan juga boleh mengendalikan 25 juta penumpang setahun.

Mengenai aduan Yang Berhormat tidak dapat seat, saya akan memberitahu MAS supaya priority akan diberi untuk Ahli Parlimen.

Tuan Lim Hock Seng: Bukan untuk Ahli Parlimen sahaja, Tuan Yang di-Pertua, bukan untuk kita.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Saya belum habis, duduk dahulu.

Tuan Lim Hock Seng: *[Ketawa]* Ini untuk orang ramai.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Yang Berhormat membangkitkan soalan bahawa mengambil masa yang panjang untuk mereka pergi ke KLIA.

Kementerian Pengangkutan sedar bahawa untuk mengatasi masalah ini kerajaan telah membina ERL dari KL Central ke KLIA yang akan mengambil masa 30 minit sahaja iaitu masa yang akan dipendekkan untuk mereka ingin mengambil kapal terbang. Cadangan Yang Berhormat supaya Subang Airport dipakai oleh syarikat penerbangan yang lain kementerian belum buat keputusan lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya hendak bantu Yang Berhormat sahaja bukan hendak menyusahkan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana Yang Berhormat boleh bantu dia.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, hendak bantu dia sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana Yang Berhormat boleh bantu dia?

Dr. Tan Seng Giaw: [Ketawa]. Pertama, memang banyak soalan. Pertama bolehkah Yang Berhormat mengkaji masalah imigresen walaupun tidak di dalam kementerian tetapi itu ada kena mengena dengan hendak memperbaiki kemudahan dan perkhidmatan di KLIA. Yang pertamanya misalannya waktu 7 pagi yang mana perkhidmatan di kaunter-kaunter imigresen memang kurang. Saya pun tidak tahu sebab apa kerana penumpang-penumpang terutama dengan pesawat yang besar yang datang dan tiba dan mereka mengambil masa yang panjang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ini imigresen bukan kementerian.....

Dr. Tan Seng Giaw: Yang pertama kerana saya tahu ia hendak memperbaiki.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini akan membebankan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak beban. Ini hendak tambah kepada pesawat pula. Dan masalah kehilangan bagasi. Ini kena mengena dengan kementeriannya. Kehilangan bagasi. Bolehkah Yang Berhormat siasat ataupun mengkaji bagaimana kita boleh mengurangkan kehilangan bagasi ini sebab itulah yang kita dapati bahawa dari semasa ke semasa hilang bagasi dan disyaki bahawa ada kakitangan yang terlibat dengan masalah kecurian dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah. Kata hendak bantu sekarang hendak beban.

Dr. Tan Seng Giaw: [Ketawa]. Ini hendak bantu ini, bagi dia maklumat supaya dia boleh balik ke pejabat untuk menyiasat. Banyak lagilah soalan. Hendak lagi? [Ketawa]. Tidak mahu dah?

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat bagi Kepong, kementerian akan ambil tindakan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Datuk. Terima kasih Setiausaha Parlimen bagi peluang bagi saya tanya. Persoalan penerbangan tiada tempat duduk, *no seat*. Ini adalah benda crucial untuk bukan orang Sabah dan Sarawak sahaja bahkan untuk Malaysia kerana penerbangan terutama sekali ke Sarawak umpamanya pukul 5.15, 8.45, Datuk boleh checklah. Kalau dapat booking hari ini untuk kapal terbang petang ini nasib betullah itu. Jadi saya banyak menyuarakan supaya perhubungan di antara dua negeri ini di Sabah dan Sarawak ke Kuala Lumpur penerbangan yang sepatutnya kita tidak ada masalah langsung untuk membuat penempahan tiket kapal terbang. Tetapi pada masa sekarang kita mempunyai satu masalah yang besar. Pukul 8.45, pukul 5.00 petang walaupun di Subang ataupun KLIA memang masalah perhubungan dua ini. Jadi saya mencadangkan supaya kapal terbang yang lebih besar sedikit digunakan sekurang-kurangnya terutama sekali hujung minggu umpamanya hari Jumaat dan hari Khamis kerana orang banyak balik. Jadi saya harap perkara ini boleh dipertimbangkan dibawa kepada pihak MAS dan diambil pandangan yang serius oleh pihak kementerian.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Kementerian juga akan ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja jawapan dan penjelasan yang dapat diberikan oleh pihak kementerian ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang berucap mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab pihak kementerian akan memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri Kerja Raya, sila.

12.25 tgh.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbincangan Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Batu ada membangkitkan mengenai isu lanjutan kutipan tol di Jalan Kuching semasa sesi perbincangan yang lalu. Untuk makluman, kementerian ini telah pun menjelaskan rasional kerajaan melanjutkan tempoh konsesi selama tujuh tahun lagi mulai 1996 sehingga 2003 kepada Kamunting Corporation Berhad semasa menjawab soalan dari Ahli Parlimen yang sama pada 19 April 2001 lalu. Izinkan saya menjelaskan di sini bahawa kerajaan telah mengambil kira dan menimbang semua faktor sebelum memberikan tempoh perlanjutan konsesi kepada Kamunting. Semua kerja-kerja tambahan yang diarah untuk dilaksanakan adalah tidak termasuk dalam skop asal konsesi.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu adakah Kamunting yang Yang Berhormat sebut itu adalah Kamunting yang sama yang Mokhzani telah jualkan sahamnya.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Yang itu saya kurang pasti. Kita boleh siasat dan beri maklumat kepada Yang Berhormat. Sehubungan itu berdasarkan kepada peruntukan 38 di dalam perjanjian konsesi, kerajaan telah mengarahkan syarikat konsesi untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan di luar skop di mana sebagai balasan syarikat konsesi tidak diimbuhkan secara langsung melalui pembayaran wang tunai tetapi melalui perlanjutan tempoh konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan tidak berhasrat...

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Kerajaan tidak berhasrat untuk melanjutkan tempoh konsesi tol Jalan Kuching selepas 7 Januari 2003.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang setuju kalau kita tidak mahu melanjutkan konsesi itu lagi selepas 7 Januari 2003. Bolehkah Yang Berhormat terangkan di dalam kerja luar skop asal konsesi ini disebabkan oleh aduan daripada para penduduk kerana saya gunakan jalan itu setiap hari dan ada aduan yang mengatakan apakah kerja-kerja luar skop asal ini adakah ini termasuk satu fly-over di junction di Jalan Duta dan Jalan Kepong sebab mereka kata tidak nampak juga. Kalau di luar skop asal apakah di luar ini sebab mereka mengadu bahawa kutipan tiap-tiap hari tujuh tahun memang banyak. Dan tidak nampak projek-projek luar biasa. Apakah luar biasa. Bolehkah kita terangkan dan jumlah perbelanjaan untuk projek-projek luar biasa ini.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Soalan Yang Berhormat bagi Kepong, itu menunjukkan bahawa pada 19 haribulan yang lepas apabila jawapan mengenai perkara ini diberi Yang Berhormat tidak hadir dalam Dewan. Saya suka jelaskan kerja-kerja tambahan yang telah dilaksanakan oleh Kamunting antaranya ialah seperti berikut.

- (i) kerja-kerja memperbaiki tebing sungai Jinjang dekat bulatan Kepong.
- (ii) pembinaan lorong motosikal
- (iii) pemindahan dan menaik taraf perkhidmatan utiliti atas arahan pihak berkuasa berkenaan seperti penukaran daripada paip asbestos kepada paip MS dan penambahan kapasiti paip berkenaan dan;
- (iv) pelebaran jalan lengcongan di bulatan Duta dan persimpangan bertingkat Kepong dan kerja-kerja tambahan itu jumlah keseluruhannya adalah sebanyak RM24,952,173.26.

Sambungan daripada apa yang saya telah ucapkan tadi. Bagi memberi keselesaan kepada para pengguna kerajaan telah meneliti dan bersetuju untuk menaiktaraf Jalan Kuching, Jalan Duta dan jalan-jalan hubungan lain. Projek tersebut akan dilaksanakan secara skim bayaran tertanggung iaitu dengan izin, default payment scheme melalui tender terhad dan tiada tol dikenakan kepada pengguna. Sehubungan itu lima syarikat kontraktor telah dipelawa untuk mengemukakan cadangan teknikal dan kewangan bagi melaksanakan projek tersebut. Pada masa kini jawatankuasa pemilihan yang diketuai oleh Unit Perancang Ekonomi sedang di peringkat akhir bagi menentukan kontraktor yang berjaya. Di antara skop kerja yang dicadangkan untuk tujuan naik taraf jalan raya tersebut yang tidak akan dikenakan tol adalah seperti berikut.

- (i) menaiktaraf bulatan Jalan Kuching, Jalan Duta, Jalan Segambut dengan membina dedicated ramp dari Jalan Kuching Utara ke Jalan Duta dan Jalan Duta ke Jalan Segambut.
- (ii) Di persimpangan Jalan Taman Duta membina sebuah dedicated ramp dari Jalan Duta Utara ke Jalan Duta Selatan.
- (iii) Di persimpangan Kompleks Kerajaan Jalan Duta membina sebuah dedicated ramp Jalan Selatan ke bulatan Segambut.
- (iv) Mengubah bulatan Langgak Tunku kepada persimpangan bertingkat.
- (v) Menaiktaraf persimpangan T Jalan Segambut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gelang Patah ada membangkitkan isu mengenai pelaksanaan projek persimpangan bertingkat di persimpangan jalan Pontian dan Skudai pada sesi perbincangan yang lalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek persimpangan bertingkat Skudai-Johor Bahru telah pun diperakukan bagi projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Baram ada membangkitkan isu mengenai pembinaan ...

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan adakah projek ini akan dipercepatkan iaitu akan dilaksanakan pada awal pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan kerana projek ini pernah dijanjikan sejak tahun 1996 dan saya harap dapat penjelasan dan adakah kemungkinan oleh kerana projek taman perumahan Impian emas yang mana mereka ada bina jalan empat lorong yang berdekatan dengan persimpangan itu yang mana saya pernah jumpa dengan pemaju dan mereka pun sedia kerjasama dengan pihak Kementerian Kerja Raya untuk pembinaan persimpangan bertingkat di sana untuk sambung jalan yang mereka bina dan mereka sedia hendak sumbang jika dapat kerjasama daripada pihak Kementerian Kerja Raya dan bolehkah untuk mempercepatkan projek ini adakah boleh kita tawarkan secara deferred payment scheme kerana kemungkinan dengan ini kita akan dapat siapkan projek ini secepat

mungkin supaya ia tidak menjadikan 'bottle neck' bila pelebaran Jalan Skudai dan projek jejantas bertingkat di persimpangan Jalan Gelang Patah- Jalan Skudai siap pada akhir tahun ini. Saya harap dapat penjelasan. Sekian terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, soal untuk sesuatu kelulusan bagi sesuatu projek walaupun diluluskan bukan maknanya serta merta besok projek itu boleh dimulakan. Sesuatu projek itu perlulah mempunyai perancangannya, perlu dilakukan survey dan juga perlu dilakukan reka bentuk awalan dan sebagainya.

Jadi, soalnya, projek itu telah pun diperakukan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kelapan, maka tindakan-tindakan susulan akan diambil oleh pihak kementerian bagi dilaksanakan projek itu.

Dalam soal ini, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat terdapatnya pemaju yang berdekatan, pemaju perumahan yang ingin untuk membantu dan sama-sama bekerjasama dengan pihak kementerian itu tidak ada masalah bagi kementerian dan sama ada, jika diterima hendak dilakukan, disumbangkan dan dibuat secara deferred payment dan sebagainya, itu tertakluk kepada keputusan pihak Unit Perancang Ekonomi, bukannya Kementerian Kerja Raya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak minta penjelasan berhubung dengan kesesakan di rumah-rumah tol, bangunan tol, bukan sahaja waktu perayaan kadang-kadang waktu bekerja. Sama ada pihak kementerian akan bekerjasama dengan pihak bank ataupun institusi kewangan kerana sekarang ini orang sudah banyak menggunakan kad kredit supaya diwajibkan ataupun asses dapat digunakan kerana kita tahu sekarang ini cuma satu, dua bank sahaja yang membenarkan penggunaan kad kredit.

Jadi, apa salahnya kalau satu pendekatan dibuat supaya pengguna-pengguna kad kredit dapat menggunakan di laluan *touch n go* sebagai contoh. Kerana ini akan mengurangkan kesesakan ataupun cara lain. Kalau kita adakan tol, lorong-lorong tol ini juga menimbulkan kesesakan. Saya rasa mungkin matlamat kerajaan untuk melihat cara hidup yang lebih selesa tidak akan tercapai. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Mungkin apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai kad-kad *smart tag* dan *touch n go* yang mana pembeliannya boleh dilakukan melalui credit card ataupun kad kredit. Sebenarnya, seperti Yang Berhormat sedia maklum, soal penggunaan kad-kad tersebut yang mana dibiayai oleh kad kredit ialah pembelian awal iaitu pembelian terlebih dahulu daripada penggunaan. Jadi, atas sebab itulah tidak ramai mungkin pengguna ataupun

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, maksud saya kad kredit itu sendiri. Selain daripada apa Yang Berhormat sebutkan kad kredit yang tidak kiralah sama ada master card apa juga kad, terus dapat digunakan sebagai kemudahan.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, itu ok, itu mungkin kita akan rujuk kepada syarikat konsesi sama ada mereka boleh berunding dengan pemilik-pemilik ataupun kad-kad kredit. Itu insya-Allah, kita akan sampaikan kepada syarikat konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Baram ada membangkitkan isu mengenai pembinaan jalan raya dan menaik taraf jalan yang sedia ada di dua kawasan di Baram. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf dan menurap Jalan Beluru, dari Pekan Beluru ke Jambatan Lapuk telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dengan kos projek RM20 juta.

Peruntukan sebanyak RM3.5 juta telah pun diluluskan untuk tempoh Rancangan Malaysia Kelapan bagi meneruskan kerja menaik taraf dan menurap jalan sedia ada dari kilometer 6 ke kilometer 36. Bagi pembinaan jalan raya dari Jambatan Lapuk ke Long Bunut dan seterusnya ke Long Lama, projek berkenaan telah pun diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut bangun lagi.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin:Sekejap, sekejap. Dengan nilai skim RM80 juta.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak menyentuh berhubung dengan road maintenance, dengan izin. Soalnya, selain daripada kawasan saya sendiri, semalam berlaku kemalangan di mana seorang pelajar oleh kerana jalan yang dibina tidak diselenggarakan dengan begitu cepat akibat daripada masalah-masalah yang tidak dapat dielakkan, saya minta supaya pihak Jabatan Kerja Raya supaya menyegerakan bukan setakat memantau tetapi mengambil tindakan segera terutama pengguna jalan-jalan raya ini terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah di mana jalan-jalan yang rosak supaya dapat disegerakan pembaikannya kerana contohnya di kawasan saya semalam telah berlaku kemalangan akibat daripada lubang-lubang dan lopak-lopak yang dibiarkan.

Jadi, saya mintalah supaya bukan setakat perhatian sahaja tetapi tindakan yang lebih segera dapat dilakukan oleh pihak kementerian dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih. Saya rasa itu hanya satu pandangan dan kalau boleh kita minta supaya Yang Berhormat dapat memaklumkan secara jelas di mana jalan yang berkaitan kerana seperti Yang Berhormat sedia maklum, jalan raya kita di negara ini terbahagi kepada tiga, Persekutuan, negeri dan juga kerajaan tempatan. Jadi, kita hendak ada yang di bawah tanggungjawab kementerian, ada yang di bawah tanggungjawab negeri dan ada yang di bawah tanggungjawab kerajaan tempatan.

Jadi, kalau kita boleh tahu secara spesifik, jalan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, insya-Allah kita akan memaklumkan kepada pihak yang berkenaan. Di pihak kementerian kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya nyatakan sekali lagi bagi pembinaan jalan raya dari Jambatan Lapuk ke Long Bunut, dan seterusnya ke Long Lama, projek berkenaan telah pun diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dengan nilai RM80 juta yang mana sebanyak RM50 juta pun telah diperuntukkan untuk tempoh Rancangan Malaysia Yang Kelapan bagi kerja berikut.

- i) menurap jalan dari kilometer 0 ke kilometer 12 iaitu dari Jambatan Tinjar;
- ii) membina dan menurap jalan baru dari kilometer 12 ke kilometer 26 iaitu Bahagian Tinjar/Long Lama; dan
- iii) membina Jambatan Sungai Teru.

Sehingga hujung tahun 2000, bahagian dari kilometer 2 ke kilometer 12, Bahagian Tinjar/Long Lama telah siap dibina.

Di samping itu, reka bentuk jalan dari kilometer 12 ke kilometer 18 sedang dijalankan. Adalah dijangka bahagian sepanjang enam kilometer ini akan ditender pada tahun 2001 ini juga. Reka bentuk bagi bahagian baki lapan kilometer iaitu dari kilometer 18 ke kilometer 26 di Long Lama sedang dikendalikan.

Bagaimanapun, kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk meneruskan jalan raya dari Long hingga ke Kota Kinabalu, Sabah melalui Marudi, Mulu, Limbang dan Lawas.

Ahli Yang Berhormat juga meminta, bilakah jalan dapat dibina dari Miri ke Bandar Marudi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Jalan Miri/Marudi telah pun diberi keutamaan yang rendah oleh kerajaan negeri.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian sama ada mempunyai perancangan untuk membuat satu jalan pergi ke Sabah tidak merentas negara Brunei Darussalam kerana pada perhubungan Malaysia dengan Brunei Darussalam, walaupun dalam keadaan yang baik, amat baik sekali tetapi perhubungan kemasukan kereta, kemasukan lori, kemasukan bas ke Brunei adalah amat terhad sekali oleh kerana banyak batasan-batasan yang telah ditetapkan oleh pihak yang berkuasa di Brunei.

Jadi, umpamanya orang yang hendak pergi daripada Sarawak ke Limbang ke negeri sendiri pun tak boleh oleh kerana batasan tidak boleh melalui bandar Brunei. Dan kalau melalui pun ada sahaja batasan dan penekanan yang telah dibuat. Jadi, fakta menunjukkan bahawa kita perlu membuat satu jalan ataupun merangka, adakah kerajaan untuk merangka perjalanan supaya kita boleh pergi ke Lawas, ke Limbang dan juga ke Sabah tidak menerusi Brunei. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Perkara yang sama, saya percaya telah pernah dibangkitkan yang mana jawapan daripada pihak kementerian ialah kalau kita hendak menyambung Pan Borneo Highway tanpa melalui negara Brunei, maka kemungkinannya ia akan melibatkan kos yang begitu tinggi, walhal ia melalui kawasan-kawasan yang tidak banyak diduduki oleh penduduk maka atas sebab itu dari segi pembinaannya ia tidak mendatangkan pulangan ataupun faedah seperti yang diharapkan.

Dan atas sebab itulah daripada segi perancangan Pan Borneo Highway, ia melalui negara Brunei dan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada segi masalah, peraturan, soal Imigresen dan sebagainya, ia perlulah sebenarnya diuruskan oleh pihak kementerian yang lain.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, Imigresen pada saya adalah seperkara fakta yang kecil sekali. Yang terbesar sekali mesyuarat yang terakhir sekali di antara pegawai – di antara Brunei dan Malaysia telah membuat satu keputusan – teksi, lori dan bas Malaysia tidak boleh datang ke Brunei, hanya singgah di Kuala Belait iaitu 40 kilometer daripada perbatasan. Bas, lori dan teksi ini keluar dari Kuala Belait balik ke Sarawak tidak boleh membawa passenger dan barang-barang. Hanya dipunggah di satu tempat dipanggil Inland Center of Transportation (ICT), makna di transit area. Dari situ baru orang Brunei angkat kereta Brunei, teksi Brunei dan lori Brunei akan angkat di situ. 40 kilometer kereta Sarawak ataupun Malaysia masa balik ke Malaysia tidak boleh bawa passenger. Ini mendatangkan satu masalah yang amat berat.

Yang kedua lagi, kereta yang hendak menerusi Brunei yang tak singgah bawa barang, hanya terus pergi ke Limbang dan ke Lawas pun melibatkan perkara yang sama juga. Begitu juga orang yang hendak pergi ke Sabah. Begitu juga Pan Borneo Highway maknanya *physically good*, dengan izin, tetapi mendatangkan hasil kepada orang Malaysia, tidak. Jadi, macam mana jawapan kepada ...tadi persoalan kos, persoalan ini diutamakan, persoalan sosial, persoalan pelaksanaan dan perhubungan orang Malaysia dengan orang Malaysia tidak dipandang berat.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Okay, terima kasih Yang Berhormat. Ini sebenarnya soal keutamaan. Kita ada banyak permohonan untuk buat projek dan kita tahu bahawa sumber kewangan kita adalah terhad. Ia soal keutamaan. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kita beri Sarawak, yang diperakukan RM2.214 bilion. Kalau Yang Berhormat hendak setengah daripada itu untuk sambung Pan Borneo Highway, boleh. Jadi, yang lain-lain tidak dapat, itu sahaja. Soal keutamaan, Yang Berhormat. Bukan kita tak hendak, kita tahu ada masalah ini, mungkin soal-soal itu dibawa dalam perundingan *bilateral* antara pihak Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Brunei. Jadi, kalau boleh soal-soal itu maknanya jawapan kita bukan dengan kita sambung Pan Borneo Highway dengan tidak melalui Brunei, mungkin ada cara-cara penyelesaian yang lain yang boleh mendatangkan faedah untuk semua pihak.

Kita soal keutamaan walaupun dalam keadaan kita tidak buat seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat, Sarawak mendapat perakuan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM2.214 bilion. Johor baru RM700 juta sahaja. [Ketawa]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya mintalah. Ini bukan persoalan Sarawak Yang Berhormat, ini persoalan orang Malaysia. Sabah dengan Sarawak penyambungan tali perhubungan, tali silaturahmi, orang Sarawak lebih selesa pergi ke Singapura, lebih selesa mungkin pergi ke Kuala Lumpur tetapi ke Sabah tidak. Oleh kerana masalah melalui 14 cop stamp, 14 rintangan, 14 persoalan di tiap-tiap jalan kalau hendak pergi ke Sabah. Balik ke kampung sendiri di Lawas dan di Limbang, pun masalah sama yang kita hadapi, bahkan ada kompelin lagi. Saya terima kompelin orang, bukan daripada saya, bukan permohonan saya, bukan Batang Lupar. Batang Lupar boleh masuk ke Batang Lupar tetapi bukan persoalan saya.

Persoalannya orang Malaysia dari Sarawak tidak kira siapa hendak pergi ke Sabah ataupun balik ke Limbang. Ini masalah dihadapi in reality ataupun hendak ambil kapal terbang pergi ke airport Brunei, saya beritahu dia orang tidak payah gunakan BIA, gunakan MAS. Jangan pergi ke Brunei kerana ini jadi satu masalah. Kerana dia hendak cepat kata dia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita kena bertukar teks umpama hendak pergi lapangan terbang Brunei – dari Miri singgah dulu di ICT ini, cari teksi dahulu. Dari sini baru masuk teksi Brunei pergi lapangan terbang, apa pulak cerita ini?

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tidak, seperti yang telah saya katakan tadi Yang Berhormat, ini soal keutamaan. Kita terima pandangan Yang Berhormat dan kerana soal-soal itu melibatkan hubungan bilateral antara dua negara, saya percaya perkara ini perlulah dibawa sebagai agenda bagi diatasi antara pihak Brunei dengan Malaysia.

Datuk Yong Teck Lee: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal bilateral. Ini soal jalan raya dari Sabah pergi Sarawak terpaksa menerusi Brunei dengan banyak halangan yang *artificial*. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal bilateral Malaysia dengan Brunei. Ini soal negeri Sabah, Sarawak dengan Kuala Lumpur. Bukan soal *bilateral* Brunei. Sama ada jalan raya dari Kota Kinabalu terus ke Sarawak dan Kuching, itu tidak tertakluk kepada Brunei.

Jawapan yang diberikan mengenai kewangan dan keutamaan yang diberikan saya rasa itu budgeting process yang biasa tetapi saya merayu supaya kementerian mempunyai sikap yang lebih positif sedikit apabila menangani masalah seperti ini. Jangan sehingga orang yang selalu keluar masuk, keluar masuk dari Sabah dan Sarawak melalui Brunei ini sehingga mereka merasa marah. Kalau mereka ada dalam Dewan ini, kalau jawapan ini dilaporkan di dalam surat khabar, saya rasa banyak orang tempatan di sana itu memang rasa tidak senang hati kerana ini bukan soal Brunei, ini sama ada negara Malaysia sendiri inginkan ada jalan terus Pan Borneo tanpa menerusi Brunei kerana selama ini saya rasa Yang Berhormat bagi Batang Lupa sudah lebih sepuluh tahun perkara ini dibahas di BIMP-EAGA, di regional committee, di dewan perniagaan, persatuan pengangkutan, semua ini banyak kali telah dibincang.

Maka, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri ini rasa ini kementerian lain punya tanggungjawab, mungkinlah bukan kementerian ini tetapi perkara ini memang sudah lama dan perlu diberikan perhatian yang lebih positif oleh kerajaan.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Okaylah, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Gaya. Seperti yang telah saya katakan memang, kalau hendak dikirakan yang idealnya ialah tidak melalui sebuah negara asing yang lain. Jadi, dalam soal ini banyak faktor yang dipertimbangkan oleh pihak kerajaan kerana keperluan yang terdapat sama ada di Sabah dan Sarawak untuk pembinaan infrastruktur dan sebagainya. Jadi, soal keutamaan.

Kemungkinannya satu hari, apa yang telah dibangkitkan sebelum daripada ini, selama mungkin 10 atau 12 tahun, maka ia akan akhirnya menjadi satu kenyataan di mana terus jalan Pan Borneo itu tidak lagi perlu melalui negara Brunei, insya-Allah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya sebenarnya hendak menyentuh persoalan yang ingin saya sampaikan ini dalam ucapan perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan yang lalu tetapi masa 10 minit tidak sempat, saya ambil peluang ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jalan yang akan dibina daripada bandar Batu Pahat sehingga Kluang yang telah pun diluluskan.

Saya berharap jalan ini dapat disegerakan kerana jalan ini melibatkan 8 sekolah menengah, 28 sekolah rendah dan melibatkan dua kawasan perindustrian – kawasan perindustrian Sri Gading dan kawasan perindustrian Parit Raja. Jalan ini amat sibuk, padat dan begitu sesak di waktu-waktu yang tertentu - pagi, tengah hari dan petang. Jadi, saya berharap kalau boleh dimulakan dengan segera dalam tahun ini.

Jangan sampai terlewat. Saya bimbang kalau sampai ke time atau waktu hendak pilihan raya, saya tidak tahu, akan jadi isu kepada pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan, walhal projek ini amat besar gunanya kepada rakyat tetapi

kadang-kadang parti pembangkang semua isu pun akan digunakan untuk mengutuk kerajaan tanpa mengira jasa dan kebaikan kerajaan.

Jadi, saya berharap Rancangan Malaysia Kelapan pun sudah bermula, dapatlah kementerian dan jabatan berkenaan menyegerakan dengan seberapa segera. Kalau boleh bulan depan. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sememangnya projek itu telah pun diperakukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dengan peruntukannya di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM150 juta. Kita akan berusaha untuk menyegerakan projek itu, kalau boleh dilaksanakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Nerus....

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiu bangun.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Pertamanya saya merasakan simpati kepada rakan-rakan saya dari Sarawak sebab Sarawak nampaknya tidak ada jawapan, yang adanya Johor sahaja.

Saya ingin mendapat penjelasan sedikit berhubung dengan Custom, Immigration Quarantine (CIQ) yang terdapat di link kedua di mana saya difahamkan bahawa dalam projek penswastaan link kedua itu termasuk pembinaan CIQ ini – pusat kastam, Imigresen Kuarantin tetapi saya difahamkan bahawa kenapa pihak sekarang ini bangunan tersebut terpaksa diserahkan kepada Kementerian Kerja Raya untuk menyiapkannya sedangkan projek tersebut sepatutnya dilaksanakan oleh pihak swasta. Jadi, adakah kerajaan menjadi penyelamat kepada kegagalan pihak swasta. Ingin mendapat penjelasan, terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara itu merupakan perkara yang dibangkit dalam soal penggulungan, jadi saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Nerus ada membangkitkan mengenai isu dan langkah kawalan keselamatan empangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya menitik-beratkan isu mengenai keselamatan empangan. Justeru itu, isu keselamatan empangan dan pematuhan kepada manual senggaraan, penyeliaan dan pemeriksaan empangan akan dimasukkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di dalam syarat perjanjian konsesi penswastaan bekalan air bagi negeri-negeri yang terlibat dengan pengambilalihan empangan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perkara empangan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sehubungan itu, Kerajaan Pusat telah mengarahkan semua kerajaan negeri supaya mengambil langkah-langkah yang lebih tegas bagi menghentikan sebarang kegiatan pembukaan tanah di sekitar kawasan tadahan air. Ini memandangkan sebahagian besar kawasan tadahan air bagi empangan-empangan adalah dalam kawasan hutan simpan kekal.

Di samping itu, kementerian ini juga telah menasihatkan semua pemilik empangan termasuk pihak berkuasa air negeri, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Tenaga Nasional Berhad dan agensi-agensi lain supaya memantau aktiviti pembukaan tanah di dalam kawasan tadahan air dengan kerjasama dari Pusat Remote Sensing negara.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang berucap mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, kementerian saya akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, sila.

12.56 tgh.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sibu, Batang Lupar, Pendang, Kepong, Tampin, Lipis, Besut, Temerloh, Setiu, Rompin dan Kemaman yang telah pun membangkitkan beberapa perkara menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sibu mengenai langkah-langkah yang sedang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan, dengan izin, volume export kelapa sawit memandangkan harga pasaran antarabangsa yang amat rendah, sukalah saya memaklumkan bahawa kerajaan sedang dan akan terus melaksanakan langkah-langkah yang berikut.

Pertama, melaksanakan skim eksport minyak sawit mentah tanpa duti sebanyak 500,000 tan metrik pada tahun 2000 dan 1,000,000 tan metrik pada tahun ini. Ini bertujuan menjadikan minyak sawit mentah Malaysia berdaya saing di peringkat antarabangsa. Ia juga bertujuan untuk memenuhi kehendak pasaran di India, China dan negara-negara European Union yang lebih berminat untuk mendapat minyak sawit mentah daripada minyak sawit yang diproses. Melalui skim ini, kementerian berharap 1 juta tan metrik minyak sawit mentah akan dieksport. Sehingga 3 April tahun ini sebanyak 337,000 tan metrik telah dieksport.

Kedua, memberi kemudahan kredit kepada negara-negara luar yang ingin membeli minyak sawit melalui, dengan izin, Palm Oil Credit Payment Arrangement (POCPA). Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah pun memberi kemudahan kredit ini kepada 14 buah negara. Baru-baru ini kerajaan telah pun meluluskan RM513 juta kemudahan kredit kepada Rusia, Myanmar, Mesir, Bangladesh dan Korea Utara. Melalui skim ini Malaysia akan dapat mengeksport kira-kira 390,000 ke 400,000 tan metrik minyak sawit.

Ketiga, dalam usaha menjadikan minyak sawit yang diproses berdaya saing, kerajaan mulai 30 September 2000, telah mengecualikan produk ini, dengan izin, neutralize refined palm oil, bleach palm oil dan crude palm oil daripada dikenakan duti eksport 5%. Melalui kemudahan ini dijangkakan sejumlah 100,000 hingga 200,000 tan metrik minyak sawit dapat dieksport.

Keempat, kementerian ini juga telah pun meneruskan penghantaran misi teknikal dan perdagangan ke luar negeri. Dalam masa terdekat ini kementerian akan menghantar misi kelapa sawit ke Lubnan, Mesir, Lybia, Morocco, Afrika Selatan, Mozambique, Amerika Latin dan Amerika Selatan. Penghantaran-penghantaran yang dinyatakan tadi adalah berpotensi untuk minyak sawit.

Kelima, di dalam usaha memastikan minyak sawit mendapat pasaran, kerajaan juga telah menggalakkan perdagangan timbal balas, dengan izin, counter trade bagi tahun 2001, 2002 perjanjian timbal balas melibatkan pembayaran dengan minyak sawit akan diadakan dijangka melibatkan kira-kira 1.07 juta tan metrik bagi tahun ini dan juga untuk tahun-tahun berikutnya selama lima tahun.

Keenam, bagi kestabilan harga dan pasaran, kementerian ini terus berusaha memperluaskan penggunaan minyak sawit. Ini adalah kerana struktur eksport barangan sawit negara adalah sempit di mana 50% daripada keseluruhan eksport terdiri daripada RBD Oiling dan 31% lagi daripada bentuk RBD palm oil. Untuk ini kementerian akan meningkatkan aktiviti R&D melalui agensinya Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lupar mengenai mempergiatkan usaha-usaha supaya hasil buangan dari kelapa sawit dapat digunakan untuk pengeluaran produk-produk baru di mana

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....Yang Berhormat....masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung petang ini.

Datuk Anifah Aman: Baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama sila sambung.

2.31 ptg.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung semula jawapan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat bagi Batang Lupar mengenai mempergiatkan usaha-usaha supaya hasil buangan dari kelapa sawit dapat digunakan untuk pengeluaran produk-produk baru, dimaklumkan bahawa kerajaan akan terus mempergiatkan usaha-usaha menjadikan industri sawit sebagai dengan izin, zero waste industry. Dengan erti kata yang lain, usaha-usaha giat dilakukan bagi meningkatkan nilai ditambah bagi semua bahagian pokok sawit seperti menggunakan sepenuhnya biomass bagi tujuan mengeluarkan produk yang mempunyai nilai tambah yang tinggi seperti *fibre board*, *medium density board (MDB)*, *pulp and paper* dan lain-lain lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, beberapa produk baru telah dihasilkan tetapi seperti biasa penerimaan pasaran terhadap produk-produk baru memerlukan masa. Usaha akan dipertingkatkan lagi bagi mempromosikan barangan baru ini seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang tentang tindakan pihak kerajaan bagi menangani masalah kejatuhan harga sawit dan kenapakah berlaku kejatuhan tersebut. Sukalah saya menyatakan bahawa kerajaan telah mengambil langkah-langkah segera dan jangka pendek, langkah sederhana dan juga langkah-langkah jangka panjang untuk menangani kejatuhan harga minyak sawit. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat menumpukan perhatian kepada perbincangan di Dewan yang mulia ini, langkah-langkah ini telah pun saya jelaskan dengan panjang lebar dalam Dewan yang mulia ini pada 27 Mac 2001. Justeru itu, saya tidak bercadang untuk mengulangi penjelasan mengenai langkah-langkah ini lagi.

Mengenai faktor berlakunya kejatuhan harga dapat saya simpulkan seperti berikut:

- (i) lebihan stok yang tinggi pada akhir tahun 1999 iaitu sebanyak 1.18 juta tan. Stok akhir yang tinggi ini adalah akibat pengeluaran yang tinggi pada tahun 1999 iaitu 10.5 juta tan peningkatan sebanyak 27% berbanding 8.3 juta tan pada tahun 1998;
- (ii) peningkatan pengeluaran sebanyak 2.8% kepada 10.8 juta tan pada tahun 2000 berbanding dengan tahun 1999;
- (iii) permintaan eksport yang lembap sepanjang tahun 2000 dan ini menyebabkan kadar purata stok bulanan di Malaysia melebihi 1 juta tan dan mencapai tahap paling tinggi iaitu 1.5 juta tan pada Januari 2001; dan
- (iv) bekalan minyak dan lemak di pasaran dunia melebihi permintaan menyebabkan stok dunia meningkat ke paras 14.3 juta tan pada tahun 1999 dan 14.8 juta tan pada tahun 2000. Pertambahan stok ini menyebabkan harga bagi semua minyak dan lemak menurun antara 31.6% hingga 53.8% pada tahun 2000 berbanding tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tampin tentang langkah-langkah kerajaan bagi membantu para peneroka getah dan kelapa sawit yang membuat tanaman semula serta kehilangan punca pendapatan semasa menunggu kematangan tanaman tersebut, adalah dimaklumkan bahawa kementerian saya tidak mempunyai bantuan khas. Walau bagaimanapun, kerajaan telah menyediakan dua skim bantuan iaitu yang pertama, bantuan tanaman semula sebanyak RM1,000 sehektar dalam tahun ini dan pinjaman

kredit modal sehingga RM6,000 sehektar. Selain itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui agensi seperti RISDA telah mengadakan bantuan pelbagai jenis yang membolehkan pekebun kecil menyara hidup mereka semasa getah dan kelapa sawit ditanam semula.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Lipis mengenai lebih bekalan minyak sawit di pasaran disebabkan pembukaan ladang kelapa sawit secara besar-besaran oleh agensi kerajaan dan syarikat-syarikat besar di Indonesia. Sukalah saya nyatakan bahawa lebih bekalan minyak sawit di pasaran adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti yang saya jelaskan sebentar tadi. Pada masa ini kita bersyukur dengan usaha-usaha yang dijalankan yang berjaya menurunkan stok ke paras 1.2 juta tan metrik dan dijangka akan turun di bawah paras 1 juta tan metrik pada pertengahan tahun ini.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Lipis, kementerian akan mengkaji kesesuaian cadangan supaya dana yang diperuntukkan kepada pekebun-pekebun kelapa sawit dan getah dijadikan sebagai ekuiti dalam syarikat perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong bahawa getah Thailand yang dibenarkan masuk ke negara ini menjejaskan pekebun-pekebun kecil getah kerana kos mereka lebih rendah. Kerajaan memang sedar isu ini walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa melihat dan menyelesaikan sesuatu masalah daripada perspektif yang lebih menyeluruh demi menjaga kepentingan dan jangka panjang ekonomi negara.

Begitulah juga keadaan dengan industri getah yang perlu dilihat secara keseluruhannya dari peringkat hulu hinggalah ke peringkat hiliran. Sebagai contoh, Malaysia kini adalah pengeluar utama sarung tangan getah di mana bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 2000 negara telah mengeksport sarung tangan getah bernilai RM2.5 bilion.

Tuan Mah Siew Keong: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Teluk Intan bangun.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih. Sebelum berpindah ke getah, saya hendak tanya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut beberapa langkah untuk mengurangkan stok kelapa sawit dan saya baca di first page surat khabar di mana berita hari ini menyebutkan bahawa langkah kerajaan untuk membekal minyak kelapa sebagai bahan mentah diesel adalah tidak berapa jaya. So, saya harap Timbalan Menteri boleh beri sedikit keterangan. Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Teluk Intan. Sebenarnya apa yang telah kita terangkan dalam akhbar itu bahawa kita dapati Tenaga Nasional menggunakan gas yang lebih daripada *medium fuel oil (MFO)*.

Jadi, oleh kerana 80% daripada industri ini menggunakan gas, maka keperluan untuk membakar minyak sawit itu tidaklah begitu tinggi dan pada masa kini kita dapati bahawa di Sabah dan Sarawak oleh kerana jentera itu masih dalam keadaan yang lama, maka kita berpendapat kita akan dapat gunakan di negeri Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: [Bangun]

Datuk Anifah Aman: Untuk meneruskan, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara tidak mengeluarkan susu getah yang mencukupi untuk industri sarung tangan. Justeru itu, sumber luar diperlukan.....

Tuan Yang di-Pertua: Hulu Terengganu bangun ya.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disebut tadi satu cara untuk kita menaikkan harga kelapa sawit ialah dengan kita mengurangkan stok lebih kurang 600,000 tan minyak kelapa sawit dalam pasaran sekarang ini.

Cuma apa yang saya lihat tidak ada penyelarasan di antara kementerian ini dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana di antara yang disebut langkah ini ialah dengan kita mengarahkan supaya lebih daripada 200,000 hektar tanah kelapa sawit yang berumur 25 tahun ke atas diarahkan tebang untuk ditanam semula. Ini tidak disambut baik oleh peneroka-peneroka atau petani kerana tidak ada satu

galakan yang betul-betul memberi keuntungan kepada mereka atau membantu mereka untuk menanam semula.

Saya ambil contoh misalnya, apabila kita arahkan supaya tanam semula tetapi bantuan tanam semula tidak diberi kepada mereka yang di bawah empat hektar iaitu 10 ekar. Hanya kepada yang menyerahkan tanah kepada FELDA atau FELCRA, maka akibatnya mereka ini tidak bersedia untuk serah tanah dan tidak bersedia untuk tanam semula, sebab itu banyak pokok walaupun sudah mencapai 20, 25 tahun setengahnya sampai 30 tahun masih tidak bersedia untuk tanam semula kerana tidak mendapat bantuan ini.

Sebelum daripada ini difahamkan mulai tahun 2001 tidak ada lagi bantuan tanam semula tetapi dengan insentif yang baru ini telah diberitahu RM1,000 bagi sehektar kelapa sawit dan RM1,100 bagi getah. Itu pun disyaratkan hanya kepada yang menyerahkan bagi 10 ekar yang menyerah kepada FELDA dan FELCRA ataupun yang lebih daripada itu, lebih daripada empat hektar mendapat insentif ini tetapi bagi orang biasa dia sebut bantuan yang ketiga iaitu pinjaman daripada Bank Pertanian lebih kurang RM1 bilion yang diperuntukkan dengan kadar faedah 4% pinjaman melalui Bank Pertanian. Ini yang menjadi beban kepada petani, petani yang kecil-kecilan terpaksa buat pinjaman dengan Bank Pertanian, yang empat hektar ke atas dapat insentif ini.

Jadi, ini saya rasa tidak ada penyelarasan di antara dua ini menyebabkan petani tidak mahu tanam semula kerana beban yang terpaksa dipikul oleh petani ini sedangkan pihak kementerian ini cuba untuk mengurangkan stok dengan cara kita terbang 200,000 hektar lebih untuk mengurangkan stok dalam pasaran. Jadi, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya jawapan itu ada disediakan dan oleh kerana saya belum sampai kepada soalan itu, maka saya akan jawab selepas ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Izinkan saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian adalah tidak wajar bagi kerajaan untuk mengharamkan kemasukan getah dari Thailand sekiranya ianya diperlukan oleh industri hiliran. Oleh kerana kerajaan sentiasa peka dan prihatin dengan nasib dan kualiti hidup pekebun kecil, kerajaan telah dan sedang mengambil tindakan bagi mengurangkan beban dan tanggungjawab oleh pekebun kecil berikutan dengan kejatuhan harga getah.

Sebagai contoh seperti mana yang telah saya umumkan dalam Dewan yang mulia ini pada bulan Mac yang lalu, kerajaan akan memberi bantuan penggunaan sistem torehan kekerapan rendah atau yang dikenali sebagai 'LITS' dan insentif sebanyak 30 sen sekilogram getah kering bagi latex yang dijual oleh pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu kejatuhan harga komoditi getah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang, Kemaman dan Lipis, kerajaan sentiasa peka dan prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa getah merupakan komoditi antarabangsa, maka mekanismenya penentuan harganya adalah bergantung kepada kuasa pasaran bebas. Oleh itu pihak kerajaan tidak boleh malahan tidak mampu untuk campur tangan bagi menentukan paras harga.

Sungguhpun begitu, kerajaan sentiasa berusaha membantu pekebun kecil mengatasi masalah kejatuhan harga ini secara jangka pendek mahupun secara jangka panjang. Dalam jangka pendek kerajaan telah mengambil beberapa tindakan misalnya, mengadakan Skim Khas Pembelian Getah (SKPG) kepada masa getah mengalami kejatuhan harga teruk pada tahun 1999. Sekiranya perlu dan keadaan berbangkit, kerajaan akan melaksanakan semula skim seumpama ini.

Selain itu, kerajaan juga akan memberi beberapa bantuan khas bagi meningkatkan produktiviti pekebun-pekebun kecil dan mengurangkan beban mereka akibat kejatuhan harga. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) bantuan penggunaan sistem torehan kekerapan rendah atau 'LITS' sebanyak RM1,000 sehektar secara geran kepada pekebun kecil yang memiliki saiz kebun kurang dari empat hektar. Bagi mereka yang memiliki saiz kebun lebih daripada empat hektar pula, mereka akan diberi bantuan

secara geran iaitu 70% dan secara pinjaman 30% daripada RM1,000 sehektar yang diberikan.

- (ii) bantuan menggalakkan pekebun kecil mengeluarkan susu getah cair sebanyak 10 sen sekilogram bersamaan 30 sen sekilogram getah kering ataupun 100% dried rubber content, dengan izin;
- (iii) elaun sara hidup kepada pekebun kecil atau miskin di bawah program sosial FELDA, FELCRA dan RISDA; dan
- (iv) bantuan kepada pekebun kecil untuk meningkatkan pendapatan melalui Program Pertanian Secara Insentif dan Program Tanaman Kontan melalui Kementerian Pertanian.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Datuk Anifah Aman: Ya, silakan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak tanya sambutan yang dibuat oleh kerajaan India dan juga China, di mana kerajaan Malaysia menawarkan *barter trade*, dengan memberi kontrak untuk pembinaan lebuhraya dan juga pembinaan *railway* untuk kedua-dua buah negara ini berbanding dengan insentif yang dikeluarkan juga oleh kerajaan Amerika Syarikat kepada terutamanya India dan juga China untuk membeli barangan-barangan yang dikeluarkan oleh negara-negara ini dengan *barternya* supaya negara-negara ini membeli minyak soya. Setakat ini bagaimana sambutan yang dibuat oleh kerajaan India dan China?

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat sedia maklum kalau membaca surat khabar pada hari ini bahawa Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telahpun menyatakan bahawa hasil daripada kunjungan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan juga Menteri daripada Indonesia telahpun berkunjung ke kedua-dua buah negara dan satu perbincangan telahpun diwujudkan dan satu daripadanya ialah yang Yang Berhormat katakan tadi, *barter trade*.

Perbincangan ini telahpun diadakan sekian lama, dan iaitu kita telahpun memberi keutamaan kepada satu syarikat agensi daripada India iaitu *IRCON International Limited*, supaya mereka membina *railway track* kita di utara daripada – kalau tidak silap saya dari Ipoh ke Padang Besar dan juga kepada China dari Seremban ke Johor. Dan, daripada India pula, yang telahpun dimaklumkan melalui surat khabar bahawa Perdana Menteri India akan tiba di Malaysia pada 13 Mei, dan kita berharap bahawa kedatangan Perdana Menteri India itu akan membawa kesan yang positif di mana kita mengharapkan satu perjanjian akan ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

Dan, daripada Amerika kita telah juga berbincang di mana Malaysia telahpun bersetuju untuk membeli 20 locomotive daripada Amerika. 20 locomotive ini dibayar dengan kelapa sawit kita. Dan, memanglah kedua-duanya, Kementerian Perusahaan Utama telahpun membuat apa jua yang boleh supaya kita dapat mengurangkan stok kita yang telahpun melebihi paras 1 juta tan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, secara jangka panjang pula kerajaan telahpun mengadakan kerjasama dengan negara-negara pengeluaran utama seperti Thailand dan Indonesia. Ini adalah kerana Malaysia yang kini pengeluar keempat terbesar selepas Thailand

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Tuan Yang di-Pertua, Kuala Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Beri jalan, ya?

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Okey, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan insentif yang diberi kepada penoreh-penoreh getah tadi yang disebut.

Yang pertamanya, premium atas harga 10 sen bagi satu kilo. Apa yang saya ikuti daripada kenyataan-kenyataan Menteri di akhbar bahawa premium ini hanya diberi kepada mereka yang menjual susu getah kepada MARDEC, RISDA dan FELCRA.

Adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan kepada lain-lain pembeli juga kerana tidak semua orang dapat menjual kepada 3 agensi ini.

Sebagaimana yang kita tahu, MARDEC, hanya mereka yang mempunyai lesen sahaja dapat menjual terus kepada kilang MARDEC. Dan, bagi pekebun-pekebun kecil tidak boleh terus pergi kepada MARDEC. Jadi, saya minta di situ, satu kalau boleh diperluaskan kepada semua pembeli-pembeli getah yang berlesen dan juga diberi premium 10 sen atas sekilo.

Yang keduanya, berkenaan dengan elaun sara hidup, yang diberitahu sementara petani atau pekebun menunggu hasil tanaman ataupun harga bertambah baik, mereka akan diberi elaun sara hidup. Daripada kenyataan Menteri di akhbar juga, saya membaca iaitu elaun ini diberi RM50 sehingga RM250 tetapi disebut, ia merupakan pinjaman kepada petani, diberi sehingga harga kelapa sawit atau getah pulih semula. Adakah pinjaman ini dikenakan bunga ataupun *interest* kepada petani-petani ini dan kalau ini benar terjadi maka amatlah malang kepada petani-petani, sudahlah mereka tidak dapat hasil daripada kebun mereka, dan tanaman mereka belum tahu menjadi atau tidak tetapi terpaksa menanggung beban hutang ini dengan kadar bunganya sekali?

Saya mencadangkan kepada kementerian kalau boleh bantuan ini diberi sebagai subsidi, sebagai bantuan khas kepada mereka setelah mereka begitu lama dahulu menyumbang kepada negara semasa negara menjadi pengeluar getah yang utama suatu ketika, telah bertungkus-lumus berpuluh-puluh tahun tetapi apabila mereka tersepit sekarang ini, kita memberi bantuan atau pinjaman kepada mereka dengan dikenakan bunga pula kepada mereka. Jadi, kalau boleh saya minta perkara ini dijadikan satu bantuan khas sahaja dengan tanpa bunga ataupun bukan dalam bentuk pinjaman. Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Pertama Yang Berhormat bertanya tentang mekanisme yang dilaksanakan oleh Kementerian Perusahaan Utama melalui agensi-agensi yang tertentu di mana pembelian getah itu melalui MARDEC. Yang Berhormat, sebenarnya mekanisme ini, di mana kita telahpun mengkhaskan supaya agensi-agensi kerajaan itu yang membeli getah supaya kita dapat melaksanakan daripada aspek pelaksanaan.

Oleh kerana kalaulah sekiranya berlaku di mana kita biarkan bahawa pembelian itu boleh dibeli oleh sesiapa daripada pihak swasta dan sebaliknya pula, menurut pengalaman, kita akan mengalami kesusahan untuk melaksanakan pembayarannya balik. Dan, kita tidak mahu hendak menyelesaikan satu masalah dan menimbulkan masalah-masalah yang lain. Dari segi itu, maka kementerian dan juga kerajaan telahpun berpendapat bahawa melalui agensi-agensi kerajaan tertentulah dapat kita memastikan bahawa perkara ini berjalan dengan betul dan licin.

Dan, dari segi elaun sara hidup yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu bahawa saya yakin iaitu agensi-agensi kerajaan yang bukan di bawah Kementerian Perusahaan Utama iaitu FELDA, FECRA dan RISDA telahpun mengambil kira tentang keadaan pekebun kecil dan memanglah Kementerian Perusahaan Utama dan juga kementerian-kementerian yang berbangkit itu. Keutamaan kita adalah terletak pada pekebun-pekebun kecil dan kita telahpun mengambil apa juga langkah yang boleh meringankan beban mereka di mana harga yang keadaannya begitu rendah sekali dalam keadaan masa kini, maka banyak perkara yang harus kita ambil perhatian.

Dan, satu daripadanya untuk mereka menunggu sementara hasil daripada penanaman semula itu, Kementerian Pertanian melalui *Fund For Food (3F)* telahpun menggalakkan supaya petani-petani ini ataupun pekebun-pekebun kecil ini menggunakan satu dana yang telahpun disediakan melalui Bank Pertanian supaya mereka menggunakan dana ini dan menanam tanaman kontan yang boleh membawa hasil kepada mereka sewaktu mereka menunggu hasil daripada penanaman-penanaman yang telahpun Yang Berhormat sebutkan tadi.

Oleh itu, saya mohonlah supaya Yang Berhormat balik ke kawasan Yang Berhormat dan memberi penerangan yang jelas dan yang tepat kepada pekebun-pekebun kecil ini dan langkah-langkah yang diberi oleh kerajaan dan melalui Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Utama dan juga kementerian-kementerian lain yang secara keseluruhannya mengambil berat tentang keadaan pekebun-pekebun kecil dan saya berharap dan saya yakin kepada Yang Berhormat

bahawa Yang Berhormat akan memberi satu gambaran yang tepat dan bukanlah memutar belitkan usaha kerajaan melalui kementerian-kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk saya meneruskan iaitu

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Yang Berhormat, sikit sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terima kasih banyak dengan apa yang telah diterangkan tadi, begitu juga bantuan untuk tanaman kontan tetapi saya tidak nampak jawapan yang jelas tentang apa yang saya timbulkan tadi berkenaan dengan elaun sara hidup. Yang dalam Dewan ini disebut elaun sara hidup tetapi dalam kenyataan akhbar yang saya baca, pinjaman kepada petani-petani yang pendapatan mereka terjejas akibat kejatuhan ini atau yang sedang menunggu sementara tanaman mereka mengeluarkan hasil – 3 tahun.

Dalam laporan itu disebut pinjaman kepada pekebun-pekebun antara RM50 ke RM250 sebulan. Jadi, masalah yang saya timbul tadi itu, sama ada ianya dikenakan bunga dan harapan saya kalau boleh pinjaman ini ditukar menjadi satu bantuan khas sahaja kepada pekebun-pekebun. Insya-Allah, kalau dapat pihak kementerian bagi jawapan bahawa ini adalah bantuan khas, saya akan balik beritahu petani-petani, ini satu berita baik untuk mereka, kita telah dapat bantuan khas ini, oleh kerajaan yang prihatin atas desakan pembangkang yang ikhlas, insya-Allah. *[Disampuk]*

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang saya terangkan tadi kepada Yang Berhormat bahawa elaun sara hidup kepada pekebun kecil dan miskin di bawah Program Sosial itu adalah di bawah FELDA, FELCRA dan RISDA. Dan, saya Yang Berhormat, bahawa oleh kerana ini di luar daripada bidang Kementerian Perusahaan Utama, yang saya terangkan kepada Yang Berhormat, biarlah kementerian yang tertentu menjawab secara terperinci tentang kaedah yang telahpun ditanya oleh Yang Berhormat.

Jadi, saya berharap ada pegawai-pegawai daripada kementerian-kementerian tersebut, dan mereka akan memberi secara terperinci tentang apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi. Oleh kerana ini bukanlah di bawah Kementerian Perusahaan Utama, saya berharap bahawa Yang Berhormat dapat menerima kenyataan yang saya berikan pada hari ini.

Dan, untuk meneruskan iaitu Thailand, Indonesia dan juga India, tidak berupaya membuat secara bersendirian dalam usaha mengawal pengeluaran dan mempengaruhi harga pasaran dunia. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batang Lupar ada membangkitkan tentang penggunaan teknologi terkini yang tidak memberi hasil yang tinggi kepada pendapatan sektor getah. Pandangan Yang Berhormat ini adalah kurang tepat. Lembaga Getah Malaysia (LGM) telahpun menghasilkan pelbagai teknologi tinggi yang jika digunakan akan menambahkan hasil pengeluaran getah.

Selain itu, LGM sentiasa berusaha dan memberikan fokus kepada aktiviti pembaikan pengurusan ladang, pengeluaran perkebunan bersepadu dan penyelidikan strategik. Antara teknologi yang telah berjaya dihasilkan ialah 'berkaboni' dan sistem torehan kekerapan rendah atau *low intensity tapping system (LITS)* dengan izin. Sistem perkebunan bersepadu atau *integrated system*, dengan izin, dengan kaedah perkebunan secara tanaman berpagar atau *hatch planting*, dengan izin, dan latex berprotein rendah atau *low protein latex*, dengan izin, dengan kos yang lebih murah juga telah berjaya dihasilkan. Begitu juga dengan penemuan sejenis gred asli tanpa bau (SMER).

Dengan penanaman-penanaman ini, kerajaan percaya dan yakin bahawa pendapatan sektor getah amnya dan pekebun kecil khususnya akan dapat ditingkatkan lagi. LGM juga sedang berusaha untuk mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Besut mengenai isu hutan yang ditebang secara berleluasa di Tanah Tinggi Cameron dan Selangor serta kemampuan kerajaan untuk mengatasi bagi mengekalkan kawasan tadahan air. Kerajaan sememangnya memberikan perhatian yang serius terhadap pemulihan kawasan hutan tadahan air.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tidak sebarang lesen yang dikeluarkan bagi pengusaha hasilan kawasan-kawasan berkenaan. Tindakan ini adalah selaras dengan peruntukan 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Temerloh supaya diadakan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan pihak *Massachusetts Institute of Technology* (MIT), sukacita saya maklumkan bahawa Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) adalah merupakan, dengan izin, *National Focal Point* untuk program Malaysia MIT bagi, dengan izin, *Program Natural Product Discovery*.

Tuan Yang di-Pertua: Rompin bangun, Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Program ini adalah khusus untuk menghasilkan..... silakan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya sedikit sahaja tentang isu pemotongan bukit, pokok kayu, menyebabkan kawasan tadahan air, kadang-kadang air sudah tidak warna air, sudah warna air susu. Ini kita tidak menolak usaha kerajaan khususnya kementerian. Adakah kementerian ingin mencadangkan juga kepada agensi-agensi lain seperti majlis-majlis daerah supaya kalau kaji kembali peraturan-peraturan yang ada supaya dapat dibendung perkara-perkara yang dibangkitkan itu supaya dapat kita memelihara alam semulajadi kita ini.

Saya rasa ini, minta sedikit pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, khazanah kita ini mesti menjadi pertanggungjawaban semua, bukan sahaja kementerian Yang Berhormat tetapi juga kepada agensi yang lain dan juga orang ramai termasuk mereka-mereka yang membuat pembangunan, pembangunan hartanah, developer. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang perkara ini.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Memanglah tanggungjawab yang telahpun diberikan kepada Kementerian Perusahaan Utama ini melalui agensi-agensi di bawah kementerian, kita selalu peka dan prihatin tentang masalah-masalah yang diadakan. Tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa ada di antaranya bukan sahaja agensi-agensi kerajaan tetapi juga laporan yang saya baru terima, bahawa di antara kerajaan-kerajaan termasuk yang baru saya terima, kerajaan daripada Terengganu, yang memberi lesen secara berleluasa di mana ini akan mengakibatkan apa yang dikatakan bahawa akan *disturb the nature environment*. Dan apa yang saya katakan

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Datuk Anifah Aman: Izinkan saya habis dahulu, ya. Apa yang saya katakan bahawa saya juga baru pergi ke Sabah dan saya telahpun mendapati bahawa ada pembalakan haram yang berlaku di negeri Sabah dalam forest reserve itu sendiri.

Dan saya telah pun mengarahkan supaya satu penyelidikan yang terperinci dilakukan dan saya juga ada mendengar laporan bahawa, ini juga berlaku dalam hutan simpanan kekal di Terengganu. Jadi oleh itu, saya belum pergi ke Terengganu dan laporan seumpama ini saya harap tidak betul tetapi sekiranya betul, saya akan pergi ke sana dan melihat dan saya memohon supaya Kerajaan Negeri Terengganu memberi kerjasama supaya sama-sama kita dapat memantau keadaan yang sedemikian dan saya berharap bahawa Yang Berhormat dari negeri Terengganu apabila berdiri bukanlah semata-mata dan sewenang-wenang saya mengatakan bahawa ini berlaku di Terengganu dan saya harap Yang Berhormat sedar, kalau ini sebenarnya berlaku di Terengganu, saya mohonlah supaya kita semua bertanggungjawab untuk menangani masalah seumpama ini.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana satu, hendak beri jalan yang mana satu?

Datuk Anifah Aman: Saya ingat kedua-duanya tetapi daripada Kemaman dahululah.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya, implikasi daripada apa yang telah diungkit oleh Yang Berhormat bagi Rompin kerana difahamkan bahawa ada laporan baru-baru ini bahawa di negeri Pahang, hutan-hutan rizab ataupun hutan-hutan yang dirizabkan sehingga tahun 2004 sudah banyak ditebang dan diberikan konsesi kepada pihak-pihak tertentu. Jadi saya hendak tanya implikasi daripada penebangan balak-balak yang diberikan kepada mereka seperti yang dituduh oleh orang UMNO sendiri kepada Ketua daripada Setiausaha Agung UMNO jugalah yang telah membahagikan konsesi ini. Saya rasa di Terengganu tidak berlaku seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Jadi elok jugalah kalau Yang Berhormat pergi ke Terengganu dan mendapat gambaran yang sebenarnya. Sekian.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya laporan yang kita dapat sama juga laporan Yang Berhormat dapat daripada Pahang itu bahawa sekiranya betul, kita akan menyelidiki dan mengambil langkah-langkah yang ada dan juga kuasa yang ada di bawah Kementerian Perusahaan Utama. Pahang sama juga dengan Terengganu bahawa laporan daripada yang mengatakan Pahang telah pun memberi hutan simpan kekal sampai 2004 maka tuduhan-tuduhan seumpama itu juga berlaku daripada apa yang dikatakan dari Terengganu.

Jadi Yang Berhormat, apa yang saya dapat tegaskan dan syorkan di sini bahawa sama ada ianya Pahang ataupun Terengganu, kalau sekiranya berlaku penyelewengan seumpama itu, kita akan mengambil tindakan-tindakan yang tertentu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Datuk Anifah Aman: Silakan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tertarik dengan pandangan Kemaman tetapi sepatutnya yang patut membela Negeri Terengganu ialah PAS Terengganu kerana ADIL tidak duduk dalam kerajaan Terengganu.

Saya hendak tanya sedikit kepada Datuk Timbalan Menteri. Dari segi pengurusan hutan, banyak negeri-negeri pengurusan hutan itu dibuat secara terbuka, *open*, ada *transparency governance* dengan izin, kerja-kerja ditender, kalau ada kawasan-kawasan balak yang hendak dibangunkan, ditender dan saya yakin Kerajaan Persekutuan pun menggalakkan Kerajaan Negeri supaya menenderkan kawasan-kawasan ini tetapi ada satu Kerajaan Negeri di Kelantan, adakah Yang Berhormat tahu, 90% daripada kawasan balak tidak ditender tetapi diberi kepada ..., saya yakin kerana saya dengar ada berita dalam Internet juga, sebab Parit Buntar menggunakan Internet, saya pun pakai Internet jugalah. Ada tuduhan, dia kata Kerajaan Kelantan memberikan kawasan balak kepada kroni-kroni Kerajaan Kelantan itu sendiri sebab tidak melalui tender. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pengurusan hutan di Kelantan ini tidak pada tahap yang kita tunjukkan tetapi yang di sana hanya cakap tetapi bila dia hendak buat, dia buat cara lain. Saya minta pandangan Datuk Timbalan Menteri.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Sekiranya berlaku di mana saya juga telah pun mendengar bahawa yang dikata oleh Yang Berhormat, 90% daripada hutan yang sepatutnya diuruskan secara mapan dan apa yang saya telah pun diberitahu bahawa ini berlaku. Walau bagaimanapun sekiranya ada kerjasama daripada Kerajaan Kelantan, saya juga ingin meninjau dengan kebenaran daripada pihak Menteri Besar supaya dapat memastikan sama ada ini benar atau tidak berlaku dan memanglah setakat ini itu yang Kementerian mendengar dan juga saya telah pun berbincang dengan pegawai-pegawai di Pejabat Perhutanan supaya kalau ianya berlaku maka cara bagaimana kita hendak menangani masalah seumpama ini supaya ianya dapat diuruskan secara baik dan berkekalan.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak, dua orang yang bangun.

Datuk Anifah Aman: Saya ingat Yang Berhormat oleh kerana masa sudah, saya ingin teruskan. Ya, saya akan teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan ya.

Datuk Anifah Aman: Pasal banyak lagi yang hendak saya jawab.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tun, saya pun kalau boleh

Datuk Anifah Aman: Yang Berhormat, minta maaf saya sudah banyak bagi laluan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini bersabit dengan ...

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah.

Datuk Anifah Aman: Tun, saya tidak bagi laluan lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya ingin penjelasan sedikit sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, saya merayu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tadi tidak adil Tun. Tadi diberikan kepada Yang Berhormat bagi Rompin, sekarang dia tidak berikan saya, tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua: Adil atau tidak itu tidak bersangkutan Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana menghormati Dewan yang mulia ini pasal banyak lagi yang hendak dijawab....

Tuan Husam bin Haji Musa: Oh, jadi sudah ada *representation* daripada Yang Berhormat bagi Rompin.

Datuk Anifah Aman: Jadi saya berpendapat bahawa saya telah melaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak benarkan

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, saya mohon.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, saya mohon.

Datuk Anifah Aman: Program ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan. Program ini adalah khusus untuk.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *Mislead*, Rompin telah *misleading the* Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Kita ikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Betul, tetapi saya merayu sekarang secara *gentleman*.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, saya merayu, yang dia tidak bagi lain, saya hendak merayu sekarang.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, rayuan itu saya tolak [*Tepuk*] izinkan saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini salah, Tun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini tidak adil macam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Tuan Husam bin Haji Musa: Rompin yang mulakan Tun.

Tuan Yang di-Pertua: Ikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ha, Rompin yang mulakan Tun.

Tuan Yang di-Pertua: Ikut Peraturan Mesyuarat, jika dia tidak beri jalan, Yang Berhormat...

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tidak boleh macam itu Tun.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh macam mana begitu.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh macam itu, kita kena ikut Peraturan Mesyuarat. Adil atau tidak, itu bukan soal Peraturan Mesyuarat.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bagi amaran, saya bagi amaran, tolonglah, sila duduk. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sila duduk ya Yang Berhormat. Jika tidak mahu duduk, saya hendak minta Yang Berhormat keluar Yang Berhormat, saya terpaksa buat begitu. Jangan memaksa saya buat begitu, sila, sila duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tiap kali hendak keluar sahaja....

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila duduk Yang Berhormat. Ya, sila teruskan.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Janganlah....

[Dewan gamat seketika]

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Datuk Anifah Aman: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya jawab, kita akan menyelidiki, tidak ada lagi penjelasan yang perlu....

Tuan Husam bin Haji Musa: Hah, apa salahnya hendak beri kepada saya peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk Anifah Aman: Melalui Kementerian ini, biarlah penyelidikan saya buat dahulu sebelum saya membuat kenyataan-kenyataan yang berikutnya. Jadi ada tuduhan, saya kata saya akan buat penyelidikan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuduhan ini sudah berapa kali dibangkitkan, baru hendak siasat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan yang telah pun diberikan akan saya selidiki melalui Kementerian Perusahaan Utama

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila cakap perkara yang lain.

Datuk Anifah Aman: dan bukan saya akan menerima sebulat-bulatnya penjelasan daripada pihak pembangkang. *[Disampuk]* Tadi Yang Berhormat bagi Rompin ada mengatakan, saya kata kita akan selidiki. Jadi saya tidak akan menerima jawapan yang diberikan oleh pihak pembangkang. Kementerian kita akan menyelidiki.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila Yang Berhormat, sila teruskan jawapan Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Jadi saya harap pihak pembangkang bukan pasal adil atau tidak adil, ini mengikut peraturan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Takut sangat pasal apa?

Datuk Anifah Aman: Kita boleh bincang di luar Dewan, saya akan beri penjelasan, ok? Terima kasih Yang Berhormat.

Jadi program ini adalah khusus untuk menghasilkan dengan izin, *high quality planting materials* dan *standardization of herbal product* dengan izin, untuk spesies Tongkat Ali dan Pegaga. Adalah dimaklumkan juga bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kelapan projek ini diteruskan kepada Fasal 2 yang khusus untuk *mass*

product planting material dan ke arah memajukan bahan bio aktif spesies berkenaan sebagai bahan *pharmaceutical* dengan izin.

Di samping itu FRIM akan terus menjalinkan kerjasama dengan universiti-universiti tempatan dan luar negeri berhubung projek-projek R&D dan pembangunan manusia dan pemindahan teknologi. Sukacita dimaklumkan bahawa pada masa ini FRIM telah menjalinkan kerjasama dengan University of Aberdeen dan University of Oxford dalam program pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun pula Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Minta maaf Tun, saya hendak selesaikan jawapan ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu mengenai pencapaian hanya 2.5% sahaja penglibatan bumiputera dalam industri perabot negara berbanding 30% daripada sasaran.

Suka saya maklumkan industri perkayuan merupakan salah satu daripada sumber pendapatan eksport negara terbesar dengan jumlah eksport bernilai RM17.7 bilion pada tahun 2000. Daripada jumlah tersebut, eksport barangan perabot Malaysia adalah berjumlah RM4.4 bilion di mana sumbangan daripada pengeksporan bumiputera adalah lebih kurang 2.5% sahaja. Terdapat lebih kurang 32 pengeksporan bumiputera daripada 600 pengeksporan perabot di Malaysia. Memandangkan keadaan ini, kerajaan dalam perancangannya akan berusaha memperbanyakkan lagi penglibatan bumiputera dalam industri perabot. Walau bagaimanapun kemajuan adalah tidak memuaskan.

Saya mencadangkan supaya diwujudkan dan diamalkan *smart partnership* dengan izin, di antara pengusaha perabot antarabangsa dengan Malaysia dan di antara bumiputera dan bukan bumiputera supaya lebih berjaya.

Dasar kerajaan memberi penekanan kepada Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (BCIC) adalah bukti niat murni kerajaan bagi memajukan ekonomi kaum bumiputera dalam segala bidang termasuklah pengeksporan perabot. Di antara perkara utama yang diberikan perhatian dalam pembentukan usahawan perabot bumiputera adalah kekukuhan sistem *smart partnership* dengan izin, yang disebut sebentar tadi dan jaringan atau *networking* dengan izin.

Sistem jaringan bumiputera perlu diwujudkan di kalangan peniaga bumiputera dan di kalangan bumiputera dan bukan bumiputera bagi menjamin pelancaran perniagaan usahawan perabot bumiputera. Sistem jaringan ini bukan sahaja perlu disertai oleh syarikat-syarikat bumiputera yang teguh dan besar tetapi juga oleh syarikat antarabangsa dan syarikat bukan bumiputera yang berjaya sebagai rakan kongsi. Kerjasama yang erat di antara syarikat besar dan syarikat IKS bumiputera amat penting seperti mana ditunjukkan oleh kaum bukan bumiputera yang saling bantu membantu sesama mereka untuk terus mengukuhkan sistem jaringan mereka.

Selain itu, sikap terlalu bergantung kepada kerajaan juga merupakan satu sebab kemunduran pencapaian IKS perabot bumiputera. Keadaan ini mengakibatkan mereka kurang kreativiti dan kurang cekap dalam mencari pasaran yang baru. Pengamatan kementerian menunjukkan usahawan bumiputera yang mendapat bantuan kerajaan kurang berkemampuan untuk bersaing berbanding dengan rakan mereka yang tidak mendapat bantuan.

Oleh itu usahawan IKS bumiputera dalam industri perabot perlu membuat satu anjakan paradigma bagi meningkatkan pencapaian bumiputera dalam industri perabot. Gabungan dalam bentuk *smart partnership*, dengan izin, dengan usahawan asing adalah salah satu cara yang perlu diamalkan oleh pengusaha bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat bagi Batang Lupar supaya diwujudkan satu skim di mana pekebun yang mewujudkan kayu getah kepada pengusaha perabot, turut melibatkan diri dalam aktiviti hiliran pembuatan perabot, sukalah saya menyatakan di sini bahawa pihak kementerian dan kerajaan sentiasa menggalakkan pekebun-pekebun kecil untuk terlibat di dalam aktiviti-aktiviti hiliran dan huluan.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Setiu bangun, Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Saya tidak bagi laluan.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Perabot.....

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, saya hendak teruskan.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Nama saya disebut itu. Setiu disebut.

Datuk Anifah Aman: Tunggu sekejap. Penjelasan saya ingat, telahpun diberi secara terperinci. Izinkan saya sempurnakan dahulu, ya. Pihak kerajaan sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan dan nasihat teknikal kepada pekebun-pekebun kecil. Ini bagi membolehkan mereka mahir, bukan sahaja menambahkan sumber pendapatan di peringkat aktiviti hulu, malah di peringkat aktiviti hiliran.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan memberi laluan oleh kerana masa yang hendak saya laksanakan, bukan bererti saya tidak bagi dengan Yang Berhormat bagi Setiu, saya tidak bagi kepada semua. Bukan kepada soalan tertentu, saya mengelakkan soalan-soalan yang tertentu, kerana saya hendak menjimatkan masa.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Rompin terhadap kejatuhan ekonomi di Amerika yang menyebabkan pesanan perabot dari negara ini jatuh, sukalah saya maklumkan bahawa lebih kurang 50% daripada eksport perabot Malaysia adalah dieksport ke Amerika Syarikat dan Jepun 17%. Pasaran lain seperti United Kingdom, Asia Barat dan Australia, masing-masing telah mengambil 10%, 8% dan 7% daripada eksport Malaysia. Pada masa kini, perabot Malaysia adalah dieksport ke sekurang-kurangnya 157 buah negara

Dengan ini, pertumbuhan ekonomi dunia terutama pertumbuhan di Amerika Syarikat dan Jepun tetap akan mempengaruhi prestasi-prestasi industri perabot Malaysia. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan seperti Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk mempelbagaikan pasaran perabot di negeri-negeri lain seperti China dan mempertingkatkan lagi pasaran ke Asia Barat dan juga Australia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar mengenai pengeluaran kayu kita yang masih belum lagi mencapai tahap yang efisien terutama penggunaan hasil buangan daripada *sawmill*. Sukalah saya menyatakan bahawa pada tahun 2000, Malaysia telah mengeksport papan lapis bernilai RM3.84 bilion dan perabot bernilai RM4.4 bilion. Kini, selepas daripada Indonesia, Malaysia adalah pengeksport papan lapis yang kedua terbesar di dunia. Adalah dijangka pengeluaran dan eksport barangan nilai tambah seperti perabot, papan lapis, Medium Density Fiber Board (MDF) dan kayu tanggam akan terus meningkat.

Untuk meningkatkan produktiviti sektor kayu kayan, penyelidikan telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk menggalakkan penggunaan sisa kayu seperti *off cuts* daripada kilang-kilang gergaji dan juga pokok kelapa sawit. Pada masa kini, kebanyakan sisa kayu telah digunakan dalam pengeluaran serpai (*chipboard*), dengan izin, dan juga sebagai *core* untuk papan bungkah (*blockboard*), dengan izin. Manakala pengeluaran MDF telahpun menggunakan kayu getah yang bersaiz kecil. Terdapat juga kilang MDF yang menggunakan dengan izin *oil palm fronds* sebagai bahan mentah dan pengeluaran MDF dan didapati mutu MDF tersebut sangat memuaskan. Adalah dijangka dengan kegunaan teknologi dan proses pengeluaran yang canggih, sisa kelapa sawit ini boleh digunakan sebagai satu bahan baik untuk pengeluaran MDF.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini, suka saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya telah mengambil maklum dan akan memberi perhatian sepenuhnya ke atas pandangan, ulasan dan saranan yang telahpun dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Usul Yang Berhormat. Sila, sila, kemukakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz] Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 5.30 petang atau sehingga selesai jawapan menggulung oleh Kementerian Kesihatan ke atas usul Rancangan Malaysia Kelapan yang mana yang telah terkemudian dan selepas itu, Mesyuarat hendaklah ditangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta sokongan.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Amar Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa satu usul seperti yang dibacakan tadi hendaklah dipersetujui.

Masalah dikemuka dan diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Kementerian Kewangan menjawab.

3.18 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Izinkan saya untuk menggulung bagi pihak Menteri Kewangan. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan yang mulia ini dan yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan semasa membahaskannya. Banyak persoalan yang telah dibangkitkan yang turut memberi pandangan-pandangan yang baik.

Walau bagaimanapun, khususnya daripada pihak pembangkang, seperti biasa hanya mampu membidas dan melemparkan tuduhan-tuduhan yang tidak benar terhadap kerajaan. Bagi pihak Kementerian Kewangan, saya akan menjawab soalan-soalan dan berusaha menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya sebagai menjawab pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kepong dan Permatang Pauh yang mempersoalkan kenapa Menteri Kewangan mengambil cuti semasa ekonomi Malaysia mengalami sedikit kerumitan, saya perlu jelaskan bahawa bercuti adalah perkara biasa dan tidak perlu dijadikan bahan spekulasi. Menteri Kewangan telah menjelaskan bahawa beliau tetap bekerja seperti biasa dan terus memantau keadaan ekonomi negara. Cuma mereka yang ketandusan modal politik akan menggembar-gemburkan persoalan cuti. Sebenarnya usaha memulih dan menstabilkan ekonomi telahpun diletakkan pada landasan yang betul dan kerajaan sedang melaksanakan dasar-dasar yang telah disusun sebelum ini. Kerajaan yakin semua kementerian dan jabatan kerajaan mampu melaksanakan dasar tersebut dengan baik dan berkesan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kemaman bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Adalah penting projek-projek pembangunan dilaksanakan segera bagi menjana pertumbuhan. Menteri Kewangan berada di pejabat semasa cuti beliau yang sudah di separuh jalan bagi memastikan projek-projek pembangunan berjalan dengan lancar.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Concern* kita kepada percutian yang dibuat oleh Menteri Kewangan ialah sebab secara kelaziman yang dilakukan oleh menteri-menteri apabila sesuatu perkara yang

melibatkan kepentingan peribadi ataupun keluarga beliau hendak diluluskan, maka cuti akan dibuat kerana kita *[Disampuk]* dan sebab itulah kita hendak minta jaminan bahawa perkara ini tidak berlaku. Sekian, terima kasih. .

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Ini Bank Malaysia Plantation Berhad hendak ambil alih Multi Purpose Bank, ini melibatkan kepentingan peribadi beliau dan akan diluluskan semasa beliau sedang bercuti.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan satu tuduhan yang liar. Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa kita dalam Dewan Rakyat, saya harap supaya apa juga perkara yang dibahaskan, biarlah perkara yang benar kerana kita serius untuk menjawab soalan-soalan daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat. Ini soal rangka Rancangan Malaysia Kelapan. Jadi, kalau kita membangkitkan benda-benda yang tidak betul, ini akan menjadikan satu suasana yang akan menyebabkan rakyat memikir tentang perkara yang tidak dijawab oleh kita itu sebagai betul.

Jadi, sebab itu saya harap supaya Yang Berhormat bagi Kemaman kalau bangkit perkara seperti ini biarlah perkara itu berasas dan ada kaitan dengan Rancangan Malaysia Kelapan sebab saya bimbang sekarang ini sudah sebulan berlalu, takut dalam masa sebulan nanti kalau perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat seperti didakwa tidak berlaku, macam mana pada ketika itu. Sebab itu saya berharap Yang Berhormat akan bangkit benda-benda yang ada kaitan dengan Rancangan Malaysia Kelapan sebab Yang Berhormat menawarkan diri sebagai Barisan Alternatif, jadi kita hendak dengar juga pandangan daripada sebelah sana tentang apakah rancangan kita untuk Rancangan Malaysia Kelapan.

Jadi, tidak usahlah bangkit benda-benda yang tidak ada kaitan. Saya bimbang takut nanti kalau diminta untuk membuat dakwaan di luar, nanti sudah menjadi perkara yang lain pula. Jadi, sebab itu saya harap kalau Yang Berhormat, selepas ini saya menjawab, bangkitlah benda-benda yang ada kaitan dengan Rancangan Malaysia Kelapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi ekonomi kita....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun pula.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Menteri. Saya hendak bangkit yang berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kelapan.

Kita bincang satu-satu Rancangan Malaysia ini lima tahun sekali. Tahun ini kita bincangkan untuk lima tahun akan datang – tiga hari setengah. Boleh tidak Yang Berhormat bawa ke Kabinet supaya perbincangan satu-satu rancangan, Rancangan Malaysia Kelapan sekurang-kurangnya dua minggu. Yang Berhormat minta kita beri pandangan yang baik. Saya sendiri, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan ramai lagi rakan-rakan tunggu daripada hari yang pertama pembentangan sampai akhir, tidak dapat bercakap. Hendak bercakap apa, hendak cadang yang baik apa?

Yang keduanya, saya tengok dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kita bermula daripada sidang hari ini. Rancangan Malaysia Kelapan bermula daripada 2001 melalui Belanjawan 2001. Sepatutnya Rancangan Malaysia Kelapan datang bersekali ataupun mendahului Belanjawan 2001, barulah belanjawan permulaan tahun yang pertama sudah pun reflects membayangkan kandungan Rancangan Malaysia Kelapan.

Saya bagi satu contoh yang mudah, di bawah Jabatan Perdana Menteri, di bawah Kepala Penempatan Semula Setinggalan. Bagi Belanjawan 2001 yang kita lulus pada bulan Oktober, kosong diperuntukkan, tidak ada satu sen diperuntukkan, sedangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan melaungkan untuk membela

perumahan dan kedudukan sosial setinggian tetapi budget tahun pertama kita sudah miss. Jadi, kalau kita datang kepada Rancangan Malaysia Kelapan selepas daripada budget, kita sudah pakai baju baru hendak ukur kain. Jadi, lain kali kita datang bersekali.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Pertama, saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa sememangnya kita selalu bincang dalam jemaah Menteri berkenaan dengan masa yang diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk membahaskan usul-usul dan juga perkara-perkara yang penting seperti Rancangan Malaysia Kelapan ini. Jadi, pertamanya kita kena ingat Yang Berhormat, kita Ahli Dewan Rakyat ini kadang-kadang dituduh sengaja untuk memanjangkan kerana hendak kutip elaun pun ada. Maknanya Ahli Dewan Rakyat, orang kata kepada kitalah. Kita semua ini, sini dan sana.

Keduanya, saya percaya Yang Berhormat, kita ada 193 orang. Kalau semuanya berucap, sudah tentu perkaranya sama juga. Katalah Ketua Pembangkang berucap satu hal, bermakna yang lain pun, empat, lima, enam atau tujuh Ahli Dewan Rakyat yang lain pun, dia akan cakap benda yang sama. Jadi, banyak perkara yang dibahas ialah perkara yang telah dibangkit sebelum itu. Mengapa tidak saya fikirkan kalau macam dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini, begitu penting, mungkin kalau pihak pembangkang mahu membahs semua, mereka mempunyai apa yang dikatakan jawatankuasa kecil yang tertentu dan mungkin bahagi-bahagikan di antara mereka tentang satu-satu bidang atau kementerian. Dengan cara itu, kita boleh mengurangkan perbahasan.

Sebab saya percaya kalau kita izinkan semua untuk berbahas, saya percaya perkara yang dibangkit adalah perkara yang sama dan Rancangan Malaysia Kelapan ini adalah perkara dasar. Kita tidak bincang tentang perkara yang berkaitan dengan kawasan Parlimen kita. Jadi, sebab itu setelah kita fikir dan kita timbang, kita merasakan iaitu bahawa walaupun kita tidak akan merasa puas hati tetapi masa yang telah diberi ini kita harap dapatlah walaupun tidak memuaskan hati tetapi sekurang-kurangnya ada perkara yang semua telah dapat dibangkitkan dalam Dewan Rakyat ini. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, itu satu pandangan yang kita akan ambil kiralah ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Speaker, tadi berbalik kepada cuti Menteri Kewangan. Betul kita timbulkan perkara itu kerana ini serius sebab Menteri ini dia bercuti, yang sebenarnya dia diikuti oleh orang ramai, pelabur asing dan sebagainya. Kemudian pula kenyataan Menteri Kewangan itu sendiri membawa spekulasi. Beliau mengatakan bahawa dengan dia cuti itu dapat dia menguruskan banyak fail yang terbengkalai. Kalau dengan cuti itu boleh buat kerja, lebih baik cuti terus. Maka, dapatlah yang bercakap ini jadi Menteri Kewangan sebab dengan cuti itu boleh buat kerja, lebih baik bercuti daripada bekerja. Itu minta sedikit penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang sebenarnya pandangan macam ini tidak boleh layan ini, Yang Berhormat, sebab saya cuba hendak jadi civil dan saya akan cuba jawab. Jadi, kalau yang cakap macam itu, saya bagi peluang Yang Berhormat jawab tetapi Yang Berhormat hendak mengaibkan kedudukan saya, apa pasal. Itu tidak betul. Jadi, saya harap supaya selepas ini akhirlah sekali cakap macam itu, kalau tidak saya tidak akan bagi jalan dah. Sebab saya menghormati Yang Berhormat, sebab itu saya jawab. Jadi, saya akan jawab.

Berkenaan dengan jawapan daripada Menteri Kewangan. Sebenarnya banyak sangat pertanyaan yang telah dibuat oleh pihak press dan kita telah beri jawapan dan mereka merasakan iaitu bahawa ada alasan yang lain. Jadi, kadangkala kalau kedua kita jawab sama, kali ketiga jawab sama, kali keempat kita menganggapkan iaitu bahawa seolah-olah mereka ini tidak ambil serius apa yang kita hendak beri alasan. Oleh sebab itu, kadangkala ada jawapan macam Perdana Menteri, kadang-kadang alasan yang dia beri menggelikan hati sebab sudah banyak kali. Jawapan sama, itu juga ditanya.

Jadi, saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa dalam soal cuti ini, sebenarnya tidak ada masa yang boleh kita kata sesuai untuk bercuti sebab dahulu Menteri Kewangan datang waktu gawat, apabila selesai gawat, hendak cuti takut pula nanti apa pula yang akan berlaku yang boleh menjejaskan pula, tunggu lagi. Jadi, hendak tunggu enam bulan, tujuh bulan supaya jangan ada apa-apa. Jadi, sebenarnya kalau kita hendak kata, hendak cari satu masa yang sesuai dalam keadaan sekarang

ini, Menteri Kewangan hendak bercuti, tidak ada masa Yang Berhormat. Memang tidak ada masa yang sesuai.

Jadi, sebab itu dalam masa mana sekalipun kita mohon percutian, saya rasa tidak ada alasan yang kononnya iaitu bahawa hendak larikah atau apakah, tidak berbangkit sebab yang jelas ialah kerja memang banyak. Saya tahu kerana sedikit sebanyak saya ada pengalaman di Kementerian Kewangan selama satu tahun, kerja memang banyak. Jadi, pada waktu cuti pun sebenarnya, tidak boleh hendak cuti sebenarnya sebab kalau kita cuti satu hari, fail naik atas meja sudah banyak sebab kerja-kerja berlaku hari-harian.

Jadi, sebab itu saya ingin menyatakan Yang Berhormat bahawa tidak berbangkitlah soal cuti ini kerana alasan yang mungkin dianggap sebagai untuk melakukan sesuatu yang tidak sepatutnya dilakukan.

Yang Berhormat pun kena ingat juga, dalam Dewan Rakyat ini, ramai sudah pembangkang. Bukan senang hendak buat benda-benda tanpa dibangkit. Sebab itu bukan buat sesuatu itu kerana hendak menipu atau menutup. Saya rasa dalam zaman millenium ini, bukan mudah untuk kita kalau buat sesuatu dan cuba hendak menyembunyikan sesuatu daripada rakyat sebab rakyat ada wakil dalam Dewan dan mereka akan tahu kalau sesuatu itu berlaku.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tidak bercadang untuk berkata sesuatu yang tidak baik tetapi saya rasa persefahaman kena wujud di sini. Saya rasa Yang Berhormat bagi Kemaman telah membangkitkan jika wujudnya kepentingan perniagaan *conflict of interest*, saya rasa sebagai pemangku ataupun sebagai wakil Menteri Kewangan, Yang Berhormat Dato' sedar bahawa Tun melalui keluarganya memiliki pegangan dalam beberapa bank dan berlaku baru-baru ini penyusunan dalam Malaysian Plantation berdasarkn surat Tun sendiri kepada saya jawapan bertulis terhadap soalan saya, penyusunan dalam Malaysian Plantation dan Kamunting.

Dalam jawapan tersebut, Tun telah menjelaskan bahawa Malaysian Plantation sekarang ini sedang *concentrate*, dengan izin, kepada banking. Yang Berhormat tahu bahawa di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA Act), sebarang pemindahan pegangan dalam mana-mana syarikat kewangan mestilah mendapat kelulusan Menteri Kewangan dan dalam hal ini saya tidak kata Tun Menteri Kewangan telah menyalahgunakan kuasa ataupun lain-lain tetapi *modus operandi* yang menggambarkan *transparent* dalam isu-isu yang berkaitan dengan *conflict of interest* Tun sebagai Menteri dan kepentingan pemiagaan yang dia perolehi sebelum daripada dia menjadi Menteri mestilah mendapat kepuasan masyarakat. Tidak boleh kita kata tidak ada apa-apa berlaku tetapi *transparency* itu mesti diperlihatkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya dalam Dewan ini Penggal Kedua. Jadi, saya boleh appreciate apa Yang Berhormat sebut tetapi daripada apa Yang Berhormat bagi Kemaman bertanya tadi, daripada nada dan ayat yang digunakannya saya sudah faham, apa tujuan dia. Sebab itu saya kata kalau bermotif ikhlas, positif, kita akan jawab. Tetapi saya boleh faham daripada nada dan bukan ayat 'jika digunakan', bercakap seolah-olah sudahpun perkara itu benar. Jadi, sebab itu saya kena jawab ya. Dalam soal kelulusan ini juga, kalau hendak memberi kelulusan tidak perlu cuti, banyak keputusan dibuat kadang-kadang terlibat juga orang-orang yang tertentu, dia tidak perlu bercuti. Ya, waktu dia bekerja dia mencentakan, memaklumkan bahawa kepentingan dia, itu sudah cukup tetapi tidak perlu cuti Yang Berhormat. Tidak perlu cuti ataupun pergi ke luar negeri untuk menghilangkan diri waktu keputusan dibuat. Jadi, itu tidak berbangkit dan tidak berbangkitlah soal cuti ini kerana ada satu kelulusan yang hendak dibuat berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengan Menteri Kewangan.

Mengenai prestasi ekonomi untuk makluman Ahli Yang Berhormat termasuk daripada Kemaman. Saya ingin menyatakan bahawa ekonomi negara telah mencapai pertumbuhan kukuh dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KNDK) pada kadar 8.5% pada tahun 2000 berbanding 5.8% pada tahun 1999 dan jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan kemerosotan 7.4% semasa krisis ekonomi pada tahun 1998. Ini adalah hasil daripada dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Pencapaian ini menjadi kebanggaan negara. Ianya dicapai walaupun pembangkang mengadakan

tunjuk perasaan dan memburuk-burukkan kerajaan. Untuk tahun 2001 ini prospek ekonomi negara dijangkakan terus berkembang dengan mapan walaupun persekitaran ekonomi dunia terutamanya Amerika Syarikat adalah tidak menggalakkan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kemaman berdiri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti saya habiskan dahulu. Dengan mengambil kira perkembangan ini serta kesan tahun asas pertumbuhan yang tinggi dalam tahun 2000, pertumbuhan ekonomi Malaysia dianggarkan pada kadar 5%. Memandangkan eksport akan terjejas oleh perkembangan luar yang tidak menggalakkan kerajaan sedang melaksanakan pakej *preemptive economy* terutamanya dengan suntikan rangsangan fizikal sebanyak RM3 bilion sebagai tambahan kepada peruntukan RM28.8 bilion dalam belanjawan 2001. Dengan suntikan ini pertumbuhan ekonomi negara dijangka akan meningkat hampir 6% pada tahun 2001.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Pagi ini saya terbaca dalam Business Times, Gabenor Bank Negara Puan Zetty menyatakan bahawa foreign direct investment yang masuk ke Malaysia pada tahun lepas hanya RM2 bilion tetapi apa yang kita selalu dengar bahawa investment kepada dalam negara meningkat ataupun Malaysia dapat menarik investment yang begitu banyak berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Ini maknanya lebih kurang 10% sahaja ataupun cukup rendah dan juga mengenai pakej yang diumumkan oleh Perdana Menteri RM3 bilion ini ialah satu pakej bukan pakej apapun, ini hanyalah melaksanakan semula penerusan projek-projek yang ditangguhkan semasa kegawatan ekonomi itu sahaja. Jadi, tidak ada apa yang baru dalam pakej melainkan RM1 bilion untuk tanaman semula. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertama, saya minta maaf daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya belum menjawab satu lagi yang allocation 2001. Jadi, apa Yang Berhormat sebut memang kita kadang-kadang satu tahun kita ada perbelanjaan yang melebihi yang terpaksa kita buat perbelanjaan tambahan. Cuma yang untuk makluman Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang tahun 2001 itu telah pun kita ambil kira dalam RMK-7 dahulu. Maknanya kita hendak belanja duit mesti mengikut perancangan kita di bawah rancangan Malaysia. Jadi yang tahun 2001 itu sememangnya kita telah mengambil kira dalam kita berbincang RMK-7. Jadi kalau ada apa-apa berlaku tambahankah atau apakah maknanya itu seperti biasalah pada tiap-tiap tahun kita akan membuat tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan foreign direct investment, FDI, memang pada masa yang lepas kita mendapat FDI yang banyak tetapi pengiraan FDI ini dia daripada kata Bank Negara sebagai contoh dia ada kaedah daripada segi Bank Negara. Jadi, bukan saya hendak mengatakan bahawa yang dia cakap itu ataupun betul ataupun tidak. Sebab dia bercakap sebagai seorang Gabenor. Jadi, sebenarnya bagi pelaburan asing, foreign direct investment yang bersih. Pada tahun 2000 ialah berjumlah RM7.5 bilion. Jadi sebab itu kalau apa Yang Berhormat sebut tadi macam pengumuman yang dibuat oleh Gabenor maka saya percaya itu bahawa sudah tentu yang dimaksudkan oleh beliau itu ialah dari apa sudut pandangan sebagai orang gabenor mungkin bayaran dalam Bank Negara dan lain-lain lagilah.

Sebab kadangkala dalam akhbar sendiri pun mereka tidak faham apa yang dimaksudkan oleh kita, apabila kita memberi satu kenyataan akhbar.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Apa yang selalu di mana gambaran yang diberikan selalu, apabila pelaburan ialah seperti mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat tadi RM7.5 bilion, ini adalah cadangan untuk melabur, tidak real investment, sebab itulah apa yang dilakukan oleh Bank Negara ini adalah satu laporan yang tepat. Jadi apa yang selalu diberitahu oleh menteri-menteri hanyalah merupakan cadangan-cadangan yang belum lagi realize pun dan banyak daripada cadangan ini tidak jadi kemudian harinya, tetapi selalu diumumkan itu. Jadi Gabenor Bank Negara pun masa dia mengumumkan pun dia mengumumkan semasa

beliau berada di Amerika Syarikat semasa menghadiri Convention Islamic Gabenor of Bank negara-negara Islam. Sekian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kemaman tadi itu adalah tidak betul. RM7.5 bilion ini merupakan actual inflow of foreign investment. Maknanya yang telah dicadang dan diluluskan yang masuk ke dalam negara kita. Jadi, itu sebagai menjawab Yang Berhormat punya....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Rompin. Ada dua berdiri Yang Berhormat bagi Rompin dan Kepong. Hendak beri Yang Berhormat bagi Rompin. Ya sila

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan isu FDI ini. Yang Berhormat bagi Kemaman mungkin dengan statistiknya mempersoalkan kemasukan FDI di dalam negara kita. Saya hendak bertanya kepada Datuk Menteri, selain daripada data yang disahkan oleh Menteri bagaimana bandingannya dengan FDI di Indonesia, di Filipina, di Thailand. Sebab terutama di Indonesia sebab ucapan Yang Berhormat bagi Kemaman baru ini cara dia bercakap macam ucapan yang dibentang di Dewan FDI di Jakarta. So, selalunya oleh kerana hujah-hujah beliau selalu membawa mirip Jakarta, bandingan dengan Jakarta bagaimana? Dengan Filipina barulah adil, kalau mereka hendak parti dia kata adil barulah adil kerana di sana dia adil cakap sahaja tetapi sebenarnya tidak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]* Saya ingat Yang Berhormat bagi Kemaman dia pun tahu jawapannya. Memang teruklah Indonesia malah sekarang pun di Filipina Yang Berhormat punya kawan di sana Estrada pun saya difahamkan teruk juga. Jadi sebab itu sememangnya kalau kita membandingkan foreign direct investment yang masuk ke Malaysia dan juga yang pergi ke negara-negara jiran sudah tentulah kalau saya tidak jawab pun semua orang tahu betapa teruknya FDI bagi negara-negara itu. Cuma kita hendak kena ingat juga sekarang ini bahawa kemunculan China sebagai sebuah negara yang menarik banyak FDI malah ada yang keluar daripada kita pun.

Jadi oleh sebab itu kalau berlaku sekalipun ada kekurangan ini disabitkan oleh kerana pertamanya, negara China sebuah negara yang sekarang ini ekonominya besar, dia punya domestic market besar dan mereka pun cerdik sekarang dan mempunyai undang-undang untuk menguatkuasakan supaya memberikan keyakinan kepada pelabur-pelabur dan lain-lain lagilah. Jadi kalau China ini dia dapat menarik pelabur untuk keluar bukan sahaja daripada Malaysia tetapi juga negara-negara jiran yang lain.

Tuan Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya bagi *[Menunjuk kepada Yang Berhormat bagi Kepong]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong dahulu, dia bagi Kepong, ha sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan RM7.5 bilion ini dalam Dolar Amerika atau di dalam Ringgit Malaysia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ringgit Malaysia.

Dr. Tan Seng Giaw: Malaysiakah? Tuan Yang di-Pertua, ini sangat kecilah. Mungkin Yang Berhormat boleh semak semulalah. Boleh semak semula. Terlalu kecil angkanya. Saya ingat bukan itu. Hampir 20 bilion itu di dalam Ringgit Malaysialah. Jadi masalah kita ini, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau di dalam Dolar Amerika pelaburan di negara China ialah lebih USD35 bilion. Dan juga di Amerika

sendiri FDI itu USD350 bilion. Ini bermakna negara kita walaupun kita hendak banding dengan Filipina dan Indonesia tidak payahlah. Mereka susah, porak-peranda, tidak payah. Hendak banding, banding dengan orang yang lebih baik. Kalau hendak banding dengan Rompin, susahlah [Ketawa].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, persoalannya Yang Berhormat ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita banding dengan negara-negara yang lebih maju lebih baik. Dan adakah Yang Berhormat sedar, semak semula angkanya.

Dan yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebanyakan itu pelaburan semula seperti Motorola. Kebetulannya Motorola hendak pergi ke China tetapi pihak kementerian tahu dia cepat pergi ke Motorola, memberi kelonggaran supaya mereka tidak pindah ke negara yang lain. Saya berharap Yang Berhormat balik mengkaji angka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Macam ini Yang Berhormat. Berkenaan dengan pelaburan asing ini. Kalau kita banding dengan Amerika pun tidak kena juga sebab mereka 270 juta penduduknya dan negaranya lebih kaya daripada kita. Kalau kita hendak banding dengan China pun tidak boleh juga sebab dia 1.4 million, domestic market pun besar. Jadi kita tidak boleh banding dengan mereka. Kita banding dengan negara jiran kerana kita lihat bahawa negara jiran ini daripada segi penduduknya walaupun tidak sama dengan kita tetapi stail, cara hidup semua sama dengan kita, mentaliti pun sama dengan kita. Sebab itu kita banding dengan negara-negara seperti ini.

Saya percaya kalau Yang Berhormat katalah Filipina, Thailand ataupun Indonesia maju ke depan kita banding dengan dia tentu Yang Berhormat kata bagus. Tetapi hendak buat macam mana dia tidak bagus hari ini. Jadi dengan siapa kita hendak membanding. Mungkin saya kira iaitu bahawa paling baik sekali kita tengok average kita, adakah lari pada tiap-tiap tahun. Jadi pada tiap-tiap tahun kita tengok FDI kita tidak berkurang. Average dia hampir sama ada tambah sikit ada kurang sikit. Jadi daripada segi itu menunjukkan bahawa kita ada kenaikan progress improvement. Jadi saya rasa itu paling baik kalau kita hendak minta satu yardstick, apakah kita punya FDI ini menurun ataupun tidak bagus ataupun tidak, maka kita ambil average pada tiap tahun. Kalau pada tahun ini dia banyak melebihi tahun lepas itu kira baguslah.

Tuan Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada tiga orang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi soalnya macam foreign direct investment ini dia berbagai. Adalah reinvestment, itu pun duit Yang Berhormat. Sama reinvestment masuk bukannya main masuk duit garam laut, masuk duit. Kalau reinvestment pun masuk duit juga. Apa maknanya? Maknanya dia yakin dia sudah masuk dia melabur, dia yakin dengan keadaan ini, dia reinvest. Ini satu plus point kepada kita. Jangan pandang rendah sebab dia confident dengan...

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah dahulu saya jawab. Saya tidak boleh jawab mengikut kehendak Yang Berhormat. Saya menjawab daripada pihak kerajaan. Jadi keyakinan sebenarnya, dia sudah melabur dia confident. Yang kita bimbang ini ialah dia invest selepas setahun dia tarik. Itu kita takut ada sesuatu yang berlaku ini. Itu sebab kita akan cuba meyakinkan mereka. Reinvestment jangan pandang rendah kepadanya kerana ia juga merupakan duit. Ya Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa tahun 2001 ini pertumbuhan ekonomi negara masih boleh bertahan di paras 5%. Dalam iklim ekonomi dunia terutama sekali negara-negara maju seperti Amerika begitu teruk sekali, Jepun dan sebagainya. Kita masih boleh bertahan di paras 5%. Apakah paras pertumbuhan 5% ini akan bertahan sekiranya Amerika masih dalam pertumbuhan ekonomi 0%. Apakah negara Malaysia masih boleh bertahan dalam kadar 5% ini sekiranya ekonomi negara Amerika dalam 0% kerana pihak pembangkang memutar belit fakta dan menuduh kerajaan tidak menentu sehingga mengakibatkan ekonomi kita terjejas sedikit walaupun pada hemat saya pembangkang tidak ada kuasa untuk menjatuhkan ekonomi kita cuma mereka membuat percubaan demi percubaan walaupun mereka gagal. Jadi saya mahu pandangan Yang Berhormat, adakah pertumbuhan 5% ini bertahan walaupun pertumbuhan ekonomi negara-negara maju masih terus jatuh atau menjunam. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ekonomi sebuah negara ini sememangnya selalu bergantung di antara satu sama lain dan apa yang berlaku di negara lain ianya sudah tentu akan ada kesan walaupun mungkin tidak terjejas tetapi dia sudah mesti ada kesan sebab kita sebuah negara yang mengeksport barangan ke luar negara. Walau bagaimanapun, Malaysia sebuah negara yang tidak meletakkan satu harapan kepada sebuah negara sahaja kerana sikap itu akan menyebabkan..., kalau Amerika Syarikat sebagai contoh terlalu kebergantungan kepada mereka, jika apa-apa berlaku kepada mereka akan menjejaskan kita. Sebab itu kita punya hubungan dengan luar, kita banyak bukan sahaja dengan Amerika tetapi dengan China dan banyak lagi EU.

Dan kita sebagai satu bangsa yang tidak mahu tunduk kepada tekanan daripada mana-mana pihak kita sudah faham kalau kita terlalu bergantung kepada sebuah negara dia akan menggunakan ekonomi penjajahan baru ini untuk menekan kita untuk bersetuju dengan apa yang mereka mahu kita lakukan. Oleh kerana itu kita tidak akan tunduk kepada mereka. Kita ada banyak ruang untuk memastikan supaya kita tidak akan terjejas begitu teruk kalau sekiranya berlaku sesuatu kegawatan di sebuah negara besar seperti Amerika yang sememangnya kita mengeksport banyak kepada mereka tetapi kita akan cari jalan kita bagaimana untuk mengatasi masalah tanpa kita hendak bergantung atau menuduh negara lain yang menyebabkan kejatuhan ekonomi negara kita...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman. Hendak bagi mana? Rompin, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak berbalik sedikit isu FDI, saya hendak bertanya sedikit, FDI ini sudah semestinya agenda pembangunan ekonomi negara bagi kita mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada orang ramai, rakyat Malaysia, sewajarnya agenda untuk membela rakyat ini patut disokong oleh sebelah sana, tetapi nampaknya tindak tanduk mereka dewasa ini tidak membantukan keadaan dan boleh dikatakan tindak tanduk mereka tidak kondusif kepada keadaan membantu supaya dijana ekonomi kita.

Saya minta pandangan Dato' Menteri sedikit tentang perkara ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebenarnya Yang Berhormat, kita daripada dahulu pun telah mengambil keputusan iaitu kita tidak boleh mengharapkan sokongan daripada pembangkang untuk membantu kita sebenarnya. Sebab itu apa juga yang kita buat, kita buat juga kerana kita tidak dapat hendak tentukan, kita boleh fahamlah mungkin dia pembangkang, dia tidak mahu sokong kita, ada alasan dia. Jadi oleh kerana itu, banyak keputusan yang kita buat ialah berasaskan kepada pandangan dan pemikiran kita sendiri. Kerana akhirnya nanti kalau perkara ini berlaku sesuatu, kita akan dipertanggungjawabkan.

Tetapi kalau kita berjaya, orang tidak kisah, tidak mengapalah, itu biasalah. Tetapi yang penting oleh kerana kita terpaksa mempertahankan keputusan kita, sebab itu banyak daripada hal ini kita terpaksa mengambil hanya pandangan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Kita ungkitkan ini kerana kita buat perbandingan dan kita melihat bahawa kalau ikut daripada angka-angka yang ada untuk tahun 2000, kita lihat bahawa Asia masih merupakan lagi satu kawasan yang menarik dari segi pelaburan iaitu di Asia sahaja AS\$200 bilion pelabur FDI masuk dan 75% daripadanya ialah sebagaimana Yang Berhormat menyatakan bahawa masuk ke negeri China, Taiwan dan Korea dan sebab mereka pergi ke sana ialah kerana di antaranya ialah efficiency syarikat-syarikat mereka menjalankan perniagaan mereka dan kita lihat di Malaysia ini efficiency syarikat-syarikat yang beroperasi di Malaysia menurun kalau ikut rankingnya daripada tingkat 14 meningkat sehingga kepada tingkat 44, maknanya syarikat-syarikat dalam Malaysia sekarang ini dia punya efficiency sudah turun sedangkan di negeri-negeri di China dan sebagainya mereka mengikuti perkembangan-perkembangan semasa dan mengikuti undang-undang semasa dan mengikuti segala peraturan-peraturan perdagangan dunia, sebab itu mereka lebih kompetitif dan lebih menarik dari segi membawa masuk FDI ini.

Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pandangan Yang Berhormat tidak betul. Sebab baru ini sahaja orang percaya dengan China ini pun – negara China ini. Dahulu orang tidak percaya kepada mereka, orang takut, pergi melabur – terbakar semua ya.

Jadi, apabila sekarang ada undang-undang yang disediakan oleh Kerajaan China untuk menarik pelaburan, baru ini sahaja. Jadi, biasalah pelabur ini, ia bila masuk ke tempat baru ia boleh dapat *tax holiday* apakah, dia akan ambil kesempatan itu, jadi, mengubah tempat factory kilang apakah, memang satu perkara yang akan berlaku, kalau ada sebuah negara yang baru, dia hendak menarik pelaburan, ia akan beri macam-macam. Dan sememang tidak boleh nafi negara China, dia punya tarikannya ialah dia punya tenaga kerjanya murah, kemudian dia punya domestic market besar, tanah pun murah, dia banyak tanah.

Jadi, ini semua advantage yang ada kepada China sekarang, bukan yang dimaksudkan dengan efficiency yang Yang Berhormat sebut, sebab hendak banding Malaysia dengan China, China baru mula ini sahaja. Lepas itu pula, tetapi jangan kita ikut semua undang-undang ini Yang Berhormat, sudah tahu Yang Berhormat sokong, rasuah kena tembak di sana itu, siapa yang kena tangkap rasuah, dia *execute* ya. Ha, itulah, jadi kalau Yang Berhormat seronok macam itu okaylah. Tidak ada masalah kan?

Tetapi maknanya saya percaya banyaklah negara lain yang akan protest, tidak apalah, bukan setakat yang melakukan kesalahan seperti itu, mana-mana yang mengkhianati negara pun sepatutnya kita tembak jugalah. Jadi, sebab itu, boleh tertembak dia orang juga kalau mereka begitu.

Jadi, Yang Berhormat, jadi bukanlah faktor bahawa China itu lebih efisien daripada kita maka ini menyebabkan orang keluar daripada kita, kerana yang berlaku ini bukan sahaja Malaysia, Thailand pun macam itu juga, berlakunya pengeluaran besar-besaran dan kita expect yang akan datang ini akan berlaku, sebab itu kita hendak kena pastikan supaya kita akan lebih cari jalan untuk boleh menarik pelaburan, termasuklah juga kalau mana yang perlu kita perkuatkan *corporate governance* dan perkara-perkara lain yang boleh menarik perhatian pelabur-pelabur kita.

Yang Berhormat pun nasihat tak usah dok demonstrasi jalananlah, takut orang ini ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, hendak beri jalan ya.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Saya hendak beritahu, ini pengalaman peribadi di mana adalah kerana tindakan daripada pihak-pihak kerajaan juga, ada sebuah syarikat yang hendak melabur di Kerteh, tetapi diminta oleh kerajaan supaya membuka kilangnya di Gebeng, tetapi material yang adanya di Kerteh, jadi apabila dinasihatkan supaya jangan pergi ke Kerteh, mereka lari ke Singapura dan pelaburan melibatkan RM750 juta, yang ini kadang-kadang Kerajaan Barisan Nasional juga kerana terlalu pilih bulu dan ingin mendiskriminasikan negeri-negeri tertentu, pelabur juga yang lari.

Jadi, ini pengalaman peribadi ini, saya tahu sendiri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Melibatkan syarikat Yang Berhormatkah?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tidak!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, okay. Kadangkala, kita menyediakan prasarana sebab daripada segi kita ini, macam *foreign direct investment*, ada kalanya kita hendak menentukan supaya dasar kita dilaksanakan. Dan apabila kita membina sesuatu kawasan SMI atau apakah, kita mahu melihat supaya ada syarikat-syarikat yang pergi melabur di situ, membina kilang dan lain-lain. Jadi, ini merupakan apa yang dikatakan iaitu kadangkala kita memberi cadangan kepada mereka untuk kawasan-kawasan tertentu.

Jadi, mungkin ini merupakan perkara yang dibangkitkan, sebab Yang Berhormat pun kena ingat juga, yang dok buat deal kadangkala ini ialah pegawai-pegawai, kadangkala pegawai mengambil tindakan, dia mengambil kira arahan asal dahulu daripada kementerian, jadi dia melaksanakan dan kadang-kadang pelaksanaan yang dilakukan tidak ada orang kata apa yang dikatakan budi bicara cara inikah, ini yang menyebabkan perkara ini berlaku.

Sepatutnya, kalau perkara ini berlaku, maklumkan kepada kita dan Yang Berhormat pun sendiri tahu, *foreign direct investment* ini penting kepada kita. Jadi, kalau benda-benda ini berlaku, maklumkan kepada kita, sudah pasti kita siasat, kita lihat dan kita akan mengambil tindakan yang menguntungkan kepada semua pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang yang berdiri Yang Berhormat ya, Rompin dan Kuala Terengganu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri yang sanggup melayan soalan-soalan yang ada. Cuma saya bimbang dengan kemungkinan kita sendiri dalam suasana *denial syndrome*, kita tidak mahu menerima hakikat bahawa kita bermasalah, inilah yang bagi kami terutamanya pembangkang ini melihat kalaulah pihak kerajaan masih lagi tidak mahu memperakui kita mempunyai masalah dari sudut ekonomi di negara kita, malahan dari segi FDI sendiri dianggarkan sejak dua tahun yang lepas, tidak kurang daripada AS\$15 bilion telah keluar daripada negara kita dan kajian yang dibuat oleh MIER sendiri dari sudut Business Conditions Index (BCI) di negara kita, the first quarter, dengan izin, pada tahun ini menurun 6.9% yang merupakan menjadi indikator kepada ekonomi kita sedang menuju ke arah kita mempunyai masalah yang besar dan kajian yang dibuat oleh *economist intelligent unit* ke atas 60 negara di seluruh dunia dari sudut *attractiveness* kepada *foreign investment*, mereka mendapati hanya Malaysia dan Hong Kong sahaja, dengan izin, saya baca, "*our focus to be less attractive in the next five years than they were during the past five years.*"

Jadi, Yang Berhormat Menteri, saya bukan untuk mengkritik tetapi inilah realiti yang ada, sekurang-kurangnya kita akur kepada realiti bahawa we are in the problem, kita bermasalah dan saya juga ingin merujuk kepada perbincangan dan juga penulisan-penulisan, kalau Yang Berhormat Menteri merujuk kepada beberapa penulisan dan perbincangan daripada pakar-pakar ekonomi dan juga mereka yang terlibat dalam investment ini, mereka melihat bahawa salah satu masalah Malaysia yang terbesar adalah *crisis of confidence* masalah ini adalah masalah yang besar dan dalam kategori *crisis of confidence* ini adalah mereka melihat salah satu masalah yang besar, yang paling besarnya adalah dari sudut kepimpinan, *leadership*.

Jadi, perkara-perkara ini kita kena akur dan kalaulah kita masih lagi deny dengan permasalahan-permasalahan yang ada, memanglah kita akan selalu main ping pong sahajalah walaupun kita daripada pembangkang memberikan data, memberikan maklumat-maklumat, tetapi kalaulah kerajaan terus menerus menafikan kita bermasalah, saya tidak tahulah apa yang akan berlaku kepada negara kita. Wallahu'alam.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, tidak berlaku masalah *denial syndrome*, kerana kita menghadapi masalah - tahun 1998, masalah besar. Kemudian kita mengambil tindakan untuk

memperbaiki keadaan dan sudah tentulah kita punya tindakan yang kita ambil itu pihak pembangkang daripada pihak Yang Berhormat tidak bersetuju, itu atas pandangan sendiri. Tetapi oleh kerana kita yang memerintah, kita tidak kata tahun 1998 there was no problem, dengan izin, ada masalah, kita ambil tindakan. Bila kita ambil tindakan, ada golongan yang mengatakan tindakan kita tidak betul, tetapi kita buat juga.

Akhirnya kita berjaya, jadi tidak berbangkit Yang Berhormat, iaitu bahawa kita ini *denial syndrome*, berapa lama boleh deny ini, saya hendak tanya, deny, deny, deny, sekarang tak boleh dah, dulu boleh, rakyat bukan cerdik dahulu, sekarang tak boleh ya.

Sebab itu tidak berbangkit soal *denial syndrome*. Kita akan ambil tindakan untuk mengatasi masalah, itulah yang macam-macam yang kita lakukan, ada yang jadi diperaktakan untuk dijadikan undang-undang akta, untuk kita mengambil tindakan, ada seperti rancangan pakej baru, ini semua untuk hendak mengatasi masalah yang kita fikirkan sebagai kerajaan yang bertanggungjawab pada hari ini kepada keadaan dan kesihatan negara, kita fikir ini adalah baik.

Jadi, sebab itu kalau Yang Berhormat mengatakan *denial syndrome* ini berlaku, hasil daripada kesimpulan kerana Yang Berhormat rasa tindakan yang kita ambil itu adalah tidak betul, itu entirely up to you, dengan izin. Sebab mungkin saya tidak boleh bertemu daripada segi pandangan dalam hal ini. Saya dalam kerajaan memikirkan bahawa kita terpaksa berbuat begini kerana hendak mengatasi suasana merosot ekonomi kita.

Jadi, sebab itu pandangan Yang Berhormat kita tetap, maknanya kita hormatilah diberi dalam Dewan yang mulia ini, tetapi tindakan kita juga kita harap Yang Berhormat juga akan respect our decision, dengan izin, kerana kita terpaksa melakukan sesuatu untuk mengatasi masalah.

Kalau kita terus kata seperti betullah Yang Berhormat kata *denial syndrome*, deny, deny ia tidak buat apa, saya percaya, tak lama lagi hancur negara ini. Tetapi percayalah kita tidak akan berbuat demikian, kita akan cari jalan macam mana sekali pun tanpa kita mengabdikan negara kita dan generasi kita kepada Barat, kita akan cari jalan bagaimana untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kita. Itu kita akan laksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin berdiri Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap ya. Yang Berhormat juga,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti sekejap.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini cerita lamalah Yang Berhormat, berkenaan dengan krisis keyakinan. Sebenarnya ia terpulung kepada rencana siapa yang kita hendak baca. Kalau rencana itu rencana yang merupakan orang yang tidak suka kepada kita, sudah tentu rencananya tidak baik untuk kita. Kalau rencana itu orang yang mungkin suka kepada kita, maka baiklah.

Saya hendak sebut di sini, kita tidak boleh bergantung sangat dengan rencana yang dibuat oleh negara Barat ini, sebab kita duduk di sini, kita duduk di sini dan kita kena cari jalan bagaimana kita hendak mengatasi masalah kita sendiri, tidak boleh bergantung, dengan izin, cannot rely on foreigners, daripada segi pandangan dia ataupun dia berusaha untuk mengatasi masalah kita, tidak boleh.

Kita kena cari jalan bagaimana untuk mengatasi masalah kita sendiri. Krisis keyakinan, takkan kita hendak dengar cakap seorang perencana, dia tulis rencana dalam *New York Times* atau dalam *The Washington Post*, sebenarnya ia mewakili siapa. Saya kadang-kadang tengok surat khabar, dia kata pemikir rakyat, bukan pemikir rakyat, pemikiran dia sendiri sahaja sebagai seorang editor. Ataupun dia hanya meminta pandangan daripada beberapa kerat orang dan hasil daripada itu dia menulis editorial.

Jadi, sebab itu saya rasa kita tidak boleh pegang kepada rencana yang ditulis oleh negara Barat berkenaan dengan krisis keyakinan. Tetapi tidak mengapalah, orang kata Malaysia teruk, Malaysia teruk, Malaysia teruk, kita kena ada pilihan raya juga.

Jadi, yang terbaik kalau kita hendak tanya, di Malaysia sama ada pemimpin itu suka ataupun tidak disukai, takkan kita hendak menyerahkan kemerdekaan kita, the *sovereign right of the people of Malaysia*, kita hendak serah kepada editor *Washington Post* untuk dia menentukan, dengar cakap dia, dia kata orang tak yakin, you kena berhentikan dia, tak boleh. Kita hendak tanya kepada rakyat Malaysia dan ini kita lakukan, kita lakukan, pilihan raya tahun 1999 kita kembali kepada rakyat. Sebab orang kata macam-macam, tidak ada yakin dengan pimpinan, sekarang okay, yang hendak menentukan negara kita mesti orang kita, rakyat yang memutuskan.

Dan kalau dah rakyat putuskan, iaitu bahawa kembali Barisan Nasional memerintah, kita hendak buat macam mana. Kita hendak buat macam mana, takkan kita nak kata, kamu tidak betul ini, election ini, dengar cakap *Washington Post* punya editor. Tak boleh macam itu. Dalam pilihan raya pun kita Barisan Nasional kalah juga. Di Terengganu, di Kelantan, jelas menunjukkan clean election dan juga kita ambil ingatan kekalahan kita, bahawa kita kena berhati-hati dalam apa yang kita laksana dan lakukan untuk rakyat.

Sebab itu, dalam krisis keyakinan ini, saya harap supaya kita jangan, kalau kita bercakap tentang kebebasan kita, untuk kita menentukan siapa pemimpin kita, kita tidak boleh dengar dengan apa rencana ataupun cakapan yang dibuat oleh orang luar. Dia bukan duduk di sini, dia tidak duduk di sini, dia duduk di sana, apa yang hendak berlaku di negara kita pun, dia tidak peduli, dia tidak peduli, kita peduli. Kita rakyat Malaysia, tidak kira, kerajaan pembangkang, kita rakyat Malaysia, hendak pergi ke mana ini, kalau apa-apa berlaku hendak pergi ke mana kita? Kalau kita tidak duduk juga di negara kita. Sebab itu kita kena lakukan mengikut kehendak rakyat Malaysia, yang itu penting, mengikut rakyat Malaysia.

Jadi, sebab itu, cara yang terbaik untuk kita hendak memastikan supaya masalah krisis keyakinan ini dapat diatasi ataupun tidak, kita kena kembali kepada rakyat. Jadi, oleh kerana itu, saya harap supaya krisis keyakinan ini sebenarnya isu yang lama, tidak berbangkit lagi kerana pilihan raya telah pun berlalu, rakyat telah pun memberikan mandat sekali lagi kepada Barisan Nasional untuk memerintah dan sehingga pilihan raya yang akan datang, maka bermakna bahawa kita akan teruslah mentadbir negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya minta sedikit pandangan Menteri, saya boleh hubung kaitkan maklumat tambahan ini dari segi keyakinan dan juga dari segi pelaburan, sedikit sebanyak keyakinan itu boleh mendahului dari segi isu pelaburan. Saya hendak balik dengan isu persaingan antara Malaysia dengan negeri China, saya rasa seperti Yang Berhormat katakan tadi, bahawa isunya ialah negeri China pasarannya lebih besar, dengan kos tenaga kerjanya yang rendah, itu sahaja, tetapi kadang-kadang kita terbawa-bawa isu-isu yang lain, isu keyakinan.

Sebab kalau kita bawa isu yang lain, yang bukan ekonomi, di China bukanlah satu kriteria yang baik, pertama negara China bukan demokrasi, katalah pelabur ini pergi kepada negara yang demokrasi. Yang kedua, dari segi negeri China, hak asasi manusia, kita sudah semestinya lebih baik. Ketiga, currencynya, kita peg and comfortable, dia ped non-comfortable, lepas itu prasarana pelaburan pula tidak ada. Kita lebih baik.

Saya nampak bahawa isu persaingan antara Malaysia, isu ekonomi sahaja, tetapi di sana di sebelah pembangkang bila ia merasakan isu ini tidak membawa *mileage* kepada mereka, dia macam tidak nampak, tetapi yang sebenarnya ini kekuatan kita, tetapi pada mereka ia purposedly ignore, dengan izin, kerana ini sebenarnya kekuatan negara kita, tetapi tidak endahkan langsung, kononnya kita dengan *denial syndromel*, tetapi yang sebenarnya tidak ada, kenyataannya kita Malaysia dengan negeri China, kita lebih baik, empat perkara yang saya sebutkan tadi, dan banyak lagi perkara-perkara yang lain, asas-asas pelaburan yang lebih baik di negara kita.

Tetapi persaingan ekonomi dari segi pasaran yang besar dan ramai juga dari segi tenaga kerja yang rendah dan ramai pelabur-pelabur tahu syarikat-syarikat Amerika sendiri dan Barat sendiri yang melabur di China banyak yang rugi setakat ini,

ini tidak disebut oleh pembangkang. Saya hendak minta sedikit pandangan Dato' Menteri tentang perkara ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang saya sudah sebut dalam jawapan saya tadi berkenaan dengan ada undang-undang mereka yang kita tidak boleh pakai, tidak boleh ikut, walaupun orang agak tertarik dengan suasana di sana. Cuma, apa yang berlaku kepada China pada hari ini jelas menunjukkan keadaan ataupun hipokrisi Amerika Syarikat ini.

Amerika Syarikat hipokrit. Kita jangan sokong dialah, Amerika Syarikat tak boleh pakai punya. Dulu Al-Gore datang, cakap tentang demokrasi, kemudian sokong reformasi jalanan, kalah dalam pilihan raya. Dalam pilihan raya yang lepas dia kalah. Lepas itu Bush ini pun tidak boleh pakai, Ahli-ahli Yang Berhormat. Tidak boleh pakai, pergi tembak Iraq apa fasal. Yang pertama yang dia buat, apa cerita ini. Atas alasan kecil sahaja tembak Iraq. Jadi, sebab itu saya harap kita tak usah dok berkawan – orang Kelantan kata "bo"lah Amerika Syarikat ini.

Jadi, ini jelas menunjukkan hipokrisi Amerika Syarikat. Sebab itu kita kena berhati-hati dalam perkara orang menyokong kita, pertama kita kena cari dulu mengapa dia sokong kita, jangan terus kita kata bagus, bagus, bagus. Sebab besok dia sokong kita, check dulu apa fasal dia sokong kita. Lepas itu kita ambil keputusan sama ada hendak terima ataupun tidak.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bimbang dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri mengenai Amerika Syarikat kerana fakta yang terakhir yang dikeluarkan oleh MIDA pelabur yang paling besar di negara kita adalah Amerika Syarikat sendiri RM9.9 bilion. Jadi, ini satu yang amat membimbangkan apabila Yang Berhormat kata kita jangan berkawan dengan Amerika Syarikat ataupun kita ini main silap mata sahaja. Kalau betul-betul kita tidak hendak berkawan, kita sama-sama bergabung tenaga dengan pembangkang, kalau betul-betul. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat tidak perlu bimbang. Dari segi prinsip, kerajaan konsisten. Walaupun dia merupakan pedagang besar bagi kita, namun kita hendak gadai roh dan maruah kita kepada dia tidak akan berlaku. *[Tepuk]* Ini saya beritahu sebab dia menyokong Yahudi. Sebab itu di Terengganu, Perdana Menteri sebut tentang Yahudi, memang kita hadapi masalah orang marah kepada kita. Tetapi hendak buat macam mana, kalau kejahatan Yahudi itu terang-terang dan dia memang merupakan, saya hendak sebut dalam Dewan ini, dia merupakan musuh kita. Hendak buat macam mana, dia musuh kita. Apa, kerana dia pedagang yang besar, beli barang kita, kita gadai nyawa kita, roh kita, maruah kita untuk dia? Jauh sekali! Ini kita tidak akan lakukan.

Sebab itu Yang Berhormat, kita kena ingat iaitu bahawa kita kena cinta kepada negara kita ini sebab jangan jadi satu manusia yang sanggup menggadaikan apa sahaja untuk kepentingan diri dia sahaja. Tidak fikir tentang negara, tidak fikir tentang rakyat, jangan begitu. Kita dalam kerajaan walaupun kita faham Yang Berhormat sebut tadi iaitu bahawa dia merupakan pedagang besar, kita faham perkara ini. Yang beli itu ialah swasta. Dia beli barang kita kenapa? Kerana barang kita bagus, sebab itu kita menekankan tentang cost effective, efficiency, quality, kerana kalau barang kita tidak bagus, dia tidak beli, ini bukan kerajaan Amerika Syarikat yang beli. Ini syarikat swasta, syarikat swasta dia mengundi ikut kaki dia.

Dia rasa iaitu bahawa kalau dia datang ke Malaysia, barang murah dia boleh beli, dia akan datang beli. Dia tidak peduli apa kerajaan dia kata. Sebab itu kita jangan bimbang sangat tentang perkara seperti ini kerana soal dagangan kita ialah dengan rakyat Amerika dan mereka faham, dalam perdagangan, bisnes di mana mereka mendapat keuntungan lebih, dia akan datang. Sebab itu Malaysia mesti pastikan supaya kita menyediakan barangan yang berkualiti, yang baik, yang bagus dan kilang kita mempunyai produktiviti yang tinggi. Dengan cara itu mereka suka atau tidak suka akan membeli barang kita juga.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukupkah Menteri ataupun hendak beri ruang?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Dato' Menteri. Saya yakin bahawa yang ditentang ialah sikap keganasan zionisme perjuangan mereka. Saya rasa bukannya orang ramai, itu saya hendak minta penjelasan Dato' Menteri sedikit. Yang kita anti ialah zionist dia, perjuangan ras dia tetapi orang ramai Yahudi yang tidak ada masalah biasa, saya ingat kita tidak ada masalah. Saya hendak minta penekanan kepada Dato' Menteri takut sebelah sana nanti dia salah tafsir kepada hasrat nawaitu yang murni Dato' Menteri itu. Saya minta sedikit penjelasan Dato' Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pengharaman yang kita buat terhadap Israel ialah kepada negaranya, ya negaranya. Ini bermakna iaitu bahawa rakyat Israel sahaja dia tidak boleh datang melainkan kita check tengok kalau kedatangan itu terpaksa dilakukan oleh kerana perjanjian kita dengan badan-badan tertentu kita beri. Tetapi pada umumnya negara itu tidak boleh hadir ke negara kita. Itu ialah kerana pemimpinnya dalam parti-parti politik, tidak kiralah Likud kah, Labour kah, apa sekalipun memang mereka merupakan zionist oleh kerana pemimpin yang mewakili rakyatnya, maka oleh kerana itulah kita tidak menggalakkan atau mengharamkan mereka daripada datang ke negara kita.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak tanya apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini Kepong, Dato' Menteri hendak teruskan? Panjang dah ya...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, panjang dah. [Ketawa] Minta maaf, Yang Berhormat. Bukan saya tidak boleh beri, tak habis ini, 45 muka surat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, yalah, hendak terus ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, badan-badan kewangan antarabangsa telah juga membuat semakan semula anggaran pertumbuhan ekonomi dunia. Sungguhpun demikian, mereka menjangkakan ekonomi Malaysia akan terus berkembang dengan mapan.

Mengikut laporan Asean Economic Outlook oleh ASEAN Development Bank dalam bulan April 2001, KDNK Malaysia akan berkembang sebanyak 4.9% pada tahun 2001, kedua tertinggi di kalangan negara ASEAN utama selepas Singapura sebanyak 6.2%. Negara-negara ASEAN utama lain dijangka berkembang di antara 3.1% hingga 4.2%. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) juga dalam Laporan World Economic Outlook yang terkini yang dikeluarkan dalam bulan Mei 2001 telah menganggarkan kadar pertumbuhan KDNK Malaysia sebanyak 4.5% lebih tinggi daripada negara-negara lain seperti Filipina, Thailand, Indonesia, Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan yang dijangka berkembang antara 3% hingga 4.1% sahaja.

Jelas daripada angka-angka yang telah diberikan ini menunjukkan bahawa dakwaan Ahli Yang Berhormat Kemaman yang menyatakan keadaan ekonomi negara mengalami krisis ekonomi yang terburuk dalam sejarah adalah tidak benar langsung sekali, meleset. Ianya hanya mencerminkan kejahilan beliau mengenai perkembangan ekonomi negara....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Ketawa]...sungguhpun beliau mengaku bahawa beliau ini...tidak apalah...urusan di Amerika....dalam itu ada disebut. Tuduhan secara melulu dan membuta-tuli beliau dengan menggunakan fakta dan maklumat yang salah itu memang tidak berasas serta tidak beretika dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam hal ini kerajaan amat memandang serius dakwaan Yang Berhormat bagi Kemaman kerana membuat kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan boleh mengelirukan rakyat. [Tepuk]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Sebelum saya katakan keadaan ekonomi yang terburuk, kita tengok apa fakta-fakta yang saya keluarkan iaitu

pertamanya, harga kelapa sawit terendah, bukankah betul? Harga getah terendah, harga padi terendah, rizab negara terendah, semua jatuh, ini tidak betul? Dan yang menyelamatkan keadaan negara kita hari ini ialah daripada hasil petroleum yang dikeluarkan oleh bumi negeri Terengganu, bukannya Pulau Pinang ataupun Kedah dan inilah yang menyebabkan KDNK tinggillah, apalah, kerana harga petroleum pada hari ini harganya tinggi. *[Tepuk]* Jadi, kalau mengatakan apa yang saya sebutkan itu tidak betul, refute bahawa benda itu tidak betul tetapi semua fakta yang saya keluarkan itu semuanya betul dan tidak ada yang salahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okey, saya minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jawapannya memang tidak betul. *[Ketawa]* Memang tidak betul. Macam mana kita hendak baca satu kedudukan ekonomi negara hanya dengan melihat harga getah, sawit turun, betulkah? Adakah itu merupakan picture, dengan izin, of the whole economy of the country.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dulu, dia jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, saya tidak jawab lagi.

Seorang Ahli: Duduk dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dia jawab dululah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak betul, jawapan tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dulu Kemaman, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya akan beri jalan, tidak ada masalah. Kita baca kedudukan ekonomi negara kita dengan pertumbuhan ekonomi. Jadi, kalau menggunakan perkataan "ter" maknanya teruk sekalilah. Walhal, kita tahu tahun 1999 kah, minus seven point something kita punya growth dan sekarang tahun lepas 8, tahun ini insya-Allah 5%, maknanya tidaklah terteruk seperti mana Yang Berhormat sebut.

Jadi, sebab itu saya kata tidak betul dan kita tidak boleh memastikan sebuah ekonomi negara itu berdasarkan kepada satu sektor sahaja sebab ekonomi negara – negara maksudnya

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti dulu, saya tidak habis lagi. *[Ketawa]* Saya akan bagi jalan. Sebab ekonomi negara mesti dilihat daripada keseluruhan sektor yang ada dalam negara kita. Itu yang pertama.

Kedua, minyak itu bukan minyak negeri Terengganu *[Disampuk]* Negeri Terengganu didefinisikan sebagai tanah bumi Terengganu dan tiga kilometer perairan negeri Terengganu. *[Disampuk]* Tidak ada, memang kalau kita jawab ikut emosi, boleh jawab macam Yang Berhormat. Saya jawab fakta Yang Berhormat ya *[Ketawa]* Jawab fakta. Saya jawab fakta sebab ini kita tengok perjanjian antarabangsa kalau sempadan, dia tidak sebut sempadan antara Vietnam dengan Terengganu, dia sempadan antara Vietnam dan Malaysia *[Disorak]* *[Ketawa]* sebab tiga kilometer sampai ke sempadan itu adalah hak Persekutuan Malaysia.

Jadi, tidak bangkit soal bahawa minyak ini adalah minyak negeri Terengganu. *[Disampuk]*

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat katakan bahawa apa yang selalu digembar-gemburkan ialah satu fakta sahaja iaitu KDNK naik, yang lainnya semua teruk, berpuluh-puluh yang teruknya tetapi yang satu itulah yang selalu dikeluarkan. Pasaran saham teruk, kita punya *pressure* untuk *revalue* kita punya ringgit, makin teruk dan pembuangan pekerja pun teruk. Jadi,

semua yang saya sebutkan itu Yang Berhormat kata, hanya satu sahaja KDNK sahaja, itu sahaja. Apa yang lain semua *out* belaka?.

Jadi, Yang Berhormat mesti menengok secara menyeluruh juga, jangan pakai satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya ingat Menteri terus jawablah ini sudah panjang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak jawab menyeluruhlah tetapi dia dok naik turun, naik turun, naik turun macam dekat sarkas kita dok tembak apa benda itu. Naik turun, naik turun jadi saya pun terganggu juga Yang Berhormat. Saya hendak sebut semua tetapi akan memakan masalah. Cuma yang jelas iaitu KDNK kita itu jelas menunjukkan *economic growth* sebab itu kita pegang itu dahulu. Jadi, ia ada pecahan-pecahan di bawah itu, ada. Saya boleh sebut semua [Ketawa] Cuma Yang Berhormat dok naik turun, naik turun, hendak saya sebut, saya boleh sebut tetapi masa tidak mengizinkan. Jadi, biar saya jawab Yang Berhormat ya. Ok.

Rizab luar negara – ramai Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk dari Kemaman – Kemaman lagi, ya Allah, telah menyentuh – tetapi dia, tidak apa dia ok, kawan [Ketawa] Menyentuh kedudukan rizab luar negara yang berkurang sejak akhir-akhir ini. Untuk makluman kedudukan rizab luar negara masih kukuh.

Pada 14 April 2001, rizab negara berjumlah RM99.9 bilion dan untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong ini dia hendak American Dollar, USD26.3 bilion dan tahap ini cukup untuk membiayai empat bulan import tertanggung. Pengurangan rizab negara ini disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman luar negara oleh sektor swasta, pembelian hadapan bagi import barangan dan perkhidmatan serta peningkatan pelaburan luar negara oleh syarikat tempatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembayaran balik pinjaman luar oleh sektor swasta adalah selaras dengan usaha penyusunan semula sektor korporat bagi pelaburan luar negara oleh syarikat tempatan. Pelaburan ini akan memberi faedah dalam jangka sederhana dan panjang. Penempatan mata wang Ringgit pada kadar RM3.80 kepada USD1 masih dikekalkan bagi melindungi negara dan rakyatnya daripada dilanda kesan spekulasi peniaga mata wang yang keterlaluan seperti yang telah dialami semasa krisis dahulu. Kadar tetap ringgit ini telah memanfaatkan negara daripada segi menyediakan persekitaran yang stabil dan dengan izin, *predictable* bagi memudahkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan seterusnya menyokong pemulihan ekonomi negara.

Kerajaan akan terus mengawasi pergerakan nilai mata wang serantau dan antarabangsa untuk memastikan nilai ringgit tidak terlalu dengan izin, *over valued* atau *under valued* untuk menjamin daya saing negara dapat dikekalkan.

Oleh yang demikian, jelas bahawa dakwaan Yang Berhormat bagi Kemaman yang Ringgit 'peg' adalah untuk menjaga ego pemimpin hanya merupakan niat jahat untuk memburukkan kepimpinan negara Malaysia. Adalah diharapkan

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia berdiri Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:keputusan mengekalkan *pegging* ini dihormati oleh semua pihak. Diharapkan tidak ada mereka yang membuat kenyataan yang boleh menyebabkan ketidakstabilan pasaran mata wang dengan tidak semena-mena.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua berdiri Yang Berhormat. Bagan Datoh dan Kemaman.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya beri Yang Berhormat bagi Kemaman [Ketawa].

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia beriya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Yang saya sebutkan tadi itu ialah mengenai tekanan (*pressure*) untuk *revalue* balik ringgit ini kerana ikut daripada pasaran ataupun *actual value* ringgit sekarang ini sepatutnya dalam lingkungan RM4.00 hingga RM4.20 tetapi oleh kerana kita masih mempertahankan daripada RM3.80 ini, menyebabkan harga eksport kita adalah tidak kompetitif lagi berbanding dengan eksport-eksport daripada negara-negara jiran kita yang nilai mata wang (*value*) mereka sudah menurun.

Sebagaimana contoh yang saya sebut Singapura sudah menurun hampir 9%, 8.7%; Thailand sudah 18% turun begitu juga Peso yang menyebabkan harga barangan eksport kita tinggi. Juga ada tekanan-tekanan ataupun permintaan-permintaan oleh seperti persatuan Chinese Assembly Association atau Malaysians American Business Association dan mereka mengatakan bahawa salah satu faktor yang menyebabkan eksport negara mengurang ialah kerana barangan kita sudah tidak kompetitif lagi dalam pasaran dunia. Jadi, saya minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman. Pertama, saya hendak tanya Yang Berhormat dan hendak beritahu juga satu kenyataan benar. Masa bilanya Kerajaan Barisan Nasional ini memerintah ikut tekanan daripada luar ini. Orang tekan kita, baru kita hendak buat satu keputusan, orang tekan kita hendak buat satu keputusan.

Kita memerintah, kita tidak tunduk kepada tekanan (*pressure*) daripada luar, [Tepuk] Kita memerintah kerana kehendak rakyat, [Disampuk] Rakyat pilih kita, kita memerintah, rakyat tidak pilih, kita tidak memerintah. Rakyat Malaysia, oleh sebab itu jangan dok ingat – Yang Berhormat walaupun kulit dia putih, hai kita kulit sawo matang cantik. [Disorak] [Tepuk] Ya, ciku orang makan yang sawo matang. [Ketawa]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, kita kena yakin dengan diri kita [Disampuk] Ini saya tengah jawab, hendak bangun, relaxlah dahulu.

Saya akan beri jalan tidak ada masalah [Disampuk] Oleh sebab itu kita kena yakin dengan diri kita, banyak sangat kita hendak dengar cakap orang luar ini. Orang luar ini tidak minat dengan negara kita Yang Berhormat, saya hendak beritahu, tidak usah dengarlah cakap orang luar ini. [Disampuk] [Tepuk] Kita kelahi sesama kita, ok kita sama rakyat Malaysia tidak apa sebab kita percaya Yang Berhormat daripada pembangkang pun hendak kritik membangun, tidak ada tetapi jangan dok dengar cakap orang lain. Dapat arahan daripada orang lain, mari dalam Dewan bercakap, apa mereka arah tidak boleh macam itu. [Disorak] [Tepuk] Tidak boleh macam itu, ini tekanan luar, orang luarlah itu. Nanti-nanti saya tidak habis lagi. Itu eksport-eksport belum lagi, eksport, eksport belum lagi.

Tidak saya tidak marah, kita.. [Disampuk] bahas kadang-kadang maklumlah. [Disampuk] [Ketawa] Jadi, sebab itu kita jangan ambil tindakan berdasarkan ada tekanan (*pressure*) daripada luar terhadap kita sebab kalau kita ikut apa yang mereka arah, apa yang mereka hendak lama sudah kita ini hancur ya, itu pertama. [Disampuk]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Keduanya, ya kita faham iaitu bahawa eksport kita jika kita bandingkan dengan eksport daripada Thailand ataupun Filipina, Indonesia kerana duit dia sudah turun, bermakna eksport dia murah sebab itu Menteri Kewangan minta supaya kita mengurangkan kos, meningkatkan produktiviti, menjamin kualiti kita baik, barangan kita supaya kita boleh *compete* atas itu tetapi kita juga kena ingat Yang Berhormat, eksport ini bukan semuanya komponen-komponen yang kita kilangkan barangan kita untuk dieksport itu, semuanya dari Malaysia. Ada yang kita import daripada luar negara.

Jadi, kalau kita *repeg* balik duit ini kerana kita hendak lawan dengan negara lain, maka kos import barang kita daripada luar, tinggi. Jadi, apabila diambil kira balik sebenarnya tidak ada apa-apa, apabila dibandingkan dengan harga kita dengan mengambil kira kos barang komponen luar yang kita import, macam kata *disc*, itu aluminium kita import daripada Amerika, mahal.

Jadi, kita hendak tukar *peging* jadi harganya jadi mahal, komponen punya barang ini. Jadi, sebab itu kalau kita naikkan pun harganya komponen punya barang itu mahal, bawa balik ke Malaysia kita *manufacture* jadi harganya jadi balik sama. Jadi sebab itu setelah kita dengar pandangan daripada semualah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Menteri boleh sambung sebentar nanti.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okaylah, saya akur dengan Yang Berhormat. Walaupun saya memang berminat untuk hendak bagi dia ruang lagi. [Ketawa] Tetapi saya akur. Jadi, itulah sebab kita ambil kira lain-lain Yang Berhormat ya, memang betul Yang Berhormat kata, apa itu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, permintaan saya kerana ada usul.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay, okay. Oh, suruh duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pembahasan usul.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh sambung nanti. Setiausaha.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3)

Banjir Kilat di Kuala Lumpur

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa telahpun pukul 4.30 petang dan menurut Peraturan Mesyuarat 18(3) dan menurut keputusan yang telahpun dibuat pada pagi tadi, yang telah meluluskan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), saya sekarang menghentikan perbahasan atas Usul Rancangan Malaysia Kelapan untuk membahaskan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Bintang seperti yang telahpun diputuskan pada pagi tadi, pihak pencadang dan penyokong akan diberi 30 minit dan bagi pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang sila kemukakan. [Tepuk]

4.32 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana membenarkan saya membentangkan dan membincangkan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Peraturan mesyuarat Dewan Rakyat berkaitan perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan mengenai kejadian banjir kilat yang melanda sebahagian besar Kuala Lumpur terutama di kawasan pusat bandar pada 26 April 2001 yang mana hujan turun selama 3 jam berturut-turut menyebabkan kawasan pusat bandar seperti kawasan Masjid Jamek, Jalan Melaka, Jalan Tun Perak, Lebuhr Ampang, Jalan Dang Wangi, Kampung Baru, Jalan Brunei, Jalan Kelang Lama dan lain-lain tempat ditenggelami air selama beberapa jam, menyebabkan banyak kenderaan, harta benda, perabot, peralatan rumah, barang-barang pemiagaan rosak ditenggelami air. Banjir kali ini menyebabkan kehilangan nyawa 2 orang rakyat kita dan dianggap paling buruk selepas tahun 1971. Banjir kali ini telah mendapat liputan meluas oleh media massa.

Tuan Yang di-Pertua, pada 30 April 2000, banjir yang sama melanda sebahagian Kuala Lumpur selepas kejadian tahun lepas, pihak Jabatan terbabit masih tidak mempelajari ajaran dari kejadian tersebut. Saya percaya pihak Jabatan Pengairan dan Saliran, Dewan Bandaraya dan agensi tebatan banjir Lembah Klang bertungkus-lumus untuk mencegah banjir dari berulang tetapi jabatan-jabatan terbabit begitu tidak cekap dalam mengendalikan usaha tebatan bajir.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat dalam kawasan terbabit, saya berasa kesal dengan sikap lembab, tidak cekap jabatan dalam mengendalikan usaha mencegah atau menebat banjir Kuala Lumpur. Menurut Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran, bahawa kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion untuk Projek

Tebatan Banjir, hanya 5% siap dan memerlukan 6 tahun lagi sehingga 2007 untuk siap sepenuhnya.

Saya berasa dukacita dan kesal bahawa Projek Tebatan Banjir Lembah Klang yang berjalan sejak tahun 80-an masih belum mampu mengatasi banjir kilat dalam Kuala Lumpur. Apakah Projek Tebatan Banjir tidak selari dengan tindakan kerajaan meluluskan pembangunan tanah dalam dan sekitar Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempersalahkan rakyat sebagai satu alasan menyebabkan banjir kilat tetapi kerajaan lupa bahawa reka bentuk pembangunan bandar yang kurang baik seperti yang diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan salah satu sebab utama banjir kilat di Kuala Lumpur.

Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berkata bahawa mereka sudah bersihkan semua longkang dan saliran parit yang meletakkan punca masalah kepada Jabatan Pengairan dan Saliran atas kelemahan dan kelewatan mereka menyiapkan Projek Tebatan Banjir. Sememangnya kita tidak dapat apa-apa dengan menuding jari kepada sesiapa, tetapi kesalahan ini wajar dipikul oleh semua pihak yang mengambil mudah dalam soal pencegahan banjir. Saya percaya sikap tidak ambil berat yang diberikan keutamaan kejadian punca utama kejadian banjir sering berulang sama ada kecil atau besar.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah kita mempersalahkan hukum alam sedangkan kita tahu bahawa pembangunan yang tidak terancang dan tersusun, meluluskan perancangan projek tanpa mengambil kira aspek memelihara alam sekitar akan membawa padah kepada kehidupan manusia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah dua kali mengemukakan memorandum kepada kerajaan meletakkan keutamaan melaksanakan Projek Pencegah Banjir di Kuala Lumpur sejak saya menjadi wakil rakyat Bukit Bintang tetapi sehingga sekarang memorandum saya tidak berjawab dan tidak ada perubahan dibuat selepas itu.

Jika, kerajaan serius menangani pelbagai masalah ekonomi, sosial, politik dalam negara tetapi mengapakah kerajaan tidak boleh serius dalam soal memelihara alam sekitar dan mencegah banjir dalam Kuala Lumpur? Kuala Lumpur harus bebas dari ancaman banjir secepat mungkin, tidak perlu menunggu sampai beberapa tahun lagi. Kerajaan hendaklah menyemak segera apakah Projek Tebatan Banjir yang berjalan sekarang benar-benar menepati matlamat pencegahan banjir.

Apa ertinya projek pengindahan sungai tetapi cuma dijalankan dengan tujuan untuk menarik pelancong dan mencantikkan bandaraya sedangkan projek tebatan yang dibuat hanya menjadikan sungai semakin sempit untuk menampung muatan air hujan. Bila hujan turun dan banjir melanda, semua keindahan ini hilang dalam sekelip mata, wang yang dibelanjakan untuk mencantikkan sungai musnah dalam sekelip mata.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pengairan dan Saliran, Wilayah Persekutuan adalah salah satu jabatan yang kecil, kurang staf, kurang kepakaran dan teknologi tetapi dibebani tugas menangani banjir yang besar. Kerajaan patut membesarkan kerana memandangkan sepi dan kurang memberi layanan utama kepada jabatan ini, saya percaya jurutera mereka telah melakukan sesuatu yang sebaik mungkin tetapi disebabkan kurang penyelarasan antara jabatan, pelbagai masalah saliran, perparitan, sungai, tidak dapat diatasi dan ditangani dalam masa yang singkat kerana karenah birokrasi kerajaan sendiri, banjir datang tidak sempat dibendung lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mana 'Kempen Cintailah Sungai Anda', adakah kempen ini dapat disebutkan atau dipulau masyarakat. Apa sudah terjadi dengan program dialog dengan pelbagai lapisan masyarakat untuk mencegah banjir dan diatur beberapa tahun yang lalu senyap begitu sahaja.

Jika kerajaan mahu mengatasi masalah sungai-sungai dan perparitan dalam Kuala Lumpur harus wujud badan penyelarasan yang dibekalkan dengan lebih penguatkuasa, peruntukan yang cukup, kakitangan yang terlatih yang cekap bekerja.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan:

- (i) Kerajaan hendaklah mengawal lebih ketat pembangunan di hulu sungai;

- (ii) Projek Tebatan Banjir seperti melebarkan sungai, mendalamkan Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Bunus, Sungai Kerayong, hendaklah dipertingkatkan sekurang-kurangnya dua kali ganda. Jangan menunggu bila banjir berlaku, baru mahu bekerja, waktu cuaca terang, duduk senang lenang; *[Disampuk] [Tepuk]*
- (iii) perangkap-perangkap sampah hendaklah dipasang lebih banyak dan lebih kerap diperiksa dan dibersihkan;
- (iv) menangkap dan menghukum mana-mana pihak yang membuang bahan-bahan keras tidak digunakan lagi ke dalam sungai;
- (v) memastikan pegawai-pegawai penguatkuasa menjalankan tugas dengan tegas, jujur dan cekap atas kawasan-kawasan yang mudah banjir; dan
- (vi) menyatukan agensi-agensi penebatan banjir di bawah satu payung yang lebih berkesan dan cekap bagi memantau kemajuan melaksanakan dan mengatasi seberapa segera masalah banjir secepat mungkin.

Akhirnya, banjir yang mengancam Kuala Lumpur tidak mungkin berakhir, ia pasti datang lagi jika hujan lebat berterusan selama beberapa jam, selagi sungai-sungai utama tidak mampu menampung muatan air hujan yang berlebihan.

Selain projek takungan atau kolam yang hendak dibina di beberapa tempat serta mengalirkan air ke saluran lain tetapi yang pentingnya ialah kerajaan hendaklah mencari jalan aliran air sungai-sungai utama berjalan lancar tanpa sekatan. Mana-mana bahagian sungai perlu dilebarkan atau diperluaskan bagi memudahkan air dengan cepat sampai ke laut. Maka wajarlah diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, banjir Kuala Lumpur telah memalukan negara di mata pelancong asing. Mereka tidak percaya Kuala Lumpur boleh berlaku banjir. Oleh itu jika kita tidak mengatasi sepenuhnya, sekurang-kurangnya kejadian pada 26 April lalu tidak seharusnya berulang lagi. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang memberi ganti rugi kepada pekedai-pekedai di pusat bandar yang mengalami kerugian teruk akibat banjir pada 20 April yang lalu seperti mana yang diberi bantuan dalam segi kewangan kepada penduduk-penduduk Kampung Baru, Kuala Lumpur pada tahun lalu.

Akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, membenarkan usul saya dibahaskan pada petang ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong, Seputeh.

4.43 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah banjir adalah merupakan fenomena yang kerap berlaku di Malaysia selepas banjir kilat yang berlaku di Rawang dalam bulan Mac, banjir kilat berlaku pula di kawasan pusat Kuala Lumpur pada 12 April sehingga beribu-ribu kereta, beribu-ribu rumah yang terletak di tempat rendah tenggelam dalam air banjir dan yang sedih sekali adalah dua nyawa terkorban dalam banjir kilat yang serius baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan batu 4½ Jalan Klang Lama yang terletak di kawasan Parlimen Seputeh, beberapa ratus rumah yang terletak di sepanjang tebing Sungai Kerayong dan Sungai Klang telah pun dibanjiri air. Air sungai telah melimpahkan tebing sungai di Sungai Kerayong dan meningkat ke empat kaki dalam setengah jam secara tiba-tiba. Mengikut kajian, anggaran kerugian yang dijalankan oleh kakitangan pejabat saya terhadap mangsa banjir, jumlah kerugian yang dialami oleh 400 dan 6 tuan punya kedai dan rumah yang telah mengisi borang anggaran kerugian adalah RM2,133,527. Ini merupakan satu anggaran kerugian yang konservatif yang dialami oleh penduduk di kawasan tersebut kerana ramai lagi masih belum melaporkan kerugian mereka kepada saya dan ramai yang tidak dapat menghitung kerugian mereka yang sebenar.

Apa yang paling menyedihkan, penduduk di kawasan Batu 4½ Jalan Klang Lama adalah kehilangan nyawa Leong Guew, seorang wanita yang berumur 86 tahun

yang mati lemas dalam banjir. Kematiananya merupakan kerugian yang tidak dapat diganti rugi oleh mana-mana pihak.

Banjir kilat yang kerap berlaku di Kuala Lumpur telah pun menyebabkan ibu kota kita masyhur di rantau ini. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kerajaan Persekutuan tidak dapat melarikan diri daripada tanggungjawab ini kerana Kuala Lumpur berada di bawah kuasa pentadbiran mereka. Pihak kerajaan kelihatan lebih mementingkan mendirikan lebih bangunan-bangunan tinggi daripada soal pemeliharaan alam sekitar dan perparitan di Kuala Lumpur. Adalah jelas bahawa pembangunan yang terlalu pesat dan pembangunan yang tanpa visi jauh dan wawasan dan juga pembangunan yang tidak terancang merupakan punca utama kejadian tragedi banjir pada 20 April ini.

Kerajaan sepatutnya mengambil langkah yang lebih komprehensif yang melibatkan pelbagai pihak untuk mengatasi masalah banjir yang kerap kali berlaku di Kuala Lumpur sekarang. Di samping itu saya juga ingin menyeru kerajaan mengambil perhatian terhadap masalah pemberhentian kerja pembinaan New Pantai Expressway yang telah menyumbang kepada banjir di kawasan Jalan Kelang Lama. Saya juga ingin menyeru kerajaan supaya memberi pampasan yang sewajarnya kepada para mangsa banjir yang duduk di tebing Sungai Kerayong dan Sungai Klang, mangsa banjir di Kampung Unlok di Salak Selatan dan juga di kawasan-kawasan lain di Kuala Lumpur kerana golongan miskin tersebut merupakan mangsa yang terkorban dalam masalah perancangan bandar yang teruk oleh Bandaraya Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [Bangun]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Wangsa Maju.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak boleh, ini hanya di pihak pembangkang, setengah jam di pihak pembangkang, baru pihak kerajaan [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setengah jam. Ya, Yang Berhormat nantilah. Siapa bangun tadi? Parit Buntar.

4.46 ptg.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa yang terhad ini, saya hanya ingin menyentuh soal banjir yang berlaku pada 26 April 2001, ini adalah menggambarkan kesan kepada pembangunan yang sedang berjalan begitu lama. Kuala Lumpur adalah tempat pusat kegiatan ekonomi di Malaysia ini dalam mana semua rakyat, orang muda, orang tua, orang yang hendak mencari rezeki datang ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan sedikit saham daripada pembangunan di Kuala Lumpur itu. Kemudian cerita banjir ini sebenarnya daripada butir-butir yang diberikan tadi menggambarkan kepada kita kesan pembangunan dalam mana orang-orang yang membangun, pemaju-pemaju yang membangun melafazkan rasa ketidakbertanggungjawaban mereka kepada orang-orang kecil yang tinggal di sekitar Kuala Lumpur. Orang Kampung Baru, orang Jalan Sungai Besi, Jalan Klang Lama, Kampung Pandan, Kampung Brunei adalah di antara orang-orang yang dilanda banjir yang paling teruk yang banjir hingga ke paras 2 meter atau ke paras dada.

Kita tidak dapat menggambarkan tentang kesan ekonomi, hasil daripada kesan banjir yang melanda pada 26 April yang lalu. Belum ada kajian yang dibuat untuk mengetahui berapa sebenarnya jumlah kerugian yang telah berlaku khususnya kepada rakyat miskin yang tinggal di kawasan bandaraya ini. Saya rasa dari segi keupayaan orang untuk kembali semula hidup selepas dilanda banjir ini, orang miskin ini yang kebanyakannya ribuan, jutaan daripadanya di sekitar bandaraya ini agaknya kurang mampu untuk membangun semula akibat dilanda oleh banjir ini dibandingkan dengan orang-orang besar, pemaju-pemaju, kontraktor-kontraktor yang sebenarnya bertanggungjawab menimbulkan kekacauan ini.

Kemudian saya hendak menyebut tentang keinginan kita untuk membangun kerana hendak membangun segeralah maka projek-projek yang kita dapat, projek-projek mega terutamanya yang masih berada dalam kepala Perdana Menteri hendak bangunan Linear City dan sebagainya, hendak bangunan LRT memang bagus tetapi sungai-sungai telah menjadi mangsa. Di Malaysia ini kalau kita tengok di zaman British dahulu terdapat 150 kawasan tadahan, sekarang hanya tinggal 98 sahaja. Ini adalah

menggambarkan banjir yang berlaku di Kuala Lumpur pada 26 April ini adalah banjir buatan manusia, bukan banjir natural, bukan banjir semula jadi. Sebab itu sebenarnya kalau ada komitmen dari segi pimpinan, komitmen daripada kerajaan, komitmen daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, saya terlalu yakin masalah yang kerap timbul tahun 1929 sudah timbul, 1971 sudah timbul, sesungguhnya masalah ini tidak sepatutnya timbul dan merugikan rakyat miskin yang kebanyakannya terlibat dengan banjir ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan dalam hal ini, ada beberapa soalan yang saya hendak tanyakan kepada kementerian yang bertanggungjawab. Ini masalah besar, bukan masalah kecil. Orang hendak keluar daripada masalah banjir yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tadi, ribuan kenderaan telah tenggelam, ribuan rumah telah tenggelam, ribuan harta benda telah tenggelam. Saya ambil contoh, apa jadi kepada pemilik-pemilik kereta? Siapa hendak bayar kerugian-kerugian kepada pemilik kereta yang kereta mereka telah ditenggelami oleh air buat sekian lamanya itu. Dengar cerita, insurans memang tidak cover kalau misalnya bencana alam dan bencana alam itu difafsirkan termasuklah banjir. Siapa hendak menanggung kerugian? Beribu-ribu mungkin berjuta-juta ringgit kalau kita buat daripada kajian tentang apa yang berlaku kepada masyarakat yang miskin ini.

Saya hendak menyebutkan tentang kesan psikologi yang dihadapi oleh manusia-manusia kecil yang tinggal di persekitaran Kuala Lumpur ini. Ini adalah satu benda. Orang-orang di Kuala Lumpur memberitahu kita kalau nampak sahaja cuaca gelap, nampak sahaja suasana hendak hujan, masing-masing, anak tidak tahu hendak buat apa, bapa tidak tahu hendak buat apa, mak tidak tahu hendak buat apa, berbeza kalau orang yang tinggal di KLCC, berbeza kalau orang tinggal di tempat-tempat, rumah-rumah yang hebat-hebat, bangunan yang hebat-hebat tetapi kerajaan harus memikirkan psikologi yang ada kepada orang-orang miskin. Psikologi yang ada kepada rakyat, kepada buruh-buruh yang tinggal di sekitar Kuala Lumpur ini. Sebab itu saya ingin.....

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh soal?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya sebut berkali-kali di sini, di antaranya pegawai-pegawai kerajaan telah buat dasar JPS iaitu tidak boleh tanam cerucuk dalam sungai. Syarikat LRT terutama sekali Vincent Tan dan sebagainya, tanam juga cerucuk dalam sungai. Amaran, kertas kerja daripada pihak JPS tidak dipedulikan. Saya sudah kata hari itu, bahawa swasta lebih berkuasa daripada kerajaan dalam mengendalikan urusan di Kuala Lumpur ini kerana dia orang kaya, dia boleh hantar *proxy* dia pula jadi Timbalan Menteri sekarang, maka dia boleh buat apa yang dia suka, yang menderita, rakyat jelata. Kita minta kontraktor besar ini tolong bayar sedikit kepada orang-orang yang ditimpa banjir akibat banjir hasil perbuatan manusia bukan daripada kita kata *natural disaster*. Saya minta ulas.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya sangat setuju. Bukan sahaja pemaju-pemaju yang kena bayar, tetapi saya rasa, Perdana Menteri yang bertanggungjawab dengan Dewan Bandaraya ini. Perdana Menteri sebagai menteri yang bertanggungjawab kepada Dewan Bandaraya harus membayar kerugian ini, bukan barangkali dalam bentuk wang ringgit tetapi untuk menoleh ke belakang, kemungkinannya untuk meletakkan jawatan bersama Timbalan-timbalan Menteri yang lain, yang telah dikhususkan untuk bertanggungjawab sebab perkara ini hampir-hampir saban tahun datang. [*Tepuk*] Yang membezakannya ialah darjah sama ada teruk atau tidak teruknya banjir itu tetapi saya hendak mengemukakan beberapa soalan Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya.

Dato' Mohd.Shafie bin Haji Haji Apdal: Minta jalan sikit.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Apakah masalah sebenar.....

Puan Fong Po Kuan: Nanti ada peluang.

Dato' Mohd.Shafie bin Haji Haji Apdal: Yang Berhormat, minta jalan sikit.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Nanti, nanti kita ada

Dato' Mohd.Shafie bin Haji Apdal: Minta jalan sikit, boleh?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, tidak. Ok satulah, ok.

Dato' Mohd.Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Ini tentang kejadian semula jadi, yang turunnya hujan begitu lebat bukanlah kehendak manusia, kita tahu dan harus ada pendekatan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat seperti mendalamkan parit, membesarkan parit. Begitu juga di tempat-tempat lain seperti di Kelantan dan Terengganu. Dia kerap berlaku banjir. Adakah patut untuk Menteri Besar dan menteri-menteri yang ada di negeri ini juga letak jawatan oleh kerana berlaku banjir yang kerap dan saban tahun pun berlaku di situ. Beribu orang mengalami kerugian dan seksanya melibatkan bukan hanya usahawan bahkan anak-anak sekolah juga, perlu juga letak jawatan atau tidak?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Yang Berhormat bagi Semporna. Yang Berhormat kena bezakan dua, satu ialah *natural flood*, satu ialah *man made flood*. Yang saya sebutkan ini ialah *man made flood*. Yang inilah yang dikatakan banjir kilat. Di Kelantan, orang tidak kata banjir kilat. Di Terengganu, orang tidak kata banjir kilat. Itulah namanya ada monsun. Di Kuala Lumpur tidak ada monsun. Sebab itu, saya rasa tentang bolehkah kalau misalnya saya hendak jawapan daripada menteri, apakah masalah sebenar[Disampuk]

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Batu Gajah bangun.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Kita tidak ada masa. Sekejap. Apakah masalah sebenar yang dihadapi oleh DBKL dan JPS hingga tidak mampu menangani masalah ini buat sudah sekian lamanya. Saya rasa daripada segi peruntukan, RM62.2 juta telah diperuntukkan kepada belanjawan DBKL pada tahun 2001, banyak duit itu tetapi, ke mana pergi duit yang sebanyak itu? Masalah masih terus lagi, masih terus lagi. Bukan sahaja masih teruk, masalah makin teruk, dan semakin teruk, dan semakin teruk, hingga mengorbankan dua nyawa. Saya tidak tahulah berapa nilainya dua nyawa. Apalagi nyawa yang mati itulah nyawa orang miskin.

Yang kedua, apakah tindakan-tindakan drastik yang sedang diambil untuk meyakinkan warga kota terutamanya supaya masalah ini tidak berulang lagi. Saya rasa dia orang memerlukan *psychological push*. Mereka memerlukan sangat, rasa saya bimbingan, pandangan daripada kerajaan untuk meyakinkan mereka bila nampak suasana suram, bila nampak suasana gelap, paling tidaknya macam tuan-tuan, macam kita semua di sini, paling tidaknya kita mengharapkan perkara ini dapat dibanteras, dapat dijaga, dapat ditangani lebih awal lagi.

Yang ketiga, mengapa sistem amaran awal tidak berfungsi? Dahulu, kita telah diberitahu ada sistem amaran awal. Di mana sistem amaran awalnya?

Yang keempat, kepada siapakah pemilik kereta yang kenderaan mereka ditenggelami banjir harus menuntut pampasan dan juga kerugian-kerugian yang lain?

Kelima, apakah bentuk tindakan undang-undang kepada penyebab-penyebab banjir seperti pemaju-pemaju, kontraktor-kontraktor, penjaja-penjaja dan sebagainya yang bertanggungjawab langsung sebenarnya, yang menjadikan banjir kilat, banjir yang dibuat oleh manusia ini.

Yang keenam, mengapakah soal-soal besar seperti ini masih ditangani secara *fire fighting*, dengan izin seperti Kampung Medan. Dengan adanya Kampung Medan, baru teringat pula untuk meletakkan dasar yang sesungguhnya dasar setinggan. Bila berlaku pada 26 April, 2001, baru terfikir bagaimana kita hendak melihat keadaan yang lebih luas, yang lebih besar lagi, hal mengenai penebatan banjir ini. Inilah yang namanya *fire fighting*.

Dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, kita sudah sebut soal cara pembangunan, cara menangani masalah, cara *fire fighting* ini. Dengan cara ini, saya fikir sampailah masanya Perdana Menteri, Menteri-menterinya, Timbalan Perdana Menteri, kena memikirkan perkara ini dengan sewajar-wajarnya supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

Maka dengan ini, kita sokong apa yang dibawa usul oleh teman kita daripada Bukit Bintang tadi. Sekian, terima kasih. .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, pertama kali Kuala Lumpur ada bah, ataupun banjir besar pada tahun 1970. Semasa itu, harta benda rosak dengan teruk dan pihak kerajaan pun adakan rancangan penempatan banjir di sungai-sungai, di Wilayah Persekutuan dan juga di Selangor. Akan tetapi projek-projek tebatan banjir ini tidak disiapkan pada masa yang ditetapkan. Itulah masalah yang utamanya. Pihak kerajaan tidak ada komitmen, tidak ada iltizam untuk melaksanakan projek-projek tebatan banjir dengan berkesan di dalam masa yang ditetapkan, itu yang pertama.

Yang keduanya, seperti mana yang berlaku di tempat-tempat seperti Rawang, Kuala Lumpur kita sendiri, apabila kita meluluskan projek-projek pembangunan, kita tidak ada fikir dengan baik-baik dan juga pemantauan kawal selianya tidak begitu berkesan, tidak begitu bermakna sehingga saluran dan sungai kita tidak boleh menampung. Tetapi, saya setuju pada banjir yang berlaku pada 26 April, 2001 ini, kalau kita kira saluran, air itu susut dengan cepat. Dalam satu jam, dia susut. Ini bermakna pada ketika itu, saluran itu boleh dikira ada kesan sedikit. Tetapi, walau bagaimanapun, projek-projek seperti pemindahan setinggan dan juga untuk projek-projek JPS bagi melaksanakan tebatan banjir, memperluaskan sungai-sungai, tidak boleh dijalankan kerana setinggan-setinggan dan masalah-masalah lain.

Inilah Yang Berhormat, saya berharap mempertimbangkan. Ini bukan sahaja masalah pihak pembangkang, pihak Barisan Nasional sering kali mengganggu projek-projeknya, itu masalah kita dan tidak disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dia kata, itu pembangkanglah yang bertanggungjawab untuk setinggan-setinggan kerana menghasut, kerana mengenakan syarat-syarat yang terlalu ketat dan sebagainya. Tetapi, walhal punca yang utama itu, komponen-komponen parti Barisan Nasional, itu yang menjejaskan keadaan.

Tuan Tan Kok Wai [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, dan kita ada masa lagi untuk

Seorang Ahli: Cheras.

Dr. Tan Seng Giaw: Silakan Cheras.

Tuan Tan Kok Wai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Sejak bilakah parti pembangkang lebih berkuasa daripada parti pemerintah...? [Ketawa] Mempengaruhi setinggan? Akan tetapi, saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Kepong, sama ada yang sedar bahawa bukannya pembangkang yang mencero bohi dan menduduki tanah dan menyebabkan banjir tetapi di pihak sana. Banyak tanah-tanah strategik, baik di tepi sungai, ataupun di tengah-tengah bandar raya, tanah emas dicerobohi, diduduki oleh UMNO, dibina oleh UMNO untuk ibu pejabat bahagian, tidak diambil tindakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya.

Tuan Tan Kok Wai: Satu daripada penyumbang-penyumbang utama banjir, raksasa. [Ketawa]. Ini adalah *sin of the government*. [Ketawa] *Bad governance*.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, ya.

Tuan Tan Kok Wai: Adakah Yang Berhormat setuju?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Cheras memang berasas. Kita sering kali melihat tanah-tanah lapang termasuk di tepi sungai dicerobohi oleh komponen-komponen parti Barisan Nasional yang kurang rasional.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Shah Alam bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, angin kencang dan hujan lebat....[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak cukup masa, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Angin kencang dan hujan lebat, Sibu banjir, menyelam arus....[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:...ingin bincang di dalam debat....[Disampuk]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat tidak hendak bagikah, kawan ini, hendak bantu ini, hendak sokong Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, sokonglah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya memang[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup sudah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi, ada masalah lain. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu, lain masa akan datang, boleh bincang.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pihak kerajaan.

5.00 petang

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang yang membawa usul ini, Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat bagi Parit Buntar dan sebentar tadi kita dengar dari Yang Berhormat bagi Kepong yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan usul di bawah Perkara 18(1) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah dibentangkan oleh wakil rakyat dari Bukit Bintang.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya setiap apa sahaja pandangan dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini sentiasa diberi perhatian oleh pihak kerajaan sekiranya cadangan-cadangan itu adalah praktikal untuk dilaksanakan sama ada ianya satu cadangan yang merupakan cadangan impian ataupun igauan ataupun cadangan semata-mata untuk mencari publisiti murah.

Apabila saya dengar tadi wakil rakyat bagi Parit Buntar bercakap, membahaskan usul ini, kalau saya orang kampung yang tidak berpelajaran, saya rasa saya akan terpengaruh kerana saya tidak mampu untuk sebenarnya menganalisis hujah beliau itu betul atau tidak. Inilah tabiat pembangkang, kadang-kadang fakta yang betul-betul fakta diselewengkan. Kadang-kadang fakta yang ada, mereka tidak tahu dan langsung membabi buta untuk membawa perkara-perkara baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan ucapan saya ini, saya ingin perlihatkan kepada wakil-wakil pembangkang di depan pasal tadi empat orang bercakap. Ini [Menunjukkan pelan sungai], dengan izin, apa yang sempat saya ambil daripada JPS.

Beberapa Ahli Pembangkang: Terbaliklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terbalik, terbalik.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Okay you nampak. Saya tidak nampak, you nampak. Okay, oleh kerana kita nampak ini. Tadi daripada semua wakil rakyat dari pembangkang mengatakan bahawa kerajaan tidak *committed*, kerajaan tidak ada perancangan, kakitangan kerajaan daripada DBKL dan JPS kurang mencukupi. Kalau kerajaan tidak ada komitmen, ada juga disebut tadi bahawa sejak tahun 1973 lagi, daripada Rancangan Malaysia Kedua sehingga Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah memperuntukkan RM1.27 bilion. Bukankah ini satu komitmen oleh Barisan Nasional? [Disampuk] Tidak, ini untuk banjir sahaja.

Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat nampak dalam peta ini, dalam peta ini yang merah bermakna ini sungai-sungai yang telah dipertingkatkan, yang telah diperbaiki daripada ongkos yang saya sebut tadi. Nampak? Yang daripada hijau ini, itu bermakna sekarang ini sedang dalam pembinaan. Yang kuning dalam perancangan

untuk dibina. Ini adalah komitmen kerajaan yang kamu nampak dalam *black and white* kerana kalau saya sebut satu persatu sewaktu saya berucap, kamu tidak akan faham dan kamu akan selewengkan fakta lagi. Ini ... [Menunjukkan sesuatu di pelan sungai]

Tuan Tan Kok Wai: Bandaraya dalam air! [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, pada 26 April 2000, sewaktu banjir berlaku, sama ada ianya banjir kilatkah, bahkan, pokoknya air naik. Waktu itu kita setuju bahawa ramai orang yang menghadapi kerugian, bahawa ramai orang yang susah menderita sama ada *physically* atau *psychologically*, itu kita akui tetapi peristiwa banjir kilat ataupun banjir ini di Kuala Lumpur bukan baru bagi kita. Setiap kali ada banjir, macam-macam tanggapan, macam-macam andaian daripada pelbagai pihak – ada yang menuding jari, menuduh bahawa ini tidak bertanggungjawab tetapi saya setuju dengan wakil rakyat bagi Bukit Bintang, ini adalah tanggungjawab bersama, semua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Perdana Menteri sampai ke...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia:dan daripada pembangkang.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat 35(6). Saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Bukit Bintang ini sama ada dia ada kepentingan diri atau tidak ataupun dia telah isytiharkan berhubung dengan [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...kerusakan. Kereta-kereta rosak ini, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dengar dahulu Yang Berhormat. Dengar dahulu, saya belum habis lagi. Sama ada 35(6) ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 35(6).

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha, seseorang yang membawa usul, ada kepentingan diri atau tidak? Ada diisytihar atau tidak? [Disampuk] Isytihar dahulu kalau ada. Isytihar dahulu, ya, Bukit Bintang sila isytihar dahulu,

Seorang Ahli: Used car!

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Used car saya difahamkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sila. Yang Berhormat, 35(6) Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 35(6).

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Seseorang yang ada kepentingan.

Tuan Fong Kui Lun: [Menyampuk]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yalah, mintalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ada bukti, Yang Berhormat boleh kemukakan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta penjelasan, minta ruling daripada Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan daripada Bukit Bintang. [Disampuk] Beritahulah kalau ada kepentingan, apa salahnya.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau tidak ada, tidak adalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, tidak ada?

Tuan Fong Kui Lun: Tidak ada, tidak ada.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha, itu sahaja saya minta. Terima kasih Datuk Speaker.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, setiap kali banjir di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ataupun di Kuala Lumpur, banyak tanggapan yang kita dengar. Macam-macam yang ditulis oleh surat-surat khabar. Macam tadi pun kita dengar, empat pendapat daripada pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari itu sebenarnya apa yang berlaku ialah begini iaitu menurut data daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, curahan hujan pada 26 April di stesen JPS Ampang iaitu di bahagian Hulu Kelang, Kuala Lumpur telah menunjukkan intisiti yang tinggi iaitu sebanyak 103 milimeter dalam tempoh satu jam dari pukul 2.00 petang hingga 3.00 petang.

Intisiti hujan ini amatlah tinggi dan luar biasa berbanding dengan angka di antara 200 milimeter hingga 300 milimeter bagi kuantiti hujan sebulan dalam keadaan biasa semasa tempoh *inter-monsoon*, dengan izin, dari bulan April hingga bulan Mei. Biasanya mengikut rekod JPS bahawa dalam hari-hari dan bulan-bulan biasa, iaitu dipanggil sebagai *inter-monsoon rain* dalam bulan April dan Mei menurut rekod, biasanya cuma ada curahan intisiti air hujan ini 200 milimeter hingga 300 milimeter tetapi pada hari tersebut, dalam masa satu jam 103 milimeter intensitinya dan setelah dikira oleh kakitangan kerajaan, pada hari itu hujan turun, dengan izin, *equivalent* kepada hujan turun 15 hari pada hari-hari biasa.

Saya tidak sebut *act of God* kerana definisi *act of God* ini, kalau umpamanya dalam legal lain tetapi definisi *act of God* dalam Islam, pembangkang tahu, lain mana dia hujan kalau bukan Tuhan yang turunkan hujan. Depends on how you look at it. Tetapi keadaan fakta pada waktu itu bahawa hujan turun amat lebat sekali. Maka itulah dia tidak boleh menampung apa sahaja saluran yang ada di waktu itu. Tadi, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang mengatakan kenapa kerajaan tidak ambil iktibar daripada apa yang berlaku pada banjir pada 30 April, tahun ini 26 April. Kenapa tidak mengambil iktibar?

Tetapi apa yang Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tidak beritahu kepada press atau kepada Dewan yang mulia ini ialah kalau kerajaan tidak mengambil tindakan, tidak ada rancangan daripada 1973, Kampung Keramat dan di Kampung Baru sememangnya akan banjir tetapi pada tahun ini, ia tidak banjir oleh kerana dahulu ia banjir kerana tebatan sungai itu belum lagi dikonkrit. Projek yang dibuat di sana belum siap. Sudah siap, maka tidak ada banjir.

Tuan Tan Kok Wai: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Cheras bangun.

Tuan Tan Kok Wai: Minta jalan. Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Permasalahannya sekarang ialah ekoran banjir besar tahun 1971 dan sejak tahun 1973, pelaksanaan projek tebatan banjir sudah pun berpuluh-puluh bilion ringgit dibelanjakan tetapi tidak pun setahun sejak 1971 itu, tidak pun setahun Kuala Lumpur dibebaskan daripada banjir kilat. Apakah masalahnya? Apakah hakikatnya yang sebenar? Manakah wang itu dibelanjakan? Ke dalam longkang, ke dalam sungai atau ke mana?

Setiap kali ribut, setiap kali banjir, sudah jadi *way of life* untuk Kuala Lumpur. [Tepuk] Kuala Lumpur bukan satu bandar dalam taman tetapi bandar dalam air.

[Ketawa] DBKL bercita-cita menjadikan Kuala Lumpur bertaraf dunia, bandar raya bertaraf dunia. Sekarang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan ucap.

Tuan Tan Kok Wai: ... taraf itu tidak ada tetapi namanya *Venice of the East*, tarikan pelancongan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan ambil kesempatan.

Tuan Tan Kok Wai: Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya masalah yang sebenar yang menyebabkan banjir kilat di Kuala Lumpur ialah kelemahan dan kekurangan dan ketidakcekapan di pihak pentadbiran baik pun DBKL atau Kementerian Pertanian khasnya pembangunan di Kuala Lumpur ini bertentangan dengan prinsip *planning before development*. Sekarang apa yang berlaku ialah *development before planning*.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya.

Tuan Tan Kok Wai: Semua projek diluluskan tanpa mengira masalah sampingan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk] Ya, tidak ada wawasan.

Tuan Tan Kok Wai: Apabila bangunan atau projek dibangunkan, masalah datang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Tan Kok Wai: .. penduduk kecewa, menderita, barulah membelanjakan wang tetapi tidak mendatangkan hasil....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Inilah masalahnya.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, masalah bukannya kerajaan, masalah pembangkang tidak faham. Apa fakta kita beri dia tengok pun dia tidak akan faham. Ahli Yang Berhormat, untuk membuat tebatan banjir, memperdalamkan sungai, melebarkan sungai, kalau boleh saya pinjam istilah Ketua Pembangkang, bukan projek buat 'roti canai', bukan. Ianya mengambil masa bertahun-tahun. Oleh kerana kerajaan bertanggungjawab kepada rakyat, kerajaan yang dipilih, kerajaan membuat rancangan dan rancangan ini apa yang kita nampak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Shah Alam bangun.

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Pada hakikatnya kita faham bahawa apa Yang Berhormat maklum balas tadi rain fall lebih tetapi daripada segi usaha yang dijalankan oleh kerajaan dengan mengeluarkan belanja hampir RM1.75 bilion masalah bajir tidak selesai. Soal dasar mungkin daripada segi *planning requirement* telah pun dipenuhi. Soal *safety factor* dipenuhi, tetapi soal hakikatnya banjir berlaku. Bila banjir ini berlaku, dia menyusahkan semua orang termasuk pihak kerajaan, pembangkang, rakyat dan pemimpin juga. Yang kita hendak daripada pihak kerajaan soal dasar yang telah pun diluluskan, dengan izin, *well and good*.

Tetapi kita pun ada masalah tentang pelaksanaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Cheras sebentar tadi soal orang yang bertanggungjawab menguruskan pelan pembangunan itu. Yang kedua, orang yang bertanggungjawab untuk membinakan satu-satu projek untuk menentukan bahawa banjir itu tidak akan berlaku supaya benda itu terlaksana di peringkat akar umbi. Semua orang susah, Yang Berhormat, yang kita hendak daripada pihak kerajaan supaya soal pemantauan,

monitoring and controlling di peringkat pelaksanaan dapat dijalankan dengan sebaik mungkin supaya masalah ini akan dapat diatasi.

Saya amat malu bila saya membaca surat khabar dan benda ini keluar dalam media asing bahawa Kuala Lumpur dilanda banjir. Jadi usaha kerajaan hendak membawa pelancong, hendak ada sebagai paksi utama dalam sumber kewangan kita tentu akan dapat satu tindakan yang negatif daripada orang ramai. Jadi, yang kita merayu kepada pihak kerajaan supaya dasar yang baik yang diluluskan oleh kerajaan di peringkat pelaksanaan itu buatlah sebaik mungkin, itu yang kita rayu.

Boleh tidak Yang Berhormat sebagai Menteri yang bertanggungjawab memantau bahawa di pihak Dewan Bandaraya, daripada pihak Datuk Bandar sampai ke pegawai-pegawai yang lain melaksanakan dasar yang telah pun ditetapkan. Begitu juga dengan DID, begitu juga dengan orang ramai. Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap, salah satu faktor utama yang menyebabkan banjir ini soal plastic disposal ini. Soal plastik ini kita ada recycle, dasar yang baik diketengahkan oleh kerajaan. Tetapi kenapa soal recycle ini tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin? Yang ini rayuan kita buat, Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Beberapa Ahli: Sokong, sokong.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, satu masalah kompleks, menangani banjir bukan satu masalah yang senang, kompleks, seperti yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan seperti yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat yang bercakap sebentar tadi. Mereka harus faham macam mana sistem perparitan ini aliran dibuat, dia orang tidak faham ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, cerita ini panjang, kalau Tuan Yang di-Pertua bagi saya izin masa untuk bercakap dua jam.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat Shah Alam pun tidak fahamkah?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:I will explain to them. Tuan Yang di-Pertua, sistem saluran perparitan ada empat peringkat *[menunjukkan sekeping kertas]*

Seorang Ahli: Tidak payahlah, act of God, what, tidak payah.

Beberapa Ahli: Ya, tidak payah.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Kalau tidak payah tengok, tidak payah tengoklah. Kalau tidak mahu dengar pun saya tidak ada apa-apa, you boleh keluar juga, kena masuk dalam *Hansard*. Tetapi apa yang kita cerita ini ialah fakta. Kerajaan telah membuat rancangan daripada tahun 1977.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak guna.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:..... dan sekarang ini semua pun dalam implementasian. Saya sudah beritahu tadi bahawa peta yang kamu nampak, because I cannot take serious, dengan izin, saya tidak boleh gambarkan kepada kamu tetapi sudah kamu nampak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak beri laluan lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, sedikit sahaja

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Okey, last one because I have no time.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey, terima kasih. Saya faham Kerajaan Barisan Nasional sentiasa hendak memberikan kebaikan kepada rakyat. Tetapi dalam soal banjir di Kuala Lumpur ini nama kerajaan terjejas, kalau boleh buang Datuk Bandar. *[Tepuk]* Datuk Bandar bertanggungjawab. Datuk Bandar ini pun tidak senonoh, kereta Ahli Parlimen pun dia tarik, orang yang tidak boleh membantu kerajaan.

Seorang Ahli: Balas dendamkah ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kepentingan. Ramai adik beradik saya duduk di Kuala Lumpur ini. Datuk Bandar punya tidak senonoh, pentadbiran yang tidak begitu telus, hendak jumpa dia pun payah.

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Saya pun kena letak jawatan.

Beberapa Ahli: [Tepuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini orang sendiri, ini bukan pembangkang ini.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak setuju kepada apa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Dalam Dewan yang mulia ini pun, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh kita menuduh atau membangkitkan nama-nama pegawai kerajaan yang tidak boleh membela diri. Itu salah peraturan, tidak bolehlah Yang Berhormat untuk mengatakan begitu tidak boleh. Kakitangan kerajaan ini tugas mereka cuma untuk melaksanakan projek dan setiap projek yang dibuat.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Datuk, kalau di Parlimen kita tidak boleh tegur Datuk Bandar, siapa lagi hendak tegur Datuk Bandar?

Beberapa Ahli Pembangkang: Menteri-menteri ya. [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Tegur Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalnya ialah kerana Datuk Bandar mencatatkan nama Kerajaan Barisan Nasional.

Seorang Ahli: Ayo.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk memberi mereka laluan lagilah. Oleh kerana saya nampak perkara yang amat penting ini mereka berbahas emosional.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Ini tidak boleh ditangani oleh kerajaan sahaja, tidak boleh ditangani oleh kerajaan.

Seorang Ahli: Fikiran sempitlah. [Ketawa]

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tidak boleh ditangani oleh kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Yang Berhormat, kalau umpamanya waktu saya menjawab kamu mencelah, kamu mengganggu, itu pun melanggar peraturan juga. Ini bukan pasar, ini bukan mesyuarat di kawasan Yang Berhormat dalam you punya cawangan. Tolonglah sedikit fahamlah, janganlah terlampau berkelakuan seolah-olah kamu ini semua pandai dan sedemikiannya. Saya faham tuduhan kamu ialah kerajaan tidak prihatin, saya sebut kerajaan prihatin sehingga berbelanja berbilion-bilion, tetapi kamu mengatakan yang lain. Umpamanya pada hari itu waktu dia banding saya mengatakan bahawa intensiti kerana hujan turun lebih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika itulah makanya saya terpaksa explain ini. Tiga batang sungai yang mustahak, Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Batu, pada hari itu semua sungai ini di hulu, semua air naik melimpah tebing. Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat tidak tahu bahawa Kuala Lumpur ini dalam kawasan.... [Menunjukkan peta]

Beberapa Ahli: Ha! Ha, ha. [Ketawa]

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Kenapa-kenapa....

Seorang Ahli: Macam orang jual ubat saja. [Ketawa]

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tidak, kenapa ketawa oleh kerana tiga batang sungai daripada hulu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau tidak mahu mendengar tidak payah.....

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Kalau tidak mahu dengar, tidak payah. Saya tidak mahu beri laluan lagi. Ini tiga batang sungai yang besar mengalir through in the middle of Kuala Lumpur, dengan izin.

Tuan Tan Kok Wai: Minta jalan.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tidak lagi saya mahu kasi jalan.

Tuan Tan Kok Wai: Untuk maklumat Dewan, ini penting. Ya. Persoalan saya ialah saya difahamkan sejak beberapa tahun yang lalu ada perancangan untuk membina 30 buah *flood retention pond* di Lembah Klang tetapi sehingga hari ini hanya dua, tiga *pond* sahaja yang dibina. Ini adalah salah satu penyebab banjir. Mengapakah yang lain, majoriti daripada jumlah itu tidak dibina?

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, gangguan seperti inilah umpamanya kalau saya jawab terpaksa mereka terima. Sehingga kini, ini fakta semua ada di sini. Sehingga kini, rancangan Malaysia yang daripada RMK-2 ini telah menyebabkan 34 kawasan di Wilayah Persekutuan seluas 545 hektar dengan 3,530 buah rumah kediaman, 230 buah rumah kedai, 8 buah sekolah dan 10 buah bangunan lain. Di samping itu juga masalah banjir di 20 buah jalan utama telah dapat dikurangkan.

Tuan Tan Kok Wai: Itu *pond* berapa yang belum siap? *Retention pond*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Tan Kok Wai: Kolam...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Takungan air.

Tuan Tan Kok Wai: *Flood retention pond*. Ini memang tidak sahaja..., pagi ini, saya difahamkan ada satu mesyuarat tergepar di Putrajaya pagi ini [Ketawa] Semua ketua-ketua jabatan dipanggil ke sana. [Ketawa]

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Ahli Yang Berhormat, ada 60% *physical on the ground* sudah selesai.

Tuan Tan Kok Wai: *What is physical? Pond, pond. Flood retention pond* di manakah *pond* itu? Bukan *fishing pond* lah, *flood retention pond*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cheras....

Tuan Tan Kok Wai: Apa terjadi pagi ini di Putrajaya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cheras, sila duduk.

Tuan Tan Kok Wai: Ok, ok, terima kasih.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Yang Berhormat kalau saya kasi Yang Berhormat *fact* yang salah nanti Yang Berhormat...

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Wangsa Maju bangun.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mengesahkan sebanyak 28 kolam telah dikenal pasti sebagai kolam takungan banjir tetapi antaranya ialah 4 telah digazetkan, yang lain itu masih menunggu keputusan jawatankuasa tanah untuk digazetkan. Mungkin Yang Berhormat Menteri dapat mengesahkan. Terima kasih [Disampuk]

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung perbahasan, untuk makluman kawasan-kawasan rendah yang telah ditenggelami air di kawasan tadahan Sungai Klang, Sungai Gombak, kawasan tadahan Sungai Batu, Sungai Bonus dan Sungai Kerayong. Dan punca banjir tadi kita semua sudah tahu. Dan strategi untuk mengatasi banjir Tuan Yang di-Pertua, iaitu pembangunan sistem perparitan dalam serta

penyelenggaraan sungai. Dan ini juga dibuat oleh DBKL. Setiap tahun DBKL membelanjakan juga berjuta-juta untuk ini.

Umpamanya dalam tahun ini disebut RM62.2 juta tetapi Yang Berhormat bagi Bukit Bintang menyebut RM50 juta. Pada tahun 1995 - RM32 juta – ini belanja DBKL sahaja. Pada tahun 1996 - RM38 juta. Pada tahun 1997 - RM60.44 juta. Pada 1998 - RM42.6 juta. Pada tahun 1999 - RM39.7 juta. Dan pada tahun 2000 - RM36.43 juta. Dan semua ini kalau kita hitung jumlahnya adalah lebih kurang RM311 juta untuk DBKL sahaja belanja. Lain lagi belanja di JPS.

Dan dalam tempoh 1995 ke tahun 2000, kerana apa yang dipersoalkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah sama ada projek-projek itu dibuat. Mereka ini Tuan Yang di-Pertua, mereka tengok daripada sudut mikro dia bukan daripada sudut makro. Kerana yang harus fahamkan, saya tegaskan lagi, harus difahamkan bahawa sungai yang mengalir melalui Bandaraya Kuala Lumpur ini mempunyai hulu di luar Kuala Lumpur dan mempunyai hilir juga di luar Kuala Lumpur. Apa juga yang dibuat oleh DBKL, akan juga mengakibatkan apa yang terjadi di dalam KL. Dan nama-nama kawasan saya sebut di sini Tuan Yang di-Pertua. Nama-nama kawasan yang telah pun paritnya...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Chong]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun. Saya maklumkan ada lima minit lagi untuk...

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak kasilah. Pasal cukup banyak tadi gangguan fikiran saya oleh Ahli Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*.

Dan kawasan-kawasan parit induk yang telah pun dipertingkatkan dalam tempoh 1995 hingga tahun 2000, saya sebut satu-satu. Di sini ada 43 kawasan yang juga sekarang ini sudah tiada banjir. Kawasan Jalan Gombak, Sungai Merali, Kampung Puah, Jalan Kuang Gunung, Taman Koh Lian, Jinjang Selatan Tambahan, Taman Bambu, Kampung Sejahtera berhampiran Masjid Firdaus, Kampung Segambut Dalam, Jalan Segambut berhampiran jejambat Jalan Kuching, Bandar Baru Sentul, kawasan Pulapol, Kampung Semarak, Jalan Padang Tembak, Lorong Perak berhampiran Hotel Concorde, Kampung Sungai Pencala, Jalan Duta, Jalan Parlimen, kawasan Tasik Perdana, Jalan Changkat Bukit Bintang, Jalan Imbi, Jalan Yap Thai Chi, lorong belakang Jalan Alor, Jalan Wirawati, Kampung Pandan, Jalan Maharajalela, Pudu Ulu, Kampung Cheras Baru, Kampung Pantai Hilir, Batu 5 dan 43 kawasan parit-parit induk yang telah dibuat oleh DBKL daripada 1995 sehingga tahun 2000.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukan RM120 juta lagi untuk melaksanakan projek-projek perparitan telah diluluskan kepada DBKL. Dan daripada ini untuk tahun 2001, RM62.2 juta.

Bagi Jabatan Pengairan dan Saliran, Kementerian Pertanian pula, sejumlah lebih kurang RM250 juta telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk kawasan Kuala Lumpur sahaja. Daripada jumlah ini sejumlah RM170 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2001. Ini bermakna jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk kerja-kerja perparitan dan tebatan banjir bagi Rancangan Malaysia Kelapan adalah RM370 juta dan untuk tahun 2001 sebanyak RM12.2 juta. Di samping itu ada lagi sejumlah RM72 juta telah dipohon oleh DBKL dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk kerja-kerja penyelenggaraan sungai. Ini hakikat yang sebenar. Ini adalah fakta Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang mengatakan bahawa kenapa terlampau banyak masa yang diambil untuk membuat ini. Pada mulanya kerajaan merancang untuk projek tebatan banjir ini di kawasan Kuala Lumpur (bandar) sahaja tetapi setelah dikaji balik ianya sekarang ini meliputi Lembah Klang. Maka itu masa itu telah dipanjangkan kepada 7 tahun tetapi walau bagaimanapun oleh kerana kerajaan memandang serius perkara ini maka kita jangka bahawa kita dapat siapkan projek ini menjelang tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, kalau umpamanya ada masalah seperti banjir, kalau misalnya ada kelambatan untuk melaksanakan projek ini harus juga Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali daripada pembangkang tidak meremehkan usaha kakitangan kerajaan ataupun menamakan pegawai-pegawai tertentu dalam jabatan kerajaan atas kecuaiannya mereka *[Dewan riuh]* *[Disampuk]* Kerana dalam membuat projek untuk mengatasi masalah banjir ini, macam-macam perkara yang kita hadapi.

Umpamanya masalah setingan. Kadang-kadang orang setingan tidak mahu pindah. Kalau kedudukan rumah itu dekat tebing walaupun sebelah menyebelah umpamanya telah dibersihkan, didalamkan, kalau ada satu seksyen sahaja *bottle neck* itu tidak jadi juga.

Kadang-kadang perlu pengambilan tanah, oleh kerana bukan semua parit ataupun sungai yang diperdalamkan itu bukan semua tanah kerajaan. Kadang-kadang melibatkan tanah individu, tanah syarikat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:.....itu perlu untuk.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa pun cukuplah.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: ...dibeli dan kadang-kadang perlu juga.....Tuan Yang di-Pertua, satu dua minit lagi. Kadang-kadang perlu juga, apabila kita menggali parit, apabila kita memperbaiki sungai, kadang-kadang ada utiliti-utiliti tertentu yang perlu dipinda. Umpamanya macam wayar lampu, paip yang sudah ditanam, itu juga perlu diambil kira dan macam-macam lagi perkara yang perlu diambil kira.

Jadi, sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tadi. Untuk menangani masalah banjir ini tanggungjawab ini bukan tanggungjawab kerajaan semata-mata, bukan tanggungjawab DBKL semata-mata, disebut tadi bahawa DBKL kurang cekap.

Saya tidak bersetuju oleh kerana pegawai-pegawai DBKL umpamanya, untuk makluman Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, yang perangkap sampah terapung ini, saya difahamkan di seluruh Kuala Lumpur ada 15. Setiap hari mereka ini dalam waktu kering, tidak hujan, setiap hari mengutip ataupun mengumpul lebih kurang 20 tan sampah. Pada waktu hujan mereka ini mengumpul lebih kurang 40 tan sampah setiap hari. Mereka ini bekerja pada tiap-tiap hari. Mereka ini bukan mesin, human juga macam kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah perkara yang besar seperti begini menjadi tanggungjawab bersama.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:dan kalau umpamanya ada perkara yang mustahak seperti begini besok lusa kalau dibahaskan, tolonglah jangan emosi. *[Ketawa][Disampuk]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ini dan yang demikian saya tutupkan perbahasan ini. Kita kembali kepada perkara yang kita dengarkan tadi iaitu Usul Rancangan Malaysia Kelapan, saya minta Yang Berhormat Menteri menyambung jawapan.

[Perbahasan atas Usul Rancangan Malaysia Kelapan disambung semula]

5.32 ptg.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pelaburan asing. Yang Berhormat Kemaman juga telah menyentuh jumlah pengaliran masuk pelaburan asing yang dikatakan tidak sampai RM4 bilion pada tahun 2000 berbanding RM40 bilion setiap tahun sebelum krisis kewangan Asia.

Sekali lagi Yang Berhormat telah memberi maklumat yang salah...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:mengikut penyata imbangan pembayaran negara, negara kita sebenarnya telah mencatat pertambahan pengaliran masuk bersih pelaburan langsung asing sebanyak RM7.5 bilion pada tahun 2000 berbanding dengan RM5.9 bilion pada tahun 1999.

Saya juga ingin membetulkan fakta mengenai jumlah purata kemasukan pelaburan asing sebelum krisis kewangan Asia. Jumlah yang betul ialah RM12.2 bilion setahun bagi tempoh tahun 1991 hingga 1997 dan bukan RM40 bilion seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman.

Untuk makluman Yang Berhormat, sentimen pelaburan asing terhadap negara kita sebenarnya semakin meyakinkan. Jumlah cadangan pelaburan asing yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), dalam sektor perkilangan telah meningkat dengan ketara daripada RM9 bilion pada tahun 1999 kepada RM29.7 bilion pada tahun 2000. Manakala, jumlah pelaburan yang diluluskan juga meningkat daripada RM12.3 bilion kepada RM19.8 bilion.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Berdasarkan kepada jumlah cadangan yang diterima dan diluluskan serta dengan kemudahan insentif pelaburan yang disediakan termasuk pakej galakan istimewa, kita yakin boleh menarik lebih banyak lagi pelabur asing ke negara Malaysia.

Pasaran saham. Yang Berhormat bagi Kemaman bimbang dengan keadaan pasaran saham...

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Setiu bangun. Hendak beri jalan atau tidak, kita tidak ada masa sekarang.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Satu, satu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah, saya boleh beri tetapi

....

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Satu soalan sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:tidak ada masa. Tengok saya habis nanti, tengok macam mana, kalau ada masa saya beri. Yang Berhormat pun tahulah, saya boleh beri, tak ada masalah.

Yang Berhormat Kemaman bimbang dengan keadaan pasaran saham. Dakwaan Yang Berhormat Kemaman bahawa pasaran saham menjunam ke paras yang lebih buruk dari masa negara dilanda krisis kewangan pada September 1998 adalah tidak munasabah. Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang ditutup pada 584.5 mata pada 30 April 2001 mencatat peningkatan sebanyak 122.5% berbanding kedudukan pada 1 September 1998. Malah, semasa BSKL ditutup pada tengah hari tadi BSKL meningkat 13.46 mata kepada 597.94.

Tentu ini jauh lebih baik berbanding kedudukan pada 1 September 1998. Yang Berhormat mengilhamkan angka-angka yang sangat pelik. Cuma Yang Berhormat seorang sahaja di Dewan yang mulia ini yang tidak tahu bahawa semasa krisis kewangan tersebut, indeks komposit BSKL jatuh daripada 1,012.8 mata pada akhir Julai 1997 kepada 262.7 mata pada 1 September 1998. Juga prestasi BSKL semenjak krisis kewangan Asia adalah lebih baik berbanding dengan bursa-bursa saham serantau. Dalam tempoh yang sama bursa Singapura mencatatkan kenaikan sebanyak 109.2%, ini berbanding dengan Malaysia 122% lebih, Seoul 86.4%, Bangkok 42.4%, Manila 15.7% dan Jakarta 9.9%.

Ternyata tuduhan Yang Berhormat yang cuba mengaitkan prestasi pasaran saham negara dengan penangkapan tahanan politik di bawah ISA adalah tidak berasas. Kemerosotan BSKL pada tahun 1987, 1998 dan pergerakan dalam tahun 2001 adalah disebabkan faktor-faktor lain.

Pada tahun 1987, berlaku peristiwa *Black Monday* di New York. Kalau Yang Berhormat membaca tentu Yang Berhormat tahu apa yang berlaku pada tahun 1987. Prestasi BSKL pada tahun 1998 terjejas oleh krisis ekonomi Asia, manakala prestasi BSKL semasa terjejas oleh kelembapan ekonomi Amerika Syarikat seperti juga yang dialami oleh bursa-bursa saham utama dunia.

Sekali lagi Dewan ini menunjukkan kejahilan Yang Berhormat Kemaman mengenai perkembangan di pasaran kewangan serantau. Sungguhpun beliau - okaylah dia kata sarjana dalam pasaran securities ini....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya kena perhabislah, tak apalah, akhir sekali saya bagi.

Kerajaan sentiasa berusaha secara berterusan dengan mengambil langkah-langkah untuk memastikan pasaran saham BSKL terus teguh dan kukuh dalam jangka panjang. Antara langkah-langkah yang diambil ialah mempertingkatkan piawaian tadbir urus korporat, meningkatkan ketelusan penzahiran dan perlindungan kepada pelabur melalui kawal selia berasaskan penzahiran, meningkatkan penguatkuasaan undang-undang dan menyediakan Pelan Induk Pasaran Modal.

Tadbir-urus Korporat, dengan izin, *Corporate Governance* sebenarnya merupakan satu cara hidup. Kerajaan memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuk pembangkang. Kenyataan oleh Yang Berhormat Kemaman tentu sekali mengelirukan pelabur-pelabur. Semua pihak mesti jujur dalam melihat hasrat dan aspirasi rakyat dan negara tercapai.

Ini termasuk tidak memutarbelitkan fakta-fakta atau perangkaan-perangkaan ekonomi dan menabur fitnah sama ada di dalam atau di luar negeri. Mengadakan demonstrasi secara haram yang bertujuan memberikan gambaran keadaan huru-hara dalam negeri kepada media asing. Gambaran ini akan menghakis keyakinan para pelabur terhadap negara kita. Adalah lebih baik sekiranya mereka mempunyai cadangan-cadangan bernas untuk dikemukakan dan kerajaan bersedia menimbang cadangan-cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu penerbangan Malaysia kini berusia setahun. Yang Berhormat Pendang masih lagi mengajak Dewan yang mulia ini bertikam lidah mengenai pembelian saham MAS. Yang Berhormat bolehlah merujuk semua jawapan yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 21 dan 29 Mac yang lalu. Kita mahu mengekalkan pegangan ekuiti dalam syarikat penerbangan ini. Bagi meningkatkan pengurusan dan prestasinya pada masa akan datang, kita sanggup menerima pakar-pakar asing untuk bekerjasama dengan kita. Kerajaan yakin langkah yang diambil bertepatan dengan aspirasi negara.

Yang Berhormat juga bertanya tentang Pelan Induk k-ekonomi. Sehubungan ini suka saya jelaskan bahawa pelan tersebut adalah di peringkat akhir penyediaannya dan akan diumumkan tidak lama lagi. Apabila siap kelak, kerajaan berharap semua pihak pelaksana dan segenap lapisan masyarakat akan mendukung dasar-dasar yang digariskan. Ia memerlukan perubahan minda bagi memacu negara ke tahap yang lebih produktif, berdaya saing dan maju. Perubahan minda ini sangat diharapkan lebih-lebih lagi daripada kalangan pembangkang yang selama ini hanya memberi sumbangan yang negatif terhadap pembangunan negara.

Mengenai ICT, Yang Berhormat Tambun memberi pandangan bahawa negara-negara maju akan memindah lokasi pengeluaran produk ICT kepada negara-negara membangun seperti mana proses lokasi semula sektor perkilangan sebelum ini dan kita perlu bersedia untuknya.

Pandangan Yang Berhormat tersebut sangat kita sambut baik dan seperti Yang Berhormat sedia maklum, semasa pembentangan Belanjawan 2001 dahulu, peruntukan tambahan sebanyak RM500 juta telah disediakan bagi membiayai tabung modal teroka khususnya untuk dilaburkan ke dalam syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri ICT.

Selanjutnya, sebuah syarikat di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan) iaitu Malaysia Venture Capital Management Berhad telah pun ditubuhkan. Syarikat ini akan bertanggungjawab untuk menilai projek-projek yang berdaya maju yang layak menerima pembiayaan modal teroka.

Yang Berhormat Pendang juga membangkitkan isu pelaksanaan wang ihsan yang dituduh tidak adil. Sukacita saya menjelaskan bahawa pelaksanaan program pembiayaan wang ihsan di Terengganu harus dilihat dalam konteks yang lebih menyeluruh di mana semua program dan projek yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk kebajikan rakyat negeri Terengganu.

Sehingga pertengahan bulan April 2001 sebanyak RM91.6 juta telah dibelanjakan di mana telah memberi faedah secara langsung kepada golongan sasar. Di bawah program mesra rakyat dan program kebajikan, kerajaan telah

membelanjakan sejumlah RM8.4 juta bagi faedah golongan kurang bernasib baik dan penduduk miskin di luar bandar.

Di bawah program ini seramai 14,580 orang yang terdiri daripada ibu tunggal, warga tua, kurang upaya dan bekas penerima bantuan am telah diberikan bantuan. Seramai 3,200 pelajar miskin menerima bantuan basikal, 67,000 pelajar menerima bantuan pakaian seragam sekolah dan 1,000 pelajar menerima bantuan persediaan ke IPT tempatan.

Dalam bidang pendidikan pula, sebanyak RM75.6 juta telah dibelanjakan di mana RM40 juta telah disalurkan bagi membiayai pengurusan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUZA) dan Terengganu Advance Technical Institute (TATI) dan 12 sekolah agama di seluruh negeri. Tabung khas pinjaman dan biasiswa yang dikenali sebagai Tabung Pendidikan Terengganu juga telah diwujudkan bagi membantu pelajar-pelajar di peringkat menengah dan universiti.

Setakat ini sebanyak RM35.6 juta telah dibelanjakan yang telah memberi manfaat kepada lebih 20,000 orang pelajar. Di samping itu, bantuan khas sebanyak RM960,000 telah diberikan kepada 32 buah sekolah bagi meningkatkan kemudahan peralatan dan pembelajaran. Sejumlah 2,000 unit komputer dan 400 pencetak juga dibekalkan kepada 2,000 buah sekolah bagi meningkatkan penggunaan ICT di kalangan pelajar.

Selain itu, di bawah Program Khas Pembangunan Usahawan, seramai 792 peniaga kecil telah diberi pinjaman bagi memajukan perniagaan mereka di bawah projek TEKUN dan PROSPER Terengganu yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM3.9 juta. Agensi-agensi pelaksana lain seperti Jabatan Perikanan, LKIM, FAMA, Jabatan Haiwan, KEMAS dan KETENGAH sedang giat menyediakan kemudahan prasarana bagi meningkatkan kedudukan sosioekonomi terutamanya golongan petani, nelayan dan penduduk luar bandar yang rata-ratanya masih miskin.

Pelaksanaan semua program dan projek di bawah Program Pembiayaan Wang Ihsan oleh agensi-agensi pelaksana Kerajaan Persekutuan di peringkat negeri diselenggarakan oleh pejabat pembangunan negeri Terengganu. Dalam hubungan ini, JKPP memainkan peranan penting dalam memberi input kepada kerajaan bagi mengenal pasti dan melaksanakan projek-projek bagi faedah rakyat negeri Terengganu.

Secara keseluruhannya, Program Pembiayaan Wang Ihsan dirangka khusus oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan program dan projek bagi membela nasib rakyat negeri Terengganu terutamanya golongan miskin di luar bandar. Berdasarkan tahap pelaksanaan fizikal dan kewangan semasa, kerajaan percaya Program Pembiayaan Wang Ihsan akan dapat mencapai matlamatnya dengan penuh adil dan saksama.

Yang Berhormat Kemaman juga menyentuh mengenai peruntukan yang disediakan bagi negeri Kelantan dan Terengganu di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Untuk maklumat Yang Berhormat, dalam

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Bandau bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak beri jalanlah, tunggu dahulu. Untuk maklumat Yang Berhormat, dalam menyediakan peruntukan bagi negeri, pihak kerajaan perlu mengambil kira keupayaan perbelanjaan apabila peruntukan tersebut disediakan. Dalam hubungan ini, Kerajaan Persekutuan menghadapi kesukaran untuk melaksanakan projek terutamanya apabila berhadapan dengan kerajaan negeri yang tidak mahu memberi kerjasama dalam usaha Kerajaan Persekutuan.

Umpamanya, bagi negeri Terengganu walaupun peruntukan telah disediakan, namun sukar bagi Kerajaan Persekutuan mendapatkan tanah tapak bagi satu-satu projek. Dalam beberapa kes, Kerajaan Terengganu adalah punca kegagalan pelaksanaan beberapa projek besar seperti pembinaan Lebuh raya Pantai Timur dan projek naik taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu.

Dalam perancangan asal, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk membina terminal baru dan memanjangkan landasan lapangan terbang Kuala Terengganu dengan persetujuan kerajaan negeri yang sanggup menyediakan tapak dan membiayai

kos pengambilan tanah. Namun demikian, kerajaan negeri telah tidak menepati janji dan kerana ini, projek itu tidak dapat dilaksanakan.

Begitu juga dengan projek-projek yang lain terhindar oleh sikap kerajaan negeri yang tidak mahu bekerjasama terutama bagi projek yang melibatkan pengambilan balik tanah. Ini adalah di antara sebab mengapa sebanyak RM91 juta tidak dapat dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh bagi negeri Terengganu. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan tidak seharusnya dipersalahkan.

Yang Berhormat Kemaman banyak sekali membuat tuduhan melulu tanpa meneliti fakta dan kebenaran. Ini nampaknya sudah jadi tabiat beliau [Ketawa]. Yang Berhormat Kemaman juga suka keluaran fakta-fakta yang tidak boleh diterima akal kita. Tuduhan dibuat bahawa Bank Pembangunan telah mengeluarkan pinjaman atas arahan kepimpinan negara dengan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan viability dan credit worthiness, dengan izin.

Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan ini di bawah saya ya. Jadi, saya tidak pernah mendapat arahan daripada sesiapa ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Boleh, boleh saya....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, saya bagi nanti. Saya bagi, janji.

Begitu juga dikatakan bahawa penggabungan bank dibuat untuk menyalurkan dana kepada syarikat-syarikat kroni dan bukan untuk mengukuhkan institusi perbankan. Tuduhan-tuduhan liar seperti ini sukar diterima oleh orang-orang yang waras fikirannya. Janganlah hendaknya kita terus bercakap mengikut sedap mulut kita, menggunakan lidah yang tidak bertulang ini.

Tujuan asal Bank Pembangunan ditubuhkan ialah untuk memberi kemudahan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha bumiputera untuk memajukan perusahaan. Walau bagaimanapun, dengan krisis kewangan yang telah melanda negara pada tahun 1997, peranan bank telah diperluaskan untuk membiayai projek-projek infrastruktur bagi tujuan membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara dengan kadar yang segera. Tanpa pemberian kemudahan pinjaman dari Bank Pembangunan, kebanyakan projek infrastruktur terpaksa ditangguhkan. Ini sudah tentu akan menjejaskan usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara dalam masa yang singkat.

Bank Pembangunan tidak tertakluk kepada Banking and Finance Institution Act (BAFIA), namun demikian, bank ini sentiasa mengikut peraturan dan garis panduan BAFIA dalam menjalankan urusannya. Bank Pembangunan tidak terletak di bawah pengawasan Menteri Kewangan. Ia diselikan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Menteri dia bernama Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

Menteri Kewangan (Diperbadankan) merupakan pemegang saham bank tersebut. Dasar operasi bank ditetapkan oleh sebuah lembaga pengarah yang terdiri daripada pakar-pakar industri perbankan dan kewangan. Kementerian Kewangan tidak campur tangan dalam urusan operasi bank dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh bank adalah berdasarkan kepada asas komersial dan daya maju sesuatu projek.

Pinjaman yang diberi oleh Bank Pembangunan bukan tiada had tetapi ia adalah berdasarkan kos dan daya maju projek serta keperluan syarikat yang terlibat dan kemampuan syarikat untuk membuat bayaran balik. Pendek kata, pemberian pinjaman oleh bank adalah semata-mata berdasarkan kepada asas komersial dan daya maju projek.

Dakwaan Yang Berhormat Kemaman bahawa pinjaman dikeluarkan tidak berdasarkan credit worthiness tetapi atas arahan pimpinan negara tidak mempunyai asas dan adalah tidak bertanggungjawab dan melulu. Kita minta Ahli Yang Berhormat Kemaman memberikan bukti untuk tuduhan ini atau dia kena tarik baliklah tuduhan tersebut.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun, Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Boleh....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap lagi Tun ya, sekejap lagi, saya perhabis ini dulu. Macam tak percaya dengan saya, apa halnya ini?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Memang tak percaya pun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang tak percaya? Banyak kali bagi dah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...Yang Berhormat...kedua-dua Yang Berhormat...jangan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Selaras dengan perluasan peranan Bank Pembangunan untuk membantu menjana pembangunan infrastruktur negara, ia telah memberi pinjaman untuk membiayai projek-projek infrastruktur tertentu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:[Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagaimana pun, pinjaman yang diberi masih atas asas viability projek. Angka-angka pinjaman seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kemaman semata-mata bertujuan mengelirukan rakyat. Jelas sekali ini satu tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh pihak pembangkang.

Kerajaan mempunyai track record yang tidak boleh diperlekehkan. Rakyat terus memberi mandat kepada kerajaan ini. Kerajaan ini sama sekali tidak akan membiarkan sesiapa sahaja memburuk-burukkan nama baik kerajaan dan menjejaskan imej negara.

Tuan Yang di-Pertua: Rompin, bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebagai menjawab pertanyaan tentang sumber kewangan Bank Pembangunan, sukacita dimaklumkan bahawa Bank Pembangunan memperolehi sumber komersial daripada pasaran domestik. Selain daripada itu, Bank Pembangunan juga menerima sejumlah RM1.5 bilion dari, dengan izin, Japan Bank for International Corporation (JBIC) yang mana ia merupakan pinjaman kerajaan kepada kerajaan – G to G.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pinjaman ini memang bertujuan membantu....

Tuan Yang di-Pertua: Rompin bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagi habis, sekejap ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pinjaman ini memang bertujuan membantu kerajaan membangunkan infrastruktur negara. Bank Pembangunan akan terus menumpukan perhatian untuk membantu industri kecil dan sederhana terutamanya usahawan bumiputera.

Pernyataan ini juga menafikan dakwaan Yang Berhormat bagi Pendang bahawa kerajaan mementingkan syarikat-syarikat besar lebih daripada pengusaha kecil dan sederhana. Ini ialah pembangkang, ia sangat jelas mereka terus berusaha mengapi-apikan sentimen dengan mendakwa syarikat besar diberi layanan istimewa. Ini taktik politik silam cara *populist* yang digunakan dengan izin, oleh 'Dimegosh'.

Namun demikian, bagi membantu pemulihan ekonomi bank akan terus memainkan peranan yang aktif dalam pembiayaan projek-projek infrastruktur seperti projek-projek ini tidak tergendala kerana kekurangan sumber kewangan dan mengakibatkan kesan negatif ke atas usaha pemulihan ekonomi negara dalam kadar yang segera. Kemampuan dan prestasi Bank Pembangunan tidak perlu disangsikan dan jelas terbukti dalam peningkatan keuntungan yang telah dicapai dalam beberapa tahun kebelakangan ini.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:sebagai contoh

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri ada dua yang bangun. Ya, hendak beri jalan tidak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila teruskan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]* Sebagai contoh keuntungan sebelum cukai Bank Pembangunan telah meningkat daripada RM21.6 juta pada tahun 1998 kepada RM97 juta pada tahun 1999 dan ia dijangka meningkat kepada RM140 juta pada tahun 2000. Prestasi Bank Pembangunan setakat ini adalah baik dan membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pinjaman daripada Bank Pembangunan dan Infrastruktur kepada Cyber Jaya Holdings, Klang West Port, Pelabuhan Tanjong Pelepas, Lebuhraya Sprint Le Track dan Berjaya Redang Resort, sukalah saya jelaskan bahawa angka-angka itu adalah salah, yang disebut RM900 juta, RM350 juta, RM500 juta dan RM30 juta untuk setiap tajuk ini. Mungkin Ahli Yang Berhormat mendapat angka-angka itu saya ingat daripada 'langit'. Angka yang sebenar adalah jauh lebih rendah daripada yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman.

Walau apa pun memang benar bahawa Bank Pembangunan dan Infrastruktur telah dan sedang menimbang permohonan daripada pihak-pihak berkenaan untuk tujuan melaksanakan projek-projek infrastruktur yang mana ianya amat penting bagi pembangunan negara dan seterusnya pertumbuhan ekonomi.

Berhubung dengan dakwaan bahawa Menteri Kewangan ada menulis surat kepada Bank Pembangunan supaya meluluskan pinjaman kepada Syarikat Berjaya Redang Resort Berhad sebanyak RM30 juta untuk membiayai pembinaan Lapangan Terbang Langkawi tanpa

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Redang, Pulau Redang bukan Langkawi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:oh, bukan Langkawi.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Bukan, bukan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Redang ya. Okay, saya terimalah. Bukan Langkawi ya, Redang. Okay.

Jadi, surat ini untuk Lapangan Terbang Redang lah. Yang Berhormat dimintalah untuk mengemukakan surat tersebut jika sekiranya benar beliau mempunyai surat tersebutlah, dalam pada itu saya merasa – okay tidak apalah itu Yang Berhormat tolong tunjukkan.

Dakwaan yang mengatakan syarikat yang mempunyai kaitan dengan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan mengambil kesempatan menguasai bank-bank yang digabungkan adalah tidak benar dan keterlaluan. Ini cara dan taktik

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Saya tentang Bank Pembangunan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof:Bank Pembangunan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bank Pembangunan okay. Pendek sahaja ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Ya, ya. Pertamanya, terima kasih Yang Berhormat. Mengenai Bank Pembangunan ini ialah kerana dua, tiga pinjaman yang diberikan ini kalau kita tengok syarikat yang dapat pinjaman contohnya, Time Engineering yang mendapat RM860 juta di mana kalau kita tengok pinjaman-pinjamannya (*loans*) ia ada institusi kewangan yang lain dia punya *status is non-performing loan* dan juga ia mempunyai *track record* tidak dapat membayar pinjaman kepada KWSP sebanyak RM500 juta. Ini menunjukkan bahawa syarikat yang *track record* yang buruk pun mendapat pinjaman yang begitu besar.

Yang keduanya ialah *paid-up capital* Bank Pembangunan ini cukup rendah tetapi pinjaman-pinjaman yang diberinya cukup besar-besar. Jadi, kalaulah satu ataupun dua syarikat yang diberi pinjaman ini tidak dapat bayar balik, maka *the whole paid-up capital* syarikat ini, Bank Pembangunan ini akan lumpuh. Ini membuktikan bahawa cara pembiayaan oleh Bank Pembangunan ini tidak mengikut kriteria bank-bank biasa, kalau *paid-up capital* kalau ikut rang undang-undang yang akan dibentangkan baru hendak raise up to RM2 bilion, macam mana dia boleh beri pinjaman begitu besar walaupun keuntungan yang begitu banyak memanglah sebab pinjaman-pinjaman yang kedudukannya kita tidak mempunyai – kalau ikut standard banking punya prosedur tidak mempunyai credit worthiness lah. Sekian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat daripada satu sudut Yang Berhormat lihatlah, jadi sudah tentu apa Yang Berhormat sebut itu mungkin didapati benar tetapi kalau kita tahu tentang fakta iaitu bahawa keputusan yang pinjaman kalau diberi kepada Time dotCOM pada masa ketika dahulu waktu ketika itu tidak ada siapa pun pertikaikan tentang dotCOM punya kompeni ini. Semua agak 'bullish' pada ketika itu dan kita juga harus lihat iaitu bahawa banyak faktor yang lain kita hendak kena ambil kira kerana ini melibatkan pegangan saham dalam syarikat ada keterlibatannya, rangkaianannya dengan Danaharta dan banyak faktor yang lain yang kita terpaksa ambil kira yang menyebabkan itu bahawa macam pinjaman ini diberikan.

Jadi, sebab itu agak sukar untuk saya menjelas dalam masa yang sesingkat ini kerana saya sudah tahu Yang Berhormat akan tanya, jadi [Ketawa] jawapan saya ada. Jadi, ia banyak faktor lain sebab itu kita tidak boleh lihat daripada satu sudut sahaja. Ya, betul Yang Berhormat kata iaitu bahawa kalau lihat daripada satu sudut mungkin ia pada asas yang tidak betul tetapi Yang Berhormat tengok Time dotCOM sekarang. Time dotCOM pada waktu kita beri pinjaman dahulu ia satu ketika *bullish* lah di Amerika pun okay.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, pinjaman kepada Time dotCOM ini ia diberikan atas dasar lindungan cagaran, kita ada perlindungan cagaran yang mencukupi dan boleh dibayar balik.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...itu saya ingin sebut di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan Yang Berhormat? Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Rompin.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Akhir, akhir Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Baiklah ya. Saya minta sedikit penjelasan daripada Dato' Menteri. Tadi Dato' Menteri ada memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Bank Pembangunan sebelum meluluskan satu projek itu atau mengeluarkan pinjaman akan menilai viability projek itu, *credit worthiness* projek itu tetapi ada Yang Berhormat bagi Kemaman dia tuduh bahawa seperti Yang Berhormat maklumkan bahawa yang sebenarnya Bank Pembangunan ini mengeluarkan pinjaman atas arahan pemimpin negara.

Tetapi saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat tadi saya kurang dengarlah sama ada minta supaya Kemaman tarik balik ataupun meminta supaya Yang Berhormat bagi Kemaman ulangi dakwaan dia ini di luar Dewan. Saya hendak minta pandangan Dato' Menteri sebab ini serius ini sebab apa takut Kemaman ini dia terlupa bahawa dalam isu dia cuba menambahkan *mileage* politik kepada KeADILan, KeADILan itu sudah teruk, DAP pun sudah tidak setuju dengan dia. Macam dia putar belitken kenyataan, saya hendak minta pandangan Dato' Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu yang terbaik sekalilah. Maknanya, kalau tidak mahu tarik balik tulis suratlah dekat luar ataupun tuduh saya dekat luarlah sebab selain daripada Menteri Kewangan saya juga Menteri Pembangunan Usahawan.

Sebenarnya saya rasa kecewa jugalah sebab pimpinan negara ini kalau Menteri yang menjaga, sayalah. Imej saya jatuh sedikitlah, Yang Berhormat kata saya arah macam ini, saya tidak pernah buat perkara ini. Jadi, macam mana saya hendak bela diri saya sekarang ini.

Jadi, saya ingat paling baik kalau Yang Berhormat tuduh saya dekat luar dan kita tengoklah macam mana dekat luar kita buat, kita hendak samankah apakah ya. Jadi, sebab itu perkara serius Yang Berhormat, perkara serius. Saya

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*
.....syarikat yang saya sebutkan tadi.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...tidak, arahan daripada atas ini mana mari pula ini.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya kata saya nampak surat itu, saya baca surat itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, tidak apalah.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya baca,

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: saya kata saya baca surat itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, okay.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kemaman bangun dengan tidak ada persetujuan daripada Pengerusi ya. Ini Kepong bangun Yang Berhormat hendak beri kepada dia kah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Kepong ya. Hendak beri jalan? Ya, sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada, kepada siapa?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:Kepong, tidak, saya hendak teruskan. Saya hendak teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak teruskan. *[Ketawa]* Ya, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dakwaan yang mengatakan syarikat yang mempunyai kaitan dengan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan mengambil kesempatan menguasai bank-bank yang digabungkan adalah tidak benar dan keterlaluan.

Ini cara dan taktik memburuk-burukkan nama-nama pemimpin kerajaan tanpa bukti. Ini semua untuk menyemaikan rasa kebencian rakyat terhadap pemimpin. Sudah berkali diberi penjelasan dan bukti tetapi masih diulang perkara-perkara yang tidak betul di Dewan yang mulia ini. Pembentukan kumpulan perbankan serta bank teras masing-masing adalah berdasarkan kepada cadangan yang dikemukakan oleh institusi-institusi perbankan tersebut kepada Bank Negara Malaysia.

Mereka diberikan kebebasan untuk memilih rakan gabungan masing-masing dan proses penggabungan adalah dibuat berasaskan prinsip pasaran di mana penentuan harga dibuat secara telus dan kepentingan minoriti diberi perlindungan sewajarnya.

Perlaksanaan program penggabungan ini juga adalah berdasarkan prinsip-prinsip pasaran seperti berikut:

- cara penentuan harga yang telus di mana pihak-pihak yang terlibat bebas memilih cara yang terbaik bagi menilai institusi perbankan yang terlibat dan seterusnya berunding sehingga tercapai persetujuan tentang harga pemerolehan;
- penilaian institusi perbankan dijalankan oleh firma perakaunan yang bebas dan profesional; dan

- perlindungan kepentingan minoriti adalah jelas dan merupakan keperluan yang dimestikan oleh pihak berkuasa.

Perlaksanaan program penggabungan ini adalah tertakluk kepada peraturan *Code of Take Overs and Mergers* termasuk melantik juru runding berkecuali untuk memberi khidmat nasihat kepada para pemegang saham termasuk pemegang saham minoriti berhubung usaha penggabungan tersebut agar pihak pemegang saham mendapat maklumat yang secukupnya mengenai usaha penggabungan tersebut.

Berdasarkan penjelasan di atas, isu-isu yang dibangkitkan berhubung kesempatan yang diambil oleh syarikat-syarikat atau pihak-pihak tertentu dalam program penggabungan bank adalah tidak tepat sama sekali. Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, pada masa ini sememangnya mempunyai peruntukan yang melarang institusi perbankan untuk memberi pinjaman kepada pihak-pihak yang ada hubung kait dengan institusi perbankan tersebut termasuklah pengarah, pekerja dan keluarga mereka yang terdekat.

Di samping itu, larangan tersebut telah juga dikembangkan untuk merangkumi pemegang saham institusi perbankan tersebut. Bank Negara Malaysia sentiasa memantau agar larangan tersebut dipatuhi oleh institusi perbankan setiap masa.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat. Kemaman, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Institusi perbankan juga adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan syarat-syarat serta prosedur-prosedur dalam tertentu bagi pemberian pinjaman. Sebagai contohnya, sesebuah institusi perbankan tidak boleh memberi pinjaman melebihi had kredit kepada seseorang pelanggan. Had tersebut telah diperketatkan daripada 30% kepada 25% daripada dana modal sesebuah institusi perbankan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan bagi mengurangkan pendedahan yang keterlaluan oleh institusi perbankan kepada seseorang pelanggan. Di samping itu, had ke atas pinjaman besar juga telah dikurangkan daripada 15% modal asas institusi perbankan kepada 10%.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hutang negara, saya ingin menjelaskan bahawa mengenai soal hutang, Yang Berhormat telah keliru dan gagal memahami konsep dan perkiraan hutang negara. Dari segi definisinya, hutang negara adalah hutang yang ditanggung oleh negara berikutan daripada pinjaman yang diperolehi oleh kerajaan dan pihak swasta daripada punca luar negara. Tidak boleh masuk hak dalam negeri, ya. Luar negara sahaja.

Sesebuah negara tidak boleh dikira berhutang dengan negara itu sendiri. Sebab kita tidak boleh hutang dengan diri kita sendiri. Sebagai analogi, kita tidak boleh berhutang kepada diri kita sendiri kerana negara itu tidak boleh berhutang dengan negara itu sendiri.

Bagi maklumat Yang Berhormat, hutang luar negara Kerajaan Persekutuan berjumlah RM18,821 juta pada akhir tahun 2000, berbanding dengan RM18,881 juta pada akhir September 2000. Malahan maklumat terkini menunjukkan hutang luar negara Kerajaan Persekutuan telah berkurangan lagi kepada RM18,139.71 juta pada Mac 2001. Dari segi pengurusan hutang, nisbah khidmat hutang negara hanya 5%, sedangkan nisbah ini pernah mencapai 18.9% pada tahun 1986. Kemampuan kita menguruskan hutang negara telah bertambah baik.

Satu lagi petunjuk ialah perbandingan hutang negara dengan KDNK. Pada tahun 2000, kadar untuk Malaysia ialah 46.2%, dan dengan kadar ini Malaysia digolongkan dalam kumpulan negara-negara yang tahap keberhutangannya, *indebtedness* adalah sederhana oleh Bank Dunia dan IMF.

Yang Berhormat bagi Sri Aman telah membuat saranan supaya kerajaan mengkaji semula Arahan Perbendaharaan supaya ia lebih mantap dan menyeluruh. Sehubungan ini, sukacita dimaklumkan bahawa tindakan tersebut sedang diambil. Selain daripada Arahan Perbendaharaan, peraturan-peraturan baru bagi memudahkan proses dan prosedur pelaksanaan projek dan program dibuat oleh Kementerian Kewangan dari masa ke semasa melalui surat dan pekeliling-pekeliling Perbendaharaan.

Umpamanya, melalui SPP2/1999 kementerian dan jabatan diberi kuasa yang lebih besar bagi menimbang dan menyetujui terima perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan seperti berikut:

- Bagi Kementerian dan Jabatan - Sehingga RM15 juta bagi Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan. Dahulu sehingga RM7 juta hingga RM30 juta bagi Perolehan Kerja.
- Bagi Badan Berkanun dan Syarikat Kerajaan - Sehingga RM30 juta bagi Perolehan Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan.
- Manakala bagi TNB, TMB dan Petronas – Sehingga RM50 juta. Dahulu RM20 juta sahaja.
- Bagi Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri diberikan sehingga RM10 juta bagi Perolehan Kerja sahaja dan dahulunya RM5 juta sahaja.

Selain daripada itu, SPP4/2000 pula memberi kuasa kepada kementerian dan jabatan melaksanakan projek secara *design and build* dan *turnkey* yang bernilai tidak melebihi RM20 juta, tidak perlu merujuk kepada Kementerian Kewangan.

Melalui SPP2/2001 – Had nilai Perolehan Secara Sebut Harga dinaikkan daripada RM50,000 hingga RM100,000 kepada RM50,000 hingga RM200,000.

Berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi Kemaman dan Marang berkaitan pasaran hartanah dan ruang pejabat di Wilayah Persekutuan, ingin saya jelaskan bahawa masalah *overhang* memang berlaku tetapi tidaklah tepat untuk mengatakan bahawa ia berpunca daripada pembangunan Putrajaya.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan Putrajaya adalah bertujuan untuk memusatkan pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan di satu tempat di mana perancangan yang teratur dapat dibuat. Pemindahan ke Putrajaya adalah sebahagian daripada strategi kerajaan untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai pusat komersial dan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran.

Strategi ini bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan Bandaraya Kuala Lumpur tetapi juga dapat mengekalkan Kuala Lumpur sebagai bandaraya kosmopolitan dan kompetitif untuk menarik syarikat asing menempatkan ibu pejabat mereka di Malaysia. Alhamdulillah, usaha kita telah menunjukkan kejayaan di mana banyak syarikat asing sekarang memilih Kuala Lumpur sebagai ibu pejabat mereka.

Mengenai hartanah berlebihan atau *property overhang* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman, ingin dimaklumkan bahawa bangunan kerajaan hanya meliputi sebahagian kecil dari jumlah ruang pejabat sedia ada sebanyak 5.9 juta meter persegi di Kuala Lumpur. Buat masa ini, terdapat lebih kurang 2.47 juta meter persegi pejabat binaan khas yang masih belum diduduki atau dianggap sebagai *property overhang*.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kemaman, keadaan *property overhang* berlaku bukan akibat pembangunan Putrajaya tetapi akibat krisis ekonomi yang mula pada tahun 1997. Pembangunan Putrajaya tidak dibina secara bertumpu atau sekali gus tetapi berperingkat-peringkat selama 10 tahun untuk memberi kemudahan kepada para pemaju hartanah membuat penyesuaian dalam perancangan dan pembangunan hartanah.

Oleh itu, dakwaan Yang Berhormat bagi Kemaman adalah tidak betul dan ianya tidak akan menjadi Wilayah Kuala Lumpur, dengan izin, *ghost town*, seperti dapat dilihat dari pengalaman negara-negara lain yang telah mendirikan pusat pentadbiran berasingan daripada pusat komersial, perkara ini tidak berlaku seperti Sydney dan Canberra di Australia. Pembangunan Kuala Lumpur tidak akan terjejas kerana peranannya sebagai pusat kewangan dan perdagangan akan terus dikekalkan memandangkan infrastruktur baik yang sedia ada.

Bagi menjawab soalan tentang kerajaan tidak menjaga kehendak penduduk-penduduk yang miskin seperti di Kampung Medan, suka dimaklumkan bahawa kerajaan telah membelanjakan RM503.8 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dakwaan Yang Berhormat bagi Kemaman tentang kemiskinan yang menjadi begitu teruk adalah tidak benar.

Mengikuti perangkaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, insiden kemiskinan sebenarnya telah menurun daripada 9.3% pada tahun 1995 kepada 3.8% dalam tahun 1999. Manakala golongan termiskin telah menurun daripada 94,000 orang kepada 55,500 orang.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka bertanyakan peruntukan sebenar wang pampasan ternakan khinzir di Bukit Pelanduk dan juga senarai nama syarikat yang telah memberikan sumbangan bagi pampasan ternakan khinzir. Sukacita dijelaskan bahawa jumlah sumbangan dalam Akaun Amanah JE di bawah kawalan Kementerian Pertanian Malaysia sehingga 30 Mac 2001 adalah sebanyak RM155,745,961.84. Senarai syarikat yang telah memberi sumbangan, saya beri kepada Ahli Yang Berhormat selepas ini, ya? Jumlah bayaran pampasan yang telah dibayar kepada 963 pentemak termasuk di Bukit Pelanduk adalah sebanyak RM134,137,912.

Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian serta memberikan pandangan dan idea yang bemas. Kerajaan sentiasa memberi jaminan bahawa pandangan-pandangan dan idea-idea yang baik termasuk kritikan yang membina dialu-alukan.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah habis?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, saya bagi dia.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi jalan ya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagi jalan dia.

Tuan Kerk Kim Hock: Isu yang saya bawa iaitu berkenaan dengan surat sulit rahsia yang dikeluarkan oleh Presiden BBC di mana Kabinet telah memersetujui untuk membenarkan wakil rakyat Barisan Nasional menggunakan RM50 ribu setahun untuk urusan tidak rasmi. Adakah ini betul dan apakah penjelasan daripada pihak kerajaan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ia adalah tidak betul cuma peruntukan yang RM50 ribu itu kita kata peruntukan emergency kalau berlaku sebagai contoh maknanya kalau kata ada flood, banjir. Jadi kita sebagai wakil rakyat sudah tentu apabila dipanggil untuk melihat keadaan banjir dan juga emergency-emergency yang lain supaya RM50 ribu ini digunakan, dimintakan kepada State Financial Officer (SFO) dikeluarkan serta-merta. Yang Berhormat pun tahulah kalau buat menerusi saluran biasa, dia akan memakan masa yang lama. Jadi sebab itu RM50 ribu hanya untuk emergency cases supaya dapat dikeluarkan kepada mangsa-mangsa yang menghadapi masalah banjir, terbakar dan lain-lain lagi. Jadi RM50 ribu hanya untuk itu.

Tuan Kerk Kim Hock: Setahu sayalah bahawa wang RM50 ribu itu telah dikeluarkan dan setelah saya dedahkan telah ditarik balik. Jadi saya hendak tahu, bukankah ini satu prosedur yang telah melanggar prinsip iaitu sebelum pembayaran di buat tidak boleh dikeluarkan wang itu dan saya tidak faham apakah sebabnya Ketua BBC hendak memberitahu Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional melalui satu surat rahsia dan saya tanya sama ada adakah ini satu cara pintu belakang untuk menaikkan elaun Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional oleh kerana kalau mereka boleh menggunakan wang ini tanpa menunjukkan resit atau perbelanjaan yang sebenarnya. Ini bermakna bahawa mereka boleh simpan wang yang telah dibahagikan dengan serta-merta RM50 ribu setahun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya rasa ahli-ahli Dewan Rakyat daripada Barisan Nasional tidak akan setuju sebab ia amat membahayakan. Kalau satu wang yang diletakkan dalam akaun kita, memang sangat membahayakan. Oleh sebab itu seperti yang saya sebut tadi, permintaan kita Yang Berhormat bagi Barisan Nasional ialah supaya kita dapat mempercepatkan bantuan yang hendak diberikan kepada mangsa seperti banjir, terbakar yang saya sebutkan tadi. Jadi sebab itu kalau apa yang disebut Yang Berhormat itu, kita pun tidak setuju sebab tidak boleh dan tidak berlaku. Kalau sekiranya ia berlaku pun itu disabitkan oleh kerana saya tidak tahulah sebab pegawai mungkin salah faham atau apa tetapi dia bukan merupakan satu arahan daripada kita. Itu sahaja.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan kepada dia lagi atau tidak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, tidak, saya sudah jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, saya jawab tadi, iaitu bahawa kita

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Maksud saya bukan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak tahu apa yang

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat, sudah habiskah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, akhir sekali...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis?

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, bukan soalan itu, sebab kita pun tidak setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau perkara itu berlaku, tidak semestinya atas arahan kita, mungkin.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat ya.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, sebab saya sudah sebut tadi bahawa

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, sudah, itu tidak kena Yang Berhormat Menteri jawab macam itu, tidak kena.

Tuan Kerk Kim Hock:betul atau tidak, minta tarik balik

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa dia? Tarik balik apa? Kita tidak pernah terima apa pun.

Tuan Kerk Kim Hock: Semak dahulu, saya rasa....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Melaka...Sudah habis Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey. Parlimen merupakan medan terbaik bagi kita membahaskan dasar-dasar kerajaan bagi menjaga kepentingan rakyat dan negara. Kemuliaan Parlimen perlu dihormati dan dijaga agar ianya tidak dicemar. Semasa kerajaan terus berusaha menjana pertumbuhan ekonomi bagi kesejahteraan rakyat, ada pihak yang seolah-olah mahu usaha sebegini gagal.

Kita berharap Yang Berhormat Kemaman tidak akan mendabik dada dan dengan bongkak merasakan beliau telah dapat membuat tuduhan-tuduhan liar di Parlimen ini. Nada perbahasan Yang Berhormat Kemaman sebenarnya mengaibkan Parlimen ya. Kita harap pihak pembangkang sendiri akan, dengan izin, *check* lah beliau ini bagi menjamin kemuliaan Parlimen dihormati. Kerajaan percaya rakyat akan terus melipatgandakan usaha dan tidak mendengar khabar angin dan tohmahan yang hanya akan melemahkan kita. Janganlah kita terlalu asyik dengan intrigue, dengan izin, yang sebenarnya tidak ada kesudahan. Masa amat berharga akan terbuang begitu sahaja jika setiap tindak-tanduk dan kenyataan diselidik untuk mencari maksud tersirat kononnya.

Awal pagi ini Kementerian Kewangan mengeluarkan kenyataan mengenai penghapusan *exit levi*. Sudah ada yang bertanya sama ada Menteri Kewangan tahu

mengenai langkah tersebut. Telah berkali-kali dijelaskan bahawa Menteri Kewangan menjalankan tugas beliau seperti biasa dan sudah tentu pengumuman tersebut dibuat dengan kelulusan Menteri Kewangan. Paling utama ialah kebenaran.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, Kemaman bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kita sering dengar pembohongan yang berleluasa dan ianya diulang pula di luar Parlimen untuk mengelirukan rakyat. Sebagai Ahli Parlimen, kita mesti jujur dan bertanggungjawab dan tidak membuat tuduhan liar ataupun kenyataan yang penuh dengan fitnah dan tohmahan.

Ahli Parlimen harus mempunyai harga diri dan menghormati kemuliaan Dewan. Rakyat akan tahu juga siapa yang jujur dan mereka yang membuat kenyataan semata-mata untuk sukakan hati sendiri. rakyat akan menolak mereka yang membuat fitnah, cakap kosong yang sedap didengar dan tidak menguntungkan sesiapa dan tidak beri faedah kepada rakyat. Ini seperti golongan jual ubat di tepi jalan tetapi kita sebenarnya berada di Dewan Rakyat yang mulia. Yang Berhormat pun kita panggil 'Yang Berhormat', sebab itu kita kena jaga kedudukan kita. Kita perlukan beza antara dua ini. Tumpulah sepenuhnya perhatian kepada usaha-usaha pembangunan dan meningkatkan taraf hidup dan ekonomi. Berkat usaha bersama gandingan kerajaan dan rakyat yang terus berusaha keras meningkatkan tahap ekonomi masing-masing, insya-Allah, negara akan terus berjaya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita ada enam lagi kementerian, Yang Berhormat. Bila kita akan habiskan kalau kita tamatkan pada besok hari, kita akan mempunyai banyak kementerian yang tidak boleh menjawabnya, tidak ada masa menjawab langsung. Oleh yang demikian, saya merayulah kepada kementerian-kementerian yang enam lagi hendaklah jangan mengambil masa yang terlampau panjang. Kementerian Kewangan mengambil masa dua jam berucap dan kita dibenarkan, bukanlah saya benarkan tetapi pihak atasan Kabinet telah membenarkan dua hari kepada kita. Oleh yang demikian, saya haraplah kementerian bekerjasama dengan kami di sini. Saya mintalah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menjawab.

6.18 ptg.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Amar Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara di bawah bidang tugas Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Saya faham sangat di atas panduan yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Tun sebentar tadi. Oleh sebab itu, saya cuma mengambil masa seberapa seketika sahaja untuk memberi tumpuan kepada beberapa perkara tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah satu agenda utama bagi lima tahun akan datang, kerajaan akan mengadakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuhkan negara dalam industri ICT. Ini dapat kita lihat dari peruntukan sebanyak RM5.2 bilion yang telah diperuntukkan bagi program-program ICT di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai projek pembangunan koridor raya multimedia, misalnya, mengenai kos pembinaan projek tersebut. Walaupun kita telah berkali-kali jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi masih juga terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari segi pihak pembangkang yang membangkitkan kos pembangunan projek tersebut. Oleh hal demikian, perlu ditegaskan semula, pembangunan MCS tidak melibatkan peruntukan secara langsung pihak kerajaan kerana sebahagian daripada kuasa MSC telah sedia dibangun, kecuali kawasan cyberjaya, yang dibangunkan secara usaha sama dengan pihak swasta.

Sebenarnya, kerajaan mengambil peluang menggunakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang sedia ada di dalam kawasan MSC dan menambah nilainya atau *value added* kepada infrastruktur yang tersebut seperti KLIA, lebuhraya dan sebagainya. Dari segi kemajuan pelaksanaan projek-projek aplikasi perdana MSC,

juga pernah diterangkan di dalam soal jawab di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, saya tidak bercadang untuk menambahkan perkara ini dalam jawapan saya pada petang ini.

Begitu juga dari segi tindakan kerajaan yang mementingkan betapa perlunya kita meningkatkan tenaga-tenaga mahir di negara kita ini. Ini memang satu dari bidang tugas yang diberi tumpuan khusus termasuk dari segi rancangan-rancangan Kementerian Pendidikan dan sebagainya. Ini kerana, kita pun bersetuju bahawa sekiranya kita tidak berjaya untuk membangunkan banyak pekerja-pekerja mahir, sudah tentu hasrat kita untuk membangunkan sesuatu negara yang berasaskan *knowledge* dan sebagainya tidak akan capai dengan sepenuhnya.

Oleh itu, apa yang kita hendak tekankan ialah pentingnya semua lapisan rakyat negara kita ini menerima hakikat pentingnya kita mengubah paradig education kita, sebagai suatu tindakan dengan izin, *life long learning culture*, perlu dikekalkan, bukan sahaja dari segi polisi kerajaan, tetapi juga dari segi minda rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, juga ada disentuh dari segi jurang digital dan sebagainya, begitu juga telahpun diterangkan di dalam soal jawab. Apa yang saya hendak tumpukan petang ini ialah berkaitan dengan projek Bakun, oleh kerana di waktu perbahasan dalam OPP3 dahulu, kita tidak berpeluang untuk memberi jawapan dan di waktu perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan juga, ada disentuh oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap. Projek Bakun nampaknya masih diperbahaskan walaupun penjelasan juga telah diberikan beberapa kali.

Berdasarkan beberapa senario kajian permintaan dan penawaran jangka masa panjang, kerajaan telah memutuskan supaya projek hidro elektrik Bakun dilaksanakan untuk membekalkan elektrik ke negeri Sabah dan Sarawak sahaja. Ini ialah kerana unjuran menunjukkan bahawa pembinaan empangan mengikut skop asal iaitu untuk menjanakan elektrik sebanyak 2,400 mega watt hanya mencukupi untuk menampung keperluan bagi sesuatu tempoh masa yang singkat iaitu satu atau dua tahun sahaja di Semenanjung Malaysia sekiranya tidak ada apa-apa *planting up* dijalankan. Sekiranya projek Bakun dilaksanakan untuk menampung keperluan negeri Sarawak dan Sabah, ianya boleh membekalkan elektrik untuk memenuhi permintaan lebih panjang sekiranya kita ramalkan pertumbuhan dalam lingkungan 8% hingga 10% setahun pertambahan permintaan, ianya mungkin boleh membekalkan kuasa yang boleh digunakan sehingga ke tahun 2017.

Begitu juga sekiranya empangan yang lebih kecil dibina di tempat-tempat lain di Sarawak, ianya tidak akan berupaya membekalkan keperluan elektrik untuk masa akan datang di Sabah dan di Sarawak dan beberapa empangan terpaksa dibina dari semasa ke semasa untuk memenuhi permintaan elektrik yang terus meningkat. Atas pertimbangan kos dan kestabilan sistem, kerajaan telah memutuskan supaya satu empangan berdasarkan reka bentuk asal iaitu, *concrete-faced rockfill dam* dengan ketinggian sebanyak 205 meter seperti juga reka bentuk asalnya dengan keupayaan kapasiti penjanaan sebanyak 2,400 mega watt, dibina untuk menjanakan elektrik untuk negeri Sabah dan Sarawak sahaja.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga dan Komunikasi dan Multimedia. Saya ingin mendapat penjelasan. Oleh kerana bekalan elektrik ini masih belum cukup pada keseluruhannya, sama ada selain daripada projek Bakun, IPP yang dilaksanakan, sama ada kerajaan akan menggalakkan pembinaan mini-mini hidro di kawasan-kawasan pendalaman yang mempunyai air-air terjun yang juga boleh dijadikan selain daripada projek mini hidro, dan juga boleh dijadikan pusat-pusat pelancongan yang mungkin kekuatannya sekitar 4 mega watt atau 5 mega watt. Selain daripada Sabah dan Sarawak, mungkin di kawasan-kawasan pendalaman lain di Semenanjung. Minta penjelasan, terima kasih.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang sudah, memang sudah kita mengkaji kemungkinan untuk membangunkan kuasa hidro yang kecil, mini hidro dan sebagainya. Walaupun demikian, nampaknya kos untuk membangunkannya khususnya untuk menyalurkan kepada tempat-tempat yang menggunakan kuasa itu akan tinggi. Oleh

sebab itu, kita melihat kemungkinan menambahkan projek-projek sedemikian seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, nampaklah tidak begitu banyak di Semenanjung ataupun di Sarawak dan Sabah. Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Empangan Bakun mengikut skop asal....[Disampuk]

Tuan Ronald Kiandee: Beluran.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok:sekarang ini, sebenarnya, mungkin saya bagi dahulu.

Tuan Ronald Kiandee: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Sebenarnya akan menjimatkan perbelanjaan untuk kerajaan. Sekiranya saiz empangan diperbesarkan dari masa ke semasa mengikut permintaan, maka kos pembinaan akan meningkat kerana terpaksa mengambil kira kesan inflasi atau *time value of money*. Dari segi pembinaan, adalah lebih mudah untuk menjalankan kerja-kerja awam sekaligus dan komponen peralatan seperti *turbine* bolehlah ditambah secara progresif. Berhubung dengan soal pembiayaan projek Bakun, saya juga ingin memaklumkan bahawa kerajaan sedang mengkaji kaedah yang sesuai. Beberapa *options* sedang dikaji dan dalam pertimbangan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perkara EIA yang dibangkitkan, kerajaan memang sedar mengenai kepentingan perkara ini dan akan mengambil beberapa langkah kawalan seperti pelantikan juruperunding EIA untuk memantau dan memastikan segala keputusan yang dibuat oleh Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak ke atas aspek perlindungan alam sekitar dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor yang terlibat.

Tuan Ronald Kiandee: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin bahawa Projek Bakun dan juga projek-projek mini hidro yang sedang dalam perancangan, kerajaan akan dapat membekalkan tenaga yang cukup bagi keperluan Sabah, Sarawak dan Semenanjung tetapi isu-isu lain seperti isu tarif umpamanya, saya ingin tahu, adakah kementerian bercadang akan mengkaji tarif ini – tarif api lampu, air, elektrik, sama ada kerajaan sedang dalam proses untuk mengkaji ini untuk dikaji semula sama ada dinaikkan atau dikurangkan dalam sedikit masa ini. Adakah kerajaan bercadang dalam membincangkan perkara ini? Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu tidak menyentuh pasal Bakun tetapi nampaknya menyentuh daripada segi tarif elektrik di Semenanjung dan sebagainya. Sukalah saya memberi penerangan bahawa dalam beberapa tahun yang lepas, kerajaan telah menetapkan harga gas kepada RM6.40 per milion BTU dengan izin, yang digunakan untuk penjanaan kuasa elektrik (*electricity industry*) dan keputusan itu kita berpendapat harus dikaji semula pada hujung tahun yang lepas.

Kita telah membuat kajian dan sebenarnya pagi tadi, Kabinet telah memutuskan bahawa kita masih mengekalkan harga gas pada tingkat RM6.40 per milion BTU sehingga ke hujung tahun ini dan selepas itu kita melihat semula keadaan. Oleh sebab itu, kadar tarif elektrik di Semenanjung juga akan dikekalkan pada peringkat sekarang ianya tidak akan berubah sehinggakan juga pada hujung tahun ini. Pada waktu itu kita boleh melihat semula keadaan di waktu.

Ini memberi keyakinan semula kepada kita bahawa kerajaan peka untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi di negara kita ini. Kita tidak mahu memberi gambaran bahawa *cost production* dan sebagainya akan terjejas akibat kenaikan harga. Oleh sebab itu kerajaan berpendapat wajarlah kedudukan sekarang dikekalkan sehingga penghujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara begitu...

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi Yang Berhormat, Kubang Kerian. Hendak bagi jalan?

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Satu bolehlah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Menteri. Saya hendak tahu sedikit lebih lanjut tentang Bakun.

Daripada kos yang telah dianggarkan pada asalnya, 60% adalah untuk kabel dasar laut dari Bakun ke Semenanjung. Apabila kabel ini telah dibatalkan, 60% daripada kos asalnya telah dapat dijimatkan. Jadi, saya ingin tahu selepas penjimatan ini, berapakah kos yang terakhir yang telah dianggarkan untuk pembinaan projek ini dan saya difahamkan bahawa Menteri Kewangan pernah menyebut bahawa tender belum lagi dipanggil untuk mana-mana syarikat masuk dan memulakan kerja fasa yang kedua projek ini. Bilakah tender-tender ini akan dijalankan?

Kita juga tahu bahawa sebahagian besar daripada kos ini adalah untuk mengimport peralatan-peralatan daripada luar negara. Saya kira dalam 70% daripada komponen pembinaan empangan ini adalah diimport daripada luar negara. Adakah kerajaan mengambil langkah-langkah untuk membolehkan sebahagian daripada komponen import itu dapat dikurangkan dan dihasilkan dalam negara kita?

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, keputusan kerajaan untuk tidak menyalurkan kuasa elektrik dari Bakun ke Semenanjung akan menjimatkan perbelanjaan kerana ongkos untuk memasang kabel dasar laut tidak akan digunakan. Oleh itu, ianya satu keputusan yang akan membantu mengurangkan perbelanjaan pembangunan Bakun.

Daripada segi pelaksanaan projek Bakun sekarang, sebenarnya *diversion tunnel* pekerja-pekerja yang memang pun dijalankan dahulu, telah pun disiapkan penghujung bulan April baru-baru ini sahaja. Sekarang kerja-kerja untuk membina *copper dam* dan tender-tender untuk memanggil syarikat-syarikat yang mempunyai kemampuan dan pengalaman dalam projek *copper dam* telah juga ditutup dan sekarang ini masih dalam peringkat kajian oleh pihak syarikat Sarawak Hidroelektrik Sendirian Berhad, satu syarikat yang di bawah Kementerian Kewangan. Jadi, mungkin keputusan itu akan diperolehi tidak berapa lama lagi.

Daripada segi pelaksanaan *dam* ataupun empangan, ianya dirancangan kemungkinan untuk urusan tender-tender yang tertentu boleh mula diuruskan dalam pertengahan tahun ini juga. Ini dalam rancangan yang kita buat sekarang.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Dari segi harga-harga atau ongkos yang diperlukan untuk pembangunan Bakun, sebenarnya memang sukar untuk kita memberi jawapan yang tepat kerana projek ini belumlah mula, cuma kita boleh memberi anggaran dan anggaran ini pun kadang-kadang tidak wajar kalau kita memberi dengan tepat sekali kerana ianya boleh digunakan oleh syarikat-syarikat yang hendak terlibat untuk memberi bandingan.

Walaupun demikian, unjuran yang digunakan oleh kerajaan memberi peluang kepada kita membangunkan Projek Bakun ini dengan harga yang boleh diterima dalam lingkungan, mungkin RM9 bilion dan sebagainya dalam semua harga ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Kepong ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang pertama, bolehkah Yang Berhormat terangkan, apakah kos yang dibelanjakan oleh pihak kerajaan untuk *diversion tunnel*, terowong dan yang kedua, apakah jumlah pampasan yang diberi kepada kontraktor-kontraktor yang dahulu? Dan yang ketiganya, ialah walaupun Yang Berhormat ada menyebut usaha untuk alam sekitar tetapi dengan EIA yang dikeluarkan oleh pihak jawatankuasa negeri Sarawak tujuh tahun yang lepas, adakah ini bermakna pihak kerajaan akan adakan EIA yang baru kerana tujuh tahun itu telah lama.

Dengan keputusan untuk melaksanakan projek ini, tidak berdasarkan kepada EIA yang baru, adakah ini bermakna pihak kerajaan tidak akan mengendahkan

cadangan mengenai alam sekitar yang bakal diadakan kerana kita sudah buat keputusan hendak adakan Projek Bakun. Ini bermakna sama ada EIA dibuat ataupun tidak, tidak akan dilayan. Ini masalahnya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan?

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, bagi menyahut soalan berkaitan dengan kos *diversion tunnel* dan juga pembayaran kepada kontraktor yang lepas, saya tidak mempunyai angka yang tepat. Oleh sebab itu, saya tidak suka hendak mengelirukan Yang Berhormat. Kita boleh memberi penerangan secara bertulis.

Berkaitan dengan soalan EIA, kita sedar bahawa tidak ada perubahan daripada skop Projek Bakun. Perubahan yang akan dilakukan ialah tidak memasukkan penyaluran kuasa ke Semenanjung. Ini bermakna kita berpendapat projek EIA yang telah dilakukan dalam tahun 1996 masih boleh dan kekal digunakan. Apa yang penting ialah kita akan melantik satu lagi konsultan untuk memantau pelaksanaan *condition* yang telah diluluskan daripada segi EIA Report itu untuk menentukan kontraktor yang akan menjalankan tugas ini nanti akan mematuhi apa yang diperlukan dalam EIA itu. Jadi, kita tidak bercadang untuk mengadakan EIA yang baru.

Tuan Yang di-Pertua....

Dr. Maximus Johnity Ongkili: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bandau berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Skop Projek Bakun....

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri, hendak bagi jalan?

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Mungkin saya baca ini dahulu....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: ...nanti kita bagi tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak beri terlampau panjang kerana ramai rakan lagi yang masih hendak mempersoalkan.

Skop Projek Bakun yang akan dilaksanakan tidak berubah daripada yang diperakukan seperti yang telah dijelaskan melainkan kini *transmission line* ke Semenanjung Malaysia tidak akan dibina.

Reka bentuk empangan tidak berubah dari reka bentuk yang dipersetujui dahulu iaitu suatu, dengan izin *concrete-faced rockfill dam*, seperti yang saya sebutkan tadi dengan ketinggian 205 meter. Oleh sebab itu anggapan Yang Berhormat bagi Seputeh bahawa reka bentuk empangan akan berubah tidaklah betul, tidak akan berubah. Jadi, tidaklah ada perubahan. Kenyataan infrastruktur yang telus iaitu menyentuh juga dari tentang aspek keselamatan Empangan Bakun ialah..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berdiri lagi Yang Berhormat.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Penjelasan, nanti saya beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Menyentuh tentang aspek keselamatan Empangan Bakun, penyelarasan atas perkara ini juga sudah pun dibuat beberapa kali dahulu, seperti yang telah diperjelaskan berkali-kali juga banyak kajian teknikal dan ekonomi telah dibuat ke atas kesesuaian projek Bakun ini di negeri Sarawak. Hasil kajian menunjukkan bahawa projek Empangan Bakun adalah yang paling sesuai dari segi *hydrology efficiency* nya, penilaian *biology* dan *topography* juga menyokong keputusan kerajaan untuk membina Empangan Bakun mengikut skop asal iaitu untuk membekalkan elektrik pada tahap 2,400 megawatt. Empangan Hidro yang dirancang boleh digunakan selama-lamanya. Apa yang perlu ditukarkan ialah peralatan mekanikal seperti *turbine* dan peralatan elektrik. Inilah makna apabila

dikatakan jangka hayat sesuatu skim hidro iaitu menggantikan peralatan yang sedia ada dengan yang baru selepas di antara 40 hingga 50 tahun peralatan-peralatan tersebut dipasang. Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Bandau.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Menteri. Seperti yang ditekankan dalam jawapan Yang Berhormat Menteri projek ini pada peringkat kali ini sekadar membekal 2,400 megawatt dan bertujuan membekal keperluan negeri Sabah dan negeri Sarawak. Dalam perkara ini apa yang pihak kita risau ialah khususnya di peringkat negeri Sabah. Pihak kerajaan belum boleh menyatakan dengan jelas bilakah bekalan elektrik pertama daripada bekalan Bakun ini akan disalurkan ke peringkat negeri Sabah walaupun dikatakan 2004 pernah dijawab oleh Setiausaha Parlimen kalau saya tidak silap. Tetapi dalam perkara ini beberapa projek cadangan yang diluluskan dahulunya untuk membina projek-projek mini hidro telahpun ditangguhkan termasuklah Mini Hidro Liwagu memandangkan bekalan yang lebih besar akan diperolehi daripada projek Bakun.

Tetapi pada masa yang sama keperluan terus meningkat dan kita terpaksa menunggu bekalan daripada negeri Sarawak untuk tujuan ini. Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bekalan itu dapat disalurkan secepat mungkin dan bila dianggarkan bermula dan bagi menunaikan keperluan sementara menunggu projek ini siap ataupun boleh membekalkan kuasa, apa yang dibuat untuk menambah bekalan elektrik sementara di negeri Sabah. Terima kasih.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu keputusan untuk melaksanakan projek Bakun ini memerlukan kajian semula dari segi projek-projek pembinaan kuasa elektrik di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak dan sudah tentu juga ia akan mungkin ada projek-projek yang telah dikenal pasti dahulu perlu ditukarkan untuk mengambil keperluan penyaluran projek Bakun ini.

Bagi negeri Sabah kita mendapati kedudukan bahawa kuasa elektrik telahpun mencukupi. Apa yang kita akan lakukan apabila Bakun ini siap nanti disalurkan ke negeri Sabah ianya akan memberi peluang bagi kita untuk mengganti projek-projek ataupun penjanaan kuasa sekarang yang sudah lama, yang tidak lagi menjalankan penjanaan dengan efisien dengan kos yang tinggi.

Bagi negeri Sabah, projek Bakun dan pembinaan Bakun apabila dapat disalurkan ke negeri Sabah akan dapat membantu mengurangkan harga elektrik di negeri itu dan saya percaya harus diterima dengan baik oleh penduduk-penduduk di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang yang berdiri.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Saya sudah berjanji dengan Yang Berhormat Kubang Kerian, saya beri Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih kerana patuh kepada janji. Saya ingin tahu sedikit lagi iaitu Yang Berhormat Datuk telah sebutkan bahawa kos unjuran adalah RM9 bilion. Saya ingin tahu adakah ini termasuk RM1 bilion untuk yang telah dibayar oleh kerajaan sebelum daripada ini. Adakah RM9 bilion ini sudah termasuk yang RM1 bilion yang telah dibayar ataupun RM9 bilion ini campur RM1 bilion jadi RM10 bilion. Saya masih ingat dan saya simpan keratan Yang Berhormat Perdana Menteri bahawa kos kabel adalah 60% daripada keseluruhan projek Empangan Bakun.

Kabel bawah laut ke Semenanjung content dia adalah 60% daripada kos. Jika sekiranya tidak ada perubahan kos, kos Bakun tanpa kabel hanyalah RM5 bilion dan kita telah bayar RM1 bilion tinggal RM4 bilion. Jadi saya ingin tahu apa fasal kos dia meningkat sekarang. Apakah komponen-komponen ataupun perkara-perkara atau item-item yang telah melibatkan kos ini meningkat menjadikan unjuran RM9 bilion.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya anggaran yang kita guna ini masih serupa dengan anggaran asal yang kita gunakan di waktu Bakun diluluskan dalam tahun 1996, 1997. Angka yang kita gunakan sekarang ialah mengambil kira kedudukan pertukaran mata wang. Di waktu itu anggaran yang digunakan ialah berasaskan RM2.50 sen per US Dollar dan sekarang kerana tukaran mata wang ialah RM3.80 sen, ini bermakna harga on today's price, dengan izin, sudahlah nampak tinggi. Tetapi itulah sebab disebutkan anggaran untuk kita melaksanakan projek Bakun yang masih diperlukan sekarang ialah dalam lingkungan RM9 bilion tidak termasuk harga untuk menyalur ke *transmission line* ke Semenanjung yang dianggarkan dalam lingkungan kabel dasar laut dan stesen dan sebagainya mungkin dalam lingkungan RM5.5 bilion atau RM6 bilion, untuk itu sahaja. Dan kekurangan itu sudah tentu akan memberi manfaat untuk mengurangkan harga Bakun.

Seperti yang saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, angka ini ialah suatu anggaran. Apa yang tepat apabila projek ini mula dilaksanakan dengan tender-tender tertentu didapati. Itu sahaja penjelasan yang saya harap Yang Berhormat juga faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Rompin berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Okay.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hak saya sebagai Ahli Parlimen Rompin itu..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hak saya sebagai mewakili rakyat Rompin itupun hendak ditarik balik, mana ini dikatakan Yang Berhormat Seputeh ahli demokrat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang dibangkitkan tentang 60% kabel, kalau kabel bawah laut tidak lagi dilaksanakan hanya untuk Borneo Solution, dengan izin. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Datuk Menteri sudah semestinya juga mungkin walaupun tidak ada penjimatan kos kabel bawah laut tidak akan menjadi kenyataan, tidak perlu dibelanjakan.

Namun demikian, baru-baru ini kita dengar kerajaan mengumumkan bahawa kuasa ini akan dihantar juga ke Sabah, mungkin ada kos tambahan seperti kos penghantaran kuasa daripada Bakun ke Sabah. Makna tidak adillah sebelah sini menyekat perbelanjaan kerajaan kerana kerajaan juga mungkin ada agenda lain seperti juga untuk menyalurkan kuasa ini ke Sabah. Mungkin ada kos-kos yang lain seperti kos tambahan penghantaran untuk ke Sabah daripada Bakun.

Saya minta sedikit pandangan Datuk Menteri supaya kerajaan jangan terikat apa yang disyorkan oleh pembangkang. Saya ingat hak untuk melaksanakan projek dengan baik hendaklah kita belanjakan, budget ini hendaklah terletak di tangan kerajaan, jangan dihadkan pada peringkat awal sebelum kerajaan mengambil masa sepenuhnya.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana mungkin kerana speaker dalam Dewan ini kurang terang, jadi saya tidak dapat mendengar dengan jelas pokok penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat Rompin tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya ingat pokoknya adakah kos tambahan apabila kita menyalurkan bekalan ke Sabah. Itu pokok yang besar. Adakah kita terpaksa menambah kos apabila kita membekalkan kuasa ini ke Sabah. Itu saya dapat mendengar tadi.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, kita memahami bahawa untuk menyalur ke Sabah juga memerlukan transmisi dan sebagainya. Walaupun demikian, ianya jauh kurang dari apabila kita hendak menyalurkan ke Semenanjung.

Walaupun harga untuk menyalurkan ke Sabah akan sedikit sebanyak menambahkan juga anggaran yang kita akan buat, ianya juga untuk menggantikan projek-projek yang perlu juga dilaksanakan di Sabah. Jadi, jika dibandingkan keuntungan itu lebih menguntungkan kita apabila disalurkan ke Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek Bakun sekarang ini pada pendapat kerajaan ialah amat tepat sekali. Projek ini akan mewujudkan banyak multiplier effect, dengan izin, bagi kontraktor-kontraktor tempatan yang terlibat dalam kerja-kerja awam selain dari menangani kemerosotan ekonomi akibat dari masalah ekonomi di Amerika Syarikat sekarang, pelaksanaan projek Hidro Bakun akan juga merangsangkan pertumbuhan ekonomi khususnya di Sabah dan Sarawak kerana ianya boleh menggalakkan pertumbuhan industri-industri yang berintensif tenaga seperti kilang-kilang besi dan aluminium dan sebagainya untuk beroperasi di negeri Sarawak.

Di samping itu, bagi rakyat tempatan khususnya mereka dari kawasan Bakun, projek ini juga akan meningkatkan taraf hidup mereka. Mereka ini juga boleh mendapat manfaat dari segi pekerjaan dan kontrak-kontrak kecil yang akan dijalankan apabila pembinaan empangan dimulakan. Projek ini juga akan mewujudkan banyak peluang, perusahaan kecil seperti kontrak pembekal minyak diesel, bengkel motor, kedai runcit dan sebagainya dan juga peluang untuk membangunkan industri pelancongan khususnya eco-tourism.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Menteri, saya yang membangkitkan ini dalam ucapan saya, bagi saya tanya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, nanti dulu Yang Berhormat, saya tanyalah dulu. Janganlah begitu. Hendak bagi yang mana ya Yang Berhormat?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, bagi menghormati wanita-wanita, kita bagi hormat kepada wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya mengakui tentang manfaat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa ia akan memupuk pertumbuhan ekonomi di Malaysia Timur. Tetapi apa yang saya bimbang lebih adalah balik kepada isu kos yang mana yang saya faham kerajaan terpaksa membina empangan Bakun itu, kerana macam orang Cina kata "rambut sudah basah jadi terpaksa mencuci kepala". Tetapi argument saya ialah mengapa kerajaan masih mahu membina empangan yang begitu besar yang memakan kos yang begitu besar yang mana kita semua tahu kita tidak mampu sekarang dan bukankah yang kita tahu di Malaysia Timur di sana tidak memerlukan electricity yang begitu banyak, tenaga elektrik yang begitu banyak. Jadi empangan yang begitu besar ini memang satu access di kawasan itu dan menjadi beban kepada kerajaan. Jadi bagi saya kalau kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim:terus membina empangan itu tentulah akhirnya tarif elektrik tentu terpaksa dinaikkan yang ini menguntungkan Rompin di sana kerana TNB merupakan salah satu pemegang saham empangan Bakun.

Saya juga tertarik kepada pengakuan Yang Berhormat Menteri bahawa kita tahu empangan itu ada hayatnya iaitu 30 hingga 50 tahun. Jadi yang mana kalau empangan itu tidak digunakan dengan sepenuhnya, jadi kenapakah kerajaan tidak membina satu empangan yang kecil sedikit macam empangan Murung yang

dicadangkan itu dan terpaksa membina satu gajah putih lagi. Banyak gajah putih berada di Sarawak sekarang.

Satu lagi Yang Berhormat Menteri tidak jawab ialah tentang cost settlement. Saya bangkitkan dalam ucapan saya bahawa orang asal di skim penempatan semula di Sungai Asap yang mana skim penempatan perumahan di sana itu masih belum mendapat certificate of fitness (CF). Jadi macam mana? Sehingga orang asal yang terlibat terpaksa berpindah balik kepada kawasan Bakun itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi apakah penyelesaiannya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga soalan Yang Berhormat ya.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh tidak mempunyai pengalaman untuk di luar dari kawasan, dengan izin, Klang Valley dan Kuala Lumpur. Dan kebanyakan gambaran yang disuarakan itu menunjukkan kurang experience, dengan izin, other than Klang Valley. Bakun dibangunkan akan memberi kesan yang baik kepada penduduk-penduduk tempatan dan mereka juga akan menerima manfaat untuk mendapat peluang memaju ke hadapan nanti. Kita tahu bahawa memang kalau kita cakap dengan orang yang tua 60-an tahun ke atas sudah tentu mereka enggan berpindah dari tempat yang asal. Tetapi kalau kita tanya orang yang lagi muda umur 20 tahun, umur 25 tahun kemungkinan banyak mereka yang menerima hakikat perubahan cara hidup mereka itu baik. Itu suatu perkara.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, soalan dari unjuran permintaan kuasa elektrik di Sabah dan Sarawak. Saya telah menjelaskan bahkan kebanyakan ucapan saya tadi memberi penerangan keperluan kita menambahkan kapasiti penjanaan kuasa. Dan penjana kuasa yang akan disalurkan menerusi pembangunan Bakun ini akan dapat memberi kepenuhan keperluan tenaga elektrik itu akan dapat dipenuhi dan dapat diterima kita di negeri Sarawak dan Sabah. Kalau kita tidak membangunkan Bakun, kita terpaksa membangunkan projek-projek yang lain yang akan menggunakan arang batu kemungkinan, yang akan menggunakan minyak, yang akan menggunakan gas. Dan harga arang batu, minyak dan gas akan lebih tinggi dari segi penjanaan per unit cost of electricity. Dengan membangunkan Bakun ini kita berpeluang untuk menikmati kuasa elektrik dan harga yang stabil dan murah jika dibandingkan dengan penjanaan kuasa yang lain. Oleh sebab itu, negeri Sarawak memerlukan perkara serupa ini bagi peluang ekonomi negeri Sarawak menarik pelaburan yang berasaskan kegunaan kuasa elektrik. Ini satu strategi yang harus kita galakkan, yang harus kita terima. Jadi saya tidak nampak bagaimana keraguan yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tadi.

Berkaitan dengan resettlement. Resettlement memang sudah pun dijalankan. Mulai dari tahun 1997 pelaksanaannya dan sekarang sudah pun siap dan kebanyakan penduduk-penduduk kira-kira 10,000 penduduk sudah pun berpindah ke suatu tempat di Bukit Asap yang mengandungi beberapa keluarga, 15 rumah panjang yang telah ditempatkan di sana dan dari beberapa ribu penduduk cuma 53 keluarga sahaja yang belum berpindah. Dari 53 keluarga ini sahaja yang belum berpindah ke tempat penempatan semula. Jadi kebanyakan mereka sudah berpindah. Jadi soalan tidak berpindah atau enggan berpindah tidaklah timbul. Kalau sudah persoalkan adakah infrastruktur yang dibangunkan di Bakun ini mencukupi sekarang, sudah tentu kita manusia tidak akan berpuas. Bagaimanapun dibangunkan sudah tentu kita memerlukan yang lebih selesa. Walaupun demikian, kerajaan negeri Sarawak telah pun mewujudkan suatu jawatankuasa untuk sentiasa memantau cara pelaksanaan resettlement scheme di Bakun.

Jadi, pendek kata Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kebanyakan soalan-soalan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh ini tadi menggambarkan sentimen yang tidak mempunyai *experience* daripada segi pendudukan luar bandar. Ianya menggambarkan sentimen semata-mata yang memang dirasai oleh penduduk-penduduk di Klang Valley, dengan izin, di mana mereka sudah pun menikmati *air conditioning*, sudah pun menikmati kemudahan-kemudahan yang lain yang tidak dinikmati oleh penduduk-penduduk di luar bandar ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Menteri, ini tidak benar

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Janganlah begitu Yang Berhormat. Berdiri, berdirilah. Ada dua orang yang berdiri Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Maklumat saya yang saya dapat daripada orang, penduduk orang asal di Sarawak. Ini tuduhan palsu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seputeh, janganlah begitu, tidak bolehlah begitu. Kalau menteri beri jalan barulah boleh bercakap. Ya.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa rakan-rakan saya sedang menunggu untuk menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Menteri tidak beri jalan.

Datuk Amar Leo Moggie anak Irok: Jadi, tidak payahlah saya beri jalan. Daripada segi maklumat yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, saya sendiri melawat Bakun beberapa kali, jadi kalaulah Yang Berhormat itu cuma mendengar daripada cerita orang lain, lebih baik you percaya apa yang saya cerita. Dengan itu, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sudahlah, dia sudah habis. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

7.01 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai perkara-perkara yang ada hubung kait dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kelapan.

Izinkan saya memberi penjelasan ke atas beberapa perkara penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan mengenai pelaksanaan AFTA dan kesediaan industri negara menghadapinya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan AFTA boleh dibahagikan kepada dua peringkat, bagi enam negara anggota asal ASEAN iaitu Brunei, Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand. AFTA akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2002 di mana semua produk dalam skim CEPT akan mempunyai kadar tarif tidak melebihi 5%.

Walau bagaimanapun, kelonggaran diberikan kepada sesetengah produk di mana pengurangan tarif ke paras 0% hingga 5% hanya akan dilaksanakan pada tahun 2003. Ini adalah bagi produk-produk yang agak sensitif yang perlu diberi sedikit perlindungan.

Bagi empat negara anggota baru ASEAN, masa tambahan telah diberikan kepada mereka untuk melaksanakan komitmen di bawah AFTA. Vietnam akan mengurangkan tarif ke atas semua produk dalam skim CEPT pada tahun 2006. Manakala Laos dan Myanmar pada tahun 2008 dan Cambodia pada tahun 2010. Berdasarkan kedudukan ini bagi enam negara anggota asal ASEAN, 98.3% daripada jumlah produk mereka telah dimasukkan dalam skim CEPT.

Daripada jumlah tersebut 92.7% telah mencapai kadar tarif 0% hingga 5%. Empat anggota negara ASEAN yang lain pula secara purata telah pun memindahkan 56.9% daripada produk mereka ke dalam skim CEPT dan 55.4% daripadanya berada dalam kadar tarif 0% hingga 5%.

Sekiranya kesemua sepuluh negara anggota ASEAN diambil kira sehingga kini, 85% daripada jumlah produk mereka telah pun dimasukkan ke dalam skim CEPT. Setakat ini, Malaysia yang komited terhadap pelaksanaan AFTA telah menawarkan 96.6% daripada jumlah produk untuk konsesi tarif di bawah AFTA. Hanya produk

automatif dan beberapa keluaran pertanian yang dibenarkan masih belum dimasukkan dalam skim CEPT.

Tuan Yang di-Pertua, AFTA telah dilaksanakan semenjak 1 Januari 1993. Sama ada sedar atau tidak, pasaran Malaysia kini telah sedia terbuka dan keluaran-keluaran industri tempatan telah lama terdedah kepada persaingan dengan produk daripada negara-negara jiran. Dengan pelaksanaan AFTA setakat ini, ternyatalah bahawa industri Malaysia adalah mampu menghadapi persaingan serantau mahupun global. Mengikut rekod Kementerian sehingga kini tiada industri tempatan yang terpaksa ditutup akibat terjejas daripada pelaksanaan AFTA.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, kerajaan akan terus melindungi kepentingan negara. Dalam hubungan ini, seperti yang telah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, Malaysia telah meminta penanguhan kemasukan produk automatif ke dalam skim CEPT sehingga tahun 2005. Penanguhan ini hanya melibatkan kereta-kereta dalam bentuk CPU dan CKD sahaja. Komponen dan alat-alat ganti kereta telah dimasukkan dalam skim CEPT mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Semenjak industri automatif diwujudkan khususnya projek kereta nasional, banyak faedah telah diperoleh terutama dalam pembangunan industri hiliran khususnya industri pembuatan komponen kereta dan perkhidmatan yang berkaitan.

Selain daripada itu, melalui projek nasional ini negara telah berjaya mewujudkan kumpulan tenaga kerja mahir teknikal dalam bidang kejuruteraan dan juga kemahiran dalam reka bentuk. Bagi kereta nasional untuk terus maju adalah penting projek ini terus meningkatkan daya saingnya.

Setakat ini, Proton telah berjaya menembusi beberapa pasaran eksport. Langkah-langkah yang telah pun dan terus diambil oleh Proton untuk menghadapi persaingan antarabangsa termasuklah meningkatkan tahap penyelidikan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong.

Datuk Fu Ah Kiow: Nanti saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia hendak habiskan.

Datuk Fu Ah Kiow:Meningkatkan tahap penyelidikan dan pembangunan, membuat reka bentuk kereta sendiri dan mengambil langkah pengurangan kos pengeluaran. Selain dari itu, Proton juga telah memulakan usaha menubuhkan rakan kongsi di luar negara untuk memasang kereta-kereta Proton. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kita di Malaysia sebagai rakyat Malaysia memang kita hendak industri kereta kita boleh maju, boleh bersaing. Boleh bersaing dengan orang-orang yang lain. Saya hendak menanya Yang Berhormat, industri hiliran kita memang penting. Kita kalau boleh bangunkan industri ini untuk bersaing dengan negara-negara lain, itu memang baik tetapi dengan usaha pihak kerajaan sekarang, setakat manakah kita pada tahun 2005 dapat meningkatkan tahap kita daripada segi industri hiliran di semua peringkat dan dari segi kereta nasional kita memandangkan kereta-kereta buatan Amerika Syarikat yang dipasang di Thailand dan sekitarnya adalah dengan kos lebih rendah dan apabila kita buka mengikut skim CEPT pada tahun 2005, adakah kita dapat bersaing dengan pihak mereka.

Ini memang satu perkara yang penting, saya akan mengulang-ulang di dalam Dewan yang mulia ini, sebab saya tengok usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan tidak mencukupi untuk menjadikan industri kita termasuk industri hiliran kereta lebih berdaya saing dengan negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebab yang penting sekali ialah negara pasaran kereta yang terbesar di dunia ialah Amerika Syarikat dan setakat ini Malaysia tidak mampu untuk menjual kereta di Amerika Syarikat. Saya tidak mempertikaikan kalau kita hendak menjual kepada Maldives, kepada negara yang lain, kita tidak mempertikaikan tetapi itu pasaran kecil. Pasaran di Amerika yang paling besar, mengapa kita tidak boleh bersaing di situ. Kita mestilah masuk ke situ untuk menjadikan industri kita lebih mantap, lebih berdaya saing.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, kita perlu memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha kenderaan tempatan seperti Proton dan Perodua menjalankan dan melaksanakan semua cadangan dan langkah-langkah yang saya banyak kali telah menjawab di Dewan yang mulia ini. *Critical mass* yang kita perlu ialah lebih kurang 350,000 untuk kereta kita, sesuatu model kereta dan kini *critical mass* kini pengeluaran pun telah hampir mencapai lebih kurang 260,000.

Jadi, kita perlu ada keyakinan bahawa dengan langkah-langkah yang telah diambil dalam pengurangan kos, membuka pasaran di lain tempat, maka kereta nasional akan dapat bersaing dalam pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bukan sahaja menghadapi persaingan dalam memasarkan produk di pasaran antarabangsa tetapi juga persaingan mendapatkan pelaburan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, usaha-usaha akan terus diambil untuk menggalakkan pelaburan asing dan tempatan, di antara tindakan dan langkah yang akan diambil oleh kerajaan dalam usaha menggalakkan pelaburan tempatan seperti yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman termasuklah:-

- (i) menganjurkan seminar mengenai peluang-peluang pelaburan dalam negara;
- (ii) mengkaji semula dan menghalusi dasar dan insentif yang diberikan kepada sektor perkilangan supaya ianya sesuai dengan keadaan yang berubah;
- (iii) memperkenalkan pakej insentif istimewa untuk menggalakkan syarikat membuat pelaburan yang berintensifkan modal dan berteknologi tinggi;
- (iv) menyediakan grant dan pinjaman mudah kepada industri kecil dan sederhana;
- (v) mewujudkan persekitaran yang kompetitif daripada segi kos dengan mengkaji semula peraturan-peraturan yang boleh menyekat pertumbuhan industri-industri tempatan; dan
- (vi) menggalakkan syarikat-syarikat tempatan menyertai misi perdagangan dan pameran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang tidak mengabaikan kepentingan industri kecil dan sederhana sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Subang dan Bagan Datoh. Ini adalah kerana lebih daripada 90% daripada industri-industri tempatan merupakan IKS dan oleh itu mempunyai banyak potensi untuk berkembang.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, program-program bantuan akan terus dilaksanakan untuk sektor ini. Ini termasuklah program untuk menggalakkan syarikat-syarikat menerokai pasaran eksport melalui Skim Pembangunan Pasaran - ITAF4 dalam bentuk bantuan grant separa iaitu, dengan izin, *matching grant* yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Industri Kecil dan Sederhana.

Di samping itu, kementerian saya juga sedang menggubal pelan pembangunan industri kecil dan sederhana yang akan mengambil kira perancangan dan pembangunan sektor IKS untuk tahun 2001 hingga 2005.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kluang ingin tahu mengenai pencapaian industri berteknologi tinggi serta tahap pemindahan teknologi kepada syarikat tempatan. Berpandukan kepada projek-projek pembuatan yang dilesenkan pada tahun 2000, sebanyak 31 projek strategik telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM11.7 bilion. Projek-projek ini melibatkan pembangunan industri berteknologi tinggi yang meliputi industri elektrik dan elektronik, kimia dan petrokimia, produk mineral bukan metalik dan produk perubatan dan saintifik.

Secara keseluruhannya kemasukan pelaburan asing adalah diiringi dengan pemindahan teknologi di dalam kebanyakan industri dan bukan sahaja di dalam industri berteknologi tinggi. Mengikut perangkaan pada tahun 2000, sebanyak 131 perjanjian yang melibatkan pembinaan teknologi telah ditandatangani. Melalui perjanjian-perjanjian yang berkenaan, syarikat-syarikat tempatan mendapat bantuan teknikal, hak

pelesenan dan paten, cop dagang, perkhidmatan dan *know how*, dengan izin, dalam teknologi. Negara-negara utama yang terlibat memindahkan teknologi ke negara ini ialah Jepun, Amerika Syarikat dan Germany.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi merupakan elemen penting bagi meningkatkan daya saing negara. Selain daripada mendapatkan teknologi melalui pemindahan dan perolehan, negara perlu membangunkan teknologi tempatan iaitu, dengan izin, *indigenous technology* dan meningkatkan kemampuan teknologi.

Oleh itu, aktiviti R&D akan terus diberikan penekanan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh. Di samping itu, kerajaan juga terus menyediakan pelbagai insentif untuk menggalakkan aktiviti R&D seperti berikut iaitu, pemotongan cukai dua kali, taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, pengecualian cukai, pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksais bagi

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Fu Ah Kiow: Ada lagi. Dua muka surat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Fu Ah Kiow: Ada lagi. Dan duti eksais bagi mesin dan bahan yang digunakan untuk R&D. Elaun modal bagi mesin dan jentera yang digunakan untuk R&D dan elaun bangunan perindustrian untuk tujuan R&D.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan rundingan dan pelaksanaan komitmen di bawah WTO seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tambun, Permatang Pauh dan Pokok Sena.

Bagi menjaga kepentingan negara di dalam rundingan WTO, kerajaan memang mengambil pendekatan supaya pelaksanaan komitmen ini dibuat secara berperingkat. Ini adalah kerana tahap pembangunan di kalangan anggota WTO sememangnya berbeza di antara negara maju dan negara yang membangun.

Oleh itu, ada peruntukan yang telah dirundingkan yang memberi layanan istimewa dan berbeza iaitu, dengan izin, *special and differential treatment*, kepada negara-negara membangun dan termasuk Malaysia di dalam pelaksanaan komitmen masing-masing.

Malaysia tidak membuat apa-apa komitmen untuk membuka pasaran beras. Import beras adalah bergantung kepada keperluan negara. Walau bagaimanapun, paras tarif yang diikat di WTO adalah 40% dan sekiranya perlu, langkah ini boleh digunakan untuk membantu pesawah padi.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan yang ingin saya berikan terhadap beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas segala pandangan dan perkara-perkara tersebut akan diambil kira dan diberikan perhatian yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kementerian Pertahanan. Silakan.

7.18 mlm.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan, pada minggu yang lalu yang sedikit sebanyak telah menyentuh bidang tugas Kementerian Pertahanan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana walaupun tempoh perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan agak singkat, namun ucapan yang panjang lebar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengupas mengenai Rancangan Malaysia Kelapan tersebut menunjukkan keprihatinan dan kesungguhan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam

memastikan rancangan yang diatur dapat dinikmati dan dimanfaatkan oleh rakyat jelata juga memastikan pembangunan negara dapat berjalan dengan lancar.

Ucapan Ahli Yang Berhormat bagi Larut dan Wangsa Maju menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan begitu mengambil berat dan prihatin isu-isu yang berkaitan dengan aspek keselamatan negara. Saya ingin memaklumkan bahawa pihak kementerian sentiasa mengamalkan sikap terbuka dan bersedia mendengar segala teguran yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meningkatkan dan menaikkan imej kementerian amnya dan Angkatan Tentera Malaysia pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab serentak usul-usul yang dibangkitkan oleh wakil dari Larut dan Wangsa Maju. Kedua-dua wakil berkenaan telah membangkitkan usul meminta kementerian saya menyediakan kepada anggota-anggota tentera dengan kelengkapan peralatan-peralatan yang lebih canggih dan berkemahiran tinggi bagi meningkatkan kecekapan dan keupayaan anggota tentera. Keperluan pendedahan anggota-anggota dengan IPCT dan isu perumahan.

Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab dalam mempertahankan kedaulatan negara, Kementerian Pertahanan sentiasa dan akan meneruskan usaha bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dengan melaksanakan Program Pemodenan Angkatan Tentera. Program Pemodenan ini disusun dengan berteraskan kepada Dasar Pertahanan Negara supaya ianya selaras dengan perkembangan masa kini.

Objektif utama Program Pemodenan tersebut adalah untuk melahirkan sebuah angkatan yang berkeupayaan dan seimbang di semua peringkat. Seajar dengan objektif yang disebutkan tadi, kementerian ini telah menggariskan tiga elemen utama bagi mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu:

- (i) pemodenan peralatan ketenteraan;
- (ii) meningkatkan kemudahan kepada anggota bagi menjaga kebajikan mereka; dan
- (iii) menentukan kesiapsiagaan angkatan tentera di dalam ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia pada setiap masa.

Penekanan kepada ketiga-tiga elemen yang disebutkan tadi adalah kerana kementerian ini menyedari tentang betapa perlunya jaminan keselamatan dalam memastikan perkembangan dan kemajuan negara dalam pelbagai bidang dapat berjalan lancar bukan sahaja pada masa ini, juga di masa hadapan. Kementerian sentiasa memantau perkembangan yang berlaku di kawasan-kawasan yang strategik di kawasan perairan pantai, sempadan negara dan ruang udara bagi menghalang sebarang pencerobohan dan ancaman luar.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan tersebut termasuklah aktiviti menyekat kemasukan pendatang tanpa izin. Beberapa operasi ATM yang melibatkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan masih dijalankan di beberapa kawasan yang kita anggap terdedah atau vulnerable, dengan izin, bagi memastikan keselamatan negara terus terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa memberi perhatian dalam menyediakan dan membekalkan peralatan yang mencukupi, lengkap dan canggih untuk kegunaan anggota tentera kita bagi memastikan kesiapsiagaan mereka sentiasa berada di tahap yang tinggi.

Di samping itu, juga kementerian turut memastikan peralatan sedia ada berada dalam keadaan memuaskan

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Kubang Kerian.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri Pertahanan. Saya ingin dapat penjelasan tentang pemodenan kelengkapan angkatan tentera terutama Tentera Laut Diraja Malaysia.

Kita semua difahamkan melalui laporan akhbar bahawa TLDM akan membeli kapal selam, empat kapal selam baru, dua kapal selam yang sudah digunakan. Saya ingin tahu adakah kapal selam yang telah digunakan itu masih boleh digunakan dan yang lebih penting lagi ialah saya ingin dapatkan kepastian daripada Yang Berhormat kapal selam yang baru hendak dibeli ini difahamkan daripada DCN International Paris dan mengikut maklumat saya ada empat model yang dikeluarkan oleh DCN bagi kapal selam. Model manakah yang TLDM akan beli, harganya kerana saya difahamkan RM4 bilion, adakah satu itu RM1 bilion dan kaedah pembelian?

Saya difahamkan bahawa Menteri Pertahanan telah pun menulis surat kepada Perdana Menteri mendapatkan kepastian sama ada pembelian ini melalui tender runding ataupun melalui tender yang terbuka? Adakah Perdana Menteri telah memberikan jawapan kepada surat Menteri Pertahanan dalam konteks yang tersebut dan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: ...adakah [Ketawa] pembelian ini benar-benar perlu dan dijalankan secara yang tidak menimbulkan apa-apa syak wasangka?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Daripada persoalan beliau yang bersabit dengan kapal selam, memang saya akui bahawa pada persidangan yang terdahulu daripada ini pun kita telah membuat kenyataan dan komitmen bahawa rancangan pihak Kementerian Pertahanan khususnya di peringkat perkhidmatan tentera laut akan membeli kapal selam.

Peringkat ini masih di peringkat rundingan, tengah diatur kerana kita tahu bahawa pusat pangkalan ini di mana kita hendak tempatkan belum lagi sedia siap walaupun ada di Lumut, namun demikian beberapa tempat yang kita hendak sesuaikan untuk penggunaan kapal selam ini belum lagi siap, masih di peringkat yang begitu awal, maka dengan itu kerja-kerja untuk pembelian ini masih di peringkat perundingan, maka dengan itu tidak perlu untuk saya hendak dedahkan berapa nilai harga dan berapa buah kapal selam, kemungkinan ada yang dipakai, ada yang baru ya. Kelak apabila keadaan ini sudah begitu jelas kepada kita, insya-Allah, kita akan nyatakan secara terperinci kerana saya rasa ini masih di peringkat perundingan, di peringkat pihak-pihak yang tertentu untuk kita hendak selaraskan agar dasar dan cita-cita kita untuk melengkapkan pasukan tentera laut dengan kapal selam ini akan menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Kementerian ini tidak ragu-ragu dalam menyediakan peruntukan yang mencukupi.....

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia berdiri lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya kurang faham apa yang dimaksudkan dengan rundingan pihak tertentu itu? Menteri Pertahanan runding dengan Jabatan Perdana Menteri kah, Menteri Pertahanan runding dengan DCN Paris kah, saya tidak faham.

Jadi, yang kedua, adakah pembelian ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan ataupun oleh kementerian yang lain?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Pembelian peralatan untuk melengkapkan Kementerian Pertahanan ini bukan hanya tertakluk kepada Kementerian Pertahanan, ia melibatkan agensi-agensi yang lain termasuk Kementerian Kewangan. Pada dasarnya, hakikatnya bahawa memang kita tahu *technical group* yang sering kita wujudkan sebelum peralatan itu dibeli adalah datangnya daripada Kementerian Pertahanan dan *technical group* ini akan menjelajah ke beberapa tempat dan ke beberapa syarikat di peringkat antarabangsa untuk mengenal pasti mana, daripada mana, syarikat mana keupayaan bukan hanya dari segi keperluan kita untuk peralatan

kapal selam bahkan juga akhirnya maintenance keperluan untuk kita mengendalikan kelak.

Ia melibatkan juga keperluan tenaga anggota tentera kerana dengan itu ia mengambil masa, bukan hanya dalam lingkungan enam bulan, lima bulan, ia mengambil masa bertahun untuk kita latih anggota kita dalam dididik untuk – akhirnya mereka bersesuaian dan selesa untuk menggunakan peralatan kapal selam yang kelak dibeli. Jangka masa saya tidak boleh sebut dan tidak ada boleh ada komitmen di sini kerana saya nyatakan tadi masih di peringkat rundingan. Insya-Allah, seperti yang saya sebutkan tadi bila keadaan itu selesai, insya-Allah, kita akan nyatakan dari mana negara dan juga berapa nilainya. Sudah pasti ini akan diketahui umum kelak.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini ada yang berdin lagi, Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kapal selam yang kita hendak beli ini difahamkan *secondhand*, mana canggih ini? Singapura pun saya difahamkan telah beli sebuah kapal selam. Kapal selam yang dibeli oleh Kerajaan Singapura itu lebih canggihkah atau kita punya? Jangan kita beli yang tidak canggih, ini kapal selam, karang tidak timbul pula – macam mana Yang Berhormat? Inilah minta penjelasan sedikit ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Seperti yang saya nyatakan tadi kita akan memperleengkapkan kementerian ini, memodenkan kementerian ini dengan peralatan-peralatan yang kita boleh guna pakai. Kita tidak akan beli peralatan yang kelak tidak akan boleh diguna, bahkan akan menjadi bebanan kepada kita dari segi kos untuk *maintenancenya*. Kadang-kadang peralatan ini menelan belanja yang begitu besar kelak akhirnya kerana peralatan ini kita tahu bahawa keperluan seperti *spare part* dan pelbagai tidak boleh diperolehi di peringkat negara kita. Kebanyakan perlu dibeli daripada luar, maka dengan itu kita harus meneliti sama ada kelak ianya *second hand* ataupun *first hand* kita akan nyatakan nanti.

Kementerian ini tidak ragu-ragu dalam menyediakan peruntukan yang mencukupi, baik melalui peruntukan pembangunan bahkan juga melalui peruntukan Belanja Mengurus Tahunan bagi memastikan peralatan yang diperlukan dapat dibekalkan kepada pasukan tentera kita.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh yang lalu kementerian telah membelanjakan sebanyak RM8.798 bilion yang khusus untuk membeli peralatan kelengkapan yang moden dan canggih bagi ATM, manakala di bawah Rancangan Malaysia Kelapan pula sebanyak RM6.650 bilion atau 76% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan yang dipohon telah diperuntukkan untuk memperolehi peralatan kelengkapan ATM di samping peruntukan sebanyak RM2.1 bilion yang disediakan untuk meningkatkan pembangunan kemudahan infrastruktur.

Dengan peruntukan yang dinyatakan tadi adalah diharapkan kementerian ini akan dapat membina baru dan meningkatkan kemudahan sedia ada demi menjamin tahap kualiti hidup, kebajikan dan juga perkhidmatan anggota ATM terjamin serta bagi memastikan operasi menjaga keselamatan negara dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Manakala di bawah peruntukan Belanja Mengurus, kementerian membelanjakan sejumlah peruntukan yang bernilai lebih kurang RM423 juta dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini bagi memperolehi peralatan-peralatan baru yang tempoh perolehannya yang singkat.

Di samping menyelenggara dan memastikan peralatan yang dibeli dan sedia ada berada dalam keadaan boleh guna yang tinggi, jumlah yang dibelanjakan tersebut menunjukkan bahawa kementerian ini cukup prihatin dengan keperluan anggota tentera kita. Kementerian telah mengenal pasti pelbagai peralatan untuk diperolehi di bawah tempoh Rancangan Malaysia Kelapan ini bagi melengkapkan ketiga-tiga perkhidmatan ATM.

Peningkatan dan perolehan sistem persenjataan telah, sedang dan akan terus dilaksanakan. Peningkatan keupayaan persenjataan ini telah menjadi dengan izin, *force multiplier* bagi keupayaan dan kekuatan ketenteraan secara keseluruhannya. Di antara program yang diberi keutamaan ialah peningkatan keupayaan *mobility*, keupayaan pengawasan *maritime*, pembangunan peperangan elektronik, peperangan teknologi maklumat dan juga peningkatan infrastruktur yang turut meliputi pembinaan rumah keluarga. Membeli dan memperolehi peralatan tambahan sahaja tidak memadai jika ianya peralatan yang lama, oleh itu pihak kementerian akan sentiasa memastikan pihak ATM memperolehi peralatan yang terkini dan termoden. Modenisasi dapat dilahirkan melalui penentuan alat terkini yang diperlukan melalui penghasilan Keperluan Staf Am atau 'Kesam' peralatan yang tersebut dibuat berdasarkan penelitian dan kajian yang sesuai dengan keperluan ATM.

Hasil daripada penyediaan Kesam tersebut, kementerian telah merancang dan akan memperolehi beberapa peralatan yang dikenal pasti, antaranya adalah seperti Meriam 115M dan 45 Collaber, G5 Gun System dan Multiplier Launcher Rocket System (MLRS) untuk memenuhi keperluan tentera darat bagi memperkukuhkan pasukan Artileri yang membeli beberapa buah helikopter phonic untuk memperkuat lagi pasukan tentera darat serta memperolehi kereta kebal Armoured Personal Carrier untuk memperkukuhkan lagi pasukan Armour.

Sementara itu, kementerian juga merancang untuk memperolehi beberapa buah lagi kapal peronda atau *petrol vessel*, kapal selam dan *new generation surface missal* dan *helicopter phonic* dan *super link* untuk tentera laut. Di samping itu, bagi melengkapkan infrastruktur TLDM, kementerian sedang membina pangkalan hadapan di Semporna, Sabah dan pangkalan kapal selam di Teluk Sepanggar. Manakala kementerian juga merancang untuk memperolehi beberapa buah pesawat bagi kegunaan tentera udara.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ini juga, kementerian akan meningkatkan lagi kemudahan peralatan komunikasi bagi memastikan sistem kawalan pemerhatian dipertingkatkan sejajar dengan era globalisasi dan pertimbangan penggunaan ICT dalam peperangan.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan jenis pesawat untuk TUDM dan apakah rancangan untuk membeli pesawat ini daripada Amerika Syarikat? Dan, adakah ini mengikut cara yang lama untuk mendapat pesawat-pesawat ini? Memandangkan kita pun ada MIG, mengapa pihak kerajaan sekarang hendak membeli pesawat daripada Amerika Syarikat?

Saya harap Yang Berhormat dapat menjawab sebab saya akan mengikut perkembangan pesawat daripada Amerika Syarikat ini kerana biasanya kita bayar dengan banyak, lebih mahal kepada Amerika Syarikat. Saya pun tidak tahulah apakah cara baru yang akan digunakan oleh pihak kementerian untuk mengurangkan kos?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Seperti yang saya sebutkan tadi, kita tidak boleh mengetepikan tentang keperluan untuk melengkapkan pasukan ini untuk mempertahankan negara dengan membeli peralatan yang tidak begitu bersesuaian dengan keadaan yang ada pada hari ini. Maka dengan itu, amat perlu sekali seperti yang saya sebutkan, pihak kementerian akan membeli beberapa buah pesawat dan ia termasuk pesawat-pesawat, kita tidak boleh kenal pasti mana satu jenis dia, daripada mana? Banyak negara yang menawarkan penjualan pesawat ini, bukan hanya Amerika Syarikat, Rusia pun ada, MIG pun ada, seperti Yang Berhormat bagi Kepong sebutkan. MI-17 pun ada dan juga *multi-rule combat aircraft* pun ada. Ini sebahagian daripada kapal-kapal, pesawat-pesawat yang dikenal pasti oleh kementerian yang kelak kita akan putuskan, mana sesuai dan kita akan beli untuk keperluan pihak kementerian, bergantung kepada keupayaan kewangan dan juga keupayaan kita untuk kelak menyelaras penyelenggaraannya.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ini juga, kementerian akan meningkatkan lagi kemudahan peralatan komunikasi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya amat tertariklah dengan langkah-langkah kementerian untuk mempertingkatkan lagi kelengkapan senjata terutamanya, dalam memperkukuhkan kekuatan pasukan keselamatan. Tadi, Yang Berhormat ada menyebut bahawa satu lagi pangkalan tentera akan dibina di Semporna. Kalau boleh saya ingin tahu sedikit kos pembinaannya dan saiz, adakah ia menyamai TLDM ataupun agak kecil sedikit, yang di Semporna itu? *[Disampuk]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. TLDM di Lumut – Larut, ya. Larut tidak ada TLDMkan, di Lumut, ya? Pangkalan yang ada di Semporna ini bukan lagi dalam rancangan, ia sedang dalam pembinaan dan ia menelan kos sebanyak hampir RM120 juta, dan ia merupakan satu pangkalan yang agak kecil sedikit berbanding dengan Lumut dan seperti Sepangar Bay. Ia adalah merupakan *forward base*, yang kecil yang hanya boleh menampung beberapa buah kapal yang tidak besar, semata-mata untuk melahirkan *a form of deterrence* seperti yang saya sebutkan.

A form of deterrence di *forward base* kita, dan untuk menampung keperluan bila serangan rondaan lanun yang kerap berlaku di pesisiran Pantai Timur, bukan hanya di Semporna bahkan juga di kawasan-kawasan seperti Tawau, Lahad Datu, Kunak, Sandakan dan Kudat, di mana pangkalan ini akan beroperasi untuk mempertahankan kawasan-kawasan seperti saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ini juga kementerian akan meningkatkan lagi kemudahan peralatan komunikasi bagi memastikan sistem kawalan pemerintahan dipertingkatkan sejajar dengan era globalisasi dan perkembangan penggunaan ICT dalam peperangan.

Tuan Ronald Klandee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, sealiran dengan usaha kementerian memperkasa dan mempermodenkan sistem pertahanan negara, pembangunan sumber manusia juga sentiasa memberi penekanan dengan mengutamakan kepada, dengan izin, *knowledge base*, bagi merealisasikan keupayaan ketenteraan dan Kementerian Pertahanan sebagai sebuah, dengan izin, *learning organization* dan penyediaan program latihan kepada anggota ATM secara terancang sentiasa diberi perhatian oleh kementerian ini, demi meningkatkan lagi tahap profesionalisme mereka supaya seimbang dan setanding dengan lain-lain perkhidmatan di negara ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Yang Berhormat kata kita hendak *knowledge base*, adakah Yang Berhormat sedar bahawa daripada 23 bab ini, di dalamnya tidak ada butiran mengenai pertahanan, *[sambil memegang buku laporan RMK-8]* dan kita membincangkan ini, tetapi tidak ada rancangan, tidak ada masuk di dalam RMK-8 kita ini.

Jadi, kerana itulah saya berharap Yang Berhormat boleh, dengan terus teranglah bagi kita pengetahuan sedikit, dengan *knowledge base* bukan? *Knowledge base* sebenarnya ada dua hala, bukan kita diberikan butiran mengenai pembangunan untuk pertahanan dan kemudian pihak kementerian mengata kita hendak *knowledge base*. Ini tidak begitu munasabahlah.

Saya berharap Yang Berhormat, dapat terangkan walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri berusaha tetapi tidak ada butiran yang lengkap, dengan terperinci. Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada kerahsiaan ketenteraan tetapi kebanyakannya bukan rahsia, sebab tidak membekalkan butiran itu.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong. Saya ingat, selepas ini saya boleh bagi *lecture* sedikit kepada Yang Berhormat bagi Kepong. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Jadi, untuk melengkapkan – hikmah manusia ini, kadang-kadang perlu untuk menutup aurat, maka dengan itu tidak perlu untuk didedahkan. Bila kita dedahkan keseluruhan tubuh manusia, maka iman manusia ini akan longgar, hakikatnya itu hikmahnya. Maka, dengan itu perlu bagi kita bila dijelaskan di situ ada sedikit sebanyak tentang peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pertahanan, tidak perlu didedahkan secara terperinci apa yang harus dilaksanakan, itu atas kebijaksanaan seperti yang saya nyatakan, hendak memodenkan sistem, hendak memperkasa sistem, sistem angkatan tentera Malaysia ini tertakluk kepada kebijaksanaan pemerintahan yang ada sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Beluran bangun.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Dan saya yakin bahawa pemerintah yang ada sekarang akan melengkapkan kerana kita tahu tarikan bukan hanya untuk mempertahankan negara bahkan juga seperti yang saya sebutkan, *we are competing with other people, with other sector to encourage*, dengan izin, untuk menarik anggota-anggota awam untuk memasuki tentera maka dengan itu kita harus membuat pendekatan-pendekatan bagaimana untuk melengkapkan kementerian ini bukan hanya dengan bilangan pasukan yang tinggi but quality, yang mempunyai kemahiran. *[Seorang Ahli bangun] After these, I can give you a lecture*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran bangun, Yang Berhormat.

Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal: Penyediaan program latihan kepada anggota ATM secara terancang sentiasa diberi perhatian oleh kementerian demi meningkatkan lagi tahap profesionalisme mereka supaya seimbang dan setanding dengan lain-lain perkhidmatan di negara ini. Kementerian beranggapan bahawa latihan merupakan satu proses yang berterusan supaya anggota tentera akan sentiasa siap siaga dan lebih bersedia dalam menghadapi dan menangani sebarang masalah, ancaman dan cabaran yang mungkin timbul terutamanya dalam era globalisasi dan perkembangan ICT pada masa ini dan akan datang.

Justeru itu kementerian ini sentiasa menghantar anggota tentera mengikuti kursus bukan sahaja di dalam negeri bahkan di luar negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, program latihan ini yang disusun ini turut mencakupi bidang yang meningkatkan kemahiran, pengendalian peralatan dengan izin, *state of art* dan kepakaran dalam pengoperasian aktiviti khas dengan izin, *trans border crime* dan pencegahan aktiviti pelanun serta menyekat kemasukan pendatang tanpa izin. Selain dari itu kementerian juga merencanakan latihan pendedahan diberikan dalam bidang ICT kepada semua anggota tentera supaya mereka akan....

Tuan Ronald Kiandee: Penjelasan..

Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal:sentiasa dapat mengikuti perkembangan semasa teknologi ini.

Seorang Ahli: Dia hendak habiskan ayat dahulu.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Timbalan Menteri. Kalau kita membaca kita membaca, tidak lama ini kita melihat bahawa Amerika Syarikat telah meluluskan penjualan senjata ke negara Taiwan dan juga mengukuhkan komitmen mereka sekiranya Taiwan diserang oleh mana-mana negara. Negara yang terdekat dengan kita, Singapura juga memperengkap keperluan senjata mereka dan begitu juga negara kita sekarang dalam proses menaikkan keperluan kesenjataan untuk kementerian.

Saya ingin penjelasan daripada Datuk Timbalan Menteri, apakah pandangan kementerian terutama Kementerian Pertahanan ini dalam melihat keadaan persekitaran kita sekarang ini terutamanya di negara-negara Asia seakan-akan terdapat perlumbaan untuk memperengkap negara masing-masing dengan senjata-senjata yang moden. Apakah ini satu keadaan yang baik untuk ASEAN pada keseluruhannya dan apakah ini tidak merangsang kepada satu keperluan yang lain pula sekiranya keadaan seperti ini terus berlaku. Saya minta penjelasan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tidak boleh dinafikan Yang Berhormat bagi Beluran, tidak boleh dinafikan bahawa rantau ini bukan lagi seperti rantau

terdahulu. Keadaannya, keselamatannya amat terjamin. Kalau kita melihat daripada segi perkembangan global di peringkat dunia, pelbagai keadaan yang agak membimbangkan kita. Maka dengan itu tuntutan beberapa negara termasuk negara Asia ada usaha-usaha untuk melengkapkan diri mereka agar pertahanan negara itu dapat dijamin. Begitu juga dengan negara kita, sudah pasti kita terpaksa walaupun dalam keadaan gawat ekonomi. Memang kita tahu bahawa kewangan ini kalau dapat digunakan untuk kebaikan mempertingkatkan ekonomi negara khususnya dalam usaha-usaha untuk mendekati agar rakyat yang memerlukan akan mendapat perhatian yang lebih tetapi keadaan keselamatan negara juga adalah menjadi keutamaan dasar negara kita maka dengan itu kita tidak boleh lari daripada memperlempang keadaan ini.

Sudah pasti kita berharap keadaan ini tidak akan berlaku seperti apa yang Yang Berhormat anggapan iaitu *armed race* iaitu di mana negara-negara ini akan berlumba-lumba untuk daripada segi pembelian peralatan dan kita mempunyai beberapa hubungan yang begitu baik dengan negara-negara jiran kita dan juga negara-negara yang lain untuk membincangkan bagaimana akhirnya keselamatan negara ini dapat dikawal dengan secara yang baik. Ikatan kita dalam ASEAN, ikatan kita dengan rancangan seperti *fight power arrangement* kita dengan beberapa negara seperti United Kingdom, New Zealand, Australia dan juga Singapura dan juga Malaysia, kita membuat pendekatan itu berbincang dengan secara terperinci bagaimana pertahanan Rantau ASEAN dan negara-negara yang mempunyai *interest* bila mana negara-negara itu dibolosi atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, negara-negara ini akan mengambil perhatian dan mereka akan membantu.

Kalau sesuatu berlaku contohnya di Australia mahupun di Malaysia pihak-pihak yang lain juga akan membantu. Ini sebahagian daripada apa yang kita laksanakan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, proses penyerapan teknologi informasi dan komunikasi di dalam ATM telah bermula sejak awal tahun 90-an. Program ini telah dijanakan setelah mengambil iktibar daripada kejutan revolusi ketenteraan dengan izin, *revolution in military affair* yang telah dipertunjukkan kesannya semasa peperangan Teluk dan persenjataan di Semenanjung Balkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa menitikberatkan perkara-perkara yang melibatkan keselamatan termasuk ancaman baru iaitu peperangan siber. Sehubungan dengan itu, kementerian ini telah mewujudkan Cawangan Peperangan Siber dan Unit Keselamatan ICT khusus untuk mengatasi jenayah siber yang amat berleluasa sekarang ini. Kementerian ini juga telah dalam proses untuk menggubal pelan strategik ICT dan ISP iaitu Information Strategic Plan dengan izin, Kementah dengan mengambil kira faktor-faktor infrastruktur IT yang mana pusat-pusat latihan ketenteraan di ketiga-tiga perkhidmatan akan diperlempang dengan peralatan kemudahan ICT untuk meningkatkan lagi kemahiran ICT bagi seluruh anggota ATM.

Misi ISP ini atau Information Strategic Plan yang utama ialah untuk menuju ke arah k-kementah yang mana hala tuju k-kementah ini adalah untuk mewujudkan sebuah organisasi yang berpengetahuan dan berilmu yang disokong oleh ICT. Pendekatan yang boleh digunakan adalah bersepadu dengan mempunyai perancangan yang teratur dan menyeluruh. Untuk memantapkan lagi kemahiran IT, kementerian akan mengamalkan konsep dengan izin, *e-learning* dan *smart-learning* supaya konsep ini dapat meningkatkan lagi kemudahan dan kesiapsiagaan ATM dalam menghadapi era globalisasi yang akan diimplementasikan di seluruh pusat-pusat latihan dan institusi-institusi Kementerian Pertahanan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga pendedahan dalam bidang teknologi maklumat juga turut disediakan kepada bakal-bakal pesara tentera supaya golongan ini tidak akan disisikan dalam pasaran sumber tenaga dan perniagaan masa kini yang kian berorientasikan k-ekonomi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian telah pun menubuhkan satu jabatan baru yang khusus menjaga hal ehwal pesara tentera iaitu Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera. Penubuhan jabatan ini adalah khusus untuk mempertingkatkan lagi penyediaan program latihan, penempatan dan menjaga

kebajikan pesara-pesara tentera sebagai usaha kerajaan menghargai pengorbanan mereka semasa berkhidmat dan sebelum ini.

Saya telah meminta supaya perbadanan Hal Ehwal Bekas Anggota Tentera (PERHEBAT) melaksanakan kursus peralihan mandatori kepada semua bakal-bakal pesara tentera. Pada masa ini, PERHEBAT turut menjalankan latihan dan persediaan dalam bidang ICT semasa kursus peralihan kepada bakal-bakal pesara tentera.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap masalah perumahan anggota-anggota ATM demi untuk meningkatkan lagi taraf kualiti hidup mereka. Sehingga kini kementerian telah membina sebanyak 55,528 unit perumahan rumah kediaman untuk kegunaan anggota tentera di seluruh negara.

Pembinaan yang sedang berjalan dan dirancang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan pula adalah sebanyak 20,948 unit. Bilangan ini termasuk sebanyak 6,963 unit rumah yang telah dibina lebih awal berikutan suntikan peruntukan oleh kerajaan baru-baru ini bagi melonjakkan lagi perkembangan ekonomi negara. Dengan jumlah yang telah dijelaskan tadi, kementerian mengharapkan agar dapat menampung hampir 80% daripada keperluan perumahan ATM di seluruh negara.

Bagi memastikan program perumahan ATM dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan terutamanya yang meliputi sebanyak 7 lokasi di Lembah Klang, kementerian telah memutuskan supaya ianya dilaksanakan secara usaha sama di antara Syarikat Perumahan Negara dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Projek perumahan tersebut akan dilaksanakan mulai pada bulan Ogos 2001 dan dijangka akan disiapkan sebelum tahun 2004. Selain projek tersebut, kementerian akan membeli daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sebanyak 600 unit rumah di Setiawangsa yang dijangka siap pada bulan Julai 2001. Kementerian akan sentiasa memberi perhatian khusus bagi memantau pelaksanaan projek ini mengikut jadual yang telah ditetapkan bagi mengelakkan daripada terbengkalai dan tidak menghadapi masalah seperti kejadian yang berlaku di Pularek, Johor.

Sementara itu kejadian tanah jertus di Kem Oran, Perlis adalah merupakan insiden yang di luar jangkaan kita. Namun demikian, kementerian telah mengambil tindakan proaktif dengan membuat kajian geologi di semua penempatan tentera bagi mengelakkan kejadian seumpama tersebut berulang.

Selain membina rumah-rumah yang baru, kementerian juga memberi penekanan kerja-kerja selenggaraan rumah-rumah sedia ada supaya ianya akan berada dalam keadaan yang baik dan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja di antara perkara-perkara dan isu-isu dan cadangan-cadangan yang menuju bidang tugas Kementerian Pertahanan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya ada di antara perkara-perkara yang saya tidak sempat hendak bangkitkan, insya-Allah pihak kementerian akan mengambil perhatian untuk meningkatkan lagi taraf perkhidmatan Kementerian Pertahanan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, diminta menjawab.

7.51 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga terlebih dahulu ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian serta memberikan pandangan-pandangan dan cadangan mengenai perkara-perkara yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika membahaskan Rancangan Malaysia Kelapan dalam Dewan yang mulia ini.

Di antara yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian ini ialah Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Subang, Kuala Nerus, Jeli, Besut dan Temerloh serta beberapa orang lagi yang menyentuh perkara-perkara yang lebih kurang sama dengan isu-isu yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan tersebut, antara lain Yang Berhormat bagi Kepong ada mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan satu agensi yang

disebut sebagai *environmental protection agency*, untuk menyelaraskan semua aktiviti alam sekitar bagi memastikan semua masalah alam sekitar ditangani secara bersepadu dan menyeluruh. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong, oleh kerana keprihatinan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah-masalah alam sekitar yang berbangkit pada masa ini.

Walau bagaimanapun, suka saya maklumkan bahawa kerajaan berpendapat bahawa cadangan mewujudkan satu agensi yang dinamakan sebagai Environmental Protection Agency untuk menyelaraskan semua aktiviti alam sekitar adalah tidak perlu pada masa ini kerana kita telah ada Jabatan Alam Sekitar yang telah sedia diwujudkan untuk menangani isu-isu alam sekitar yang di bawah tanggungjawabnya. Mungkin masalah yang berbangkit, yang kita telah sebutkan ialah masalah kekurangan kakitangan dan juga mereka yang bertanggungjawab tentang penguatkuasaan. Itu pun, kita telah jelaskan bahawa beberapa langkah telah diambil untuk memberikan penguatkuasa kepada beberapa agensi untuk membantu di dalam memberikan laporan dan mengadakan penyiasatan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah yang berbangkit.

Di samping menyelaraskan serta bekerjasama dengan agensi-agensi dan badan-badan yang lain, seperti kerjasama dengan Kementerian Pertanian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya dalam menyelaraskan dan memantau pembangunan di kawasan tanah tinggi. Cadangan dibangkitkan juga bahawa tugas kerjasama ini tidak hanya untuk memantau dan mengatasi masalah pembangunan tanah tinggi, tetapi diperluaskan kepada pembangunan tertentu yang lain. Yang ini memanglah menjadi hasrat pihak kementerian sendiri untuk memperluaskan tugas penyelarasan dan memantau, bukan sahaja untuk pembangunan tanah tinggi, tetapi juga kawasan-kawasan pembangunan tertentu yang lain, bergantung kepada keperluan semasa.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat menunjukkan pihak kementerian mengambil perhatian mengadakan keperluan untuk mempertingkatkan penyelarasan dan pelaksanaannya. Saya bagi satu contoh, iaitu mengenai tapak pelupusan sampah sarap di Jinjang Utara, Taman Beringin misalnya. Di situ ada pembuangan sampah-sarap hampir 1,500 tan sehari ataupun 2,000 tan sehari. Walaupun pihak kerajaan iaitu Dewan Bandaraya sudah pun menjadikan tapak itu tapak *transfer station*, tapak pemindahan dengan belanja lebih RM200 juta, tetapi masalah alam sekitar, tiap-tiap hari, entahlah berapa tahun sudah, bau yang busuk itu menyelubungi kawasan itu dan pihak Kementerian Alam Sekitar tidak jadi buat apa-apa. Kita berkali-kali membangkitkan hal ini, tetapi kementerian itu tidak mempunyai kuasa ataupun tidak mempunyai kemampuan untuk mengendalikan semua, sekarang ada bau yang busuk akibat pencemaran alam sekitar

Yang kedua, kita boleh lihat di sungai-sungai kita misalnya, sungai-sungai yang mati itu, lebih 10 atau sudah 12, kalau tidak silap saya. Di kawasan Kepong misalnya, Sungai Keroh, sentiasa keruh kerana kumbahan daripada kilang-kilang yang dibuangkan di dalam sungai itu. Pihak kementerian, walhal tahu apa yang berlaku, tetapi tidak mampu atau berupaya untuk berbuat sesuatu tindakan kerana yang terlibatnya banyak kementerian. Sebab itulah, saya cadangkan kita adakan EPA sepertimana kita pun hendak bincangkan dengan SUHAKAM pula.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: [Ketawa]

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong yang begitu prihatin dengan kawasan yang berhampiran dengan kawasan beliau sendiri. Seperti yang saya nyatakan bahawa di peringkat Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, kita menjalankan langkah-langkah di peringkat awal. Kerjasama untuk memberikan pandangan, nasihat sama ada menerusi laporan EIA dan sebagainya yang disediakan. Bagaimanapun, selepas itu, memanglah dari segi pelaksanaan, adalah di bawah tanggungjawab, umpamanya pihak berkuasa tempatan. Di sinilah kadang-kala berlakunya masalah yang mungkin kita sama-sama akui adanya kelemahan-kelemahan tertentu di mana keadaan-keadaan seperti ini berlaku.

Jadi, apa pun, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada masa itu adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan penyelarasan untuk mewujudkan sebuah agensi bagi menyelaraskan aktiviti alam sekitar untuk memastikan bahawa semua masalah seperti yang saya katakan ini, secara bersepadu dan kita memang mengambil perhatian mengenai perkara ini. Terima kasih.

Tuan Ronald Kiandee: Penjelasan. Saya menyambut baik ada niat bekerjasama agensi-agensi kerajaan dan jabatan-jabatan kerajaan dalam menangani masalah pencemaran. Saya ingin minta penjelasan, tentang sejauh mana agensi-agensi kerajaan ini dapat dikerjasamakan sepenuhnya dalam menangani masalah pencemaran sungai di Cameron Highlands. Saya melihat Cameron Highlands sebagai satu sungai yang begitu tercemar dari segi *siltation* ataupun mendapan tanah dan satu usaha yang konkrit antara agensi-agensi ini seperti yang dibentahu, dimaklumkan oleh Timbalan Menteri agar masalah *siltation* yang begitu ketara sekali berlaku di sungai Cameron Highlands dapat ditangani. Saya ingin penjelasan, sejauh mana kerjasama ini telah diusahakan untuk menangani masalah *siltation* di Cameron Highlands.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Perkara ini ada disentuh juga oleh Yang Berhormat bagi Besut dalam ucapan perbahasan beliau yang telah mengesyorkan mengenai dengan penebangan hutan secara sewenang-wenang seperti yang berlaku di Cameron Highlands sehingga menjejaskan kawasan tadahan hujan dan juga hakisan. Untuk menjelaskan perkara ini, suka saya maklumkan bahawa, saya ingat lebih daripada 91% kawasan Cameron Highlands masih diliputi hutan dan aktiviti pembalakan sebenarnya tidak dibenarkan. Sekiranya terdapat penebangan secara haram, maka tindakan sewajarnya akan diambil oleh pihak berkuasa negeri yang berkenaan.

Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Penyelarasan Pembangunan Di Kawasan Tanah Tinggi Dan Pulau-Pulau yang dipengerusikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang antara lain bertanggungjawab menggubal dasar serta hala tuju dan strategi pembangunan di kawasan tanah tinggi dan pulau-pulau serta menyelaraskan dan memantau pelaksanaan pembangunan di kawasan tanah tinggi dan pulau-pulau. Ini ada kaitannya dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong supaya memperluaskan bidang ini, tidak hanya meliputi kawasan tanah tinggi tetapi juga kawasan-kawasan pembangunan dan masalah-masalah lain yang tertentu yang telahpun saya sebutkan tadi.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat bagi Subang dalam perbahasannya meminta kerajaan mempertingkatkan usaha mendidik rakyat mengenai kepentingan alam sekitar di samping membentuk satu sistem pendidikan yang dapat dipelajari oleh semua lapisan masyarakat bagi mencapai pembangunan maksimum dengan kesan yang minimum kepada alam sekitar. Maka, Ahli Yang Berhormat berkenaan mencadangkan supaya kerajaan membentuk satu pelan induk supaya konsep *sustainable development* tercapai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Subang, suka saya maklumkan bahawa di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah membentuk polisi, strategi, program dan aktiviti yang berkonsepkan *sustainable development*, dengan izin, untuk dilaksanakan. Sebagai sebahagian besarnya adalah rancangan-rancangan yang merupakan sambungan-sambungan daripada apa yang telah pun dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Umpamanya program-program pendidikan seperti projek-projek atau program yang melibatkan anak-anak sekolah dan juga peringkat-peringkat institusi pengajian tinggi dan sebagainya.

Sebagai contoh ialah mengadakan beberapa program termasuklah Kem Enviro untuk kanak-kanak sekolah, perbahasan antara universiti Malaysia untuk 10 institusi pengajian tinggi, perbahasan antara universiti ASEAN yang telah diadakan sejak beberapa tahun yang lalu, perayaan Hari Alam Sekitar Sedunia, kuiz-kuiz alam sekitar melalui radio dan sebagainya, peraduan kesedaran alam sekitar dan juga berbagai-bagai naskhah terbitan Jabatan Alam Sekitar yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Nerus dalam perbahasannya ada membangkitkan kesan jangka pendek dan jangka panjang yang timbul hasil aktiviti pembangunan, khususnya pembinaan empangan seperti

Empangan Kenyir dan Empangan Bakun. Pembinaan empangan-empangan ini telah mengganggu dan mematikan pengaliran sungai di mana kuasa penolakan arus dari hulu sungai menjadi lemah dan tidak mampu membawa turun semua kotoran dan pencemaran ke muara sungai dan seterusnya ke laut.

Bagi mengatasi masalah pencemaran di Selat Tebrau umpamanya, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan telah mencadangkan supaya penggunaan satu *giant siphon*, dengan izin, yang menggunakan kuasa tekanan air tanpa penggunaan jentera.

Ahli Yang Berhormat yang berkenaan juga turut menyentuh mengenai bilangan kawasan tadahan hujan yang berkurangan iaitu daripada 150 kawasan ketika zaman British kepada sejumlah kira-kira 98 kawasan sahaja hari ini. Ahli Yang Berhormat yang berkenaan telah mengaitkan kejadian banjir kilat yang banyak berlaku sekarang dengan kekurangan kawasan untuk menampung air hujan.

Yang Berhormat bagi Kuala Nerus juga inginkan kepastian sama ada kerajaan ada membuat kajian terhadap proses kitar semula seperti pengitaran semula bahan kaca yang mungkin merosakkan alam sekitar hasil pencemaran daripada penggunaan jentera pengilangan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kuala Nerus, suka saya maklumkan bahawa kesan ke atas alam sekitar daripada pembinaan Empangan Kenyir dan Empangan Bakun memang telah dinilai dalam Laporan Kesan Alam Sekitar (EIA Report) yang disediakan sebelum pelaksanaan projek-projek tersebut. Langkah-langkah tebatan dilaksanakan bagi menangani kesan jangka pendek dan jangka panjang yang dikenal pasti dalam kajian tersebut termasuk isu-isu berkaitan pengaliran sungai.

Untuk makluman Yang Berhormat, berhubung pencemaran Selat Tebrau, suka saya maklumkan bahawa sememangnya telah ada cadangan supaya Tambak Johor diroboh dan digantikan dengan jambatan. Sehubungan dengan ini, kementerian ini berpendapat sekiranya projek ini dilaksanakan nanti, maka penggunaan *giant siphon* seperti yang dicadangkan adalah tidak perlu.

Seterusnya Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Nerus, kementerian ini bersetuju dengan pandangan bahawa kejadian banjir berkemungkinan disebabkan oleh beberapa unsur termasuk pembangunan di kawasan tadahan air. Kita juga baru membahaskan masalah banjir yang berlaku di Kuala Lumpur baru-baru tadi. Kerajaan Pusat memang menggalakkan supaya digazetkan lebih banyak lagi kawasan tadahan air.

Mengenai kerosakan alam sekitar dari pengitaran semula seperti bahan kaca dan sebagainya, suka saya maklumkan bahawa setakat ini tidak ada masalah pencemaran daripada proses ini. Walau bagaimanapun, jika terdapat sebarang masalah berhubung dengan pencemaran tersebut, kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar akan menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Jeli yang menyentuh mengenai kuasa aliran sungai yang tidak mampu menghalang kuasa air laut sehingga menyebabkan berlakunya hakisan pantai dan muara-muara sungai di Terengganu dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Jeli bahawa semua negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia termasuk muara Sungai Terengganu yang terdedah kepada Laut China Selatan dan musim tengkujuh mengalami pergerakan *sediment* atau *sediment transport*, dengan izin, yang membawa kesan mendapan dan berlakunya hakisan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Besut telah saya sentuh tadi bersekali dengan penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat bagi Beluran.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan juga, Yang Berhormat bagi Temerloh ada membangkitkan mengenai isu penglibatan syarikat-syarikat swasta yang masih rendah dalam bidang R&D meskipun insentif yang banyak telah diberikan.

Beliau juga mendakwa bahawa negara ini masih terlalu bergantung kepada R&D luar negara. Beliau menyarankan kerajaan memperbanyakkan projek R&D yang

berbentuk *market oriented* dengan sektor swasta kerana *linkages* R&D, dengan izin, dengan industri didapati masih rendah.

Yang Berhormat berkenaan juga ada mencadangkan beberapa perkara, umpamanya memperbanyakkan program kerjasama Malaysia MIT dalam *Biotechnology Partnership Programme* serta menyeru kerajaan memperluaskan usaha sama bidang bioteknologi kepada organisasi terkenal lain di luar negara seperti Universiti Cambridge, Universiti Oxford dan lain-lain.

Beliau turut mencadangkan Kerajaan Malaysia menubuhkan Yayasan Pendidikan Bioteknologi di universiti-universiti tempatan melalui usaha sama dengan universiti-universiti luar, seterusnya mempertingkatkan kerjasama antara institusi pendidikan awam dan pihak industri dan menambah infrastruktur R&D untuk menggalakkan aktiviti R&D dengan lebih meluas, memperbanyakkan kakitangan mahir dalam bidang R&D dan menggalakkan penubuhan Yayasan Penyelidikan oleh orang-orang perseorangan dengan memberikan insentif-insentif yang menarik.

Suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sememangnya ada rancangan untuk memperbanyakkan lagi program kerjasama seperti Malaysia MIT dengan universiti-universiti di lain-lain negara. Di samping itu, kementerian ini juga amat menggalakkan universiti luar negara menunjukkan kerjasama dengan universiti-universiti tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerajaan memang menyambut baik dan akan mengkaji cadangan untuk menubuhkan sebuah Yayasan Penyelidikan Bioteknologi di universiti-universiti tempatan melalui usaha sama dengan universiti-universiti luar negara. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini memang telah wujud kerjasama khususnya di antara pihak kementerian dengan beberapa buah universiti tempatan di bidang pembangunan dan penyelidikan bioteknologi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga dan Dewan ini bahawa pada tahun hadapan, kementerian akan menganjurkan satu konvensyen dan pameran yang disebut sebagai Bio Malaysia 2002 yang akan diadakan pada 1 hingga 4 Oktober 2002.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya maklumkan bahawa usaha untuk mempertingkatkan kerjasama antara institusi penyelidikan awam dan pihak industri telah dilaksanakan melalui program-program pembiayaan R&D seperti Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Industri (IGS), Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MGS) dan Demonstrator Application Grant Scheme (DAGS) di mana pihak swasta disyaratkan bekerjasama dengan institusi penyelidikan awam.

Di samping itu, melalui Program IRPA, kerajaan turut menggalakkan institusi penyelidikan awam untuk bekerjasama dengan pihak industri. Usaha ini telah mula dilaksanakan oleh Rancangan Malaysia Keenam lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk memperbanyakkan kakitangan mahir dalam bidang R&D, program Human Resource Development dan National Science Fellowship, dengan izin, telah dilaksanakan pada tahun 1997 di mana sehingga tahun 2000, sejumlah 1,791 calon dari agensi penyelidikan awam telah dibiayai untuk melanjutkan pengajian secara penyelidikan di bawah program HRND dan sains teknologi, manakala sejumlah 292 penuntut lepasan ijazah juga telah diberi biasiswa di bawah skim National Science Fellowship (NSF).

Secara keseluruhannya, kementerian ini telah membelanjakan sejumlah kira-kira RM42 juta bagi kedua-dua program berkenaan. Kerajaan akan terus mempertingkatkan usaha menambah bilangan calon bagi kedua-dua program berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat berkenaan juga berhubungan cadangan untuk menggalakkan penubuhan yayasan penyelidikan oleh orang-orang perseorangan, suka saya maklumkan bahawa kerajaan sedia membantu usaha-usaha tersebut sekiranya matlamat mereka memenuhi kehendak-kehendak pengurusan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli Yang Berhormat sebagai mengakhiri ucapan ini sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan di bawah kementerian ini dan

semua perkara-perkara yang merupakan cadangan, pandangan yang memang difikirkan boleh membantu daripada segi meningkatkan lagi keupayaan kementerian untuk mempertingkatkan prestasi dan pencapaian untuk mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan hal-hal yang khususnya berkaitan dengan alam sekitar adalah diambil perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri di Kementerian Luar Negeri.

8.11 mlm.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat bagi Tuaran yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan yang mulia ini daripada 23 hingga 26 April 2001 yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di antara isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong pada 23 April ialah meminta supaya kerajaan menimbang untuk menambah kakitangan SUHAKAM. Ingin saya menjelaskan bahawa SUHAKAM boleh melantik pegawai dan perkhidmatan untuk perkhidmatan lain yang perlu bagi membolehkan suruhanjaya itu untuk menjalankan fungsi-fungsinya di bawah akta ini. Apa juga keperluan mereka jawatan, bolehlah mengemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk melaksanakannya. Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan beberapa jawatan seperti mana yang dinyatakan di dalam Laporan Tahunan SUHAKAM. Dari masa ke semasa kita akan menimbang pelantikan kakitangan berasaskan keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan berkenaan dengan bidang kuasa SUHAKAM di bawah Akta ini sebagaimana yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kepong adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Seputeh menyebut tentang soal bahawa, mengapa SUHAKAM dibawa di bawah Kementerian Luar Negeri. Ingin saya menjelaskan bahawa Kementerian Luar Negeri telah mengambil langkah tertentu oleh kerana soal hak asasi adalah dalam bidang kuasa perjanjian-perjanjian melibatkan perhubungan antarabangsa, maka buat masa ini Kementerian Luar Negeri diarahkan untuk menjalankan tugas hanya setakat memberikan tugas sokongan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan soal hak asasi manusia.

Di mesyuarat sebagaimana Yang Berhormat mungkin maklum ini adalah kerana penyertaan Malaysia di mesyuarat antarabangsa mengenai hak asasi manusia. Keahlian Malaysia di dalam pertubuhan hak asasi manusia di peringkat antarabangsa seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu - United Nation on Human Right Commission dengan izin, di Geneva, penyertaan-penyertaan Malaysia di dalam surat-surat cara antarabangsa berhubung hak asasi semuanya dikendalikan oleh Kementerian Luar Negeri. Oleh itu buat masa ini ia akan terus diletakkan di bawah Kementerian Luar Negeri sehingga satu masa kalau difikirkan perlu mungkin pada ketika itu akan dipertimbangkan semula tetapi buat masa ini kita akan melaksanakan tugas sebagaimana yang telah ditetapkan mengikut akta itu. Menteri yang bertanggungjawab adalah Menteri Luar Negeri.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini, ahli suruhanjaya ini ada tidakkah cadangan daripada pihak kementerian untuk melantik salah seorang daripada yang pakar dalam bidang agama. Saya dapat melihat ini dalam nama-nama di mana tidak ada seorang pun pakar dalam bidang agama. Kalau boleh, elok seorang ditambah dalam seorang yang mengetahui atau pakar dalam bidang agama?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Mengikut peruntukan Akta Hak Asasi, keahliannya seramai 20 orang, sekarang ada 13 orang. Mungkin di masa

yang sesuai kita akan menimbangkan pelantikan untuk seorang yang pakar dalam bidang agama. Itu boleh dipertimbangkan.

Yang Berhormat bagi Kepong juga ada menyebut berkenaan sama ada fungsi-fungsi penyiasatan mencukupi ataupun tidak. Kita berpuas hati dengan fungsi yang telah diberikan itu di bawah akta tersebut dan kita berfikir bahawa akta ini merangkumi tujuan dan bidang tugas yang boleh dilaksanakan oleh Suruhanjaya Hak Asasi.

Tuan Yang di-Pertua....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya nampak Yang Berhormat puas hati dengan laporan tetapi kalau kita meneliti laporan itu....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Laporan?

Dr. Tan Seng Giaw: Laporan SUHAKAM.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya kata berkenaan dengan fungsi.

Dr. Tan Seng Giaw: Fungsi ataupun apa sahajalah di dalamnya kita nampak Yang Berhormat puas hati dengan mengadakan pejabat untuk SUHAKAM dengan pelantikan beberapa kakitangan dan juga hal-hal pendidikan dan sebagainya tetapi daripada segi penyiasatan tidak ada langsung, di dalamnya tidak ada langsung. Sungguhpun saya gembira ialah kerana SUHAKAM pun mengatakan ISA melanggar hak-hak asasi dan mencadangkan kepada kerajaan supaya mempertimbangkan untuk memansuhkan dan saya pun berpuas hati dengan cara itu tetapi hal penyiasatan termasuk perhimpunan di Klang dekat dengan jalan apa... [*Menanya kepada seorang ahli*] Itu penyiasatan oleh SUHAKAM tidak dilaporkan dan kemudian apabila pihak SUHAKAM hendak menemui pihak tahanan ISA, tidak dibenarkan.

Saya nampak Yang Berhormat bagi Kota Tinggi pun tidak menyuarakan mengapa hak-hak yang disebutkan, fungsi-fungsi lengkap itu tidak dapat dijalankan. Untuk bertemu dengan tahanan-tahanan iaitu sepuluh tahanan itu tidak dibenarkan.

Saya berharap Yang Berhormat bagi Kota Tinggi boleh menegakkan hak-hak mereka kerana saya nampak SUHAKAM tidak ada hak untuk menemui tahanan ISA. Ini masalah fungsi-fungsi penyiasatan *investigate function*. Walaupun Yang Berhormat hendak menjawab dengan secara rasmi tetapi daripada segi praktisnya, cubalah kita mempertahankan hak-hak SUHAKAM.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya berterima kasih kerana Yang Berhormat mempertahankan hak SUHAKAM itu sebagai sebahagian daripada hak asasi. Saya percaya Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini juga memahami bahawa segala tindakan yang dilaksanakan oleh SUHAKAM ialah mengikut peruntukan undang-undang dan SUHAKAM, macam tahanan ISA dalam undang-undang Yang Berhormat baca dalam peruntukan '4(2)D' untuk melawat tempat tahanan, dia semua mesti mengikut tatacara dan peruntukan undang-undang, iaitu di bawah Akta ISA. Buat masa ini akta ini menyebut dan semasa orang itu di dalam tahanan tidak boleh ada lawatan oleh sesiapa.

Jadi, itu yang terkandung di dalam akta itu, sebab itu saya fikir Yang Berhormat sengaja bertanya untuk mendapatkan soalan yang saya akan menjawab sebagaimana Yang Berhormat telah fikirkan saya akan jawab. Saya juga suka memberitahu, adalah tidak adil pada SUHAKAM kalau kita kata SUHAKAM tidak menjalankan tugasnya. SUHAKAM menjalankan banyak tugas dan SUHAKAM tidak perlu melaporkan kepada saya apa tindakan yang dijalankan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya pun dapat macam mana Yang Berhormat dapat laporan ini. Laporan ini dihantar secara langsung supaya kredibilitinya, supaya kebebasannya akan dilihat bukan sahaja diamalkan tetapi diperlihatkan sebagai berlaku.

Jadi, kita kena melihat bahawa SUHAKAM ini ialah badan yang baru ditubuhkan. Sebagai sebuah badan yang baru ditubuhkan, mereka mencari *direction* mereka dengan izin, dan mencari arah mereka dan di dalam perkara itu sememangnya mana-mana badan dan Suruhanjaya Hak Asasi sama ada ditubuhkan melalui Akta Parlimen atau ditubuhkan sebagai NGO akan berhadapan dengan orang-orang yang mempunyai pandangan dan pendapat yang berbeza kerana mereka melaksanakan

tugas mengikut apa yang mereka anggap sebagai betul, apa yang mereka anggap sebagai perlu dilakukan.

Oleh itu saya fikir kita biarkan SUHAKAM melaksanakan tugasnya sebagaimana terkandung dan di dalam aktanya dan sebagaimana yang mereka fikirkan mereka layak berbuat demikian. Mereka mempunyai hak untuk mengatakan sesuatu dan kerajaan juga mempunyai hak untuk ada pegangan dan pendapat dalam sesuatu hal.

Tuan Kerk Kim Hock: Memandangkan hak SUHAKAM untuk melawat kem penahanan dan juga OKT (orang kena tahan) tidak begitu jelas sekarang, awal-awalnya seorang ahli SUHAKAM mengatakan memang mereka mempunyai hak secara automatik. Tetapi sekarang nampaknya tidak begitu jelas. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu pindaan ke atas akta yang sedia ada supaya kita boleh membenarkan SUHAKAM untuk melawat kem penahanan secara automatik supaya kita boleh mempertingkatkan imej SUHAKAM.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita tidak ada cadangan, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka di atas soalan itu. Kita tidak mempunyai cadangan untuk meminda mana-mana akta dan kita menganggap bahawa akta ini mencukupi mengikut kedudukan dan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah akta ISA dan oleh itu SUHAKAM saya percaya mereka jelas tentang sesuatu akta yang menaungi mereka dan oleh itu mereka terpaksa menjalankan tugas sebagaimana yang diperuntukkan. Tidak ada tujuan untuk pinda buat masa ini. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Seputeh juga membawa persoalan kenapa laporan SUHAKAM dalam bahasa Inggeris. Saya minta maaf kerana laporan ini yang sebenarnya mereka buat asalnya dalam bahasa Inggeris apabila diterjemahkan ke bahasa Malaysia maka mereka mendapati bahawa ada beberapa kesilapan dan terjemahannya tidak berapa tepat, oleh itu mereka tidak mengeluarkan dalam bahasa Malaysia dan mereka berjanji akan diedarkan kepada suatu tarikh yang dijadualkan setelah berpuas hati terjemahan itu menepati naskhah asal di dalam bahasa Inggeris, sebab itu saya minta maaf kerana mereka hanya menyediakan di dalam bahasa Inggeris sahaja.

Yang Berhormat bagi Tuaran ada menyebut – dia sudah balik pun. Hendak tutup ini saya ingin menjelaskan berkenaan dengan masalah pendatang tanpa izin iaitu meminta kerajaan Filipina supaya buka pejabat konsulat di Kota Kinabalu. Ini secara prinsipnya dan secara peruntukannya mengikut kerajaan Filipina dan Menteri Luarnya yang lalu telah dipersetujui hanya mereka hendak tetapkan masa bila. Kita tidak boleh paksa sesebuah kerajaan untuk membuka konsulatnya jika dia tidak bersedia untuk membukanya. Oleh itu kita kena bersabar.

Walau bagaimanapun kita akan terus memperkatakan oleh kerana banyak rungutan terhadap perkara pendatang-pendatang daripada Filipina, adalah lebih bermanfaat untuk mereka membuka pejabat konsulat mereka di Kota Kinabalu. Berkenaan kalau tidak mereka buka Kementerian Luar patut menubuhkan pejabat cawangan, ini tidak berbangkit langsung kerana ini bukan soal Kementerian Luar, ia adalah soal kehadiran ataupun perwakilan sebuah negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam ucapan yang saya buat dalam minggu lepas saya memang ada menyentuh tentang kebebasan SUHAKAM yang mana ini adalah perkara yang amat diambil berat oleh ramai orang di negara kita sama ada ia betul-betul bebas. Jadi saya buat cadangan supaya ia diletak di bawah bidang kuasa Parlimen supaya melapor terus kepada Parlimen.

Jadi, saya juga ingin tanya tentang soal kebebasan ini. Kalau kita baca laporan SUHAKAM itu ia memang begitu nipis dan kurang mendalam seperti cadangan-cadangan yang dibuat oleh SUHAKAM tentang pindaan Perlembagaan dan bagi kerajaan untuk menandatangani sesetengah konvensyen antarabangsa, semua itu bagus tetapi ia tidak begitu kritikal dan mendalam dan menyebut kenapakah kita perlu berbuat begitu.

Jadi, apa yang saya hendak tanya sama ada kerajaan betul-betul mementingkan cadangan-cadangan yang dibuat oleh SUHAKAM dan dilaksanakan di negara kita terutamanya dari aspek undang-undang ataupun ia hanya dijadikan sebagai yang diperlukan untuk ditunjuk-tunjukkan kepada dunia antarabangsa.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Biar saya katakan kita bukan perlukan SUHAKAM untuk menjadi satu bahan pameran kerana yang pentingnya ialah mereka menjalankan tugasnya. Saya tidak mengajar dan menunjuk bagaimana SUHAKAM perlu menyiapkan atau menyediakan laporan dia. Itu terpulang kepada SUHAKAM. Tetapi kalau Yang Berhormat teliti fungsi di bawah 4(1) (b) dan (c) dia ada hak untuk membuat syor dan cadangan kepada kerajaan. Bermakna laporan itu adalah laporan aktiviti apa yang dia sudah buat. Kalau dia ingin membuat badan eksekutif untuk mengambil tindakan, semestinya saya merasakan bahawa mereka sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang perlu membuat syor dan cadangan.

Saya percaya apabila mereka membuat syor dan cadangan mereka akan memberikan hujah-hujah mereka dan persoalan yang mendalam. Soalnya sama ada kerajaan di mana-mana negara sekalipun tidak semestinya bersetuju dengan laporan-laporan tersebut. Laporan itu adalah hak dan ini juga mencerminkan kebebasan untuk mereka memberikan tanpa kita ganggu mereka. Mereka mempunyai pandangan mungkin hari ini mereka tidak berjaya, di hari yang lain mereka mungkin akan berjaya tetapi dia terpaksa meneruskan menjalankan tugas dan fungsi dia sebagaimana diperuntukkan oleh undang-undang.

Oleh itu kebebasan mereka tidak kita ganggu, sebab itu mereka sering membuat pandangan di dalam akhbar, membuat teguran di dalam akhbar dan kadangkala kita merasakan bahawa teguran mereka sama dengan Seputeh juga ataupun sama dengan Kota Melaka. Tetapi itu hak mereka untuk menyuarakan dan hak kerajaan untuk menjawab.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas segala pandangan dan pendapat yang bernas, yang konstruktif yang telah diberikan dan kita akan mengambil perhatian di mana kita boleh laksanakan insya-Allah kita akan mengkajinya untuk kita melaksanakan dengan mengikut keperluan dan kepentingan negara kita. Kita akan mengambil kira segala perkara yang boleh kita lakukan untuk kepentingan kita bersama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan.

8.27 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Kesihatan saya suka mengucapkan terima kasih di atas pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Larut, dan Ahli Yang Berhormat Rasah mengumpul perbincangan mengenai Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan oleh Yang Berhormat bagi Larut supaya Kementerian Kesihatan memberi harga yang rendah kepada bilik-bilik di hospital-hospital dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan untuk meningkatkan pelancongan kesihatan adalah dimaklumkan bahawa pada amnya pakej caj mendapat rawatan oleh pesakit asing di hospital swasta Malaysia adalah lebih murah berbanding negara-negara lain.

Kesemua hospital swasta yang terlibat dengan *health tourism* mengenakan fee atau yuran yang berbeza di antara satu sama lain untuk pesakit luar negara di hospital masing-masing bergantung kepada jenis rawatan dan kerumitannya. Buat masa ini kerana pakej fee yang munasabah ia telah menjadi daya tarikan utama untuk pesakit dari luar negara untuk mendapatkan rawatan perubatan dan kesihatan di hospital swasta di Malaysia.

Laporan dari majalah edisi Mac 2001 menyatakan bahawa fee yang dikenakan oleh hospital-hospital di Melaka dan Pulau Pinang adalah sehingga sepuluh kali lebih murah dari fee yang dikenakan di negara-negara seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Menurut Institut Jantung Negara bayaran yang dikenakan hanya baru 1/3 dari harga yang dikenakan oleh Singapura. Walau bagaimanapun, pihak kementerian dengan kerjasama Persatuan Perubatan Malaysia, Persatuan Hospital Swasta Malaysia dan beberapa hospital swasta telah mengadakan beberapa perjumpaan untuk menghasilkan satu package fee untuk dijadikan panduan oleh semua hospital swasta yang terlibat dengan health tourism ini.

Setakat ini, jawatankuasa tersebut telah bersetuju untuk menghasilkan pakej-pakej fee untuk prosedur-prosedur elektif seperti pembedahan pintasan jantung, lithotripsy dan rawatan dialisis. Caj yang dikenakan untuk penginapan oleh hospital-hospital swasta berbeza-beza bergantung kepada kemudahan dan keselesaan yang disediakan.

Setakat ini caj yang dikenakan untuk kemudahan tersebut adalah amat berpatutan. Laporan dari majalah *Asia* edisi Mac 2001 itu juga menyatakan bahawa caj yang dikenakan oleh Hospital Bourangrat di Thailand adalah sebanyak AS\$80 sehari termasuk untuk jagaan kejururawatan, untuk bilik peribadi, sementara Pusat Pakar Pantai Air Keruh di Melaka misalnya hanya mengenakan caj sebanyak RM150 sehari berserta makanan dan bayaran untuk jagaan kejururawatan hanyalah RM15 sehari untuk bilik yang serupa.

Yang Berhormat bagi Rasah pula telah membangkitkan isu tabiat merokok di kalangan gadis muda. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian Kesihatan telah pun menjalankan kajian teliti mengenai masalah merokok di kalangan gadis muda yang didapati semakin meningkat sepertimana yang dinyatakan itu. Selain daripada Kementerian Kesihatan, pihak universiti tempatan juga turut menjalankan kajian yang serupa dan hasil kajian menunjukkan bahawa di antara faktor-faktor yang mempengaruhi remaja wanita merokok ialah kesan daripada pengaruh kawan, mencontohi trend wanita di Barat dan mempercayai bahawa merokok boleh menurunkan berat badan.

Kebanyakan gadis muda ini merokok ketika berada secara berkumpulan di pusat-pusat membeli-belah dan di pusat-pusat hiburan, mereka merokok menggunakan jenama rokok yang sering muncul di kaca televisyen.

Kementerian Kesihatan sentiasa memantau masalah merokok di Malaysia bukan sahaja di kalangan orang dewasa malah juga di kalangan remaja lelaki dan wanita. Kementerian Kesihatan akan terus memantau dan menjalankan kajian dari masa ke semasa mengenai trend dan faktor-faktor yang telah mendorong remaja untuk merokok dan merumuskan langkah-langkah sesuai untuk menangani masalah ini.

Bagi membendung gejala merokok di kalangan remaja, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah pencegahan dan pengawalan seperti meningkatkan penguatkuasaan, larangan merokok di kalangan mereka di bawah umur 18 tahun. Kementerian Kesihatan dengan kerjasama lain-lain agensi kerajaan dan bukan kerajaan juga mengadakan aktiviti anti merokok sama ada di peringkat daerah, negeri ataupun di peringkat kebangsaan termasuk program ceramah, pameran dan menubuhkan kelab-kelab anti merokok di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Kementerian ini juga sedang menguji satu pendekatan baru untuk mengukuhkan lagi program anti merokok di kalangan pelajar-pelajar melalui satu program bersepadu yang dikenali sebagai program CERAH. CERAH adalah singkatan kepada Program Cegah Rokok, Alkohol dan Dadah. Program ini merupakan satu program pendidikan pencegahan menerusi pendekatan pendidikan untuk dan oleh rakan sebaya, projek perintis telah pun dijalankan di sebuah sekolah di Kuala Lumpur untuk menguji kandungan modul latihan yang dihasilkan. Kementerian ini juga sedang mengemas kini dan memperbaiki modul tersebut dan akan memperluaskan program itu ke seluruh negara setelah dikemaskinikan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja jawapan dan penerangan saya kepada pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat, jika terdapat teguran-teguran yang tidak dijawab di Dewan yang mulia ini, sukalah saya memberi jaminan bahawa kementerian tetap memberi perhatian yang serius kepada perkara yang telah dibangkitkan mengenai Kementerian Kesihatan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Sebagai sudah hendak penutup ini, saya pun tidak hendak mengganggu, lapar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya, sudah habis. Boleh, diizinkan. Sedikit sahaja, yang masalah iklan amaran Kerajaan Malaysia itu. Saya ingat itu patutkah ditulis, orang langgar sahajalah, tetapi dia punya bunyi itu berat, 'Amaran Kerajaan Malaysia, Merokok Itu Merbahaya', lebih baik ditulis, Merokok Itu Membawa Mati. Jadi, orang ini amaran kerajaan macam main-main, ha, ini kerajaan amaran tetapi orang hisap juga. Itu sahajalah hendak tanya. Terima kasih.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.35 malam.